

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2004	(Halaman 19)
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b>	
<b><u>Jadual:-</u></b>	
Maksud B. 41	(Halaman 20)
Maksud B. 42	(Halaman 82)
<b>USUL:</b>	
Anggaran Pembangunan 2004	
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b>	
Maksud P. 41	(Halaman 20)
Maksud P. 42	(Halaman 82)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 16)



### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. D.C.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
“	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
“	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
“	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
“	Menteri Kewangan Kedua, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
“	Menteri Pengangkutan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, P.J.N., D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
“	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
“	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
“	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
“	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
“	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
“	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
“	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
“	Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
“	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
“	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading)
“	Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
“	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad, D.M.S.M. (Mersing)
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khooon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datin Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
”	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Ir. Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
”	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
“	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
”	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
“	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
“	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
“	kosong (Kangar)
“	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
“	Tuan Abd. Rahman bin Yusof, (Kemaman)
“	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
“	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
“	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P., D.M.S.M. (Larut)
“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
“	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

---

Yang Berhormat	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
"	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
"	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
"	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
"	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Dato' Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Tuan Liew Teck Chan (Gaya)

Yang Berhormat	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M. (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
"	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
"	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)



---

Yang Berhormat	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
"	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
"	Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
"	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
"	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
"	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
"	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
"	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
"	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
"	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
"	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
"	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
"	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
"	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
"	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
"	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
"	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Tan Sri Dato' Dr. Ting Chew Peh, P.S.M., D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.S.M., J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	Tan Sri Hajah Zaleha binti Ismail, P.S.M., S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
"	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
"	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

Yang Berhormat	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Datuk Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas, P.J.N.
"	Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**

Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman

**Penolong Setiausaha**

Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat  
Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaiton binti Yaacob  
Abd. Talip bin Hasim  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah Mohd. Azir  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd. Izhar bin Hashim  
Chong Lai Peng

**PETUGAS-PETUGAS****UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof  
Mohamed Shahrizan bin Sarif  
Alias bin Mohd. Nor

**JURUBAHASA SERENTAK**

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed

**BENTARA MESYUARAT**

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Hindun binti Wahari  
Rozaimah binti Mohamad Ariffin  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi  
Ropiah binti Tambi  
Suhairi bin Othman



**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT**

Isnin, 20 Oktober 2003

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)  
**mempengerusikan Mesyuarat**]

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengelakkan serangan oleh kumpulan pengganas seperti yang dilakukan di Bali dan Kota Jakarta baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ancaman keganasan terhadap negara ini bukanlah merupakan satu perkara baru bagi kerajaan. Kerajaan telah pun merancang dan melaksanakan dengan jayanya tindakan-tindakan bagi menentang ancaman Komunis sejak tahun 1940-an dan ini telah pun diteruskan hingga kini bagi menghadapi ancaman militan dan pengganas terutamanya pengganas antarabangsa. Hubungan erat yang sedia terjalin antara agensi-agensi penguat kuasa negara dan negara-negara lain terutamanya di rantau ASEAN dan aspek pertukaran maklumat, latihan, penyiasatan serta operasi bersama telah pun memperkukuhkan lagi tindakan kerajaan menentang keganasan. Kerajaan juga terlibat dengan persidangan atau mesyuarat serantau dan antarabangsa yang membincangkan mengenai isu keganasan bagi tujuan pertukaran maklumat dan pandangan, dengan tujuan memperbaiki pelan-pelan tindakan yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shim Paw Fatt:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Selepas kes penculikan di Pulau Sipadan dan Pulau Pandanan, dekat Semporna beberapa tahun lalu, kerajaan telah meningkatkan kawalan di pinggir laut timur di negeri Sabah dengan menambah kapal ronda untuk mengelakkan penculikan berlaku semula. Saya sedar pinggir laut di bahagian timur Sabah adalah panjang. Oleh sebab itu kawalan dengan seratus peratus adalah rumit. Kita sedia maklum, pada 5 hari bulan, bulan ini, satu kes penculikan berlaku di sebuah *resort* bernama Borneo Paradise dekat Lahat Datu di negeri Sabah dan enam pekerja telah diculik dan sehingga kini tidak tahu di mana mereka telah dihantar dan sama ada penculik ada menuntut wang tebusan (*ransom*).

Apa yang kita bimbangkan kali ini adalah penculikan berlaku bukan di pulau-pulau, malah di darat juga - *It occurred in our own backyard* dengan izin. Ini menunjukkan walaupun rondaan di pinggir laut ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Panjang Yang Berhormat. Persoalan, Yang Berhormat.

**Tuan Shim Paw Fatt:** ....telah ditingkatkan, masih adanya lubang-lubang dalam jaring keselamatan (*security net*). Dalam kes-kes penculikan ini, adalah disyaki penculik ada *informer* yang bekerja di *resort-resort* berkenaan untuk memudahkan insiden sebegitu dilakukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalan, Yang Berhormat.

**Tuan Shim Paw Fatt:** Ya, soalan. Kebanyakan pekerja adalah orang asing. Jadi soalan saya adalah, selain daripada mempertingkatkan lagi kawalan di pinggir laut, adakah kerajaan merancang untuk mengurangkan pekerja asing di *resort-resort* yang kini ada di Sabah dan memerlukan majikan mengemukakan ke pihak berkuasa butiran yang lengkap bagi semua pekerja asing untuk kelulusan sebelum mereka....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Diambil bekerja.

**Tuan Shim Paw Fatt:** ....memulakan kerja sebagai satu langkah pencegahan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semenjak peristiwa penculikan yang berlaku di Pulau Sipadan dan Pandanan ini, kerajaan telah pun banyak meningkatkan lagi kawalan keselamatan di seluruh negeri Sabah khususnya di pulau-pulau. Seperti kita semua maklum, perairan di negeri Sabah ini agak panjang seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, maka kerajaan sentiasa harus menambahkan lagi bot-bot rondaan polis dan tentera untuk menjaga keselamatan di perairan negeri Sabah. Peristiwa yang baru berlaku di Lahat Datu ini tidak bermaksud bahawa keselamatan di negeri Sabah ini telah pun menurun hingga ke satu tahap yang membimbangkan. Seperti yang kita semua sedia maklum, selain daripada peristiwa di Pulau Sipadan dan Pandanan ini, tiada peristiwa-peristiwa penculikan yang lain, kecuali kali ini di Lahat Datu.

Memang kita juga tahu bahawa di lautan yang mengelilingi negeri Sabah ini penuh dengan *banditos* dan juga lanun-lanun. Walaupun demikian, kerajaan berpendapat bahawa peristiwa kali ini tidak akan berlaku jika tiada melibatkan orang-orang tempatan. Dalam siasatan yang awal, dipercayai bahawa penculik ini terdiri daripada rakyat tempatan dan juga rakyat asing. Maksudnya, mereka ini dalam satu pasukan. Saya juga berpendapat bahawa kalau kita tidak ambil orang-orang asing untuk bekerja di negeri Sabah, ini tidak sekali gus akan menyelesaikan masalah ini sebab kita percaya bahawa pekerja asing yang berada di Sabah bukan satu alasan atau bukan satu masalah di mana akan menggalakkan lagi penculik-penculik datang untuk menculik dan menjalankan kegiatan ini.

Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa, selain daripada mengadakan kawalan ketat, kerajaan juga akan memastikan bahawa pekerja-pekerja asing yang bekerja di Sabah atau Sarawak benar-benar mendapat kelulusan ataupun kebenaran ataupun dokumen yang sah sebagai pekerja asing di kedua-dua negeri ini. Melalui cara ini dan tambahan pula dengan kawalan yang ketat maka kita bolehlah mengelakkan peristiwa seperti yang telah berlaku di Lahad Datu baru-baru ini.

Setakat ini tiada mana-mana kumpulan pengganas yang mengaku bertanggungjawab, dan setakat ini juga dua orang telah pun ditahan oleh pihak polis untuk membantu dalam siasatan. Baru-baru ini pencolek telah menghantar satu permintaan, di mana mereka meminta wang tebusan sebanyak RM10 juta untuk semua tebusan daripada Pengurus Resort tersebut. Sekian.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum soalan tambahan, saya hendak mengambil kesempatan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jangan panjang sangat.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** ....berkaitan dengan soalan ini juga, yang ada kena mengena....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ....saya tidak benarkan, nanti panjang, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** ....hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pasukan keselamatan kita kerana kejayaan Persidangan OIC baru-baru ini – aman tenteram dalam keadaan harmoni, dalam keselamatan yang terkawal dan baik. [Tepuk] Lebih daripada 30 Ketua-ketua Negara di dunia hadir. Mereka dalam keadaan selesa dan selamat. [Disampuk] Ini kita kena beri penghargaan kepada pasukan keselamatan kita....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalan, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** ....khasnya pasukan keselamatan kita, khasnya polis dan tentera [*Disampuk oleh Ahli-ahli Pembangkang*] kerana berjaya mengawal keselamatan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masuk kepada soalan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Soal keselamatan penting dalam persidangan-persidangan antarabangsa dan ini memberikan keyakinan negara-negara di dunia kepada kemampuan Malaysia. [*Disampuk*] Heh, huh!!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat, masa tidak cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Apa yang pihak pembangkang marah sangat ini, kenapa? Kita ucapkan terima kasih kepada pasukan keselamatan kita kerana menjaga nama baik negara kita, menjaga keselamatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Kalau berlakulah huru-hara hari itu, nama siapa yang buruk!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading, cukuplah.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Ini kelebihan Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad menjadi Perdana Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Okey, saya pun tadi minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua. Maknanya sebelum saya sampai kepada soalan tambahan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya sudah beritahu supaya jangan panjang.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** ....saya hendak masuk kerana perkara ini adalah perkara penting, hendak disampaikan kepada pihak pasukan keselamatan. Wibawa mereka, tahniah kepada mereka dan ucapan terima kasih rakyat Malaysia kepada mereka kerana berjaya menjaga nama baik negara kita di kaca mata dunia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Soalannya, soalan sedikit sahaja. [*Ketawa*] Keselamatan perairan kita, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab tadi di Sabah dan Sarawak. Ini di Selat Melaka, saya cuma hendak tanya, apa kaitan, kalau ada, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab sepatah dua sahaja, kalau ada adalah, kalau tidak ada tidak adalah, apa kaitan antara lanun-lanun Selat Melaka dengan penyeludup? Apa kaitan? Dan, [*Disampuk*] Allah hai, payah betullah pembangkang inilah, [*Yang Berhormat bagi Batu Gajah menyampuk*] dan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Diamlah, serupa sahaja, kadang-kadang sama sahaja. Teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** [*Ketawa*] Apa sandiwara? Ini pertanyaan! [*Ketawa*] Apa kaitan dan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pasukan keselamatan kita untuk menghapuskan atau lebih mengurangkan risiko serangan-serangan lanun ataupun macam mana hendak menghapuskan penyeludup-penyeludup yang ada di Selat Melaka?

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesabaran Tuan Yang di-Pertua mendengar soalan saya. Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang Berhormat memang cukup prihatin mengenai isu-isu di bawah kawalan Kementerian Dalam Negeri dan kita mengucapkan terima kasih. Saya tahu setakat ini, selama ini, prestasi pihak pasukan keselamatan negara kita begitu baik hingga baru-baru ini kita telah menjayakan satu persidangan antarabangsa OIC tanpa apa-apa masalah walaupun pembangkang memang tidak setuju. Pembangkang bila dia pergi ceramah-ceramah, bila tengok lebih ramai FRU mereka sudah takut. Takut apa, bukan? Kalau kita tidak buat salah, jangan kita takut sebab dengan adanya pihak polis maka mereka menjaga keselamatan kita sendiri.

Yang Berhormat, perairan Selat Melaka adalah satu perkara yang lain pula, mungkin amat berbeza dengan perairan di negeri Sabah dan Sarawak, sebab Selat Melaka ini merupakan satu *international waterway*, dengan izin, di mana kapal-kapal antarabangsa yang menggunakan Selat Melaka ini melebihi 300 buah kapal setiap hari. Dan ini adalah cukup penting bagi negara kita, walaupun bukan sahaja Selat Melaka di bawah kawalan Malaysia tetapi juga oleh negara-negara lain yang dikenali sebagai *the littoral states*, dengan izin, dan kalau kita hendak jaga keselamatan di Selat Melaka, saya percaya, bukan usaha Malaysia sahaja, tetapi kita perlu juga bantuan dan usaha dari negara-negara jiran atau *the littoral states*, macam Singapura, Indonesia, iaitu kedua-dua negara ini – Indonesia dan Singapura. Buat masa ini Kerajaan Malaysia adalah salah satu pihak yang telah pun menandatangani konvensyen-konvensyen antarabangsa di bawah anjuran Bangsa-Bangsa Bersatu, macam *United Nations' Law of the Sea* dan yang lain-lain lagi, di mana kita semua berusaha bersama-sama untuk melawan lanun-lanun.

Yang Berhormat tadi tanya apakah perbezaan di antara lanun dan penyeludup. Memang banyak perbezaan di antara kedua-dua ini. Satu, kumpulan lanun adalah pihak-pihak yang merompak dan mencuri manakala penyeludup hanya hendak mencari duit, keuntungan sahaja – seludup barang-barangan, seludup yang tidak dibenarkan oleh kerajaan untuk menjual bagi mendapat keuntungan. Ini adalah perbezaannya, Sekian, terima kasih.

2. **Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerluh]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) sejauh manakah kemampuan kerajaan melaksanakan belanjawan kurangan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi sekarang ini. Apakah ia akan berlanjutan untuk berapa tahun lagi; dan
- (b) bagaimanakah kedudukan hutang negara sekarang berbanding dengan Keluaran Dalam Negara Kasar. Apakah ia masih di taraf yang selesa atau sebaliknya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Temerloh. Kerajaan masih mampu melaksanakan bajet defisit oleh kerana ia masih di paras yang mapan. Berdasarkan potensi pertumbuhan ekonomi negara untuk tempoh jangka sederhana, kerajaan juga akan terus mengamalkan dasar fiskal berhemat. Kedudukan hutang negara yang rendah telah memberikan *flexibility*, dengan izin, kepada kerajaan untuk melaksanakan dasar fiskal berkembang semasa ekonomi menghadapi krisis kewangan Asia pada tahun 1997 dan pertumbuhan yang lembap akibat persekitaran luar yang semakin tidak menentu.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat asal kerajaan seperti mana di dalam Rancangan Malaysia Kelapan, adalah untuk kembali kepada bajet berimbang menjelang 2005. Namun hasrat ini mungkin tidak tercapai oleh sebab rangkaian peristiwa negatif yang berterusan, mulai daripada krisis kewangan Asia 1997 hinggalah kepada kelembapan ekonomi dunia, terutamanya di Amerika Syarikat dan permintaan produk-produk elektronik dan juga peristiwa 11 September dan kesan geopolitik seperti pencerobohan ke atas Iraq dan wabak SARS baru-baru ini.



Sebenarnya kerajaan terus komited untuk mencapai konsolidasi fiskal dan bajet berimbang. Dalam Bajet 2004, kerajaan telah mengambil tindakan tegas melalui kawalan perbelanjaan dan dijangka defisit Kerajaan Persekutuan akan menurun kepada 3.3% pada tahun 2004 dan bajet berimbang dijangka tercapai menjelang 2006, insya-Allah. Bagi kewangan sektor awam secara keseluruhan, ianya dijangka akan mencatat lebih dalam tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan hutang awam bagi Kerajaan Persekutuan sehingga akhir Jun 2003 ialah sebanyak RM182.1 bilion di mana 78.1% merupakan hutang domestik dan bakinya ialah 21.9% adalah hutang luar negara. Pada jumlah ini ia berada pada tahap 47.2% berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar. Sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan diperolehi dari sumber dalaman dan oleh itu, ia dapat meminimumkan risiko tukaran wang asing dan perubahan kadar faedah. Di samping itu, nisbah khidmat hutang luar Kerajaan Persekutuan iaitu ukuran bayaran balik pokok dan faedah berbanding eksport negara bagi 2003 dijangka kekal rendah pada tahap 2.3%.

Jika dilihat dari segi hutang luar Malaysia iaitu jumlah hutang luar sektor awam dan sektor swasta, nisbahnya berbanding KDNK sebanyak 48.2% adalah pada tahap yang, dengan izin, *sustainable*. Pada tahap ini ia meletakkan Malaysia dalam kategori negara keberhutangan sederhana. Nisbah rizab negara kepada hutang jangka pendek pada akhir September 2003 ialah 4.5% kali dan dapat mempertahankan negara jika berlaku sebarang krisis. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat, pelbagai peristiwa telah menjejaskan. Apakah keyakinan pihak kerajaan untuk mencapai bajet berimbang pada 2005 memandangkan faktor-faktor luar termasuk ekonomi Amerika Syarikat mungkin tidak begitu cerah pada tahun depan. Dan kalau yang demikiannya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk mencapai bajet berimbang dan juga fiskal yang begitu berhemat.

Mengenai hutang kita, apakah yang dipercayai bahawa nisbah khidmat hutang kita boleh di tahap yang dianggapkan bahaya dan apakah matlamat pihak kerajaan mengenai jumlah hutang yang kita akan tanggung pada masa depan, misalnya pada tahun 2004 ataupun 2005.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Sebenarnya saya hendak membetulkan sedikit Yang Berhormat tadi bahawa....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, bajet berimbang 2006.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Ya, bukan 2005 Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terus jawablah. Saya sudah betulkan.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Insya-Allah, kita akan mencapainya pada 2006. Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa terdapat beberapa asas yang meyakinkan kita bahawa bajet berimbang akan dapat dicapai pada tahun 2006 iaitu pada dasarnya ada dua asas yang penting iaitu yang pertama, prospek ekonomi dunia dan iklim perdagangan antarabangsa semakin baik sekarang ini. Saya hendak berikan contoh, pada tahun 2002 pertumbuhan ekonomi dunia – ini laporan daripada IMF, pertumbuhan ekonomi dunia tahun 2002 ialah 3.0%, 2003 – 3.2% dan 2004 dijangka 4.1%. Ini adalah laporan IMF yang menunjukkan bahawa iklim perdagangan antarabangsa semakin baik. Dan jikalau iklim perdagangan semakin baik, maka kegiatan eksport akan meningkat, dan ini akan mencergaskan lagi kegiatan pelaburan pihak swasta negara kita. Barang-barang kita mendapat permintaan yang baik di luar negara dan ini akan merancakkan kegiatan eksport dan juga kegiatan pelaburan dan keuntungan daripada itu, mereka dapat keuntungan, mereka boleh *reinvest*, dengan izin, boleh melabur semula dan memperbesarkan lagi kegiatan pelaburan mereka. Dan akhirnya, kita harap mereka akan mengambil alih peranan kerajaan yang sekarang ini menerajui pertumbuhan ekonomi negara. Itu yang pertama.

Yang kedua ialah dasar kerajaan yang dengan izin, *pro-growth* dan dinamik. Misalannya, kalau kita lihat dalam pakej strategi baru yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 21 Mei yang lalu, kita lihat bagaimana strategi baru itu boleh merencanakan lagi peranan sektor swasta dalam negara kita dan bagi membolehkan mereka mengambil alih peranan yang dimainkan oleh kerajaan sekarang. Yang pertama, misalannya menggalakkan pelaburan swasta termasuk IKS; yang kedua, memperkukuhkan daya saing negara dengan cara memberikan insentif, cukai, melanjutkan taraf perintis, pengecualian cukai dan sebagainya. Ini adalah dalam usaha kerajaan untuk merangsang pertumbuhan sektor swasta, dan seterusnya mengurangkan kos perniagaan dengan mengurangkan – sekarang ini Bank Perdagangan mengurangkan BLR daripada 5% kepada 4.5%. Sekarang ini Bank Perdagangan, BLRnya ialah 6%, syarikat kewangan ialah 6.9%, dan ini boleh menggalakkan lagi penglibatan sektor swasta, seterusnya meningkatkan pembangunan sumber manusia.

Kita mahu melahirkan pekerja-pekerja yang berkualiti, pekerja yang dapat bersaing di peringkat antarabangsa dan dalam era globalisasi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, jawab yang lain pula Yang Berhormat. Cukuplah itu.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Seterusnya meningkatkan keberkesanan daya saing negara melalui *delivery system* dan sebagainya. Jadi, itu langkah kerajaan. Berdasarkan kepada itu, kita yakin bahawa sektor swasta negara akan dapat memainkan peranannya menggantikan peranan kerajaan. Sekarang ini kalau kita melihat pada tahun 2002, defisit kita 5.6%. Pada tahun 2003 kurang 5.4%. Pada 2004 bajet kita terus kurang, defisit kita terus kurang pada 3.3%, dan dengan cara ini insya-Allah, tahun 2005 semakin kurang dan tahun 2006, kita akan capai bajet berimbang.

Masalah soalan kedua ialah tentang hutang negara. Hutang negara sekarang ini seperti yang saya sebutkan tadi berada dalam keadaan yang cukup selesa dan kita tidak menghadapi banyak masalah kerana yang saya sebutkan tadi bahawa hutang kerajaan ialah RM182.1 bilion dan kebanyakannya kita perolehi daripada sumber dalaman. Ertinya, daripada sumber yang berbentuk *non-inflationary*, dengan izin, tidak menyebabkan *inflation* dan juga jumlah hutang kerajaan luar negara ialah 21.9% sahaja daripada jumlah itu. Jadi, kerana itu kita berada dalam satu tahap jumlah hutang yang sederhana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Jadi, kita berada dalam keadaan yang cukup selesa dan hutang negara juga cukup rendah dan kita yakin bahawa negara kita akan dipacu ke arah matlamat pertumbuhan ekonomi negara yang cukup positif dan cukup baik. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bajet defisit ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ataupun belanjawan kurangan ini bererti pada tiap-tiap tahun kerajaan terpaksa berhutang untuk membiayai belanjawan negara dan kita sudah laksanakan ataupun kita sudah lakukan bajet defisit ini selama hampir tujuh tahun kalau tidak silap saya, dan *target* kita sekarang ini pada 2006, kita akan mencapai *balance of budget*.

Saya sedar pada tahun ini pun pihak kerajaan cuba hendak dapatkan *balanced budget*, tetapi tidak mudah untuk hendak dapatkan *balanced budget* apabila kita telah tujuh tahun menghadapi deposit budget. Saya ingin tahu daripada pihak kerajaan, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah sebut, kita mempunyai asas yang kukuh untuk hendak mencapai *balanced budget*.

Saya ingin tahu daripada pihak Setiausaha Parlimen, sejauh mana kerajaan betul-betul yakin dari segi pelaksanaannya, dalam masa tiga tahun ini kita boleh kurangkan, sehingga kita boleh tahun 2006 kita boleh capai *balanced budget* yang sebenarnya, saya ingat ini penting untuk diberitahu kepada rakyat. Terima kasih.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Sebenarnya untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, memang benar kita berhadapan dengan tujuh tahun berturut-turut deposit budget. Dan tadi saya sebutkan dari tahun ke tahun ia semakin berkurangan.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, deposit budget ini bukan sesuatu yang amat mengerikan kerana bukan semua kerajaan yang mampu melaksanakan deposit budget.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Hashim bin Ismail:** Ini hendak beritahu pihak pembangkang ini, jangan dia kata deposit budget tujuh tahun berturut-turut itu sesuatu yang amat mengerikan. Bukan semua kerajaan yang mampu, kita mampu kerana kita mempunyai kemampuan dari segi lebihan dagangan kita berlaku berturut-turut, itu kita mampu.

Hutang negara rendah dan juga kita punya kecairan dalam negara cukup banyak, tabungan negara cukup baik, kerana itu kita mampu, kerajaan mampu memainkan peranan dalam krisis ini untuk mengambil alih peranan pihak swasta.

Apabila swasta tidak mampu memacu pertumbuhan negara, maka kerajaan ini mampu mengambil alih dan bukan semua kerajaan lain mampu, kerajaan yang mempunyai hutang yang tinggi, kerajaan yang mempunyai rizab yang rendah, dan juga kerajaan yang tidak mempunyai kecairan yang tinggi dalam negeri, dan juga *national savings* yang baik, mereka tidak akan mampu. Apa yang mereka mampu ialah mereka akan kurangkan kos budget pembangunan untuk rakyat.

Tetapi kita, walaupun defisit kita berbelanja dengan mewah untuk menjaga pertumbuhan ekonomi negara, untuk memastikan pertumbuhan ekonomi berjalan dengan baik dan rakyat tidak terjejas kemakmuran, kesejahteraan dan juga kekayaan negara terus berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hah, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Temerloh, saya menyatakan bahawa kerajaan cukup prihatin dalam perkara ini dan kita yakin, kita akan dapat mencapai budget berimbang tahun 2006 dan sekarang ini pun Yang Berhormat, kita lihat pelaburan swasta telah semakin meningkat sekarang ini, kita lihat pelaburan swasta keseluruhannya pada tahun 1999 – 56.3%, ini sumbangan sektor swasta. Tahun 2002 – 56.8% meningkat, tahun 2003 – 56.9% meningkat lagi, dan tahun 2004 kita jangka 58%, terus meningkat.

Dan peranan kerajaan semakin kurang, tahun 2002 misalnya 32.8%, tahun 2004 kita jangka 31.4%, semakin kurang, swasta semakin meningkat, peranan kerajaan semakin kurang, akhirnya tahun 2006 kita akan capai budget berimbang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

3. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan jumlah dan taburan pasar raya mega dalam Bandar Raya Kuala Lumpur, sambutan para pengguna dan kesan ke atas perniagaan kecil.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sepang pada 27 Oktober 2003 mengenai perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, baiklah.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pasar raya mega yang berada di dalam Bandar raya Kuala Lumpur adalah sebanyak enam buah iaitu:-

- (i) Carrefour di Mid Valley;
- (ii) Carrefour di Sri Petaling;
- (iii) Carrefour di Cheras;
- (iv) Makro di Cheras; dan
- (v) Makro di Selayang

Kementerian telah menjalankan kajian mengenai perniagaan *hypermarkets* dari masa ke semasa untuk melihat reaksi dan kesan kepada pengguna dan peniaga tempatan. Daripada kajian-kajian tersebut, didapati golongan pengguna amat bersetuju dengan kehadiran *hypermarkets* di sekitar kawasan mereka. Bagi golongan peniaga pula, mereka merasakan penubuhan *hypermarkets* berhampiran kawasan perniagaan mereka akan menjejaskan perniagaan mereka dari segi penyusutan jumlah pelanggan dan nilai jualan.

Susulan daripada penemuan-penemuan kajian tersebut, kerajaan telah mengadakan dasar-dasar bagi membantu peniaga-peniaga kecil dalam menghadapi cabaran daripada pengusaha-pengusaha *hypermarkets* yang besar. Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:-

- (i) pembukaan *hypermarkets* di Lembah Kelang, Johor Bahru dan Pulau Pinang dibekukan untuk tempoh lima tahun yang akan datang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2004;
- (ii) definisi saiz ruang lantai niaga minimum 8,000 meter persegi untuk pembukaan *hypermarkets* dikurangkan kepada 5,000 meter persegi;
- (iii) *hypermarkets* tidak dibangunkan di lokasi di bawah pentadbiran Kerajaan Tempatan/Majlis Daerah yang mempunyai penduduk kurang daripada 350,000; dan
- (iv) pengusaha-pengusaha *hypermarkets* perlu menghantar pelan perancangan pembangunan untuk memperkembang/menambah cawangan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dua tahun lebih awal sebelum permohonan mereka dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan dasar ekonomi negara adalah dasar ekonomi terbuka dan dengan adanya tekanan perdagangan ekonomi yang berbentuk globalisasi, maka peniaga-peniaga tempatan perlulah mengambil tindakan yang sewajarnya bagi meningkatkan keupayaan mereka untuk bersaing dengan pengusaha-pengusaha *hypermarkets*. Dengan perkataan lain, mereka seharusnya memikirkan bagaimana untuk menyesuaikan aktiviti dan konsep perniagaan mereka dengan keadaan semasa. Sebagai contoh, corak operasi mereka pada ketika ini yang masih berbentuk tradisional perlu diubahsuai bagi membolehkan premis-premis perniagaan mereka menarik dan mengekalkan pelanggan yang berurusan dengan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kepentingan ekonomi negara ini, kerajaan menggalakkan *hypermarkets* di negara ini memasarkan barangan tempatan termasuk barangan bumiputera. Kedudukan peratus barangan tempatan yang dijual oleh hypermarket-hypermarket adalah memuaskan dan adalah seperti berikut:-

	<b>Hypermarket</b>		<b>[Barangan Tempatan]</b>
(i)	Makro	-	87%;
(ii)	Carrefour	-	63%;
(iii)	Giant	-	95%
(iv)	TESCO	-	90%

Bagi meningkatkan penyertaan industri kecil dan sederhana bumiputera dalam pemasaran produk di *hypermarkets*, kementerian ini telah mengambil inisiatif mengadakan kerjasama dengan pemilik-pemilik *hypermarkets* di mana projek skim khas pemasaran produk usahawan bumiputera, meningkatkan jumlah produk bumiputera dijual di *hypermarkets*. Projek perintis yang akan dilaksanakan dengan kerjasama *hypermarket* TESCO.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, dari aspek pemasaran, kementerian telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu pada 19 Ogos 2003 yang terdiri dari Small and Medium Industry Development Corporation (SMIDEC), Dewan Usahawan Industri Desa (DUID), Bank Pembangunan Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB), Credit Guarantee Corporation, Persatuan Pedagang dan Pengusaha Malaysia (PERDASAMA), Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Persatuan Usahawan Wanita (USAHANITA) melalui produk yang menggunakan jenama Agromas telah membantu usahawan bumiputera menceburi pasaran *hypermarkets* Giant, Carrefour, TESCO dan Jaya Jusco.

Mengikut daripada maklumat yang diperolehi, kedudukan peratus produk usahawan bumiputera industri kecil dan sederhana yang dijual di *hypermarket* adalah seperti berikut; TESCO – 3%, Carrefour - 4%, Jaya Jusco – 15%. Di antara masalah utama yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha bumiputera ialah keupayaan pengeluaran yang konsisten, pelabelan dan pembungkusan produk, sistem *bar coding* dan strategi harga yang lemah. Oleh itu, pengusaha bumiputera adalah digalakkan mengambil inisiatif bagi mengatasi masalah tersebut.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Persaingan antara pasar raya mengakibatkan para pembeli terperangkap dengan pembelian yang tidak terancang. Bila mereka menyerbu pasar raya semasa musim jualan murah, pembelian tidak terancang ini satu kerugian kepada pembeli kerana terpaksa berbelanja lebih. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah kerajaan merancang untuk membetulkan kecenderungan yang tidak sihat ini dari berterusan. Terima kasih.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalnya tidak begitu jelas. Walau bagaimanapun, saya cuba jawablah seperti apa yang saya faham soalan tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, jawab pendek Yang Berhormat. Soalan tidak jelas, kita jawab pun tidak jelas, habis langsung. Jawab pendek Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dato' S. Subramaniam:** Baik. *[Duduk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Tidak mahu jawab? Haa, okey.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yusof:** *[Bangun]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Bachok.

**Beberapa Ahli:** Tidak mahu jawab!

**Tuan Wan Nik bin Wan Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati pasar raya mega ini banyak. Boleh dikatakan setiap bulan, selain daripada promosi harganya murah, ialah mempromosikan barangan-barangan tertentu yang merupakan satu cabaran kepada peniaga-peniaga kecil. Walau bagaimanapun, saya ingin tahu daripada pihak kementerian, adakah pihak kementerian mengambil tanggungjawab untuk memantau tindakan-tindakan pasar raya mega ini membuat promosi jualan-jualan barang yang melibatkan jualan utama peniaga-peniaga kecil kerana ada kes-kes juga didapati pembeli tertipu dengan cara mereka mempromosi dengan harga-harga murah ini. Aspek barangan mereka tidak lengkap dan ada kecacatan. Walaupun diberi tempoh 14 hari untuk membuat bantahan ataupun membuat pemulangan semula bagi mendapatkan barangan baru, tetapi ini satu tindakan yang paling tidak adil kepada pihak pengguna. Adakah pihak kementerian menyedari dan mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan perkara ini tidak merugikan pihak pengguna? Terima kasih.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengeluarkan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh peniaga-peniaga, baik kecil mahupun *hypermarket* ataupun perniagaan-perniagaan mega yang melakukan promosi ataupun jualan murah. Kita memang memantau perkara ini setiap hari. Jika terdapat barang-barang yang dipromosi, iklannya ataupun janji-janji dalam promosi itu, kalau tidak benar atau pembeli ditipu, kita ambil tindakan terhadap mereka dan dalam perkara ini, banyaklah kes yang kita telah pun bertindak. Dalam setiap penjualan Tuan Yang di-Pertua, kita perlu memikirkan bukan hanya dari segi peniaga kecil, kita perlu fikirkan dari segi pengguna.

Kalau pengguna dapat faedah yang baik, kita perlu juga galakkan perkara itu. Begitu juga kalau peniaga pun, kita jaga sekadar mereka tidak menghadapi masalah besar apabila promosi-promosi oleh *hypermarket* ataupun perniagaan mega dijalankan. Jadi, dalam hal ini, dari segi kita adalah terkawal. Pengguna-pengguna bukan sahaja boleh memberi maklumat kepada kita, tetapi pengguna-pengguna berhak juga untuk membawa kes ini kepada tuntutan tribunal pengguna yang mendengar kes-kes tersebut dan memberi keputusan untuk mengganti barang, memberi pampasan dan sebagainya.

4. **Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) nisbah bilangan kakitangan awam, di antara kaum pada masa kini adalah tidak seimbang, bagaimanakah kerajaan dapat memperbaiki keadaan ini; dan
- (b) adakah kementerian sedar ramai kakitangan awam yang baru bertugas perlu menunggu setengah tahun hingga lapan bulan untuk memperoleh gaji bulan pertama. Apakah faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku. Bagaimanakah caranya untuk mengatasi masalah ini.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Ya, peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Peraturan 23(r), iaitu sesuatu pertanyaan untuk jawapan-jawapan lisan. Pertama tidak boleh....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ia dibenar sampai 3, ikut kuasa Pengerusi Yang Berhormat.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** 23(r)!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hmm....

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Tidak boleh melebihi 40 perkataan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ooh....

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** ....dan tidak boleh melebihi dua soalan. Jadi, isu di sini lebih daripada 40 perkataan dan lebih daripada lima soalan, sedangkan soalan yang lebih baik umpamanya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat. Saya....

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** ....nombor 19 oleh Ketua Pembangkang....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukuplah.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** ....berhubung dengan soal judi dan kasino....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Haa, ini, ini....

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** ....kenapa letak di belakang? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini lagi panjang. Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Ini Pengerusi OIC ini. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini panduan Yang Berhormat. Kadangkala budi bicara kita guna juga. Ya, soalan empat, ya.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa berusaha untuk mengimbangi bilangan anggota perkhidmatan awam berdasarkan komposisi kaum di negara ini. Pihak kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk menarik calon-calon dari pelbagai kaum untuk menyertai perkhidmatan awam. Antaranya ialah seperti berikut:

- (i) memberi penerangan mengenai faedah perkhidmatan awam dan keistimewaan yang lebih baik, yang ditawarkan oleh kerajaan;
- (ii) penempatan dan bidang tugas yang berkaitan dengan latar belakang kelayakan akademik;
- (iii) insentif-insentif dan peluang-peluang yang disediakan untuk meningkatkan kerjaya dan kenaikan pangkat;
- (iv) faedah-faedah dan kebajikan yang terjamin selepas persaraan;
- (v) pegawai-pegawai JPA juga mengadakan ceramah kerjaya sektor awam di IPT tempatan untuk memberi penerangan mengenai kerjaya di dalam sektor awam kepada bakal-bakal graduan;
- (vi) bagi menarik lebih ramai kaum bukan bumiputera menyertai perkhidmatan awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah menyiar iklan pengambilan dalam akhbar berbahasa Cina dan Tamil; dan
- (vii) SPA juga telah mengadakan Program Hari SPA Bersama Pelanggan pada setiap Sabtu minggu keempat di ibu pejabat SPA Putrajaya dan di luar ibu pejabat dengan matlamat mendedahkan dengan lebih meluas fungsi SPA kepada pelbagai kaum di Malaysia.

Bagi jawapan (b) Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memastikan pembayaran gaji bulan pertama kepada kakitangan awam yang baru boleh dibuat mengikut tarikh-tarikh yang telah ditetapkan pada awal setiap bulan iaitu tidak lebih daripada 25 hari bulan. Walau bagaimanapun, kelewatan pembayaran masih boleh berlaku apabila kementerian, jabatan berkaitan menghadapi masalah-masalah dalam urusan penyediaan dokumen-dokumen yang diperlukan bagi urusan pembayaran tersebut. Bagi mengatasi masalah sedemikian, beberapa langkah telah diambil seperti berikut:

- (i) pembayaran gaji bulan pertama kakitangan baru boleh dibuat melalui baucer pembayaran berasingan dan kementerian juga jabatan berkaitan dibolehkan untuk memohon pendahuluan diri, gaji untuk pembayaran gaji bulan pertama kepada kakitangan baru.

**Puan Chew Mei Fun:** Terima kasih, soalan tambahan. Apakah nisbahnya kakitangan awam di antara kaum dan jantina dan adakah kerajaan ada rancangan atau jadual bila masalah tidak seimbang ini dapat diatasi? Apakah nisbah kakitangan pelbagai kaum yang paling sesuai mengikut pandangan kerajaan? Terima kasih.

**Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop:** Tuan Yang di-Pertua, nisbah bilangan antara bumiputera dan bukan bumiputera dalam sektor perkhidmatan awam, Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa

Tempatan ialah bagi bumiputera - 76.8%, kaum Tionghua – 8.2%, India – 5.2%, lain-lain bumiputera - 6.9% dan lain-lain ialah 3.3%.

Secara relatifnya, bilangan permohonan calon bukan bumiputera adalah kecil. Pengambilan anggota perkhidmatan awam adalah berdasarkan kepada pertandingan terbuka kepada semua warganegara yang layak tanpa mengira kaum. Pengambilan kakitangan kerajaan dijalankan secara berterusan mengikut keperluan semasa. Pengambilan adalah berasaskan syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan, di samping kebolehan calon yang ditentukan dalam proses pengambilan.

Di samping itu, jumlah pengambilan tertakluk kepada kekosongan jawatan dan kelayakan serta kesesuaian calon yang memohon untuk berkhidmat di perkhidmatan awam.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau orang ramai diminta untuk berurusan dengan jabatan kerajaan, ramai yang cuba mengelak untuk menggunakan orang tengah atau menggeleng kepala sebab mereka tahu mutu perkhidmatan jabatan kerajaan adalah amat lemah.

Saya boleh bagi contoh di mana ramai yang mengalami masalah berkomunikasi dalam bahasa Malaysia dan ada juga yang mengalami masalah mengisi borang seperti di Jabatan Imigresen, EPF, Income Tax dan kita akan nampak ramai pihak tertentu menubuhkan gerai-gerai di hadapan jabatan-jabatan kerajaan bagi membantu orang ramai mengisi borang dengan mengenakan caj yang tinggi.

Saya ingin tahu apakah faktor yang menyebabkan golongan bukan Melayu tidak minat menyertai perkhidmatan awam ini? Adakah kerajaan menjalankan kajian dan apakah faedah yang ditawarkan oleh sektor swasta....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** ....yang begitu berjaya menarik bukan Melayu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dato' Hajah Khamsiyah bin Yeop:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soalan Yang Berhormat bagi Batu Gajah tadi, kajian juga telah dibuat dan membuktikan bahawa terutama di kalangan kaum Tionghoa sendiri, lebih berminat bekerja dengan keluarga, ibu bapa sendiri dan sektor swasta kerana mereka berpendapat bahawa bekerja dengan keluarga mereka adalah lebih lumayan daripada bekerja dengan kerajaan. Terima kasih.

5. **Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid [Hulu Terengganu]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) jumlah tangkapan pengedar dadah pada tahun 2000, 2001, 2002 dan 2003; dan
- (b) berapakah nilai rampasan dadah pada tahun 2000, 2001, 2002 dan 2003.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) tindakan menangkap pengedar dadah telah pun diambil di bawah Seksyen 39A(1), Seksyen 39A(2), Seksyen 39B dan lain-lain seksyen di dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 6 di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985.

Jumlah pengedar dadah yang ditangkap di bawah semua seksyen tersebut ialah seramai 17,459 orang pada tahun 2000, 22,640 orang pada tahun 2001 dan 25,709 orang pada



tahun 2002. Pada tahun 2003 pula, sehingga bulan Julai, jumlah tangkapan ialah seramai 6,608 orang.

- (b) Bagi tahun 2000, dadah yang dirampas adalah bernilai RM27,212,860. Pada tahun 2001, rampasan dadah adalah bernilai sebanyak RM31,942,105. Pada tahun 2002, rampasan dadah adalah bernilai RM37,032,268. Pada keseluruhannya, nilai rampasan dadah dari tahun 2000 hingga bulan Julai 2003 adalah bernilai RM116,546,043 secara *street value* (dengan izin).

Sekian.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada statistik yang telah diberikan tadi, kita dapati bahawa jumlah pengedar yang ditangkap meningkat. Yang kita rasa peliknya ialah pada tahun ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengisytiharkan tahun 2003 ini sebagai "Tahun Perang Dadah Habis-habisan", tetapi tahun ini juga, kalau kita tengok daripada statistik tadi, pada tahun 2002 seramai 25,000 orang pengedar telah ditangkap. Pada tahun ini, sehingga bulan Julai seramai 6,000 orang pengedar. Apa makna "perang dadah habis-habisan" terhadap pengedar-pengedar dadah?

Kalau hendak dibandingkan dengan arahan Perdana Menteri untuk membanteras cetak rompak, apabila arahan Perdana Menteri keluar, habis-habisan kita membanteras cetak rompak sehingga hampir-hampir meranapkan, ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, soalnya, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** ....tetapi apabila arahan Timbalan Perdana Menteri, nampaknya ia tidak diambil berat oleh pihak kementerian sendiri. Soalan saya, apakah usaha perang habis-habisan ini terhad kepada tahun ini sahaja, walaupun nampak jelas ia satu kegagalan, dan apakah usaha-usaha selain daripada usaha yang ada sekarang untuk membanteras pendedaran dadah di Malaysia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita rasa cukup kecewa pihak pembangkang, tidak tahu sama ada tidak faham ataupun sengaja tidak hendak faham. [Disampuk] Apa yang diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ialah satu usaha bersepadu kerajaan untuk perangi dadah secara habis-habisan. Ini adalah satu usaha bersepadu di mana semua agensi kerajaan, penguat kuasa termasuklah NGO dan pihak PAS, kalau boleh – tetapi PAS tidak hendak membantu – supaya kita semua dapat meneruskan usaha-usaha ini dan pada 2015, negara ini benar-benar bebas daripada ancaman dadah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, oleh sebab langkah-langkah yang selama ini dijalankan oleh pihak kerajaan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) dan langkah-langkah di bawah Akta 39, Akta Dadah Berbahaya begitu ramai iaitu 1,310 telah pun ditahan sejak tahun 1985 di bawah langkah-langkah pencegahan dan ramai juga yang telah didakwa di mahkamah. Oleh kerana kita mempunyai intervensi seumpama ini, kita dapat mengurangkan jumlah penagih dadah ini daripada terus berkembang. Sejak tahun 1985 hingga sekarang, kita dapat mengawal jumlah penagih tidak melebihi 30,000 orang pada puratanya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mengikut kajian antarabangsa, jika jumlah penagih dadah di sesebuah negara tidak melebihi 1% daripada jumlah penduduk negara berkenaan, maka dengan angka itu, kita bolehlah kata bahawa kita betul-betul dapat mengawal. Maksudnya jumlah ini terkawal.

Kita berharap kalau kita berusaha dengan lebih gigih dan jika kita dapat bantuan daripada semua pihak termasuk pihak pembangkang, jangan duduk dan gelakkan orang sahaja, berkata macam-macam kepada orang, kalau kita betul-betul buat dan berusaha

juga, saya percaya tidak sampai 2015, kita bukan sahaja boleh mengurangkan tetapi negara kita dapat bebas daripada ancaman dadah. Sekian.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana usaha-usaha untuk membanteras dadah. Soalan saya, apakah benar di Kelantan dan Terengganu ini, kadar dadah begitu tinggi daripada tempat-tempat yang lain?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Benar, benar, benar!

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar:** Dan apakah sebabnya? Adakah sebab kelemahan kerajaan negeri di bawah pemerintahan PAS....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar:** ....menyebabkan kadar dadah itu terlalu tinggi? Dan saya hendak tanya keduanya ialah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu sudah dua soalan tadi.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar:** Wang rampasan ini digunakan untuk apa? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih, Yang Berhormat. Apa Yang Berhormat tanya cukup tepat sekali sebab di antara semua negeri-negeri, nampaknya negeri Kelantan telah mencatatkan pertambahan 39%, [*Tepuk*] dari angka jumlah tahun lepas. [*Disampuk*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Saya pun tidak faham. Walaupun pihak Kerajaan Pusat telah pun banyak berusaha tetapi nampaknya Kerajaan Negeri Kelantan tidak buat apa-apa langsung. [*Disorak*] [*Disampuk*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah, Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Soalan tambahan yang kedua ini, jumlah yang dirampas ini, jika tidak ada tuntutan daripada pengedar-pengedar bahawa sumber kewangan ini datang bukan daripada dadah, maka wang ini semua akan dimasukkan ke dalam *consolidated account of the* kerajaan, untuk kegunaan projek-projek demi kebaikan rakyat di negara ini. Sekian, terima kasih.

6. **Datuk Goh Siow Huat [Rasah]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan adakah kementerian sedar bahawa didapati penyakit sosial di negara kita adalah semakin serius. Apakah tindakan kerajaan untuk memenangi masalah-masalah yang semakin meningkat ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya memohon izin untuk menjawab soalan pada hari ini secara bersekali dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Padang Terap pada 21 Oktober 2003 dan Yang Berhormat bagi Batang Sadong pada 22 Oktober 2003 kerana soalan-soalan berkenaan adalah berkaitan dengan isu yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Silakan.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat, usaha-usaha untuk membendung gejala sosial adalah merupakan tanggungjawab semua pihak termasuk ibu bapa, ahli-ahli masyarakat, badan-badan bukan kerajaan dan sektor swasta.

Baru-baru ini, kerajaan telah melancarkan dasar sosial negara bersama satu jentera pelaksanaan yang meliputi semua peringkat pentadbiran iaitu daripada peringkat Persekutuan sehingga ke peringkat akar umbi. Jentera ini diterajui oleh Majlis Sosial Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Majlis ini menggantikan Jawatankuasa Khas Kabinet Bagi Menangani Masalah Sosial yang telah ditubuhkan pada tahun 1996.

Di bawah Dasar Sosial Negara semua agensi di bawah sektor sosial akan merangka strategi-strategi dan program-program secara bersepadu untuk menangani gejala-gejala tersebut dalam pelbagai aspek. Sekretariat PINTAS di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan menyelaras pelaksanaan dasar ini. Sistem pengurusan PINTAS yang memberi tumpuan kepada empat strategi iaitu penggalakan, pencegahan, pencelahan atau intervensi dan pemulihan akan digunakan bagi pelaksanaan dasar ini.

Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia di bawah kementerian ini akan memperluaskan lagi pelbagai tindakan yang diambil untuk menangani gejala-gejala sosial. Di antaranya ialah:

- (i) memberi kefahaman dan pendidikan dalam kemahiran keibubapaan kepada ibu bapa dan keluarga;
- (ii) menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan permasalahan ini seperti yang terdapat dalam peruntukan Akta Kanak-Kanak 2001 yang telah dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2002;
- (iii) memperkukuhkan didikan dari segi agama dan moral;
- (iv) menyediakan institusi perlindungan dan pemulihan seperti rumah kanak-kanak, Sekolah Tunas Bakti, Taman Sri Puteri dan lain-lain;
- (v) menyediakan khidmat kaunseling, terutama kepada kanak-kanak dan juga keluarga yang mengalami masalah;
- (vi) mengadakan perkhidmatan sokongan seperti penubuhan pasukan perlindungan kanak-kanak, jawatankuasa kebajikan kanak-kanak di setiap negeri, daerah dan kawasan;
- (vii) menyediakan pusat aktiviti kanak-kanak di setiap daerah atau kawasan dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang bersifat pencegahan, pemulihan, pembangunan serta advokasi; dan
- (viii) mengadakan perkhidmatan talian teledera 24 jam bagi penyampaian maklumat tentang sebarang masalah berkaitan dengan penganiayaan kanak-kanak.

Selain itu, Jabatan Perpaduan Negara di bawah kementerian ini juga melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berfaedah untuk kanak-kanak dan juvana di peringkat masyarakat melalui pusat-pusat rukun tetangga, program-program seperti Kementerian Padu Jaya Diri, Kuiz Bina Bangsa dan aktiviti sosial yang lain selain meningkatkan tahap perpaduan. Ia juga diharap akan membantu dalam menangani gejala-gejala sosial.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha menangani masalah sosial yang dijalankan oleh kerajaan berupa pendidikan, mahupun yang berupa penguatkuasaan undang-undang merupakan usaha yang dibuat secara bersepadu yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan juga kerjasama daripada badan-badan bukan kerajaan dan badan-badan sukarela.

Jalinan kerjasama yang baik ini telah membantu kementerian ini dalam usaha-usaha menangani masalah-masalah sosial. Sebagai contoh bilangan kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan polis telah menurun daripada 6,041 kes pada tahun 1996 kepada 2,753 kes pada tahun 2002. Statistik sumbang mahram menunjukkan ia naik turun.

Bilangan kes rogol juga didapati turun naik daripada 1,489 kes pada tahun 1998 kepada 1,217 kes pada tahun 2000, dan 1,431 kes pada tahun 2002. Kes pembunuhan juga naik turun daripada 540 kes pada tahun 1997 kepada 608 kes pada tahun 2001 dan seterusnya 516 kes pada tahun 2002.

Kemungkinan lebih tinggi angka-angka ini jika tindakan seperti di atas tidak diambil. Penglibatan badan-badan bukan kerajaan telah banyak membantu kita mencapai kejayaan ini.

Sehubungan dengan ini juga, menurut laporan United Nation Development Programme....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Banyak lagi, Yang Berhormat?

**Dato' S. Veerasingam:** Sedikit sahaja. Dalam akhbar *The Star* bertarikh 14 Oktober 2003, kes-kes gejala sosial di Malaysia adalah yang paling rendah berbanding dengan negara-negara membangun yang lain. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa soal jawab telah habis, Yang Berhormat.

**Dato Goh Siow Huat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa soal jawab telah habis, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan selesai]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum jawatankuasa berjalan, saya minta Menteri membawa usul.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), maka inilah saya mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan ke esok hari".

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya! Mengenai apa Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai usul yang saya buat Perkara 18(1)

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, tidak apalah. Sudah tolak tidak usahlah, ya.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Yang Berhormat, usul itu ditolak di kamar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Atas alasan bahawa usul itu adalah tuduhan sahaja dan bukan satu kenyataan. Usul di bawah 18(1)

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, ini sudah tolak, Yang Berhormat. Tidak usah bincang.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Ya, ya. Tuan Yang di-Pertua, Izinkan saya menyebutkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini kita sudah masuk ke dalam 18(8), Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Yang pertama sekali, yang pertama sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jadi, kita sudah tolak.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Surat yang datang kepada saya ini pun tidak bertandatangan. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu tidak apa. Itu kesilapan. *[Disampuk]*

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Macam mana pula tidak apa? Ini urusan rasmi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tetapi jawapan daripada Tuan Yang di-Pertua, memang ada bertandatangan.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Yang datang daripada Parlimen. Urusan yang rasmi, yang datang daripada Parlimen kepada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya! Itu akan saya semak.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Surat ini mengatakan usul saya ditolak tanpa tandatangan daripada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Itu yang pertama

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu saya terima, yang lain saya tidak terima, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Yang kedua, asas penolakan itu. Kita dapati asas penolakan itu hanya mendengar kenyataan daripada polis semata-mata.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, itu saya tidak terima.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Sepatutnya pihak Parlimen mendengar juga kenyataan ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak boleh dicakap, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** ....asas-asas daripada orang yang terlibat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kalau ditolak, tidak payah, Yang Berhormat. Cukup, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Yang kedua, kes ini, kes spesifik melibatkan seorang anak muda, 19 tahun ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kalau Yang Berhormat ungkitkan, memang begitulah, Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat bantangkan, tetapi benda ini tidak akan di bawa.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tidak. Saya hendak membentangkan, ia tidak boleh.... [*Terus bercakap tanpa pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, kita sudah tolak, tolak, Yang Berhormat .

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang pertama, kita terima, yang kedua saya tolak. Urus setia, teruskan.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan. [*Sambil mengangkat buku Peraturan Mesyuarat*]

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang pertama, saya terima, yang kedua, saya tidak terima, Yang Berhormat. [*Tepuk*] Yang Berhormat bagi Parit Buntar, cukup. Cukup.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat! Yang Berhormat jangan degil Yang Berhormat!

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Usul saya.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua,....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, sudah cukup, Yang Berhormat. Cukup, Yang Berhormat. Ini sudah ada dijawab daripada kamar, Yang Berhormat. Saya tidak mahu panjang-panjang, Yang Berhormat. Cukuplah.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Bagaimana hendak menyelesaikan ini?

**Beberapa Ahli:** Cukuplah, Tuan Yang di-Pertua sudah tolak, apa lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah ditolak, tolaklah. Yang tandatangan, saya terima, saya akan betulkan. Itu saya terima.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya! Itu kesilapan yang tidak disengaja, kita terima.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tetapi jawapan usul itu memang Tuan Yang di-Pertua sendiri tandatangan. Yang jawab usul itu....

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tidak, yang sampai kepada saya ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya!

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Saya tidak tahu yang itu. Yang sampai kepada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu saya terima, tidak bertandatangan itu, kesilapan. Itu saya terima.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu tidak apalah. Yang ini sudah jawab di sini, Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat.

Dan kita beri peluang. Dalam Kementerian Pertahanan boleh disoal, Kementerian Dalam Negeri pun boleh soal, dalam Kementerian Pendidikan pun boleh Yang Berhormat bangkit semasa Peringkat Jawatankuasa....

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini tidak ada makna kalau kita usul pun bercakap begitu, tiada apa yang kita boleh buat....

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ....dan Menteri akan jawab pun tidak ke mana.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, saya sudah putuskan Yang Berhormat. Yang Berhormat jangan degil, kalau tidak saya bertindak ikut Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat. Itu pun saya sudah bagi peluang Yang Berhormat....

**Seorang Ahli:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya tidak kira. Saya kata sudah cukup, sudah cukuplah Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kalau kita biarkan, kalau sejam pun Yang Berhormat cakap, tidak habis. Cukup Yang Berhormat, sila duduk. Urus setia sila.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup urus setia.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2004**

**DAN**

**USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2004**

#### **Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2004 dan Usul Anggaran Pembangunan 2004 dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis." *[Hari Kesembilan]*

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B. 41 [Jadual] -****Maksud P. 41 [Anggaran Pembangunan 2004] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.41 dan Kepala Pembangunan P.41 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahaskan....

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi yang belakang itu apa? ....Subang. Subang dahulu ya.

**11.12 pagi**

**Tan Sri. Dato' Dr. K. S. Nijhar [Subang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sepuluh minit juga Yang Berhormat.

**Tan Sri. Dato' Dr. K. S. Nijhar:** Baik Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh B.41, Kementerian Pendidikan, Butiran 020000, khasnya 020300, Pendidikan Rendah.

Dalam konteks ini Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan isu sekolah-sekolah Tamil. Terdapat lebih kurang 520 buah Sekolah Tamil dalam negara ini. Bilangan murid yang menuntut dalam sekolah-sekolah ini adalah hampir 100,000 orang. Namun kebanyakan daripada sekolah-sekolah Tamil berada dalam keadaan yang amat teruk. Murid-murid tidak mempunyai suasana yang kondusif untuk pembelajaran. Ini telah mengakibatkan kualiti pendidikan di sekolah-sekolah ini merosot hari demi hari.

Tuan Pengerusi, pendidikan adalah aset yang amat berharga yang kita dapat beri kepada anak-anak kita. Sekolah merupakan tempat permulaan pendidikan diberi tetapi kebanyakan sekolah-sekolah Tamil tidak dapat memberikan pendidikan yang berkualiti kepada murid-muridnya kerana kekurangan kemudahan. Walaupun Yang Berhormat Presiden MIC dan pihak kementerian membantu dalam membina dan menaik taraf sekolah-sekolah Tamil, saya berterima kasih kepada bantuan ini, namun bantuan-bantuan ini diberi secara *ad hoc* sahaja. Tambahan pula bantuan-bantuan seperti ini tidak mencukupi untuk kemudahan asas bagi menyediakan pendidikan yang berkualiti bagi sekolah ini.

Apakah hasrat serta impian sekolah-sekolah Tamil ini? Jawapannya amat mudah. Jadikan sekolah-sekolah Tamil sebagai sekolah bantuan penuh. Inilah hasrat serta keinginan yang disampaikan kepada saya setiap kali saya melawat Sekolah Tamil. Saya sendiri pernah membangkitkan isu yang sama dalam Dewan yang mulia ini pada bajet-bajet yang lalu. Tambahan pula Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga telah membangkitkan isu yang sama ini khasnya Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya berterima kasih kepada Sri Gading atas sokongan beliau.

Malangnya jawapan Kementerian Pendidikan berkaitan subjek bantuan penuh adalah satu sahaja. Kementerian tidak dapat memberi bantuan penuh kerana masalah teknikal berkaitan dengan tanah. Mengikut pihak kementerian, tanah sekolah tersebut adalah tanah persendirian dan bukan tanah kerajaan, maka bantuan penuh tidak dapat diberi. Saya percaya sudah tiba masanya Kementerian Pendidikan mengkaji semula sikap ini. Kita sekarang mempunyai satu Menteri dan ramai pegawai yang berkebolehan dalam kementerian yang mampu mencari satu jalan penyelesaian.

Apa yang perlu ialah semua pegawai dalam kementerian memikirkan isu ini secara *lateral*. *Little bit of lateral thinking* dengan izin, *will solve this problem*. Bayangkanlah Tuan Pengerusi, hampir 100,000 orang murid yang akan mendapat manfaat sekiranya sikap ini dapat digubal. Bukan itu sahaja, jika isu keluarga setiap murid adalah dalam purata lima orang, cuba bayangkan kesan menjadikan sekolah-sekolah Tamil bantuan penuh.



[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Saya pasti hampir setengah juta rakyat Malaysia pelbagai keturunan akan merasai impak yang positif ini. Saya berharap Kementerian Pendidikan boleh mencari satu jalan untuk mengisytiharkan semua Sekolah Tamil menjadi sekolah bantuan penuh, barulah pihak kementerian ini akan dipandang sebagai sebuah kementerian memelihara kesejahteraan serta kepentingan semua masyarakat.

Untuk makluman pihak kementerian, rakyat Malaysia berketurunan India adalah kaum minoriti dalam negara ini. Hanya pendidikan yang boleh memberi kemajuan kepada kaum ini. Ini kerana aset yang paling berharga adalah pendidikan, dengan izin: *Education is the only tool to eliminate poverty. Education is also the only tool to elevate prosperity.* Pendidikan tidak boleh dicuri atau tidak boleh dirompak daripada seseorang, yang boleh dikongsi bersama namun ia adalah milik seseorang hingga ke akhir hayat.

Saya percaya pihak kementerian mampu menukar status bantuan modal kepada bantuan penuh jika ada keinginan. Tuan Pengerusi, dengar saya hendak berkata sekali lagi kepada kementerian, dengarlah rayuan saya dan rayuan setengah juta rakyat Malaysia berketurunan India. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kluang.

**11.18 pagi**

**Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah B.41 dan P.41 - Kementerian Pendidikan. Saya ingin sentuh tiga perkara. Pertama di bawah Butiran 020700 - Pendidikan Guru iaitu di bawah Maktab Perguruan untuk latihan guru-guru di sekolah khususnya di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina).

Tuan Pengerusi, pada tahun 2002 mengikut statistik kementerian, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) seluruh negara menghadapi kekurangan guru lebih kurang 4,000 orang lebih tapi saya lihat statistik yang sebenar, ia memang lebih daripada 4,000 dari keadaan yang sebenar.

Walau bagaimanapun, kementerian melalui Kursus Diploma Perguruan Malaysia atau KDPM telah pun melatih 876 orang pada tahun 2000; 924 pada tahun 2001; dan 899 orang pada tahun 2002. Ini bermakna jumlahnya 2699 orang guru. Dan di antaranya 1,697 orang guru telah pun berkhidmat di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina).

Dan melalui Kursus Dalam Cuti atau KDC telah pun melatih 872 orang pada tahun 2000; 824 orang pada tahun 2001; dan 880 pada tahun 2002. Ini bermakna jumlahnya 2,576 dan antara 2,576 orang ini, semuanya telah pun berkhidmat di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina).

Ini bermakna melalui KDPM dan juga KDC kementerian sudah pun melatih 4,273 orang guru untuk mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) pada tempoh dua atau tiga tahun ini. Saya ucapkan terima kasih kepada kementerian sekurang-kurangnya dapat melatih 4,000 lebih orang guru untuk berkhidmat di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina). Tetapi ia memang belum mencukupi untuk kita menyediakan guru yang cukup untuk mengajar di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina). Pada tahun 2002 dan 2003 kalau tidak silap saya, Kementerian Pendidikan telah menambah jawatan atau telah menambah 3,451 jawatan baru di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina). Dengan tambahan 3,451 orang ini di samping itu kalau kita lihat murid-murid di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) sejak tahun 1999 hingga 2003 telah pun bertambah 37,135 orang murid. Kalau 35 orang satu kelas, ini bermakna ia harus menambah 1,061 kelas dan kalau kita lihat umpamanya satu kelas kita perlukan satu setengah orang guru ataupun dua kelas kena tiga orang guru, ini bermakna ia harus menambah 1,591 orang guru. Kalau kita campur 3,451 orang tambahan pula dengan 1,000 lebih guru kerana tambahan murid, ini bermakna kita sekali lagi menghadapi kekurangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina).

Jadi pada hemat saya, saya sangat berharap kepada Kementerian Pendidikan supaya harus meneruskan Skim KDPM dan juga KDC dan selain daripada itu saya juga berharap melalui KPLI ataupun Kursus Perguruan Lepas Ijazah untuk melatih lebih ramai

guru untuk mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) untuk mengatasi masalah kekurangan guru ini. Jadi di sini saya ingin tanya kepada kementerian bilakah Program KDC, saya difahamkan untuk tahun ini belum kita laksanakan Program KDC ini. Jadi saya sangat berharap kementerian dapat memberi satu jawapan kepada saya iaitu bilakah Program KDC akan dijalankan dan sama ada Skim Guru Kontrak diterima ataupun tidak untuk mengatasi kekurangan guru sebab pada tahun-tahun yang lepas, kita memang ada guru kontrak. Jadi kalau kita menghadapi kekurangan guru oleh kerana tambahan jawatan baru dan juga tambahan murid, jadi saya ingin tahu sama ada KDC akan dijalankan ataupun tidak dan saya rasa ini pasti tidak dijalankan Kursus KDC dan kalau boleh menggunakan guru kontrak pun, mungkin ini pun satu cara untuk kita mengurangkan beban ini untuk mengatasi kekurangan guru-guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Jadi saya harap ada satu jawapan yang jelas kepada Dewan yang mulia ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, tentang Sekolah Bantuan Modal ini. Saya lihat pada tahun 2003, Sekolah Bantuan Modal khususnya Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) ini diperuntukkan RM10 juta. Di kawasan saya memang banyak juga sekolah-sekolah di bawah kategori Sekolah Bantuan Modal. Saya telah pun membangkitkan perkara ini pada perbahasan yang lalu cuma saya minta sebab saya lihat setakat RM10 juta untuk tahun ini pun, saya rasa untuk seluruh negara memang tidak mencukupi untuk menampung permintaan ini. Jadi saya harap dalam Bajet 2004 ini, saya minta kementerian supaya dapat menimbang dan menambahkan lagi peruntukan untuk Sekolah Bantuan Modal ini supaya dapat kita memberikan kemudahan yang cukup kepada sekolah-sekolah ini. Saya rasa walaupun Sekolah Bantuan Modal, ia patut juga dianggap sebagai *mainstream* pendidikan negara kita, saya harap kementerian kita dapat melihat perkara ini supaya memberi peruntukan yang lebih untuk Sekolah-sekolah Bantuan Modal ini.

Tuan Pengerusi, di bawah 020900 iaitu Pengurusan Buku Teks. Saya ingin bangkitkan tentang Skim Pinjaman Buku Teks ini. Bila saya dengar jawapan daripada Kementerian Pendidikan, kalau tengok Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) pun ada 100% boleh dapat pinjaman kepada murid-murid di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil). Tetapi Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) ini memang tidak dapat kita memberikan pinjaman kepada murid-murid yang memerlukan Skim Pinjaman Buku Teks ini.

Syarat yang ditetapkan kepada ibu bapa yang layak untuk memohon buku pinjaman ini ialah pendapatan itu kurang daripada RM1,000. Saya lihat mungkin pada masa sekarang kita harus mengkaji semula tentang pendapatan keluarga yang mungkin mempunyai ramai anak yang belajar di sekolah-sekolah. Kalau kita lihat cuma di bawah RM1,000 pada masa sekarang. Kalau ada lima atau enam orang anak yang belajar di sekolah, ini memang menjadi satu beban yang besar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh gulung.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Ya, saya akan gulung, satu minit lagi. Jadi saya harap kementerian dapat menimbang keadaan ini mungkin dari sudut berapa anak yang belajar di sekolah-sekolah dan memberi keutamaan kepada mereka yang sangat memerlukan buku pinjaman ini. Saya cuma ingin hendak menegaskan di sini ialah walaupun kita mengenakan Skim Pinjaman Buku ini, kadang-kadang saya nampak ada ibu bapa yang sanggup membeli buku teks ini tetapi bekalannya memang tidak cukup. Saya sendiri bercakap berdasarkan pengalaman. Kalau anak-anak belajar di sekolah ini, walaupun dia sanggup untuk membeli buku teks ini di luar ataupun di kedai-kedai memang tidak dapat. Saya tidak tahu sama ada benar ataupun tidak, di daerah-daerah misalnya daerah Kluang di kawasan saya, buku teks di daerah Johor Bahru tidak sama, jadi bila tidak dapat bekalan di daerah Kluang, apabila pergi ke Johor Bahru untuk membeli buku teks sebab di daerah-daerah yang tidak sama, buku teks pun tidak dapat. Jadi ini menjadikan satu beban besar kepada ibu bapa walaupun dia sanggup hendak beli kerana tidak dapat buku pinjaman ini tetapi ia tidak dapat membeli buku-buku yang diperlukan.

*Last* sekali, Tuan Pengerusi, tentang 04800 Kolej Komuniti, saya nampak tahun 2003 ada peruntukan RM118 juta. Untuk Bajet tahun 2004 ada RM200 juta. Saya cuma minta kepada kementerian lihatlah permohonan daripada Parlimen Kluang ini sebab saya lihat Kluang sebenarnya Tuan Pengerusi pun faham, di tengah-tengah Johor ini memang

segala kemudahan ada cuma untuk institusi pengajian tinggi tidak ada. Jadi sekurang-kurangnya kalau boleh Kolej Komuniti ini memberi *priority* atau keutamaan kepada Parlimen Kluang....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Hoo Seong Chang:** ....supaya dapat memberi peluang kepada orang Kluang untuk mendapat kemudahan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kota Melaka.

#### 11.29 pagi

**Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]:** Sebenarnya Tuan Pengerusi, saya cuma hendak register nama sebab baru masuk, walau apapun, terima kasih. Yang pertama sekali, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sehubungan dengan apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat bagi Kluang. Di manakah peruntukan dalam Akta Pendidikan 1999 yang membenarkan kerajaan untuk memisahkan dan melaksanakan polisi berdiskriminasi, mengkategorikan sekolah Cina sebagai bantuan modal dan bantuan penuh. Saya telah banyak kali menyuarakan perkara ini tetapi nampaknya kerajaan tidak memberikan jawapan yang memuaskan.

Yang kedua, saya ingin mengatakan bahawa memang isu pendidikan adalah satu isu yang sensitif dalam negara kita dan sebenarnya saya rasa ini juga adalah satu sebab di mana sampai hari ini Malaysia tidak dapat mencapai satu perpaduan yang tulen di antara semua kaum dan adalah perlu untuk kita meningkatkan *consensus* di antara semua kaum di Malaysia.

Saya juga ingin menegaskan di sini bahawa apa sahaja yang diperjuangkan oleh komuniti Cina terutama sekali pertubuhan dan pendidikan Cina adalah berasaskan prinsip universal dan juga hak-hak mereka yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia dan janganlah sesiapa cuba mengatakan bahawa mereka ini ekstremis seperti yang telah dituduh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Saya merasa begitu sedih oleh kerana baru-baru ini JPMS telah cuba sekali lagi bermain dengan api dan menuduh bahawa Dong Jiao Zhong telah memaksa orang-orang Cina yang tidak ingin mempelajari bahasa ibunda mereka untuk mempelajari bahasa Cina.

Ini adalah tidak betul dari segi fakta juga, sebenarnya setakat hari ini ada hampir 60,000 bukan orang Cina telah masuk SJK(C) dan ini bukan dilakukan secara paksaan. Dia memang ada sebabnya mengapa mereka hendak memasuki SJK(C) dan jangan juga menuduh kita sebagai cauvinis. Saya pergi ke SJK(C) untuk enam tahun dan selepas itu saya masuk Sekolah Menengah Kebangsaan, tanyalah DAP di sini, tanya di sini berapa orang tidak ada seorang pun pergi ke sekolah menengah persendirian termasuk juga Tuan Pengerusi. Jadi, bila kita lawan atau kita menimbulkan isu bahasa ibunda ini, bukan oleh kerana kita bersifat cauvinis yang juga pernah dituduh oleh pihak kerajaan dan sentiasa apabila menjelang pilihan raya bermacam-macam pujian telah dibuat terhadap sekolah Cina dan saya rasa ini bukanlah harus berhenti selepas pilihan raya.

Saya juga tahu bahawa sesi ini nampaknya kemungkinan adalah sesi yang terakhir sebelum pilihan raya diadakan dan sentiasa isu bahasa ibunda ini menjadi isu utama yang dibawa oleh pembangkang tetapi kali ini nampaknya termasuk juga pihak Barisan Nasional membawa isu ini dan saya hendak mengatakan di sini satu perbezaan di antara mereka dengan pihak DAP ialah apabila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkata bahawa yang diminta itu oleh kerana ada kekurangan peruntukan di kalangan SJKC yang patut ditambah. Ini bukanlah pandangan yang tepat oleh kerana saya telah berkata bagi pihak DAP bahawa kita menganggap kalau kerajaan tidak boleh memberikan justifikasi yang betul tidak membangunkan SJK(C) dan juga SJK(T) ini mengikut prinsip keadilan, maka kita akan menganggap polisi-polisi kerajaan sebagai tidak adil.

Saya boleh memberikan satu contoh di sini, di Rancangan Malaysia Ketujuh pada tahun 1996 hingga 2000. *Enrolment* SK atau Sekolah Kebangsaan ialah 75.3% tetapi *allocation* yang terdapat adalah 96.54%. Bagi sekolah Cina, SJK(C) jumlah enrolment 21.0% dan peruntukan pembangunan mendapat hanya 2.4%. Bagi SJKT enrolment adalah 3.63% ini dari seluruh enrolment di negara tetapi peruntukan hanya 1.02%. Inilah yang

menunjukkan satu ketidakadilan polisi yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dan ada banyak lagi sekolah. Bagi SJK(C) tahun 1970 sampai tahun 2000, sudah bertambah bilangan murid 180,000 orang tetapi jumlah sekolah Cina telah kurang sebanyak 62 buah.

Bagaimanakah perasaan, saya bertanya dengan ikhlas kaum Melayu kalau ingin menjadi satu masalah di antara mereka. Saya tidak membantah bahawa kerajaan memberikan peruntukan yang cukup bagi sekolah kebangsaan, binalah berapa buah sekolah yang diperlukan oleh kerana pada kita pendidikan itu adalah satu isu yang mustahak yang harus diberikan peruntukan yang cukup tetapi itulah perasaan komuniti Cina apabila mereka ada berkata bahawa seolah-olah mereka dilayan sebagai *second class citizen*. Tidak berapa lama dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga berkata bahawa orang Melayu juga merasakan mereka adalah *second class citizen in this country*, oleh kerana mereka yang menjadi pemandu kepada orang Cina merasa tertekan.

Saya rasa ini bukan satu analogi yang baik yang boleh diterima kerana bila kita kata rakyat memandang tidak adil ini, kita merujuk kepada polisi kerajaan. Saya juga tidak faham kalau kerajaan telah begitu banyak kali berkata bahawa ia ingin bertindak adil kepada semua jenis sekolah, mengapakah kita masih melaksanakan begitu banyak sekatan terhadap sekolah Cina dan juga sekolah Tamil. Ada banyak contoh saya rasa saya tidak payah saya sebut lagi, oleh kerana telah banyak kali saya sebut dari segi peruntukan, dari segi kekurangan guru juga.

Tahukah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen terutama Yang Berhormat bagi Sri Gading yang hari itu telah memuji pengorbanan orang Cina yang sanggup untuk membantu pembangunan sekolah Cina. Di daerah Johor Bahru terdapat kekurangan 557 guru terlatih sehingga Lembaga Pengelola juga Persatuan Ibu Bapa sekolah-sekolah Cina di dalam daerah Johor Bahru terpaksa mengeluarkan wang sebanyak RM135 juta setahun untuk mendapatkan guru-guru sandaran.

Negara kita sudah maju, kita mempunyai *twins tower* yang paling tinggi tetapi di mana satu dunia ada satu kaum yang terpaksa menanggung begitu banyak perbelanjaan untuk membangunkan sekolah dan mengikut angka yang dikeluarkan oleh Dong Jiao Zhong komuniti Cina satu tahun membelanjakan atau menyumbang RM200 juta kepada SJK(C) dan juga sekolah menengah persendirian dan satu lagi saya hendak bertanya, saya pernah berkata bahawa saya tidak mahu membahaskan berkenaan prinsip, bolehkah kerajaan mengutip wang bagi membangunkan sekolah menengah persendirian melalui ramalan khas cabutan *special*, oleh kerana kerajaan memang pernah menggunakan cara ini untuk mengutip wang sebanyak RM155 juta bagi membantu penternak khinzir, di mana mereka telah memusnahkan khinzir mereka.

Jawapan yang diberikan oleh kerajaan ialah bahawa kurikulum sekolah ini bukanlah mengikut kurikulum kebangsaan. Kalau itu benar, apakah sebab semenjak tahun 1999 iaitu di mana UMNO telah mengalami satu kekalahan yang teruk, mereka sekarang telah memberikan peruntukan setiap tahun kepada sekolah menengah persendirian. Ini menunjukkan bahawa kesanggupan kerajaan untuk memberikan peruntukan kepada sekolah menengah persendirian adalah untuk keperluan politik sendiri sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Tuan Kerk Kim Hock:** ...bukan oleh kerana keperluan pendidikan. Jadi, ini saya rasa kalau kerajaan betul-betul mengatakan bahawa ia hendak bertindak adil, kepada semua jenis sekolah, saya rasa kita hendaklah ada satu *consensus* berkenaan dengan isu yang sensitif ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Terutama sekali, akhirnya Tuan Pengerusi saya rasa walaupun semua parti termasuk pihak Barisan Nasional mengatakan bahawa mereka hendak bertindak adil kepada semua jenis sekolah dan juga sekolah jenis kebangsaan semua akan kekal, tetapi tiada seorang berani berkata untuk meminda Akta Pendidikan Tahun 1996 oleh kerana kalau kerajaan dengan jelasnya mengatakan semua jenis sekolah

akan kekal selama-lamanya dan memberikan tindakan yang adil maka hilanglah matlamat *final objective*, itulah sebenarnya yang menyusahkan kerajaan dari segi hendak bertindak adil kepada semua jenis sekolah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Parit Sulung.

**11.39 pagi**

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulung]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada 010000 Pengurusan Kementerian dan lebih khusus lagi kepada 010100 mengenai dasar dan korporat. Di dalam hal ini Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan dan mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana di dalam ucapan belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini menyatakan bahawa kerajaan akan mewujudkan pejabat-pejabat promosi pendidikan Malaysia di beberapa wilayah di dunia ini seperti di Beijing, Dubai dan juga di Jakarta.

Ini adalah usaha untuk menarik atau pun menjadikan pendidikan sebagai satu produk untuk membawa masuk pendapatan bagi negara ataupun *foreign exchange* ke negara ini. Langkah ini adalah langkah yang tidak konvensional.

Saya harap untuk keberkesanan usaha ini, kerajaan akan mempawahkan usaha itu kepada syarikat swasta ataupun dengan izin dalam bahasa Inggerisnya ialah *to out source the service* kepada syarikat swasta - bukan kerana pihak kerajaan tidak mempunyai kepakaran dan juga kecekapan dalam hal ini, tetapi saya rasa soal *marketing* ini eloklah dilakukan oleh pihak yang pakar mengenai pemasaran.

Dengan ini saya harap akan lebih ramai penuntut dari luar negara, khususnya daripada Tanah Besar China, daripada Wilayah Arab dan juga mungkin daripada Indonesia, akan dapat melanjutkan pendidikan mereka ke negara ini, sama ada di Institusi Pengajian Tinggi Awam yang terpilih ataupun di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. Dengan itu juga saya berpandangan bahawa universiti-universiti swasta sebagaimana telah banyak kali saya memperjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini, seharusnya merubah paradigma pemikiran mereka supaya produk-produk yang terbaik di sesebuah universiti yang ada di negara ini juga dimasukkan sebagai produk pendidikan yang akan diperkenalkan ke luar negara untuk menarik minat pelajar-pelajar luar negara datang menerima pendidikan di negara ini.

Yang keduanya Tuan Pengerusi, saya melihat bahawa Kementerian Pendidikan adalah satu kementerian yang amat besar. Peruntukan tahunannya juga adalah lebih besar dan mendepani peruntukan Kementerian Pertahanan dan sebagainya. Kementerian ini merangkumi pendidikan pra-sekolah sehingga ke peringkat universiti.

Pada hari ini, kalau kita membincangkan soal pendidikan, hari-hari kita mendengar soal mengenai masalah-masalah kemanusiaan yang wujud mengenai pendidikan. Dua hari sudah, seorang pelajar Tingkatan 5 telah meninggal dunia kerana pergaduhan di sekolah. Semalam ada seorang anak murid yang patah tangan kerana pergaduhan di sekolah. Ini semua adalah masalah-masalah kemanusiaan yang wujud. Saya tidak berani mengatakan ini hasil ketidakcekapan tetapi mungkin kerana sistem di mana Kementerian Pendidikan itu menjadi terlalu besar dan tenaga manusia untuk menangani masalah-masalah kemanusiaan ini secara cekap adalah berkurangan.

Dengan itu saya cadangkan supaya Kementerian Pendidikan ini dibahagikan kepada dua. Satu Kementerian Pendidikan Rendah dan satu lagi Kementerian Pendidikan Tinggi. Saya rasa tidak hilang objektif negara untuk menjadikan pendidikan sebagai teras memajukan negara kalau kementerian ini dibahagikan kepada dua. Sebaliknya ia akan lebih menguntungkan negara kerana kecekapan dan lebih fokus pegawai-pegawai yang akan menangani kementerian ini.

Kita lihat sendiri kecekapan kementerian menangani masalah Kolej Komuniti. Kolej Komuniti diketengahkan menerusi cadangan daripada MAPEN dan juga diperkenalkan menerusi Rancangan Malaysia Kelapan. Tetapi hari ini kita melihat bahawa Kolej Komuniti menghadapi jalan yang terbengkalai. Mengapakah terjadi begini? Adakah ini hasil perancangan yang tidak fokus? Adakah ini hasil perancangan yang tidak terperinci? Atau apa? Kita tidak mengetahui. Tetapi, yang menjadi mangsa adalah

rakyat. Yang menjadi mangsa adalah wakil rakyat yang telah pun menghebahkan perkara ini kepada rakyat yang menjadi pengundi mereka di peringkat kawasan. Kita memperkenalkan sesuatu dasar dan juga program untuk membawa manfaat, bukan kita memperkenalkan dasar untuk mencari musibah.

Sebab itu saya berpendapat Kementerian Pendidikan perlu dibelah kepada dua, iaitu Pendidikan Rendah dari peringkat prasekolah sehingga menengah tinggi – Tingkatan 6, dan juga dari universiti ataupun institusi-institusi kemahiran sehingga kepada peringkat universiti. Dengan cara ini kita akan dapat melihat keberkesanan kerajaan menangani soal-soal Institusi Pendidikan Tinggi Swasta yang banyak telah pun gulung tikar mungkin akibat *inconsistencies* dasar-dasar atau program-program yang tidak sesuai ataupun akibat kegagalan mereka untuk memenuhi segala garis panduan yang wujud.

Saya juga amat simpati dengan kedudukan Sekolah Bantuan Modal yang menerima hanya RM10 Token Vot di dalam belanjawan kali ini. Saya rasa dengan membekalkan peruntukan token RM10, kita hanya mengundang masalah daripada sebelah sana. Tadi kita baru mendengar bagaimana Yang Berhormat bagi Kota Melaka mengungkit bahawa kita mempunyai Menara Kembar yang tinggi tetapi kononnya kita tidak memberikan tumpuan kepada soal pendidikan Cina. Ini sekolah bantuan modal kita bagi RM10.

Mengapa? Adakah ini satu peruntukan *token* yang diletakkan supaya boleh ditambah ataupun satu peruntukan *token* yang hendak dihapuskan terus. Soal pendidikan adalah milik semua orang. Mereka rakyat keturunan Cinakah, keturunan Melayukah, Orang Aslikah, mereka memerlukan pendidikan kerana pendidikanlah yang menjadi teras kepada kemajuan negara.

**Tuan Chang See Ten:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya tidak ada masa. Minta maaf. Minta maaf. Selanjutnya Tuan Pengerusi, adalah soal masalah-masalah yang wujud di sekolah-sekolah. Adakah ini kerana pendidikan pada hari ini hanya ditumpukan kepada soal menerima ilmu dan bukannya soal pembinaan generasi. Kita berhadapan dengan satu delima sekarang. Pada suatu ketika pendidikan kita berasaskan kepada kuantiti, mahu mewujudkan lebih ramai *graduate*, lebih ramai para lepasan ijazah, lebih ramai mereka yang menuntut di peringkat perubatan, lebih ramai jurutera. Tetapi, kualiti manusia yang hendak diwujudkan dengan pendidikan itu, bagaimana? Adakah kita menitikberatkan soal kualiti kemanusiaan, kualiti generasi supaya mereka menjadi orang yang berilmu di samping menjadi rakyat yang bermutu tinggi, yang mempunyai kesedaran nasionalisme dan boleh memberi komitmen kepada kewujudan dan juga kelangsungan negara ini.

Saya tidak tahu hendak mengatakannya kerana saya bukan seorang pakar kemasyarakatan. Pokoknya saya lihat sekarang generasi yang diwujudkan hari ini adalah generasi yang lulus SRP dengan cemerlang, yang lulus SPM, yang mendapat pendidikan *First Class (Honours)*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kena menggulung.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tetapi bagaimanakah mereka kalau dibandingkan dengan *international community*? Secara kecil-kecilan Tuan Pengerusi, saya mempunyai sebuah syarikat. Saya menitik beratkan banyak *graduate* daripada universiti tempatan. Tetapi saya kecewa kerana tiga bulan pertama, kita terpaksa melatih mereka dengan kerja walaupun mereka dilatih khusus dan diambil khusus untuk bidang kerja yang selaras dengan kelulusannya. Mengapa terjadi begini? Mutu komunikasi mereka rendah. *Self confidence* mereka kurang. Oleh itu saya harap soal pendidikan negara bukan hanya menitikberatkan kepada soal kurikulum, tetapi juga kepada soal pembinaan generasi, soal pembinaan manusia, soal supaya warganegara Malaysia adalah orang yang boleh bertanding dengan komuniti antarabangsa. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kinabatangan.

### 11.50 pagi

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa perkara – Butiran 020500 – Pendidikan Sekolah Berasrama Penuh; Butiran 040100 – Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.

Saya bersetuju dengan rakan yang terdahulu daripada saya bahawa senario insiden-insiden dan peristiwa demi peristiwa yang berlaku di sekolah sehingga melibatkan pembunuhan, bukan lagi melibatkan pergaduhan yang normal, tetapi mengakibatkan pembunuhan demi pembunuhan di sekolah, dan yang terlibat ini ialah anak-anak, murid sekolah di bawah umur 15 tahun. Bagaimanakah sesebuah negara seperti negara kita ini yang berada dalam keadaan aman, damai dan tenteram tetapi pelajar-pelajar kita di sekolah menghadapi satu gejala sosial yang amat membimbangkan.

Saya percaya Kementerian Pendidikan telah melaksanakan sesuatu yang terbaik tetapi tidak memadai setakat di sini. Perancangan, pendekatan dan strategi harus dibincangkan bersama untuk memastikan bahawa peristiwa seumpama ini tidak lagi berlarutan. Ini bermakna, kalau boleh, saya ingin mencadangkan kepada kementerian dan kerajaan, sama ada kita suka ataupun tidak suka, meminta Guru-guru Besar dan juga seluruh anggota pengajar di sekolah berkenaan supaya bertanggungjawab sepenuhnya di atas insiden-insiden yang berlaku di dalam sekolah. Dan sekiranya mereka bertugas secara sambil lewa, saya tahu dan kita sedar keadaan ini berlaku kerana sikap sambil lewa, saya percaya guru-guru mereka mempunyai pendidikan yang tinggi tetapi mereka tidak ada motivasi diri, tidak ada semangat kekitaan, sebelum guru-guru ini diberi kebenaran untuk mengajar, mereka harus diberi latihan tentang bagaimanakah identiti mereka, bukan hanya sebagai guru tetapi juga sebagai rakan dan sebagai sahabat, yang ingin mengambil tahu akan potensi-potensi pelajar yang boleh menjadi *gangster*, yang ada potensi untuk menjadi pembunuh dan sebagainya. Guru-guru dalam kelas harus tahu, tetapi mereka tidak tahu sebab mereka hanya berkata, "*Saya hanya seorang guru, tugas saya mengajar, bukan untuk melihat keselamatan anak-anak di sekolah*".

Dan peranan ibu bapa juga perlu dan penting sebab saya percaya anak-anak ini kurang perhatian daripada ibu bapa sehingga apabila datang ke sekolah, mereka boleh membawa senjata tajam dan sebagainya. Kalau di Amerika atau di Eropah, mereka boleh membawa pistol dan sebagainya. Di kalangan kita pula, guru-guru disiplin dan sebagainya, tidak memerhati reaksi pelajar masing-masing sehingga ada yang membawa pisau dan lain-lain, menikam rakan mereka di dalam pertengkaran dan sebagainya. Ini pada saya adalah satu gejala yang perlu ditangani secara segera.

Saya mengulangi, kalau boleh, kementerian perlu menggariskan satu peraturan baru iaitu Guru Besar, *Principal* dan sebagainya, termasuk seluruh guru-guru, hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya di atas kejadian-kejadian yang seumpama ini sebab pada sebahagian ibu bapa, anak mereka tidak bersalah. Menghantar anak-anak ke sekolah, mengharapkan anak-anak ini mendapat ilmu pendidikan tetapi di sebaliknya mereka menyambut mayat anak mereka balik ke rumah. Bayangkanlah, kalau perkara ini kita tidak tangani secara serius, ia mungkin akan melibatkan di kalangan anak kita sendiri, yang begitu mengharapkan mereka baik di sekolah tetapi orang lain pula yang membunuh mereka.

Jadi, saya percaya kementerian mempunyai satu perancangan pada masa akan datang tetapi tidak harus berhenti di sini. Sistem menempatkan pengawal-pengawal keselamatan di sekolah amat saya hargai, tetapi ini tidak mencukupi kerana pengawal keselamatan ini harus diberi penekanan. Kadang-kadang saya hairan bagaimana sebuah sekolah yang dilengkapi dengan pagar dan sebagainya, boleh dicerobohi oleh orang luar. Ini pada saya adalah satu masalah yang perlu dilihat. Itu sebab, sama ada guru-guru disiplinkah atau guru apa pun, mereka kena bertanggungjawab, Tuan Pengerusi.

Pihak Kementerian Pendidikan harus memberi amaran yang tegas. Kerajaan telah melakukan sesuatu yang baik untuk memastikan pendidikan di negara kita ini berada di landasan yang benar tetapi kakitangan, pegawai, para pendidik, pengajar ini tidak bertanggungjawab, saya lihat. Kalau mereka ini ada keprihatinan, ada keyakinan, di kantin, di pusat riadah dan sebagainya, mesti ada seseorang yang *in-charge* ataupun pengawal

yang memastikan keselamatan murid-murid ini. Mereka ini anak sekolah, belum ada pemikiran yang waras untuk menentukan perkara yang baik dan tidak baik.

Satu perkara lagi iaitu berhubung dengan Pengurusan Dasar Pendidikan. Saya ingin menyentuh di Sabah. Saya rasa tidak keterlaluan kalau saya katakan bahawa sistem pendidikan dan juga keputusan prestasi di antara pelajar di Sabah dengan di Semenanjung terlalu jauh bezanya. Kita boleh lihat dari keputusan peperiksaan. Kadang-kadang saya bertanya kepada pegawai pendidikan di Sabah: *“Apa telah terjadi dengan sistem pendidikan di Sabah? Adakah guru-guru yang dihantar daripada Semenanjung tidak baik ataupun tidak berkualiti? Apakah pelajar di Sabah makan makanan yang tidak sihat? Apakah pelajar di Sabah ini tidak pandai seperti pelajar di sini?”*

Saya melihat perkara ini berlaku oleh kerana prasarana itu sendiri. Makmal komputer, makmal sains di Sabah, kalau kita lihat di sekolah-sekolah, *equipment* makmal sains dia adalah kelengkapan tahun 1970-an, 80-an, tidak ada peningkatan. Bagaimana kita mengharapkan untuk melahirkan seorang saintis di Sabah? Dan hari ini saya berani katakan bahawa bukan sahaja *zero*, tetapi *minus-zero* yang bakal menjadi saintis di Sabah. Yang ada pula lari kerana mencari prasarana yang ada, kemudahan-kemudahan yang ada. Jadi, perkara ini harus dilihat oleh kementerian secara serius. Di Sabah, apabila ada sekolah menengah ia sudah memerlukan sekolah menengah berasrama penuh sebab jalan raya perhubungan terlalu jauh antara satu kampung dengan kampung yang lain. Perkhidmatan bas terlalu *limited* – kadang-kadang terpaksa berjalan kaki sejauh 10 kilometer, 12 kilometer. Sabah bukan macam di sini.

Jadi, Kementerian Pendidikan harus merancang secara lebih teliti. Apabila ada sekolah menengah, maka wajiblah dibina bersama asrama penuh yang boleh menampung pelajar-pelajar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** Ya, saya gulunglah ini. Tuan Pengerusi, satu minit lagi. Saya haraplah Kementerian Pendidikan dan juga kerajaan, kita sama-sama, kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh menjalankan kerja sebagai Perdana Menteri tanpa melihat, menoleh ke belakang, saya ingin mengajak semua pegawai dan kakitangan, termasuk orang-orang politik, sama ada daripada kerajaan dan pembangkang, sama-sama kita menangani gejala dan sosial pendidikan kita untuk memastikan negara kita ini setanding dengan pendidikan-pendidikan yang ada di luar negara. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Serdang.

**11.58 pagi**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh Butiran 020000 – Pendidikan Rendah dan Menengah. Tuan Pengerusi, pihak Kementerian Pendidikan telah menegaskan bahawa Dasar Pendidikan Peringkat Rendah meliputi Sekolah Kebangsaan dan SJK(C) dan SJK(T) dengan digariskan sebagai bantuan penuh dan bantuan modal daripada kerajaan. Objektif seperti ini telah menentukan semua rakyat Malaysia yang layak menerima pendidikan terbaik selaras dengan Dasar Pendidikan di peringkat rendah.

Komitmen kerajaan terhadap peningkatan dan kecemerlangan pendidikan rakyat sebagai persediaan untuk menangani cabaran pada masa akan datang, pihak kerajaan telah memberi tumpuan khas terhadap pembangunan dan perkembangan pendidikan, khususnya di sekolah rendah dan menengah melalui pelaksanaan sekolah satu sesi. Saya difahamkan bahawa pelaksanaan sekolah satu sesi bertujuan untuk mengurangkan kesesakan di sekolah-sekolah yang beroperasi dua sesi, iaitu sesi pagi dan sesi petang supaya membolehkan sekolah-sekolah berkenaan beroperasi dalam satu sesi sahaja dengan mewujudkan ruang yang mencukupi bagi menjalankan aktiviti kokurikulum di sebelah petang.



Tuan Pengerusi, dengan adanya strategi untuk pelaksanaan sekolah satu sesi melalui penambahan kemudahan fizikal sama ada membina sekolah-sekolah baru atau bangunan tambahan di sekolah-sekolah sedia ada yang beroperasi dalam dua sesi yang kini mengikuti laporan bahawa program yang sedang dalam pelaksanaan meliputi 494 projek dalam fasa 1 dan 200 projek dijalankan dalam fasa 2.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Pelaksanaan sekolah satu sesi adalah dijalankan secara berperingkat sehingga tahun 2010. Saya hendaklah mengingatkan bahawa kelengkapan kemudahan pendidikan untuk SJK(C) dan SJK(T) perlu diambil kira dan sekolah-sekolah berkenaan janganlah dipinggirkan dalam program ini.

Tuan Pengerusi, pelaburan dalam pendidikan dan pelaksanaan sistem pendidikan terbuka oleh kerajaan memang dialu-alukan. Peruntukan pendidikan perlu ditambah untuk memulihkan dan meningkatkan bilik-bilik darjah yang uzur dan serba kekurangan di SJK(C) dan SJK(T). Ini mencerminkan semangat peraturan dalam Perkara 12, perenggan 1(a)(b) dan Perkara 152 perenggan 1(a)(b) dalam Perlembagaan Persekutuan. Permohonan untuk mendapat peruntukan bagi memulihkan atau menambah bilik darjah diproses dengan saksama akan dapat memberi bantuan kepada SJK(C) dan SJK(T) secara munasabah tanpa bersikap berat sebelah.

Tuan Pengerusi, dalam kawasan saya, pemeriksaan pihak JKR terhadap bangunan bilik darjah yang bernombor JKR 1197 di SJK(C) di Serdang Baru 1, Sri Kembangan mendapati bahawa bangunan tersebut telah uzur dan tidak sesuai untuk pembelajaran. Hasil siasatan berkenaan dikemukakan kepada pihak Kementerian tetapi tanpa jawapan sehingga kini. Di samping itu, sekolah bantuan penuh SJK(C) Yak Chee, Batu 8, Puchong, dengan bilangan murid seramai 3,510 murid menghadapi masalah iaitu salah satu blok bilik darjah telah diserang anai-anai. Hasil siasatan pihak JKR menyatakan bahawa bangunan itu tidak lagi selamat untuk diduduki dan perlu dirobohkan. Namun, jawapan daripada pihak Kementerian ialah kerja-kerja membina bangunan gantian adalah bergantung kepada kelulusan peruntukan.

Saya memandangkan serius terhadap blok-blok bilik darjah yang dianggap uzur, tidak selamat untuk pembelajaran dan perlu dirobohkan untuk gantian blok baru hendaklah diambil berat oleh pihak Kementerian. Jangan biarkan keadaan begitu sahaja kerana mungkin akan menjejaskan keselamatan murid-murid. Saya juga mendesak agar permohonan penambahan bilik darjah oleh SJK(C) Batu 14 Puchong sebagai sekolah bantuan penuh dan permohonan untuk membina sekolah kebangsaan di Taman Tun Perak, Cheras dan Cheras Utama dapat diteliti dan diberi pertimbangan khas memandangkan keadaan yang terdesak pada masa kini.

Tuan Pengerusi, kini melebihi 60,000 orang murid bukan kaum Cina telah memilih untuk memasuki SJK(C) bagi mendapat pendidikan peringkat rendah. Ini menunjukkan bahawa ibu bapa akan memberi peluang kepada anak-anaknya untuk memahami bahasa dan kebudayaan masyarakat Cina seperti yang dinyatakan dalam surat bertajuk 'Penguasaan Bahasa Cina Mengerat Hubungan Kaum' daripada seorang pembaca berbangsa Melayu yang disiarkan dalam surat khabar *Berita Harian*, bertarikh 9 Oktober 2003.

Tuan Pengerusi, justeru itu, pihak Kementerian Pendidikan perlu memahami, menghargai serta menghormati pandangan masyarakat bukan kaum Cina terhadap soal pendidikan memandangkan hakikat melebihi 60,000 orang pelajar bukan Cina sedang menimba ilmu dan mendapat pendidikan peringkat rendah di SJK(C). Bilangan murid bukan kaum Cina yang ramai di SJK(C) telah menduduki tempat pelajaran 30 buah SJK(C). Jika purata 2,000 orang murid di SJK(C) ertinya, kalau sebuah sekolah dengan adanya 2,000 murid, 60,000 akan menduduki 30 buah sekolah jenis kebangsaan itu. Dengan demikian, strategi pendidikan perlu dikaji semula dan bantuan diberi kepada SJK(C) dalam perkara permohonan penambahan bilik darjah, pembinaan SJK(C) baru khususnya di kawasan Puchong untuk memberi peluang pendidikan kepada lebih ramai masyarakat berbilang kaum sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 28 di bawah Akta Pendidikan iaitu memberi kebenaran kepada menteri untuk menubuhkan sekolah kebangsaan SJK(C).

Sistem pendidikan aliran SJK(C) hendaklah dianggap sebagai isu pendidikan negara dan perlu diuruskan selaras dengan Dasar Pendidikan dan Perlembagaan Persekutuan dengan sikap terbuka untuk memberi kunci agar membuka pintu pendidikan SJK(C) secara rasional supaya masyarakat Cina tidak lagi menyuarakan isu pendidikan berkaitan dengan SJK(C) lagi.

Tuan Pengerusi, Butiran 01100 – Bantuan Modal. Dalam Anggaran Perbelanjaan dan Bajet Program yang menunjukkan bahawa pada tahun 1996 hingga 2000 sejumlah RM88 juta telah diperuntukkan untuk bantuan modal. Dalam tahun 2001 hingga 2003 jumlah RM35 juta telah diuntukkan bantuan modal. Pada tahun ini RM10 juta telah diperuntukkan sebagai bantuan modal untuk Sekolah Bantuan Modal. Saya harap dan saya setuju Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi katakan begitu teruknya kalau peruntukan hanya RM10 ringgit pada tahun depan yang akan dijadikan isu besar. Maka saya mendesak pihak kementerian supaya dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan perlu untuk mempertambahkan peruntukan bantuan modal di tahun depan dan masa akan datang untuk mengelakkan sebarang isu seakan berlaku dalam pilihan raya akan datang.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Kolej Komuniti. Saya hendak minta, tapak seluas 15 ekar di Puchong telah dikenal pasti sebagai Kolej Komuniti di Parlimen Serdang, permohonan telah disampaikan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan disampaikan kepada pihak kementerian, tetapi sehingga kini masih belum ada tanda-tanda untuk membina atau pelaksanaan projek Kolej Komuniti di kawasan Puchong ini kerana di kawasan Puchong memang diwujudkan begitu banyak sekolah menengah yang berdekatan dengan kampung-kampung tradisi tersebut. Sebab inilah peluang kepada murid-murid Tingkatan 5 selepas itu menyertai Kolej Komuniti ini. Maka saya mendesaklah pihak kementerian supaya memberi keutamaan pelaksanaan projek Kolej Komuniti di kawasan Puchong untuk memberi dan menikmati kemudahan pelajaran kepada murid-murid selepas Tingkatan 5 di kawasan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kuala Terengganu.

**12.09 tgh.**

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin untuk bersama-sama membahaskan terutamanya tentang pendidikan rendah dan menengah seperti mana yang disebutkan oleh rakan-rakan Ahli Parlimen tadi. Pada 16 Januari 2003 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan, dengan izin, "*wrong religious teaching in Sekolah Agama Rakyat to blame for rising crime rate.*" Ini berlaku pada awal tahun ini, dan di Dewan ini jugalah kita telah merakamkan bagaimana pelbagai bentuk penghinaan diberikan kepada Sekolah Agama Rakyat – Sekolah Agama Rakyat membawa kepada masalah disiplin, Sekolah Agama Rakyat menjadi sarang kepada penganas, Sekolah Agama Rakyat menjadi tempat membentuk golongan ekstremis, ganas dan sebagainya.

Tetapi apa yang berlaku, Tuan Pengerusi, mungkin dengan izin Allah S.W.T. yang hendak menunjuk kepada kita dalam jangka masa yang begitu cepat kita dapat melihat kerakusan, masalah disiplin dan dalam jangka masa dua minggu ini sahaja dua kes pembunuhan berlaku – satu di sekolah menengah kebangsaan di Setiu dan satu lagi di sekolah menengah teknik di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan.

Ini suatu yang perlu kita renung jauh terutamanya kepada Ahli-ahli Parlimen UMNO - orang-orang Melayu - penghinaan kita kepada Sekolah Agama Rakyat terjawab sekarang ini dengan masalah disiplin yang begitu teruk, yang perlu kita akui, mungkin kerana bebalnya Ahli-ahli Parlimen UMNO di Parlimen ini mempertahankan suatu dasar yang dangkal, maka ....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [Menyampuk]

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** ....inilah yang kita lihat di dalam masyarakat sekarang ini, di mana sekolah-sekolah kebangsaan menghadapi masalah disiplin yang teruk.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya di Dewan ini apa yang Menteri Pendidikan sekarang ini sedang buat. Menteri Pendidikan tidak lebih daripada....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Pengerusi, minta laluan.

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** ....boneka kepada suatu permainan politik yang dilakukan oleh....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Dua orang, beri jalan atau tidak?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kuala Terengganu, berilah jalan.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** ....pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dia kata UMNO ini! Ahli Parlimen yang *you* katakan ....

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Masa saya singkat, Tuan Pengerusi.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Menyampuk*]

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Pengerusi, hendak tanya, sekolah....

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat. Dia tidak beri jalan.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Apa yang berlaku sekarang ini, kita perlu menyedari, ....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang buat perpecahan itu orang PAS.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Larut, dia tidak beri jalan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Apa yang berlaku....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Ikut Peraturan Mesyuarat. Minta Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Tuan Pengerusi, apa yang berlaku sekarang ini, kita perlu renung dengan jauh. Apakah tanggungjawab yang ada kepada kita sebagai Ahli-ahli Parlimen di Dewan ini? Sebagaimana yang saya sebutkan, kita telah merakamkan apa jua bentuk penghinaan yang kita berikan kepada Sekolah Agama Rakyat dengan pelbagai label-label yang negatif.

Apakah yang sedang berlaku sekarang ini, kita pula akan melabelkan sekolah-sekolah kebangsaan sebagai tempat dan sarang kepada penganas, tempat dan sarang kepada *extremism*, tempat dan sarang kepada *gangsterism* dan pembunuhan yang berlaku! Menteri Pendidikan bertanggungjawab penuh kepada apa yang sedang berlaku sekarang ini. Masalah disiplin di sekolah-sekolah kebangsaan adalah di tahap yang amat membimbangkan. Amat membimbangkan!

Tuan Pengerusi, satu lagi saya ingin sebut dalam jangka masa yang begitu singkat ini ialah dari segi pengajaran matematik dan sains. Ini juga menjadi suatu persoalan yang saya ingin terus menyebut, kajian-kajian yang dibuat oleh sekumpulan pensyarah-pensyarah universiti ....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Minta jalan. Dia tidak beri jalan, Tuan Pengerusi. Dia kata orang "bebal".

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Tuan Pengerusi, saya tidak beri jalan sebab masa saya terlalu singkat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, di atas Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, di atas Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat kena beri jalan, ya. Ya, apa dia itu? Ya, Larut.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Peraturan Mesyuarat 36 (4) dan (6)....

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** ....yang mengandungi bahasa kurang sopan, biadab dan juga sangkaan jahat. Ini tidak sepatutnya dilakukan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu yang menganggap diri dia seorang yang terpelajar. Berilah contoh yang baik! Menganggapkan sekolah ini sebagai sarang penganas, apa sangkaan terhadap generasi muda kepada kita yang membuat dasar di sini? Tolonglah guna bahasa yang baik sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Takkan tidak ada bahasa yang baik, Tuan Pengerusi. Minta satu *ruling*, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, apa yang dikatakan itu ialah secara am, Yang Berhormat, kepada sekolah-sekolah, yang tidak mengapa. Jikalau sekiranya kepada seseorang barulah tidak boleh di bawah Peraturan Mesyuarat, ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Itu di peringkat awal! Nanti dia masuk lagi, Tuan Pengerusi, kalau tidak dilarang pada peringkat awal.

**Tuan Pengerusi:** Tidak apalah! Sila, sila. Sri Gading, ada apa hendak? Dia tidak beri jalan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Berilah laluan, astaghfirullahalazim.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Saya ingin meneruskan tentang matematik dan sains ini.

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila teruskan.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Saya berkali-kali bertanya di Dewan yang mulia ini, apa rasionalnya kerajaan membenarkan SJK (C) menggunakan dua bahasa, dwibahasa, bahasa ibunda dan juga bahasa Inggeris dalam pengajaran matematik. Apakah ini kerana politik semata-mata ataupun tidak? Kenapakah sekolah-sekolah kebangsaan tidak dibenarkan menggunakan dwibahasa, bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris dalam pengajaran matematik dan sains?

Kajian-kajian yang dibuat oleh mereka yang pakar dalam bidang ini dengan jelas menunjukkan, Tuan Pengerusi, tentang ketidakmampuan. Sebagai contohnya, ilmu sains dan matematik mampu disampaikan dalam bahasa Malaysia, 81% daripada kajian yang mereka buat ke atas guru-guru menyatakan lebih baik dalam bahasa Melayu. Begitu juga keputusan peperiksaan pelajar saya sangat membanggakan dalam sains dan matematik

yang diajar dalam bahasa Inggeris, hanya 6% menyatakan persetujuan dan 94% menyatakan tidak bersetuju. Begitu juga pencapaian ilmu sains dan matematik mampu disampaikan dalam bahasa Malaysia ataupun bahasa Melayu, 81% bersetuju bahawa matematik dan sains mampu disampaikan dalam bahasa Melayu.

Ini antara kajian-kajian awal yang dibuat oleh pakar-pakar, oleh mereka yang pakar dalam bidang ini. Persoalan yang timbul, kalau kita lihat, Tuan Pengerusi, jika kurikulum bersepadu sekolah menengah mengambil masa lapan tahun untuk diterapkan dengan pertimbangan-pertimbangan yang rasional, mengapakah dasar bahasa Melayu ke bahasa Inggeris ini, hanya mengambil masa enam bulan sahaja untuk diimplementasikan? Kenapakah kegopohan ini berlaku?

KBSM masih mengekalkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan kesannya hanya pada kurikulum sahaja, tetapi penukaran dasar bahasa adalah suatu yang serius. Banyak perkara yang harus difikirkan bersama sebelum ianya diguna pakai. Saya ingin mendapat jawapan daripada Menteri dalam hal ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang ingin saya sebut ialah pendidikan swasta. Sebagaimana yang disebutkan tadi, kita mempunyai lebih daripada 600 kolej dan universiti swasta di negara kita, dan kesan kepada dasar pendidikan, perlu kepada pengkajian-pengkajian yang lebih mendalam. Tetapi apakah logiknya di akhir-akhir ini menaiktarafkan kolej-kolej ke universiti-universiti dalam keadaan yang tergopoh-gapah? Saya ingin memberi contoh. Sebagai contoh, kelulusan yang diberikan kepada Lim Kok Wing kepada status universiti, orangnya masih hidup. Lim Kok Wing ini masih hidup. Apa jasa dia? Tetapi diberikan status universiti.

Apakah kita ataupun kementerian tidak ada sensitiviti menamakan sebuah universiti atas nama Lim Kok Wing, orang yang masih hidup, yang ada di negara kita, Tuan Pengerusi? Universiti-universiti dinamakan atas nama mereka yang telah lama meninggalkan kita kerana berjasa kepada kita, tetapi Lim Kok Wing atas nama Lim Kok Wing.

Saya tidak tahulah, mungkin kementerian juga akan meluluskan "Universiti Marimuthu", "Universiti Samy Vellu" kah, dalam keadaan mereka hidup. Atau pun "Universiti Arumugam" ataupun "Universiti Lim" ataupun Ah Kau dan sebagainya, atas nama individu-individu yang masih hidup dalam hal ini. Ini juga saya ingin suatu jawapan daripada kementerian.

Sebagai akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat jawapan daripada kementerian tentang penggunaan sekolah-sekolah di akhir-akhir ini, sekolah digunakan sebagai tempat berpolitik ataupun premis program-program politik, khususnya di negeri Terengganu. Saya berkali-kali bertanya di Dewan ini, di bawah peruntukan mana sekolah-sekolah dibenarkan digunakan sebagai tempat bermesyuarat, perhimpunan dan juga yang akhir ini - minggu lepas - diadakan *dry run* UMNO menggunakan premis-premis sekolah, dengan bendera sekolah, bendera UMNO di kawasan sekolah, membenarkan ceramah-ceramah di sekolah-sekolah dan sebagainya, membenarkan pemimpin-pemimpin UMNO menggunakan sekolah, dalam keadaan begitulah yang kita minta supaya suatu jawapan yang jelas daripada kementerian.

Sebagai akhirnya, ....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Ya. Okey, Tuan Pengerusi, saya sudahi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Tambun.

### 12.18 tgh.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Pertama, saya ingin menyentuh di bawah aktiviti perkembangan kurikulum secara spesifik kepada mata pelajaran Sains dan Matematik.

Kita semua sedia maklum Sains dan Matematik merupakan mata pelajaran yang amat penting, terutama untuk kita wujudkan daya saing pada masa akan datang. Yang kita tahu dalam sejarah tamadun terutama matematik telah banyak memberi nilai kepada manusia dalam memahami tentang unsur-unsur dunia dan juga dari segi teknologi. Kita tahu orang macam Newton and Einstein menggunakan kepakaran dalam bidang matematik untuk mewujudkan teori-teori dalam bidang fizik dan sebagainya.

Apa yang saya ingin sentuh di sini, saya ingin bertanya kepada kementerian tentang sains dan matematik ini, macam mana tindakan kementerian untuk menjadikan mata pelajaran Sains dan Matematik *simple*. Saya nampak ada negara-negara yang menuju ke arah itu, menjadikan *simple*, orang suka, orang minat, semua bangsa, baik Melayu, Cina, India supaya proses untuk kita mahir dalam bidang itu dapat dipercepatkan.

Tuan Pengerusi, kedua, saya ingin membawa kepada aktiviti pendidikan tinggi. Di sini, Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap dari soal kualiti *graduates* yang kita lahirkan dan sehubungan itu ada beberapa aspek yang ingin saya bangkitkan untuk mendapat jawapan daripada kementerian.

Pertama, tentang universiti kita, universiti awam. Kita nampak seolah-olah universiti awam ini berbentuk umum, secara *general*. Antara satu universiti dengan satu universiti, tidak ada perbezaan walaupun cuba dibuat takrifan yang lain, umpamanya UUM untuk *management*, UPM untuk pertanian tetapi akhirnya nampak umum. Padahal, kita tengok di negara maju, ia berbentuk *specialize*, ia ada *niche market*. Akhirnya *student* kita masuk mana universiti pun, melahirkan *graduate* yang berbentuk *general*.

Kedua, mengenai dengan ahli-ahli akademik kita. Dalam soal ini dengan izin Tuan Pengerusi, *in pursuit of intellectualism and excellence* ini, macam mana tahap kita? Saya tengok dari segi...., ini dari kaca mata saya, saya nampak *academician* kita tidak melahirkan apa-apa kerja penyelidikan dalam semua bidang. Bidang matematik kah, sains mahupun ekonomi. Mungkin di universiti ada dokumen-dokumen tetapi saya pergi ke Universiti Malaya, tidak ada banyak kerja-kerja yang dihasilkan oleh *academician* kita. *Academician* setakat menjadi *teaching staff*, macam cikgu sahaja. Dia pergi ajar, dia balik, tidak melahirkan apa-apa.

Ini menampakkan seolah-olah tugas untuk dengan izin, *in pursuit of intellectualism and excellence* ini, tidak dilakukan. Standard pendidikan di universiti kita, tidak capai taraf yang tinggi, berbanding dengan negara yang mana *academician* mereka berusaha untuk membuat pelbagai teori dan ini diberi kepada *students* mereka.

Ketiga Tuan Pengerusi, mengenai dengan kualiti *students* kita pula. Saya terlibat dalam bidang pendidikan. Saya jumpa dengan *students* kita. Begitu juga *in pursuit of knowledge and intellectualism*, kita tidak nampak mereka bersungguh-sungguh kalau kita buat bandingan. Jika kita pergi London School of Economics, kita pergi Harvard dan kita nampak *students* ini, tumpuan dia berbeza. Kita dapati pula dari segi...., saya buat kajian saya, saya tidak tahu sama ada kementerian ada buat kajian, kita dapati *student* kita, masa yang ditumpukan untuk pegang buku pun tidak banyak. Secara umumnya, lebih kurang dua jam satu hari selepas mereka pergi *lecture* dan tutorial. Kalau kita banding dengan orang luar seperti di India, sampai berbelas jam satu hari, orang di China berapa jam satu hari, kecuali orang China, dia dalam kategori enam jam satu hari mereka belajar. Jadi, kalau kementerian sudah buat kajian ini dan apa pula usaha kementerian supaya kita dapat lihat *student* kita jadi *quality students*. Dia pegang buku, *in pursuit of intellectualism and knowledge*, dia mengadakan pelbagai aktiviti untuk meningkatkan ketajaman mereka dalam bidang-bidang ilmu.

Keempat Tuan Pengerusi, dari segi konsep *flexy system* ini, saya tidak berapa jelas dari segi dasar kementerian. Katalah, Jabatan Pendidikan Tinggi buat keputusan. Universiti 'A', satu-satu kursus mesti habis dalam masa tiga tahun atau enam semester.

Kemudian, pihak universiti pula, bagi pula kalau *credit hour* tidak cukup, dia boleh tambah satu semester ataupun dua semester. Kesan daripada itu, kita dapati pada tahun lalu, ada beribu orang, saya ingat kalau tidak silap saya, dalam tujuh ribu orang yang tidak dapat selesai dalam tempoh semester yang ditetapkan dan diberi kelonggaran oleh universiti untuk tambah satu semester ataupun dua semester.

Apa yang berlaku, saya kaji dalam 7,000, boleh katakan majoriti pelajar bumiputera. Jadi, adakah *flexy system* yang diberi oleh universiti itu telah diluluskan oleh kementerian? Sama ada diluluskan atau tidak oleh kementerian, kemudian apakah faedahnya dari segi kita mengadakan sistem itu, kerana akhirnya yang akan mengambil peluang daripada *flexy system* ini adalah pelajar-pelajar daripada kaum bumiputera dan ini secara tidak langsung memberi peluang kepada pelajar bumiputera terutama yang malas sedikit ini untuk lanjutkan pelajaran mereka kepada menambahkan satu semester atau dua semester. Saya harap dapat penjelasan daripada kementerian mengenai dengan perkara ini.

Kelima Tuan Pengerusi, tentang pendidikan melalui IT. Saya ada jumpa dengan beberapa orang dari universiti, saya turut jumpa beberapa orang di tempat-tempat lain iaitu di negara-negara lain saya pergi. Sekarang ini ada satu kefahaman, buat pendidikan melalui IT dipanggil sebagai *distance learning*. Sekarang bukan *distance learning what type of...* [Bertanyakan sesuatu kepada Yang Berhormat bagi Sri Aman] Melalui IT ya. Ada tanggapan mengatakan bahawa sistem ini tidak dapat melahirkan *graduate* yang baik kerana tidak ada *interface*. Saya harap dapat penjelasan daripada kementerian, betul atau tidak dan macam mana kita hendak menangani masalah ini?

Ketiga Tuan Pengerusi, topik besar yang ketiga IPTS ini. Mengenai IPTS, saya ada bangkitkan mengenai dengan soal IPTS sendiri Tuan Pengerusi. IPTS yang mengambil pelajar yang tidak mempunyai cukup syarat untuk masuk ke IPTS. Kalau Jabatan Pendidikan Tinggi Swasta kata tiga kredit, masih lagi banyak IPTS yang ambil pelajar yang tidak cukup tiga kredit. Saya dapati bahawa kolej-kolej swasta ini atau IPTS masih lagi wujud dan beroperasi. Kita dapat kompelin daripada wakil rakyat serta daripada *student* yang hendak minta loan dan sebagainya, akhirnya tidak dapat kerana dia tidak cukup syarat-syarat. Jadi, dari segi kementerian, macam mana keputusan kementerian ke atas IPTS ini? Adakah mereka boleh dibiarkan ambil pelajar yang tidak mempunyai cukup syarat dan terus beroperasi ataupun syarat-syarat ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi Swasta kalau IPTS tidak ikut syarat-syarat tersebut, tidakkah patut satu tindakan yang tegas diambil. Dari segi statistik, saya tidak perlu bagilah tetapi ramai yang terlibat.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, tentang *recognition* kita atau pengiktirafan kita ke atas *professional qualification*. Saya ingin dapat penjelasan daripada kementerian. Saya tahu, adalah masalah kita bila kita hendak buat *recognition*. Dari segi kelulusan profesional, kita kata *accountancy*, sekarang kita hanya mengiktiraf kelulusan daripada UK, Eire, Wales dan sebagainya. Kita tidak iktiraf Amerika. Selepas itu, bidang-bidang lain kalau tidak silap saya, *engineering*, *law* dan *medicine* pun begitu juga. Saya dapati daripada maklumat yang saya perolehi, kita ambil Singapura umpamanya.

Singapura pun sistemnya macam kita, kita gunakan *accounting* UK system tetapi oleh kerana atas keperluan globalisasi dan pentingnya untuk meningkatkan kepakaran negara, mereka *recognize accountancy* daripada US.

Sistemnya lain, dia *recognize* yang itu dengan menukar *accountancy system* di negara itu. Macam kita ini, kita terikat dengan Malaysian Association of Public Accountant dan Malaysia Institute Accountant, kita pakai yang dia punya, kerana kalau dia kata, inilah asasnya UK, maka dari segi pengiktirafan kita hanya yang UK, padahal yang US lebih baik lagi daripada UK kerana MACPA dan MIA tidak bersetuju, mereka tidak ada kepakaran bagi sistem *accountancy* yang datang daripada US.

Jadi, adakah kita hendak bergantung kepada MACPA yang semua *English oriented* dari segi *study*, ataupun untuk kepentingan negara, kita mesti buka. Kalau kita tengok dari segi *medical* umpamanya. Klinik-klinik yang terbaik di dunia banyak terletak di US.

Dari segi bidang kejuruteraan....

**Tuan Pengerusi:** Minta gulung Yang Berhormat, ya.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya?

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Sudah cukup masa?

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Sipitang.

### 12.30 tgh.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah B.41 - Kementerian Pendidikan, saya ingin pergi kepada Butiran 020300 – Pendidikan Prasekolah, 03000 – Pendidikan Rendah dan 020400 – Pendidikan Menengah.

Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan daripada Kementerian Pendidikan, berapa seriuskah keinginan kerajaan untuk mengadakan pendidikan prasekolah di sekolah-sekolah rendah di seluruh Malaysia? Daripada kesemua jumlah sekolah rendah di Malaysia, berapakah sekolah yang mempunyai pendidikan prasekolah?

Tuan Pengerusi, ini penting kerana di luar bandar terutamanya, anak-anak bumiputera berbanding dengan anak-anak bukan bumiputera, begitu ketinggalan dari segi pendidikan, terutama sekali di pendidikan rendah kerana pendedahan kepada pendidikan kaum-kaum bukan bumiputera, khususnya kaum Cina, lebih awal berbanding dengan kaum bumiputera. Oleh itu, saya merayu supaya kerajaan lebih serius dalam pendidikan prasekolah ini dan memberikan kelas-kelas prasekolah ini, kalau boleh kepada kesemua sekolah-sekolah rendah.

Tuan Pengerusi, di bawah pendidikan sekolah rendah dan sekolah menengah, masalah yang masih wujud ialah terdapat sekolah-sekolah yang masih kekurangan guru dan jikalau guru-guru ada pun, bilangan guru-guru yang berpengalaman dan guru-guru yang baru keluar daripada maktab atau universiti, tidak seimbang, terutama sekali guru-guru di sekolah luar bandar. Tuan Pengerusi, sekolah luar bandar inilah sepatutnya perlukan guru-guru yang berpengalaman tetapi keadaan di negara kita sebaliknya. Selalunya guru-guru yang baru keluar maktab dihantar ke luar bandar dan terdapat beberapa sekolah di mana guru-guru yang berpengalaman begitu rendah bilangannya berbanding dengan guru-guru yang tidak berpengalaman dan guru-guru yang baru masuk ataupun keluar daripada maktab.

Ini menyebabkan pencapaian pendidikan sekolah tersebut agak sukar dan kalau ini berlarutan, maka pencapaian sekolah-sekolah di luar bandar akan terus rendah berbanding dengan sekolah menengah. Saya minta penjelasan daripada kementerian, apakah kriteria atau garis panduan supaya setiap sekolah di luar bandar ataupun tiap-tiap sekolah di Malaysia ini mempunyai peratusan guru-guru yang berpengalaman dengan guru-guru yang tidak berpengalaman adalah seimbang.

Saya mencadangkan supaya bilangan guru-guru berpengalaman ataupun guru yang sudah lama mengajar, berbanding dengan guru-guru yang baru keluar dari maktab, mempunyai bilangan 50-50, bukan 80% guru-guru yang baru keluar maktab dan cuma guru besar sahaja guru yang lama. Jikalau ini dapat dilihat, saya yakin bahawa guru-guru ataupun pencapaian penuntut di sekolah-sekolah luar bandar itu akan lebih baik.

Tuan Pengerusi, satu lagi, apabila kekurangan guru, guru-guru yang baru keluar maktab ini diberi kelulusan untuk mengajar murid-murid yang ingin menghadapi peperiksaan. Misalnya peperiksaan dalam bulan Oktober tetapi guru-guru ini mula mengajar dalam bulan Jun.

Saya mencadangkan supaya guru-guru yang baru keluar maktab, tidak dibenarkan ataupun tidak dibenarkan mengajar kepada murid-murid yang ingin mengambil



peperiksaan. Sepatutnya murid-murid yang akan mengambil peperiksaan Tingkatan 3 ataupun Tingkatan 5, diajar oleh guru-guru yang berpengalaman sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya juga seperti rakan-rakan yang lain bimbang dengan keadaan penuntut di sekolah menengah pada hari ini yang mana disiplin mereka agak tercemar oleh beberapa insiden. Saya pasti insiden ini tidak banyak tetapi cukup untuk menggambarkan keadaan disiplin di sekolah menengah kita. Adakah kementerian mengkaji tahap disiplin ataupun kejujuran penuntut-penuntut ini di seluruh negara? Apakah kerajaan puas hati dengan tahap pendisiplinan murid-murid di sekolah menengah pada hari ini?

Isu-isu seperti ini sepatutnya perlu ditangani segera kerana seperti yang dikatakan tadi bahawa di samping kita melahirkan anak-anak Malaysia yang mempunyai ilmu tetapi mesti juga melahirkan anak-anak yang berdisiplin tinggi dan mempunyai tanggungjawab yang memahami keadaan keperluan di sekeliling mereka.

Kalau masalah-masalah disiplin ataupun soal peribadi ini dibenarkan berterusan dalam keadaan sekarang ini di mana ibu bapa yang tidak begitu bertanggungjawab terhadap anak-anak mereka oleh kerana kesibukan, si bapa pergi bekerja, si ibu bekerja, anak-anak seolah-olah dilepaskan tanggungjawab kepada sekolah untuk mendidik dan mendisiplinkan mereka, maka kita takut keadaan menjadi semakin teruk.

Sudah tentu kalau keadaan sekarang ini tidak dikaji dan dilihat, ia akan melahirkan ramai manusia yang tidak berdisiplin. Memang masalah-masalah kecil seperti datang lewat ke sekolah, membuang sampah di merata-rata tempat, keluar tanpa kebenaran, pakaian tidak bersih, memakai pakaian tidak mengikut peraturan sekolah, rambut panjang, merokok, vandalisme dan sebagainya ini perlu ditangani walaupun kecil.

Adakah kita perlu kepada sistem lama yang dahulu, macam kita sekolah dulu. Macam saya di sekolah dahulu, Tuan Pengerusi, saya rasa pendisiplinan di sekolahlah maka saya menjadi manusia seperti saya sekarang ini. Kalau kita lihat sekolah-sekolah yang mempunyai disiplin yang ketat pada masa dahulu, sekolah-sekolah berasrama penuh seperti Sekolah Alam Shah, Sekolah Sultan Abdul Halim dan lain-lain sekolah yang mempunyai disiplin yang baik, melahirkan penuntut-penuntut yang mempunyai kualiti yang baik.

Adakah kita perlu balik semula ke takuk lama seperti yang dicadangkan iaitu merotan budak-budak sekolah atau murid-murid yang melanggar peraturan ini? Saya rasa perlu. Saya menyokong kalau mereka ini melakukan kesalahan, perlu diambil tindakan. Masalahnya sekarang ialah guru-guru - saya setuju sebahagian daripada pendapat Yang Berhormat bagi Kinabatangan, guru-guru tidak mengambil berat tentang murid. Saya melihat ada guru-guru dari segi pakaian mereka yang tidak kemas. Guru-guru sebagai lambang kepada murid, diikuti oleh murid, tetapi ada guru-guru yang pakai tali leher tidak sempurna dan memakai baju yang tidak teratur. Mungkin masalah ekonomi atau gaji yang tidak cukup, tetapi guru besar mesti memastikan bahawa guru-guru ini berkeadaan kemas seperti rambut yang teratur, kasut yang teratur dan lain-lain, soal pendisiplinan dan sebagainya. Ini yang perlu. Tuan Pengerusi, saya rasa Kementerian Pendidikan perlu melihat perkara ini.

Tuan Pengerusi, yang terakhir, di bawah B.41, Butiran 030100 – Pendidikan Teknikal dan P.41, Butiran 00300 – Pendidikan Teknikal. Tuan Pengerusi, pada hari ini, walaupun kita mempunyai pendidikan formal yang baik, tetapi kita masih begitu berkurang dalam soal-soal pendidikan khusus, khususnya pendidikan teknikal. Apakah rancangan kerajaan untuk menambah pendidikan ataupun sekolah-sekolah menengah teknik ini di seluruh negara?

Pada hari ini, berapakah peratus ataupun bilangan sekolah-sekolah teknik ini berbanding dengan sekolah menengah biasa? Kerana pada hari ini pasaran mereka yang mempunyai kepakaran teknikal begitu baik dari segi pendapatan ataupun gaji yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat ataupun sektor swasta. Jadi, oleh itu kerajaan perlu melihat perkara ini.

Saya ingin minta penjelasan daripada Kementerian Pendidikan mengenai masalah khusus di kawasan di negeri Sabah, Tuan Pengerusi. Di negeri Sabah, berapakah bilangan Sekolah Menengah Teknik yang telah diluluskan ataupun yang sedang dalam pembinaan?

Di kawasan saya pun, kerajaan telah meluluskan sebuah sekolah menengah teknik dan saya difahamkan surat tawaran ataupun *Letter of Award* telah dikeluarkan di kawasan Parlimen saya tetapi saya minta penjelasan, apakah perkembangan kedudukan sekolah ini pada hari ini, memandangkan di kawasan saya ini mempunyai kawasan yang agak luas dan banyak sekolah menengah dan di Sipitang pula, mempunyai satu kilang, Sabah Forest Industries, yang mempunyai pekerja yang begitu ramai. Kalau diambil pekerja Sabah Forest sahaja mempunyai 3,000 dan subkontraktor di sekelilingnya mempunyai sekitar 10,000....

**Tuan Pengerusi:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya gulung, Tuan Pengerusi. Jadi, saya minta penjelasan, bagaimanakah keadaan sekolah ini, apakah sekolah ini diteruskan. Saya minta kalau boleh, sekolah ini kita jadikan realiti, Tuan Pengerusi. Saya minta penjelasan daripada kementerian, iaitu Sekolah Menengah Teknik di kawasan Parlimen Sipitang, iaitu dekat dengan pekan Beaufort. Tanah sudah ada, peruntukan sudah ada saya difahamkan dan ini dibuat.

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

**12.40 tgh.**

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menyentuh B.41 Butiran 010400 berkaitan dengan Pembangunan, Penswastaan dan Bekalan. Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan berkaitan dengan perkembangan terkini makmal komputer yang menghadapi masalah yang telah pun berlarutan sejak begitu lama. Saya ingin mendapat penjelasan tentang apakah hasil *report* yang saya percaya bahawa telah pun selesai disediakan oleh pihak JKR, hasil daripada siasatan mereka terhadap perkembangan-perkembangan yang terkini berkaitan dengan perkembangan makmal komputer.

Saya juga ingin mendapat penjelasan berkaitan dengan berapakah kos tambahan yang dijangkakan hasil daripada *report* yang dibuat oleh JKR, iaitu kos tambahan yang terpaksa ditanggung, ditampung oleh pihak kerajaan untuk baik pulih kepada bangunan-bangunan makmal komputer yang rosak dan juga untuk membina semula bangunan-bangunan yang runtuh.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, ialah saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan berkaitan dengan satu laporan akhbar yang disiarkan oleh *Sunday Mail*, pada 5 Oktober yang lalu, berkaitan dengan satu laporan yang menyiarkan tentang kontrak membekal dan memasang peralatan saintifik di Kolej Matrikulasi milik Kementerian Pendidikan.

Saya hendak dapatkan penjelasan bahawa daripada laporan yang disebut di dalam akhbar, ini jelas menunjukkan bahawa satu penyelewengan yang dilakukan oleh syarikat pembekal yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan kepada TH Travel and Services Sdn. Bhd. dan Denin Bright Sdn. Bhd. Semua orang tahu bahawa TH Travel and Services Sdn. Bhd. ini ialah anak syarikat Tabung Haji yang *core business*nya ialah soal pelancongan, tetapi ia diberikan kontrak untuk membekal, kalau mengikut laporan akhbar *Sunday Mail* ini, kontrak untuk membekal peralatan-peralatan saintifik di Kolej Matrikulasi.

Laporan itu menyebut bahawa mereka telah pun melakukan penyelewengan dengan mengubahsuai dokumen-dokumen tender itu, yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan sehingga menjadikan kos yang sepatutnya hanya dalam lingkungan RM5 juta sudah pun menjadi RM20 juta. Oleh sebab itu, saya ingin mendapat penjelasan apakah alasan yang munasabah seperti yang dilaporkan bahawa Kementerian Pendidikan telah melakukan, memberikan kontrak kepada TH Travel and Services Sdn. Bhd. ini, iaitu kepada

sebuah syarikat pelancongan untuk membekal dan memasang peralatan saintifik. Apakah kepakaran yang ada kepada TH Travel and Services Sdn. Bhd. ini untuk membekal barang-barang yang saintifik kepada Kolej Matrikulasi sedangkan *core business*nya, pengalamannya ialah berkaitan dengan soal pelancongan?

Yang keduanya, saya ingin mendapat penjelasan kenapakah Kementerian Pendidikan memberi kepada TH Travel and Services Sdn. Bhd. ini, setelah mereka meminda kandungan pindaan itu, yang mana bercanggah dengan Seksyen 12.1 – Dokumen Untuk Pembekal Tempatan Kementerian Pendidikan. Jadi, kenapa dalam keadaan begini Kementerian Pendidikan masih melakukan perkara yang sedemikian rupa?

Ini juga berkaitan dengan - seperti mana kes dalam makmal komputer. Makmal komputer, kita beri kepada syarikat yang tidak ada kelayakan, yang tidak ada pengalaman dalam hal-hal pembinaan. Sekali lagi kita beri juga kepada syarikat yang tidak ada kaitan *business*nya di dalam pembekalan, tidak ada pengalaman, dia bukan *core business*. *Core business* dia ialah soal pelancongan.

Kemudian, saya juga ingin mendapat penjelasan tentang, kenapa Kementerian Pendidikan menerima pindaan-pindaan yang dibuat selepas daripada tamat tempoh tender itu? Kenapa Kementerian Pendidikan terima juga, walaupun pindaan itu dibuat setelah tempoh tender itu tamat? Kementerian Pendidikan menerima pindaan yang dibuat ini. Ini yang saya kira bahawa perlu penjelasan kepada kami di Dewan ini, untuk memastikan supaya perbelanjaan yang kita lakukan ialah perbelanjaan yang telus, yang tidak membabitkan satu usaha penyelewengan seperti mana yang dilaporkan oleh akhbar *Sunday Mail*.

Tuan Pengerusi, ingin saya mendapatkan penjelasan berkaitan dengan soal B.41 –100000, iaitu Pengurusan IPTA. Saya ingin menyentuh tentang pilihan raya kampus yang sudah pun berlalu. Tetapi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan yang berkaitan dengan perjalanan pilihan raya kampus, khususnya saya hendak sebut di UPM.

Kalau kita merujuk kertas yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab Naib Canselor untuk membentuk Suruhanjaya Pilihan Raya Kampus (SPK), kelazimannya Pengerusi kepada Suruhanjaya Pilihan Raya Kampus diberikan tanggungjawab kepada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar. Tetapi, dalam masa yang sama di UPM, saya telah pun difahamkan, berasaskan kepada dokumen yang ada di tangan saya ini, dokumen yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), di samping Yang Berbahagia Prof. Dr Abdullah Al-Hadi Muhamad menjadi Pengerusi kepada SPK, beliau juga menjadi Pengarah kepada *Group Putera Gemilang*. Satu *group* pasukan, ataupun kita katakan bahawa kumpulan yang cuba dikenal pasti sebagai kumpulan yang ditaja oleh UMNO. Dia memainkan peranan yang penting, yang besar bagi pihak Pemuda UMNOnya ialah Ketua Pemuda UMNO Serdang. Beliau sendiri yang telah memaklumkan kepada saya.

Jadi, bagaimana dalam masa yang sama Timbalan Naib Canselor ini mengikut peraturan, perjalanan pilihan raya, Perlembagaan Universiti Putera ini bahawa sepatutnya dia menjadi Pengerusi SPK, tetapi dalam masa yang sama dia jadi Pengarah Pilihan Raya kepada satu kumpulan yang masuk bertanding dalam pilihan raya, dengan dia sendiri bertanggungjawab untuk menyenaraikan nama-nama calon ini. Walaupun pilihan raya itu telah lepas dan sebahagian daripada calon-calon ini berjumpa dengan saya, dia kata, "*Kami apa boleh buat, Yang Berhormat. Kami tidak setuju, tetapi kami dipaksa, disuruh juga untuk bertanding. Kalau tidak nanti, akan ada masalah-masalah kami, boleh dikeluarkan daripada kampus.*" Jadi, daripada cara ini, carta calon yang ditaja oleh UMNO.

Saya difahamkan bahawa dalam taklimat yang diberikan oleh Timbalan Naib Canselor ini kepada beberapa orang pensyarah-pensyarah, yang dipanggil, dia memberitahu kepada mereka bahawa, "*Kita tidak ada pilihan, melainkan hendak memastikan calon daripada Group Putera Gemilang ini mesti menang. Mereka ini adalah calon daripada UMNO dan Barisan Nasional. Apa hendak jadi pun, untuk survival masa depan kita, mereka ini mesti menang.*"

Bagi saya, ini menunjukkan bahawa satu keadaan di mana perjalanan pilihan raya di kampus ini sudah tidak berjalan secara yang sepatutnya, secara yang demokratik, di

mana orang-orang yang terlibat untuk menguruskan perjalanan pilihan raya itu sepatutnya orang yang harus bebas daripada mana-mana kepentingan politik dalam kampus ataupun di luar daripada kampus. Sebab itu, bagi saya, sepatutnya kita memberikan kebebasan kepada pelajar-pelajar ini tanpa kita masuk campur. Saya kira bahawa masuk campur UMNO dalam politik kampus UPM ini secara halus melalui peranan yang dimainkan oleh Timbalan Naib Canselor.

Kemudian 030400, saya ingin dapatkan penjelasan berkaitan dengan Sekolah Agama Rakyat ini, iaitu satu jawatankuasa yang telah pun ditubuhkan, yang dipengerusikan oleh Tan Sri Murad. Saya difahamkan bahawa hasil kajian itu telah pun selesai dan saya hendak minta apakah bentuk laporan yang telah pun dikemukakan oleh Tan Sri Murad, dan adakah hasil laporan tersebut sudah pun disampaikan kepada Majlis Raja-Raja seperti mana yang telah pun dijanjikan sebelum ini.

Yang akhirnya sekali, saya hendak berbalik kepada soal 020000 iaitu Pendidikan Rendah dan Menengah yang berkaitan dengan soal isu keruntuhan moral iaitu isu gangsterism dan sebagainya. Saya hendak sebut bahawa kita harus kembali, perbetulkan kepada orientasi pendidikan kita secara yang lebih tepat. Sebab hari ini kita masing-masing hendak menyalahkan. Tadi wakil Kinabatangan hendak menyalahkan kepada guru-guru, ada yang hendak salahkan kepada ibu bapa. Saya katakan bahawa perkara ini kita tidak boleh hendak salahkan kepada sesiapa tapi kita harus melihat apakah punca masalah dan kita mesti perbetulkan orientasi pendidikan. Saya tidak hendak menyalahkan kepada guru-guru, tidak hendak salahkan kepada ibu bapa dan sebagainya, sebab orientasi pendidikannya sudah jadi begitu. Orientasi pendidikan dari sudut pengajaran, guru ajar mesti dapat 'A'. Budak hendak belajar mesti dapat 'A'. Tidak fikir soal moral.

Semua hendak kena 'A', UPSRnya 5A, PMRnya 8A dan sebagainya, walaupun sekarang ini sijil-sijil terbuka dan sebagainya. Tapi saya hendak sebut, itulah orientasi mengajar dan orientasi belajar bagi guru dan juga bagi murid. Akhirnya guru, apa dia hendak fikir soal apa hendak jadi, soal akhlak, soal moral, soal sahsiah keperibadian murid-murid. Yang pentingnya ialah 'A' sebab kita melihat kepada soal penghasilannya, pengukurannya kepada pencapaian akademik dan ini juga yang dilaungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu beliau melawat beberapa tahun dahulu di Sekolah Menengah Agama Irsyad.

Beliau mengatakan bahawa kelemahan akademik pelajar-pelajar Melayu disebabkan kerana terlalu banyak anak-anak Melayu kita, anak-anak Islam kita pergi menghadiri program qiamullail, program usrah. Jadi sekarang ini kita sudah melihat bahawa masalah yang sedang berlaku ini kerana apa? Kerana berpunca daripada kelemahan kita, tidak ada perhubungan kita dengan Tuhan. Kita tidak membentuk keperibadian ke arah itu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, saya hendak gulung akhirnya. Oleh sebab itu saya minta supaya kita perbetulkan soal orientasi....

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haron:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Masanya sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** ....orientasi pendidikan ini supaya benar-benar dia menuju kepada matlamat yang sebenarnya. Bukan hanya pengukuran itu kepada nilai akademik tetapi kita harus juga melihat bahawa produktiviti yang penting ialah moral sebagai satu produk yang harus kita hasilkan di dalam arus pembangunan perdana yang terdapat dalam negara kita ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Rasah.

**12.52 tgh.**

**Dato Goh Siow Huat [Rasah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 41, Butiran 020000 - Pendidikan Rendah dan Menengah. Baru-baru ini kita dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Pendidikan barangkali akan memberi kuasa kepada guru-guru supaya guru-guru boleh merotan pelajar-pelajar yang bermasalah. Kita telah lama memberhentikan kuasa tindakan ini. Jika tidak silap, telah lebih sepuluh tahun. Kita memang ada menghadapi masalah pergaduhan dan kelakuan yang negatif oleh sesetengah pelajar khususnya di sekolah menengah.

Apabila pihak sekolah ambil tindakan, ibu bapa pelajar-pelajar ini biasanya datang ke sekolah bagi tekanan yang kuat kepada Pengetua atau Guru Besar dan guru-guru yang berkenaan. Di sini saya amat bersetuju dengan cadangan baru ini. Kita perlu ambil tindakan yang tepat kepada pelajar-pelajar yang jahat ini tetapi kita perlu ada undang-undang mengawal guru-guru supaya guru-guru ada keyakinan apabila melakukan sesuatu.

Tuan Pengerusi saya juga ingin menyentuh Butiran 01100 - Bantuan Modal. Tentang peruntukan sebanyak RM10 ini untuk Sekolah Bantuan Modal, saya amat bersetuju pandangan-pandangan Yang Berhormat rakan kita. Peruntukan untuk Sekolah Bantuan Modal pada tahun yang lalu adalah sebanyak RM10 juta. Kali ini cuma RM10 sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, yang itu token Yang Berhormat. Tidak boleh dibahaskan dengan kerana tidak ada perbelanjaan. Hanya token sahaja.

**Dato Goh Siow Huat:** Okey, terima kasih. Saya berharap Pegawai-pegawai Kanan Pendidikan kita perlu ambil serius tentang peruntukan ini. Sebenarnya adalah perlu peruntukan yang besar supaya semua Sekolah Bantuan Modal ini dapat dijalankan dengan lebih licin dan lebih selesa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara.

**12.55 tgh.**

**Puan Chew Mei Fun:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang untuk saya berbahas. Pertama sekali saya ingin juga menyentuh Maksud P.41 Butiran 01100, Bantuan Modal yang diberikan token RM10 yang tadi Tuan Pengerusi beritahu tidak boleh dibahaskan. Tetapi ini adalah satu isu yang amat sensitif. Oleh itu saya di sini ingin menyokong pandangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Serdang, Kluang, Rasah dan yang lain-lain kerana kita harap kerajaan atau Kementerian Pendidikan akan mengambil berat dalam perkara ini. Saya ingin minta penjelasan daripada kementerian, kalau token RM10 ini hanya diberikan kepada Sekolah Bantuan Modal, adakah ini bermakna pada tahun 2004, tidak akan ada peruntukan untuk Sekolah Bantuan Modal? Kalau ini tidak benar, apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian supaya manfaat dan pembangunan Sekolah Bantuan Modal ini tidak diabaikan?

Seterusnya saya ingin menyentuh Maksud B.41, Butiran 10000 mengenai Emolumen, Butiran 010900 - Khidmat Pengurusan. Tuan Pengerusi, saya telah menerima surat aduan daripada sebanyak 33 orang Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Puay Chai (1) yang bertempat di SS 2, Petaling Jaya bahawa mereka menghadapi masalah penangguhan gaji bulan Disember 2002, gaji bulan Januari 2003 hingga ke September 2003, bonus untuk bulan Jun 2003 dan caruman-caruman KWSP. Sebenarnya saya telah membangkitkan masalah Guru Sandaran Tidak Terlatih Selangor tidak mendapat bonus pada sesi Dewan yang lalu dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen juga telah menjawab soalan saya dengan mengatakan bahawa kerajaan akan memberi bonus.

Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana GSTT daripada sesetengah sekolah di Petaling Jaya dan Selangor ini telah mendapat gaji dan bonus mereka dengan sepenuhnya selepas itu. Tetapi apa yang membimbangkan ialah semua GSTT di Sekolah Puay Chai 1, SS 2 Petaling Jaya ini belum lagi dapat bonus mereka sampai ke hari ini. Tambahan lagi mereka masih menghadapi masalah penangguhan gaji bulan Disember 2002, gaji bulan Januari 2003 hingga ke

September 2003, bonus untuk bulan Jun 2003 dan caruman-caruman KWSP. Saya amat khuatir apa telah berlaku dan apakah sebabnya? Oleh itu saya harap kementerian akan siasat dan menyelesaikan masalah ini dengan secepat mungkin supaya guru-guru ini tidak menghadapi masalah kehidupan.

Tuan Pengerusi, GSTT ini juga bimbang masalah bonus tidak dibayar tersebut akan berulang pada tahun hadapan iaitu kontrak GSTT akan ditamatkan lebih awal manakala gaji untuk bulan Disember akan menjadi bayang-bayang sahaja. Oleh itu saya harap kementerian akan ambil perhatian dalam perkara ini dan memastikan perkara ini tidak berulang lagi memandangkan GSTT ini telah banyak menyumbang dalam mendidik murid-murid kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Bukit Mertajam.

**12.59 tgh.**

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sepanjang pagi ini mendengar semua masalah mengenai pendidikan tidak kira dari pembangkang ataupun dari parti kerajaan. Jadi saya ingin mencadangkan Kementerian Pendidikan menubuhkan satu Jawatankuasa Parlimen supaya kita dapat membincangkan semua masalah mengenai pendidikan untuk menghasilkan satu penyelesaian yang boleh diterima oleh semua. Saya harap cadangan ini walaupun datang dari pihak pembangkang boleh diterima kerana tidak kira dia dari pembangkang ataupun kerajaan, kalau cadangan itu adalah baik untuk kerajaan atau untuk rakyat, saya rasa kita perlu menerimanya dengan hati terbuka.

Walaupun saya dari pihak pembangkang, saya boleh sokong apa yang di katakan oleh Yang Berhormat bagi Subang. Dan saya rasa apa yang ditimbulkan mengenai masalah Sekolah Tamil adalah lebih *acute* lagi, kronik kalau berbanding dengan SRJK(C) kerana....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat minta sambung semula sebelah petang ya.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditempokkan sehingga jam 2.30 petang ini.

***Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa***

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita sambung semula Majlis dalam Jawatankuasa. Sekarang saya jemput Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Yang Berhormat ada sembilan minit lagi.

**2.32 ptg.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau kita tinjau kadar jenayah kaum India, kita akan setuju bahawa masalah pendidikan masyarakat India tidak boleh dibiarkan lagi. Kalau kita biarkan, kita tidak akan ada satu negara yang aman, beg kita akan diragut dan rumah kita akan diceroboh. Ini adalah sama teori dengan penganas di seluruh dunia. Jadi saya harap Kementerian Pendidikan boleh memberi perhatian yang serius kepada masalah pendidikan dalam masyarakat kaum India. Kita semua setuju pendidikan adalah satu jalan untuk meningkatkan status sosioekonomi seseorang. Oleh sebab itulah kerajaan telah melaksanakan *affirmative action*, dengan izin untuk kaum Melayu dan bumiputera. Pihak DAP tidak pernah membantah *affirmative action*, yang kita tidak setuju ialah *affirmative action* ini hanya untuk satu tahun sahaja,

pendirian kami ialah *affirmative action* seharusnya untuk semua yang kurang bernasib baik, yang miskin, yang kurang berpeluang dari segi sosioekonomi tidak kira kaum dan agama.

Saya rasa pendekatan ini akan memupuk perasaan kekitaan dan perpaduan dengan lebih berkesan. Saya juga memohon supaya Kementerian Pendidikan menyamakan syarat meminjam buku untuk semua sekolah dan bukan seperti sekarang; sekolah Cina, hanya ibu bapa yang berpendapatan kurang dari RM1,000 boleh meminjam buku tetapi untuk Sekolah Rendah Kebangsaan, had pendapatan (*income*) untuk ibu bapa ialah RM2,000, ini adalah satu ketidaksamaan dan saya rasa ini adalah bercanggah dengan prinsip atau Dasar Pendidikan yang mengatakan kita hendak mewujudkan peluang pendidikan yang sama untuk semua. Begitulah juga dengan peruntukan yang begitu sedikit untuk Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) adalah tidak menunjukkan bahawa kerajaan adalah adil kepada semua.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengemukakan dan mengetengahkan beberapa masalah yang dihadapi oleh Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina). Yang pertama ialah ada banyak Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) yang menghadapi *enrollment* yang rendah seperti SRJK(C) "Eii Chiaw" di Tampin. Pada tahun 2001 ia hanya mempunyai tiga orang pelajar dan pihak sekolah ingin memindahkan sekolah ini di tempat yang lain, yang mempunyai lebih ramai penduduk tetapi tidak dibenarkan. Begitu juga dengan SRJK Boom Bing di Simpang Empat; banjir baru-baru ini, sekolah ini rugi sebanyak RM300,000 kerana semua komputer telah rosak dan sekolah diberhentikan sepanjang satu minggu. Pihak sekolah telah memohon untuk memindahkan sekolah ini ke satu taman yang baru dan tanah juga telah diperolehi. Pihak pengelola PIBG pun telah bersetuju untuk mendapatkan derma untuk membina sekolah ini, tetapi pihak kementerian tidak ingin memberi kebenaran untuk memindahkan sekolah ini. Apakah sebabnya?

Setiap kali banjir, sekolah ini juga dibanjiri air, pelajar tidak boleh pergi ke sekolah. Lagi satu contoh ialah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tionghua Chong Hua di Butterworth, duit pun sudah dikutip, tanah juga telah diperolehi oleh pihak PIBG, semuanya telah ada hanya kebenaran daripada kementerian sahaja. Apa sebabnya? Pihak sekolah tidak meminta wang daripada pihak kementerian, tetapi tidak juga diberi kebenaran atau kelulusan. Sekolah di kawasan,... saya rasa di kawasan Setiausaha Parlimen di Sungai Petani, juga ada sekolah yang diserang oleh anai-anai yang sudah dikatakan tidak selamat, tetapi tidak diberi bantuan atau apa-apa jua untuk membina semula SRJK(C) Ling Zhi di Kota Setar yang hanya ada sebelas orang pelajar. Setiap tahun 1991 pihak PIBG telah memohon untuk memindahkan sekolah, sampai hari ini tidak diberi kebenaran.

SRJK(C) Sungai Buloh juga telah dikatakan tidak selamat. Pihak PIBG pun sudi mendapatkan derma untuk membina semula sekolah, tetapi sampai hari ini tidak diberi kebenaran. SRJK(C) Kota Sarang Semut.... [*Disampuk*] di Yan, di Pendang juga ada satu sekolah iaitu SRJK(C) Yang Zhen yang dikatakan sudah tidak selamat tetapi mengapa kita boleh mengadakan bangunan yang begitu mewah seperti *Twin Tower*, seperti Putrajaya, tetapi kita tidak boleh menjaga Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Ini saya rasa tidak baik, ini telah dipantau oleh laporan MAPEN dan ini adalah salah satu faktor yang mengakibatkan ketegangan perhubungan di antara kaum.

Sebelum itu Tuan Pengerusi, sekolah yang perlu dipindah tidak diberi kebenaran tetapi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Damansara, bangunan sekolahnya masih baik dan bagus, ada pelajar yang hendak pergi ke sekolah sana tetapi pihak kementerian menutupnya. Sampai hari ini tidak mahu membuka semula, mengapa? Bilakah kementerian ingin membuka semula Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Damansara?

Di Sungai Long di kawasan Hulu Langat, ia mempunyai 23,000 penduduk yang di antaranya 95% ialah orang Cina, tetapi di sana tidak ada sebuah pun sekolah jenis kebangsaan, walau diminta tetapi tidak juga diberikan. Kalau mengikut piawaian atau garis panduan kementerian, setiap kawasan yang mempunyai 7,500 orang di situ mesti ada sebuah sekolah. Banyak tempat lagi yang mempunyai ramai penduduk orang Cina tetapi tidak dibina sekolah jenis kebangsaan yang dikehendaki oleh ibu bapa. Saya rasa salah satu strategi kementerian ialah *democratize* pendidikan.

Kalau kita hendak *democratize* pendidikan kita perlu memenuhi kehendak ibu bapa supaya ibu bapa mempunyai hak untuk memilih apakah jenis sekolah yang anak mereka hendak pergi....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** ....dan juga bahasanya. Saya berharap boleh ada pilihan....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Sedikit sahaja. ... ada pilihan dalam mempelajari sains dan matematik, sama ada ibu bapa hendak memilih menggunakan bahasa Inggeris, bahasa Melayu, bahasa Tamil atau bahasa Mandarin.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Yang akhir sekali, saya tidak bersetuju dengan cara atau pendekatan yang sudah lama - untuk merotan pelajar. Saya rasa pada zaman ini kita mesti menggunakan pendekatan yang baru untuk kaunseling dan cara-cara lain lagi, seperti bimbingan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat. Ya, Sri Aman.

#### 2.41 ptg.

**Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, mungkin tidak semua dapat hari ini. Kita akan tambahkan masa.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Saya merujuk kepada Butiran 02300 Pendidikan Prasekolah. Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada kementerian untuk mengambil alih semua institusi pendidikan prasekolah. Pada masa sekarang, Kementerian Pembangunan Luar Bandar ada mengadakan tabika dan tadika mereka dijalankan dengan begitu bersemangat. Kementerian Perpaduan pun ada juga menjalankan dengan begitu bersemangat tetapi saya rasa kalau diaturkan dengan sempurna oleh Kementerian Pendidikan dan diberi staf yang terlatih, lebih elok dan baik kalau semua pendidikan prasekolah ini dijalankan oleh kementerian yang memang bertauliah, memang berpengalaman dan memang mencukupi tenaga-tenaga dan kelengkapan-kelengkapan untuk menjaga pendidikan prasekolah.

Selepas itu nanti saya berharap dan percaya Kementerian Pendidikan boleh memberi kelengkapan yang cukup oleh kerana masa sekarang dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar kadang-kadang kelengkapan tidak mencukupi, bilik darjah pun tidak selesa dan ganjaran guru-guru yang mengajar pun tidak begitu cukup. Tetapi saya mahu juga kalau Kementerian Pendidikan mengambil alih fleksibiliti yang digunakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar itu masih digunapakai. Fleksibiliti yang saya maksudkan ialah kalau ada sekumpulan penduduk ataupun rumah panjang di pedalaman cukup murid-murid dan kalau mereka ada ruang di sana, mereka mengadakan kelas prasekolah. Ini adalah satu fleksibiliti yang pada masa sekarang tidak wujud apabila Kementerian Pendidikan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada 0204000 - Pendidikan Menengah. Di Sarawak, Tuan Pengerusi, kita ada sekolah yang berasrama. Sebahagian besar daripada sekolah menengah adalah sekolah yang berasrama tetapi taraf mereka bukan sekolah berasrama penuh dan di asrama inilah yang tertinggal sebahagian besar penuntut-penuntut di sekolah itu. Pada masa sekarang asrama itu kosong sahaja, kadang-kadang ada katil, kadang-kadang tidak ada katil dan tidak ada *privacy*. Dan pada masa sekarang murid-murid juga memerlukan *privacy* di mana mereka boleh belajar dengan baik.

Jadi, saya bercadang kepada kementerian apabila membina asrama baru saya mencadangkan asrama itu diadakan bilik-bilik seperti yang ada di IPTA, di Institut Pengajian



Tinggi di universiti-universiti, kalau ada asrama diletakkan dalam satu bilik empat orang penuntut yang berkongsi bilik. Saya mencadangkan Kementerian Pendidikan pun membuat satu lagi langkah ke hadapan mengikuti cara ini. Dan dalam bilik itu saya minta diadakan kerusi, meja dan lampu untuk belajar. Ini adalah untuk menentukan ada suasana yang membina untuk murid-murid belajar dan juga di asrama terlalu kerap kes kecurian. Murid-murid yang berada, barang-barang mereka dicuri oleh murid-murid yang kurang berada. Jadi, apabila mereka pergi ke bilik darjah pun murid dari luar kadang-kadang mencuri barang-barang mereka.

Saya tahu pada masa sekarang, Tuan Pengerusi, kementerian sedang menjalankan satu program di mana pemulihan semula dijalankan. Saya bercadang pada masa sekarang asrama-asrama yang sudah ada diubahsuai supaya kita membuat bilik dalam asrama supaya murid-murid merasa barang mereka lebih selamat dan mereka pun ada tempat di mana mereka boleh belajar.

Saya juga, Tuan Pengerusi, pernah mencadangkan iaitu, tugas warden diasingkan dijawab oleh orang yang sepenuh masa bukan dari tenaga guru. Pernah dijawab bahawa orang yang lebih mengenali murid-murid itu adalah guru dan kalaulah cikgu itu menjadi warden dia akan menjadi cikgu yang lebih berkesan oleh kerana dia lebih tahu tentang murid-murid itu. Saya rasa *argument* yang seperti ini sudah usang, *argument* seperti ini pun dari mula-mulanya memang tidak begitu mendapat kedudukan yang sah yang boleh dipercayai. Saya sendiri semasa saya di sekolah dahulu pun oleh kerana saya belajar di sekolah *mission*, warden saya pun bukan dari tenaga pengajar tetapi begitu ramai kawan-kawan dari asrama saya sekarang menjadi orang yang berjaya.

Saya masih memperjuangkan isu ini, Tuan Pengerusi, oleh kerana tugas seorang warden ini terlalu berat, dia terpaksa bangun pagi melihat di mana murid yang ponteng, menentukan asrama itu bersih, menjaga tukang masak, menjaga kedatangan makanan supaya murid-murid tidak ditipu orang yang menghantar makanan di Sarawak, menyelia makanan, menyelia kebersihan asrama, menyelia sukan dan menyelia murid yang belajar malam. Kalaulah semua tugas-tugas ini diserahkan kepada guru seperti yang diamalkan oleh kita sekarang, guru ini tidak ada masa untuk menumpukan tugas mereka kepada pelajaran dan pembelajaran. Inilah satu sebab mengapa guru ini kadang-kadang tidak pergi ke asrama. Dan di asrama murid-murid bergaduh, murid-murid pukul-memukul sehingga mati.

Di *Jakarta Post* pun tiga minggu yang lalu, saya ada terbaca seorang murid dipukul oleh kawan-kawan mereka di asrama. Ini menunjukkan satu kelemahan yang begitu menyedihkan oleh kerana warden ini tidak cukup masa. Kalaulah kita ada seorang warden yang sepenuh masa, yang ada bilik khas di asrama itu, saya rasa gejala seperti ini tidak akan berlaku.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 020800 – Perkembangan Kurikulum. Saya minta penjelasan, bagaimanakah dan apakah kemajuan yang telah dicapai tentang pelajaran bahasa Iban? Apakah program kita untuk menentukan bahasa Iban diajar di Tingkatan 4 dan Tingkatan 5? Oleh kerana pada masa sekarang, bahasa Iban hanya diajar hingga ke Tingkatan 3. Tidak lama lagi peperiksaan kita akan menjadi *school base* dan saya rasa mata pelajaran ini tidak diberi satu status yang boleh membanggakan kita.

Tentang bahasa Malaysia, Tuan Pengerusi, pada suatu ketika dahulu, Dewan Bahasa dan Pustaka kerap bermesyuarat dengan pakar-pakar bahasa dari Indonesia di mana kita hendak menentukan kita dapat menggunakan satu bahasa yang standard supaya kita dapat berinteraksi dengan senang, dengan orang di Indonesia dan juga supaya buku teks kita boleh diguna pakai di sana dan buku-buku di sana boleh diguna pakai di sini. Saya ingin tahu, apakah yang telah terjadi kepada usaha itu. Mengapa saya tidak mendengar ada kemajuan dalam bidang ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran - 020900 – Pengurusan Buku Teks. Saya minta tentang pengurusan buku teks ini dan dalam mata pelajaran Sastera yang sedang ditekankan sekarang, saya mintalah buku sastera yang ditulis di Sabah, di Sarawak juga diambil sebagai buku teks, buku rujukan, buku bacaan tambahan supaya budaya kita menyeluruh. Kita bukan hanya tahu....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** ....saya habiskan sekejap. Kita dapat menghargai, mengerti dan menilai budaya dan sastera di seluruh negara bukan sahaja di seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Batu.

**2.40 ptg.**

**Tuan Ng Lip Yong [Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak menyentuh kepada beberapa perkara di bawah Maksud Pembangunan P.41.

Yang pertama, Butiran 00100 – Pendidikan Prasekolah dan Sekolah Rendah. Perkara pertama, Sekolah Kebangsaan Sri Perak di kawasan saya. Tuan Pengerusi, saya sudah membangkitkan perkara ini beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Sekolah ini duduk di tingkat bawah Rumah Pangsa DBKL dan tidak sesuai lagi dan oleh kerana suasana sekolah ini tidak berapa baik dan murid-murid pun menghadapi banyak masalah kerana di sekeliling sekolah ini pun sangat bising dan sebgagai. Saya harap Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan supaya kita boleh memindahkan sekolah ini secepat mungkin.

Yang kedua, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Mun Cheong juga di kawasan saya. Tuan Pengerusi, sekolah ini ada sedikit perbezaan. Tuan punya tanah adalah KPTG tetapi sekolah ini jenis bantuan modal dan sekolah ini ada hampir 3,000 murid untuk dua sesi. Saya minta kementerian bagi bantuan supaya mereka boleh membangunkan satu blok bilik darjah baru supaya kita boleh ada *single session* dengan izin.

Tuan Pengerusi, perkara kedua, Butiran 05005 – Kajian Struktur dan Sistem IPTA. Saya dapati bahawa kementerian ada satu garis panduan di mana kelayakan kemasukan ke institut pengajian tinggi telah diputuskan dan jika mereka yang dapat *degree* atau sijil dari universiti, walaupun universiti itu diiktiraf tetapi kalau mereka tidak mempunyai kelayakan kemasukan, *degree* mereka tidak akan diiktiraf oleh kerajaan.

Saya tidak tahu sama ada ini benar atau tidak. Kalau ini benar, kita mungkin ada keadaan di mana kita ada ramai kakitangan kerajaan bertugas di luar negara. Mungkin anak-anak mereka tidak dapat Sijil SPM atau STPM, masuk ke universiti di luar negara mungkin Universiti Harvard atau universiti yang *famous* itu tetapi bila mereka hendak balik ke negara kita, tidak diiktiraf. Ini adalah satu situasi yang kita tidak mahukan dan saya minta penjelasan dari Kementerian Pendidikan.

Perkara yang ketiga di bawah tajuk Butiran 05009 – Perpustakaan Negara. Untuk tahun 2004, peruntukan sebanyak RM22.8 juta telah diperuntukkan untuk Perpustakaan Negara. Baru-baru ini saya *downloaded* jadual waktu buka Perpustakaan Negara dan kalau kita tengok jadual itu, pada hari cuti am, Perpustakaan Negara kita tutup. Saya tidak faham mengapa macam ini sebab bila kita ada hari cuti am, memang pada masa inilah ibu bapa akan membawa anak-anak mereka ke perpustakaan. Saya berharap boleh aturkan supaya Perpustakaan Negara kita, akan buka pada cuti am.

Perkara yang terakhir Tuan Pengerusi adalah berkenaan Butiran 04800 – Kolej Komuniti. Saya rasa kita harus mengkaji, apakah tujuan Kolej Komuniti. Nampaknya kementerian telah atau mungkin salah faham konsep Kolej Komuniti. Sebab program Kolej Komuniti tidak berjalan sehingga bangunan-bangunan siap.

Untuk itu, saya cadangkan kementerian melaksanakan konsep atau program Kolej Komuniti di sekolah-sekolah yang sedia ada sebelum bangunan baru Kolej Komuniti dibina sebab apa yang penting sekali adalah program, bukanlah bangunan. Walaupun saya mengakui bahawa mungkin ada program yang kita perlu bilik khas atau tempat khas tetapi saya percaya ada banyak program di bawah konsep Kolej Komuniti boleh dijalankan di sekolah-sekolah yang sedia ada sekarang. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ramai, ya! Saya ingat seorang dua lagi sahaja.

**Seorang Ahli: [Menyampuk]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Seorang dua sahaja lagi [Ketawa]. Saya bagi Kubang Kerian dahulu.

**2.58 ptg.**

**Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 01100 – Bantuan Modal....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kalau boleh pendek, boleh ramai sedikit, ya?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya. Lazimnya bantuan modal pada tahun 2003 diperuntukkan RM10 juta. Bagi tahun 2001, 2002 sebanyak RM45 juta tetapi bagi tahun 2004, hanya bagi *token*, hanya ada Kepala tetapi tidak ada isi dalam Kepala ini iaitu sebanyak RM10. Saya ingin tahu daripada Kementerian Pendidikan, mengapa bantuan modal ini hanya tinggal *token*. Adakah nasib Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) akan menerima nasib yang sama dengan Sekolah Agama Rakyat iaitu peruntukan khusus untuk mereka tidak lagi diberikan....

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Yang Berhormat sebut tadi....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, hendak bagi jalan?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Dia bagi, bagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Masalah ada 'kepala', itu nasib baik ada kepala. Kalau Sekolah Arab, kaki sudah dipotong dan tangan sudah dipotong, tinggal kepala sedikit. Ini kepala hendak dipotong pula. Sekolah Cina nampak gaya hendak dipotong kepala. Apa pandangan Yang Berhormat, adakah semua sekali sekolah akan ditarik bantuan?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Setengah orang kata, dia mula dengan Sekolah Agama Rakyat. Pada masa itu orang Cina diam tetapi sekarang dia potong 'kepala' bagi Sekolah Cina, dan wakil MCA dan Gerakan dalam Dewan ini tidak pun menyentuh tentang perkara ini. Ini boleh dirujuk di bawah Butiran 01100 hanya peruntukan '*token*' RM10 bagi bantuan modal Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil).

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, tidak payah cakap fasal "*token*". Pindah yang lain, Yang Berhormat, ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya berbalik kepada Butiran 02100 – UiTM. Pada tahun 2000, pengurusan UiTM telah mengenal pasti kepadatan pelajar di kampus utama UiTM. Pada waktu itu 20,000 orang pelajar dijangka akan menghuni di kampus UiTM dan menjelang 2005, dengan kemasukan pelajar-pelajar baru akan menyebabkan kampus tersebut menjadi sangat padat. Pada tahun 2002, iaitu tahun lepas, ada sebuah syarikat, *U-Wood Holdings Bhd.*, tanpa satu proses tender terbuka, telah mengemukakan tawaran mereka untuk membina kampus baru bersekali dengan pembesaran kampus yang sedia ada di Shah Alam.

Dalam tiga bulan daripada tempoh tawaran ini dikemukakan, pengurusan UiTM telah menulis surat niat mereka (*Letter of Intent*) untuk membolehkan *U-Wood* meneruskan projek ini. Hasil daripada itu, *U-Wood* telah pun menyiapkan *submission* mereka kepada UiTM, meliputi beberapa fasa dan juga beberapa komponen bagi pembinaan tersebut. Apa yang menarik perhatian saya ialah jika kita melihat bajet yang diperuntukkan ialah hanya RM208 juta bagi UiTM bagi tahun 2004, dan mengikut rekod Rancangan Malaysia Kelapan, apa yang diluluskan oleh EPU ialah sebanyak lebih kurang RM500 juta bagi pakej satu pembesaran kampus UiTM.

Tetapi apa yang dicadangkan oleh *U-Wood* tadi dalam surat tawarannya, harga bagi pakej 1A, 1B dan 1C jumlahnya ialah RM764 juta, dan pada bulan Julai tahun ini, *U-Wood* telah mengemukakan beberapa dokumen yang lain bagi Satelit A, B dan C, yang masing-masing berjumlah RM1.5 bilion, sedangkan mengikut peruntukan asal Rancangan Malaysia Kelapan, peruntukannya hanyalah RM511 juta, bagi Satelit B – RM1.7 bilion dan bagi Satelit C – RM1.4 bilion, dengan jumlah keseluruhannya ialah RM4.5 bilion, tidak termasuk kos bagi *fit-out*, dengan izin, dan juga kelengkapan-kelengkapan lain yang ditawarkan pada kadar RM2 bilion, bermakna kosnya adalah lebih daripada RM6 bilion bagi pembesaran kampus UiTM dengan memulakan rundingan dengan UiTM tanpa sebarang tender yang terbuka.

Saya difahamkan bahawa mengikut peruntukan yang diluluskan oleh EPU, jumlah kos keseluruhan bagi pembinaan ketiga-tiga satelit dan pakej tersebut ialah hanya RM1.8 bilion tetapi tawaran yang dikemukakan ialah RM6 bilion di atas konsep *turnkey contract*, tidak termasuk perabot-perabot dan beberapa kelengkapan makmal. Saya difahamkan bahawa sekali lagi seperti mana pembinaan bagi makmal sains, Kementerian Pendidikan tidak mempunyai kata putus. Segala-galanya saya difahamkan diuruskan oleh Kementerian Kewangan. Saya ingin tahu adakah ini benar, dan adakah Kementerian Pendidikan tidak harus mempunyai kata pemutus dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan di bawah Kementerian Pendidikan.

Saya difahamkan bahawa bermula Oktober tahun ini iaitu awal bulan ini, MoF, melalui salah seorang Menteri Kewangannya, kita ada dua Menteri Kewangan, telah pun memulakan sepak-mula (*kick-off*) projek ini dengan mengizinkan pembinaannya melalui *phases*, dengan izin, iaitu *phase* pertama meliputi 60 peratus kerja tanah dan infrastruktur, pembinaan Fakulti Farmasi dan *Integrated Health Sciences* dan kolej kediaman pelajar bersekali dengan dewan makan. Pembinaan bagi fasa satu ini seperti yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan, adalah melebihi daripada had yang telah diluluskan oleh EPU sebelum daripada ini. Soalan saya ialah, bagaimanakah kos ini telah dilambung sedemikian rupa dan kenapa tidak diizinkan syarikat-syarikat lain memberikan tawaran mereka? Kenapa hanya secara terpilih, *U-Wood* diberikan izin untuk mengemukakan cadangan bagi pembangunan projek ini tanpa memberi peluang kepada syarikat-syarikat lain yang mungkin akan menawarkan harga yang jauh lebih murah?

Pembinaan bagi fasa satu ini yang meliputi Fakulti Farmasi, hanya akan menyelesaikan kepadatan bagi menampung 1,600 pelajar dan bagi Fakulti *Integrated Health Sciences* akan menyelesaikan kepadatan bagi 2,500 pelajar. Bermakna, seramai 4,000 pelajar yang padat daripada *main campus* di UiTM dapat menduduki bangunan baru, tetapi 76 peratus lagi akan masih kekal dengan kepadatan yang sama di kampus utama UiTM. Jika kita melihat dokumen tawaran ini, harga-harga yang telah saya sebutkan tadi, ternyata harganya jauh lebih tinggi daripada apa yang sepatutnya. Kenapakah ini berlaku dan saya inginkan penjelasan yang terbuka daripada Kementerian Pendidikan? Adakah Kementerian Pendidikan sedar tentang perkara ini? Kenapakah kita terpaksa menerima tawaran yang sedemikian besar yang mengatasi *limit* yang telah dihadkan oleh EPU sendiri?

Dalam konteks ini juga, saya fikir bahawa apa yang berlaku selama ini ialah kementerian-kementerian hanya melihat peruntukan-peruntukan di bawah kementerian mereka dibelanjakan tetapi mereka tidak mempunyai kata putus - segala-galanya diuruskan oleh Kementerian Kewangan. Dan kita telah melihat akibatnya dalam kes pembinaan makmal komputer, di mana apabila satu syarikat diberi kontrak untuk membina 500 buah makmal komputer sekali gus, kita telah melihat hasilnya. Dalam konteks ini, harga yang telah *diinflated* oleh *U-Wood* adalah demikian tinggi.

Saya berharap perkara ini dapat dikaji semula bahkan kita mahu supaya dikemukakan satu tender secara yang terbuka. Saya yakin bahawa syarikat-syarikat lain akan memberikan tawaran yang jauh lebih baik dan memberikan perkhidmatan ataupun mutu pembinaan yang jauh lebih baik. Bahkan saya cadangkan bahawa kita tidak perlu pergi kepada satu syarikat untuk pembinaan keseluruhan fasa-fasa dalam projek ini. Mengapa tidak kita bahagi-bahagikan kepada beberapa syarikat yang tertentu?

Saya merujuk juga kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Di bawah Dewan Bahasa dan Pustaka ada satu syarikat percetakan – Dawama. Saya difahamkan bahawa dalam carta Dawama dan carta Dewan Bahasa dan Pustaka, kerja-kerja percetakan harus diberikan kepada syarikat-syarikat bumiputera tetapi di bawah konsep penswastaaan Dawama, saya difahamkan bukan sahaja syarikat percetakan bumiputera diketepikan dan saya mempunyai salinan rungutan-rungutan daripada penerbit-penerbit kecil bumiputera, tetapi saya difahamkan bahawa syarikat asing telah diberikan keutamaan untuk mencetak buku-buku Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga buku-buku lain yang sama sekali membelakangkan konsep penswastaaan.

Di bawah Garis Panduan Penswastaaan EPU, ada lima garis panduan dan satu daripadanya ialah bahawa sebahagian daripada kerja-kerja utama penswastaaan tersebut hendaklah diberikan kepada syarikat-syarikat bumiputera. Adakah Kementerian Pendidikan sedar perkara ini atau membiarkan sahaja ia berlaku? Saya difahamkan sebahagian daripada penerbit kecil bumiputera ini terpaksa gulung tikar kerana mereka tidak lagi diberikan peluang kerja sebagaimana yang berlaku semasa Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri menguruskan percetakan buku-buku ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya hanya membenarkan dua orang sahaja lagi, ya. Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Selepas itu saya akan sebut dan selepas itu minta Setiausaha Parlimen menjawab. Ya, sila Yang Berhormat bagi Gelang Patah. *[Disampuk]*

**3.09 ptg.**

**Tuan Chang See Tan [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin sentuh ....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sebab ada satu kementerian lagi kita hendak habiskan.

**Tuan Chang See Tan:** ....Kepala Bekalan 41 – Kementerian Pendidikan tentang Butiran 020000 dan Butiran 020300 – Pendidikan Rendah dan Menengah. Saya hendak menyentuh khusus kepada Pendidikan Rendah.

Tuan Pengerusi, daripada tinjauan Kementerian Pendidikan iaitu tambahan murid untuk Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) daripada tahun 1999 hingga 2003 adalah sebanyak 37,135 orang murid. Kalau kita ikut dengan kadar satu kelas 35 murid sekolah, kita perlu 1,061 kelas dan kalau ikut kadar 1.5 guru untuk satu kelas, kita perlu 1,591 guru baru. Tetapi mengikut tinjauan yang dikaji selidik oleh Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Besar Malaysia mereka memperolehi data yang tidak sama.

Mereka khususkan kepada bilangan sekolah Cina yang gred A di mana bilangan murid adalah 408,721 orang dan bilangan kelas SJK(C) gred A yang sepatutnya mesti ada iaitu 11,670 kelas, tetapi yang sedia ada cuma 9,881 kelas sahaja dan guru diperlukan mengikut 1.5 orang, guru berkelas iaitu kita perlu 2,683 orang guru. Ini perbezaan di antara data daripada Kementerian Pendidikan dan daripada Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Besar Malaysia.

Saya ingin dapat penjelasan daripada Kementerian Pendidikan tentang perbezaan antara kedua ini – satu di peringkat pengurusan di sekolah-sekolah, dan satu lagi di peringkat pegawai yang buat kaji selidik.

Tuan Pengerusi, masalah kekurangan guru terlatih yang serius di SJK(C) merupakan masalah berterusan. Masalah ini perlu diatasi demi kepentingan pendidikan generasi muda. Kekurangan guru sepanjang masa tetap merugikan dan akan menjejaskan

prestasi kualiti pendidikan murid-murid sekolah. Kaedah dan strategi khas dalam latihan guru seperti KDPM dan KDC perlu dipertingkatkan. Saya harap pihak Kementerian Pendidikan dapat menjelaskan jumlah lepasan KDPM Dan KDC dari tahun 1999 hingga 2002 dan sila nyatakan sama ada KDC bagi tahun 2003 akan diatur dan jumlah pelatih yang akan diambil. Saya harap pihak Kementerian Pendidikan nyatakan Kursus Perguruan Lanjutan Ijazah (KPLI) untuk mahasiswa atau mahasiswi bagi tahun 2004 yang mana didengar akan diadakan untuk turut sama cuba menyelesaikan masalah kekurangan guru dan kursus ini cuma ambil tempoh satu tahun sahaja dan berapa orang pelatih akan diambil.

Tuan Pengerusi, mengikut kaji selidik Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Besar Malaysia iaitu jumlah guru tidak terlatih termasuk guru pelatih KDC yang belum tamat kursus adalah 11,771 orang dan peratusan guru tidak terlatih dengan guru yang sedia ada yang terlatih kesemuanya adalah 32,902 iaitu boleh dianggap kita mempunyai guru yang tidak terlatih sebanyak 35.77%. Ini satu data yang sangat tinggi. Kekurangan guru pada masa sekarang yang diselidiki oleh Kesatuan Kebangsaan Guru Besar Malaysia semua sekali adalah 9,322 orang dan ini terdiri daripada kekurangan guru 5,289, 800 guru yang perlu untuk gantikan guru terlatih yang telah tamat Kursus PJJ dan tiga ialah seramai 550 orang guru yang telah bersara wajib atau meletak jawatan atau melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi. Dan tambahan guru kerana tambahan 1,789 kelas iaitu tadi saya kata 2,683 iaitu jumlahnya 9,322 orang dan ini adalah berbeza dengan apa yang diselidiki oleh pegawai pendidikan.

Saya ingin dapat penjelasan sama ada pihak Kementerian Pendidikan melalui pegawai pendidikan bekerjasama dengan pihak Guru-guru Besar Sekolah Cina. Kaji selidik semula supaya dapat mengadakan keseimbangan dalam data yang diberikan oleh kedua-dua pihak ini. Ini adalah satu perkara yang sangat penting di daerah Johor Bahru yang mana saya datang dari sana, kita dihantui oleh masalah kekurangan guru sebanyak 557 orang daripada 22 buah sekolah Cina di sana. Ini satu masalah.

Satu perkara lagi tentang Butiran 01100. Pagi tadi saya dengar ucapan daripada Yang Berhormat bagi Parit Sulong, Yang Berhormat bagi Serdang dan Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara yang berkata kali ini tidak berpuas hati tentang bantuan modal yang diberikan iaitu anggaran pada 2004 cuma pada RM10.00 sahaja. Saya ingin tahu sama ada ini adalah oleh kerana pihak kementerian daripada pegawai di peringkat PPD, PPN tidak ambil berat untuk mengadakan maklumat-maklumat tentang keperluan peruntukan untuk Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil) jenis bantuan modal dan mengakibatkan sampai dalam Buku Bajet cuma ada bantuan modal RM10.00 satu token sahaja. Ini satu perkara yang....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, token tidak payah panjang, Yang Berhormat.

**Tuan Chang See Ten:** Ya, ini perkara saya hendak tahu mengapa sekolah ini dianaktirikan? Dan mengikut maklumat yang saya dapat, daripada tahun 2000 hingga 2003, cuma sebanyak 551 sekolah Cina bantuan modal mereka cuma dapat RM24 juta.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah habis.

**Tuan Chang See Ten:** RM24 juta.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah habis.

**Tuan Chang See Ten:** Dan 587 sekolah Cina bantuan modal tidak dapat peruntukan langsung empat tahun ini. Saya juga dengar lagi ada peruntukan RM10 juta untuk tahun 2003.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, masa sudah habis.

**Tuan Chang See Ten:** Tetapi yang saya dapat tahu dari maklumat, setakat ini sekolah Cina bantuan modal cuma dapat RM2.2 juta dalam tahun 2003 iaitu daripada bulan Januari hingga Oktober.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Chang See Ten:** Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jeli, Jeli.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya beri Batu Gajah, selepas itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Ohh, bagus!

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya ingat betul pilihan saya itu.

**3.10 ptg.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih banyak-banyak, hari ini dalam Dewan, saya ingin rujuk kepada Butiran 020300 – Pendidikan Rendah.

Tuan Pengerusi, hari ini dalam Dewan ini kita telah cipta rekod, kita nampak ahli-ahli sejiwa, sehati, sewawasan merayu kepada Kementerian Pendidikan agar diberi peruntukan kepada SRJK(T) dan SRJK(C), ini membuktikan bahawa 50 tahun berkongsi kuasa, komponen-komponen Barisan Nasional telah gagal memperjuangkan hak-hak yang mereka sering kali melaung-laungkan mewakili orang Cina, mewakili orang India.

Tuan Pengerusi, saya ingin bangkitkan perkara mengenai masalah yang dihadapi oleh sekolah kawasan saya iaitu Sekolah Wan Hwa II di Menglembu yang telah diluluskan tapak, tapak pemindahan sekolah itu ke satu tapak yang baru, tetapi sehingga hari ini masih belum perpindahan dilakukan kerana sekolah mengalami kekurangan peruntukan, sebab sebelum pilihan raya tahun 1999 telah diumumkan bahawa tanah tapak itu telah diluluskan, tetapi sampai hari ini masih belum dibina dan sekarang telah menjadi satu lombong, lombong untuk menangkap ikan, ini digunakan oleh pihak-pihak tertentu *trespassing*, oleh itu saya pohon agar kementerian akan ambil perhatian berkenaan perkara ini, sekarang Sekolah Wan Hwa II ini berkongsi bangunan dengan Sekolah Wan Hwa I di Menglembu.

Jadi, ini mengalami masalah sedikit, semasa tamat sekolah bagi sesi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Wan Hwa I, Wan Hwa II akan masuk, jadi mereka berselang seli, sekolah ini, tahun ini sesi pagi, tahun akan datang sesi petang. Jadi, menimbulkan pelbagai masalah. Jadi, diharap Setiausaha Parlimen yang hadir, begitu fokus sekali dalam Dewan ini, harap boleh beri perhatian terhadap perkara ini, jangan menggunakannya menjadi isu politik.

Perkara kedua ialah mengenai Sekolah Tit Bin I, Taiping. Saya telah menerima satu e-mail di mana dahulu saya membangkitkan sekolah ini, Sekolah Taiping, sekolah rendah di Jalan Besar yang menghala ke Taiping di Pantai Remis, bangunan ini dimaklumkan kepada saya bahawa akan dirobhkan, saya ingin bertanya kementerian sama ada akan mengambil tindakan untuk memeliharanya menjadi *heritage building*, dengan izin.

Perkara yang lain saya dipinta oleh ahli-ahli yang lain supaya dibangkitkan ialah Yang Berhormat dari Tanjong, berkenaan 02100 – Pengurusan Pentadbiran Negeri, mengapa Pejabat Pendidikan Negeri Pulau Pinang masih tidak dapat mengisi jawatan Penyelia Sekolah-sekolah Rendah Cina yang sudah kosong sejak awal tahun 2003 ini. Masyarakat Cina di negeri Pulau Pinang menyuarakan prihatin mereka kerana pelbagai masalah telah timbul di SRK(C), tetapi oleh sebab tidak ada Penyelia Sekolah-sekolah Cina, masalah-masalah ini masih tidak dapat diatasi, apakah sebabnya jawatan ini tidak

dapat diisikan dan bilakah Pejabat Pendidikan Negeri dijangka akan dapat mengisi kekosongan jawatan ini?

Saya ingin membangkit kepada perkara Butiran 100500 – Universiti Putra Malaysia dan Butiran 100000 – Pengurusan Institusi Pendidikan Tinggi Awam.

Tuan Pengerusi, saya tidak boleh tidak bersuara untuk para graduan siswazah di IPTA kita, sebab saya nampak tindakan pihak Universiti Putra Malaysia baru-baru ini yang menjalankan kegiatan menggeledah bilik-bilik pelajar wanita pada bulan Ogos yang lalu, kononnya pelajar-pelajar wanita ini mereka menjalankan aktiviti bawah tanah. Ini amat menakutkan jika benar, tetapi masalahnya tindakan sedemikian hanya wujud apabila hampir menjelang pemilihan perwakilan pelajar.

Oleh itu, saya rasa kementerian harus mengambil tindakan terhadap perkara ini bagi menghormati hak-hak peribadi, *privacy* seseorang pelajar, tetapi saya nampak, saya juga kesal sekali apabila pelajar-pelajar, mereka yang cerdik pandai, boleh masuk IPTA tetapi hak mereka lebih kurang berbanding dengan pelajar yang lain, yang tidak berjaya masuk ke IPTA dengan adanya Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) ini.

Jadi, pihak universiti mendakwa bahawa pelajar ini terlibat dengan aktiviti bawah tanah, tetapi apabila mereka dipanggil untuk soal siasat, mereka dipanggil agar jangan melibatkan diri dalam aktiviti parti pembangkang.

Jadi, saya harap kementerian boleh mengeluarkan satu *directive*, dengan izin, agar memastikan setiap pihak universiti, setiap universiti IPTA menghormati hak-hak pelajar ini juga mendengar masalah yang dihadapi oleh mereka, janganlah Barisan Nasional kalau memuji, menyokong kita kata mereka bagus, kalau mereka mengkritik, kita kata mereka menyalahi undang-undang.

Ini saya ingin membawa kepada masalah yang dihadapi oleh tujuh orang pelajar, pelajar yang dikenali sebagai ISA7, dengan izin, mereka ini hanya membangkitkan pandangan mereka terhadap Akta ISA ini, jadi sekarang mereka telah dihadapi ke mahkamah, saya pohonlah kementerian agar membantu mereka menarik balik kes ini. Saya ada baca laporan menyatakan bahawa kementerian menyeru, mereka meminta maaf kalau mereka hendak balik menyambung semula pendidikan mereka di universiti. Saya rasa ini tidak demokratik sekali kerana pelajar-pelajar ini mempunyai hak bersuara, mempunyai hak berkumpul, mempunyai hak untuk memberi pandangan, kalau kita hendak melahirkan graduan yang mempunyai daya fikiran yang kritikal, mempunyai *analytical thinking*, kalau kita hendak lahirkan *thinking graduate*, generasi muda yang mempunyai pendirian, saya harap kementerian juga harus memansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti ini. Dan langkah yang paling baik adalah membatalkan tindakan mahkamah terhadap ketujuh-tujuh orang pelajar ini. Jangan membawa politik, saya ingin juga bawa kepada masalah pemilihan perwakilan pelajar.

Saya nampak baru-baru ini, Tuan Pengerusi, amat mengecewakan saya apabila seorang akademik telah membuat satu kenyataan bahawa hanya betul jika pelajar menyokong kerajaan kerana, saya ingin *quote*, Tuan Pengerusi, dengan izin: "*The government owns the university and the university is run according to the government policy, so it would not be right to support the opposition,*" dengan izin.

Saya rasa adalah tidak patut pihak universiti melibatkan diri di dalam pilihan raya perwakilan pelajar di universiti, ini menunjukkan *bias*, dengan izin, bersikap berpihak kepada calon-calon tertentu.

Saya ingin tahu apakah benar telah wujud masalah gejala atau trend-trend politik wang telah menular masuk, telah dibawa masuk oleh Ketua Pemuda ke dalam pemilihan pelajar, perwakilan pelajar ini, sebab laporan menyatakan bahawa kononnya ada Ketua Pemuda UMNO ini telah memberi wang kepada calon-calon, atau memberi *hand phone*, saya baca dari laporan, memberi *hand phone* kepada calon-calon untuk memastikan mereka yang *pro-government*, dengan izin, *pro-establishment* ini, menyokong, menang dalam pemilihan perwakilan pelajar.



Ini bukan kali pertama berkenaan aduan sedemikian telah dilaporkan, saya ingin minta kementerian agar memastikan jangan hanya pelajar sahaja tidak terlibat dalam masalah sosial yang lain, tetapi memastikan bahawa pihak universiti, pengurusan universiti adalah bebas, biarkan mereka menjalankan pemilihan perwakilan pelajar secara bebas, tanpa rasa takut, tanpa rasa tindakan oleh pihak-pihak universiti, sebab kenyataan laporan media, juga menyatakan bahawa pelajar calon-calon yang telah menang dalam pemilihan perwakilan pelajar ini, mereka diminta untuk membuat satu deklarasasi (*declaration*) sama ada mereka *pro-government* atau bukan *pro-government*.

Jadi, saya rasa kita hentikanlah, Kerajaan Barisan Nasional hentikanlah menanamkan sikap takut terhadap pelajar ini, biarkan mereka bebas bersuara, memberi pandangan, sekarang ada AUKU, guna Akta Polis untuk menakutkan mereka, bukan sahaja pelajar, saya ambil kesempatan ini, orang ramai, orang luar sekarang juga mempunyai sikap begitu takut untuk bersuara kerana saya rasa mereka tertekan, walaupun perkara yang begitu kecil mereka tidak berani bersuara kerana Kerajaan Barisan Nasional menggunakan pelbagai taktik untuk menekan mereka.

Jadi, bukan sahaja pembangkang, kita boleh tengok hari ini pelajar, semalam saya ada menonton televisyen kita punya bakal Perdana Menteri menyatakan pelajar-pelajar kita mesti jauhi dari dadah, kita mesti mendengar suara generasi muda, *we must listen to the young*, tetapi masalahnya apabila pelajar kita, kerajaan kita, siswazah kita ingin bersuara tetapi mereka diambil tindakan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Puan Fong Po Kuan:** Jadi, saya tidak akan lebih panjang lebar lagi. Terima kasih sekali lagi kepada Tuan Pengerusi, memberi peluang kepada saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sama-sama. Saya minta Setiausaha Parlimen menjawab.

**3.19 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya dapati hari ini perbahasannya begitu panjang lebar yang menyentuh mengenai dengan bajet kementerian kita dan ada juga ahli-ahli yang terkeluar daripada membincang mengenai dengan soal bajet, malah hendak masuki juga jarum-jarum politik Parti DAP dan PAS.

Jadi, benda-benda macam itu kita dengar sahajalah, tetapi tidak menghiburkan hati kita, malah, menurunkan lagi cara kita bercakap mengenai dengan bajet. Yang Berhormat Tuan Pengerusi,....

**Beberapa Ahli Pembangkang: [Menyampuk]**

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Tuan Pengerusi, belum jawab lagi. Tunggulah, tunggu, kita akan jawab, Insya-Allah.

Yang Berhormat bagi Subang telah membangkitkan mengenai dengan kemudahan di SJK(T) dan sebagainya tidak begitu kondusif. Jadi, bagi maklumat Yang Berhormat, sebenarnya kemudahan di SJK(T) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, telah kita beri perhatian. Ini bermakna, dalam Rancangan Malaysia Kelapan sehingga Oktober 2003, sebanyak 219 SJK(T) telah diberi peruntukan sebanyak RM20.5 juta bagi ubahsuai dan naik taraf, malah sebuah sekolah baru gantian penuh SJK(T) di Kuantan telah dibina dan disiapkan pada tahun ini juga iaitu 2003. Pada masa yang sama, sebanyak dua belas SJK(T) lagi sedang dibina bangunan tambah ataupun gantian dengan anggaran kos sebanyak RM38.5 juta bagi tujuan memberi kemudahan yang kondusif bagi pengajaran dan pembelajaran. Ini sedang kita lakukan. Jadi, tidak benarlah kalau pihak pembangkang mengatakan kita tidak buat apa-apa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**].

Begitu juga Yang Berhormat bagi Subang telah membangkitkan mengenai SJK(T) dijadikan sekolah bantuan penuh. Mengenai gesaan sekolah-sekolah bantuan kerajaan termasuk SJK(T) ditukar kepada sekolah kerajaan, kerajaan tidak berhasrat berbuat demikian. Ini berdasarkan kepada Akta Pendidikan 1996. Ini dia [*Menunjukkan buku Akta Pendidikan 1996*] yang jelas menyatakan bahawa sekolah kerajaan adalah sekolah yang ditubuhkan dan diselenggarakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, manakala, sekolah-sekolah yang ditubuhkan oleh orang perseorangan atau pertubuhan persendirian adalah sekolah bantuan kerajaan. Ini merupakan persetujuan yang telah dicapai atas pemimpin-pemimpin yang mewakili semua kaum di negara ini. Ini telah tercerna dalam Akta Pendidikan. Saya pun buat penyemakan dan kita sedaya-upaya akan cuba seboleh-bolehnya. Malah, kalau dari segi itu, kita juga boleh katakan semua sekolah yang dapat bantuan kerajaan itu bertaraf sekolah yang dapat semua peruntukan yang kita sedang bincangkan.

Mengenai dengan peruntukan bantuan modal kepada SJK(C) pula, Yang Berhormat bagi Kluang telah bangkitkan perkara ini dan sekaligus saya ingin menjelaskan kepada ahli-ahli di dalam Dewan ini mengenai dengan token RM10 tadi. Jadi, sambil lalu, saya akan tetap beri jawapan ini untuk memperlihatkan bahawa RM10 tadi - yang ini yang dibangkitkan oleh ahli-ahli tadi, Tuan Pengerusi - iaitu mengenai dengan token RM10. Sebenarnya token yang RM10 itu bukan kita kata beri RM10. Macamlah baru-baru ini, Yang Berhormat dari mana ini, hendak potong gaji Menteri RM10 itu. Ini lebih kurang macam itulah. Yang itu kelulusan kita, di mana dalam Bajet 2004 tadi, ia menunjukkan program ini diluluskan untuk pelaksanaan pada tahun 2004 nanti.

Bantuan ke sekolah-sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan dilaksanakan setiap tahun berdasarkan kepada permohonan-permohonan yang diperakukan kepada KPM oleh Jabatan Pendidikan Negeri ataupun permohonan-permohonan yang diterima melalui pelbagai saluran, termasuk Yang Berhormat-Yang Berhormat sendiri. Oleh kerana permohonan-permohonan ini berbentuk keputusan semasa, maka peluncuran bagi tahun 2004 ini belumlah dapat ditetapkan lagi. Jadi, kita belum tetap lagi. Walau bagaimanapun, KPM akan tetap membelanjakan sekurang-kurangnya RM15 juta. Ini lebih daripada 2003, malah lebih daripada itu, untuk program bantuan modal ini, melalui pengagihan semula yang sememangnya dilakukan setiap tahun. Oleh itu, tidak wujud....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** ....isu peruntukan.... Sekejap, sekejap, Tuan Pengerusi! ... isu peruntukan bantuan modal yang tidak mencukupi untuk Bajet 2004. Jadi, dalam jawapan saya ini, untuk saya tegaskan walaupun bantuan ini tetap ada, lebih daripada 2003, token tadi ialah untuk membolehkan kita melaksanakan projek-projek tadi daripada sumber-sumber yang lain yang kita telah luluskan, yang saya anggap akan melebihi daripada RM15 juta.

Walaupun bagaimanapun, ingin saya jelaskan di sini lagi sekali kepada semua Ahli Yang Berhormat, bahawa ini tidak masuk wang pengurusan, sama ada sekolah kebangsaan mahupun Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) mahupun Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil), iaitu gaji guru, pembaikpulihan semua barang di sekolah termasuk buku teks, termasuk baik pulih benda-benda yang lain, kemudahan-kemudahan yang lain. Jadi saya faham....

**Tuan Chang See Ten:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Gelang Patah bangun.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin tahu, walaupun tadi Yang Berhormat ada kata akan bagi RM15 juta bagi tahun 2004 dan dari maklumat yang didapati dalam ucapan beberapa Ahli Yang Berhormat, kata pada tahun 2003 ada RM10 juta, tetapi saya dapat maklumat daripada Kementerian Pendidikan bahawa pada tahun 2003, cuma setakat ini belanja RM205 ribu sahaja. Boleh tolong jelaskan mengapa? Tahun 2000, 213 sekolah

dapat cuma RM5 juta; tahun 2001, 151 sekolah bantuan sekolah Cina dapat RM9 juta; tahun 2002, 160 buah sekolah, RM6 juta sahaja. Semua sekali empat tahun cuma RM24 juta. Adakah amaun ini sangat sedikit untuk sekolah Cina? Saya harap dapat penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Berapa tahun, Yang Berhormat? Berapa tahun? Berapa tahun?

**Tuan Chang See Ten:** Empat tahun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Ohh! Itu tidak betul, tidak betul, Yang Berhormat! Saya mahu jelaskan di sini, dari tahun 2000 sehingga 2003, kita telah belanjakan sebanyak RM24,002,168 campur dengan sekolah Tamil, kesemuanya dari tahun 2000 sampai 2003, RM44,501,066. Jadi, yang ini saya tidak tahu. Kadang-kala kita dapat angka-angka yang tidak betul. Inilah yang termasuk Parti PAS tadi ini, yang katakan kita tidak berlaku adil. Inilah yang diganggu oleh pihak PAS. Tiba-tiba PAS hendak bercakap mengenai dengan sekolah Tamil dan sekolah Cina. Begitu juga dengan DAP. Sebenarnya, saya berterima kasih....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** ...kepada pihak MCA. Selama ini MCA telah bangkitkan perkara ini dan kita telah bincang dan kita telah buat agihan. Begitu juga terima kasih kepada pihak MCA, mereka cakap tetapi dalam masa yang sama juga - termasuk MIC - mereka kutip wang, mereka lakukan, ambil tindakan sendiri. Kita tolong bantu. Ini PAS dengan DAP, tidak ada lain. Kerja cucuk MCA suruh hentam Barisan Nasional! *[Ketawa]* Tetapi, kita hari ini, kita tidak layanlah soalan-soalan yang dibangkitkan oleh PAS, oleh DAP! Ini main-main politik! Kata Yang Berhormat bagi Batu Gajah tadi: "*Kita tidak main politik!*" Inilah hantu politik, sebesar-besar hantu yang dok ada dalam Dewan ini! *[Ketawa]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Chang See Ten:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada dua bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Saya bagi....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kubang Kerian, okey.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Kubang Kerian.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih rakan saya Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Saya tidak pandai cucuk pasal saya bukan doktor.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Ketawa]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tetapi, peruntukan token ini saya tidak nampak bijaknya Kementerian Pendidikan. Pasal dalam kepala-kepala ini, semua ada peruntukan. Datang kepada bantuan modal, "token", sedangkan kita ada rekod permohonan tahun-tahun yang lepas. Kalau kita tidak cukup belanja kerana ada permohonan baru, kita boleh buat belanjawan tambahan. Kenapa perlu token?

*Token* ini sudah ada niat, hendak menafikan sekolah Cina dan sekolah Tamil daripada menerima bantuan sebagaimana Sekolah Agama Rakyat. Sekolah Agama Rakyat, dia sudah potong, PAS mempertahankan. Apa salahnya PAS mempertahankan semua sekolah, sekolah Cina, sekolah Tamil dan Sekolah Agama Rakyat? UMNO, semua dia hendak makan. Sekolah Agama Rakyat dia hendak makan, sekolah Cina dia makan dan sekolah Tamil pun dia hendak makan.... *[Disampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Nampaknya Yang Berhormat cari *mileage* politik, tidak apalah tetapi Yang Berhormat, mengenai dengan SAR dan SJK(C), sila rujuk Akta Pendidikan.... *[Menunjukkan sebuah buku akta]*. Kalau Yang Berhormat tidak ada duit hendak beli, saya tolong beli untuk Yang Berhormat.... *[Disampuk]*

Yang Berhormat selalu dok tanya pasal SAR. SAR itu ada dalam inikah? Yang Berhormat kena tanya, jabatan-jabatan agama negeri itu, sama ada ia berdaftar atau tidak.

Itu Yang Berhormat kena tahu. Kita cuma bantu hari itu tetapi tidak ada prestasi yang baik. Begitu juga....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak apa, bagilah saya jawab dahulu. Hendak bangun buat apa? Apabila saya jawab, dengarlh, tidak perlulah kacau-kacau.

Jadi, begitu juga mengenai dengan apa yang kita sudah cakap tadi, soal *token* ialah kelulusan kita. Sebenarnya kita akan ambil sumber-sumber daripada yang lain di dalam peruntukan bajet kita tadi. Itu yang saya sebut dan sepatutnya saya tidak sebut tetapi saya sebut hari ini supaya ia menjadi lebih kurang RM15 juta dan mungkin lebih daripada itu. Kadang kala *case by case*, kita akan beri.

Sekali lagi saya akan bangkitkan, tidak ada diskriminasi kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan, sama ada sekolah Cina mahu pun Tamil. Tidak ada diskriminasi. Mana ada diskriminasi? Selagi ada peruntukan Akta Pendidikan 1996, kita tetap patuhi yang terdapat dalam ini dan kita tidak main politik di sini.

MCA boleh bangun dan bangkitkan bersama-sama dalam Mesyuarat Barisan Nasional. Kita beri secara saksama. Jadi, jangan di sana dok cocok, kata kita berlaku tidak adil kepada MCA. Kalau hendak masuk dalam Barisan Nasional, sila isi borang, *[Disampuk]* buat permohonan, masuk Barisan Nasional, kita bincang cara elok. Ini kita hendak bangkit iaitu....

**Tuan Chang See Ten:** *[Bangun]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ....mengenai dengan kawasan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ramai bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ramai bangun, ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang mana satu?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang ini.... *[Menunjuk ke arah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam]*. Maafkan saya. Yang Berhormat bagi Gelang Patah bangun dahulu tadi, saya beri kepada dia....

**Puan Chong Eng:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Pengerusi, maklumat yang saya dapat adalah daripada Kementerian Pendidikan. Bagaimana boleh salah? Saya ada risalah di sini. Ini khusus kepada Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) daripada maklumat yang saya dapat. Empat tahun cuma dapat RM24 juta. Angka yang kecil, saya tidak payah sebutlah. Tahun ini, 2003, cuma 27 buah sekolah Cina, Sekolah Bantuan Modal yang dapat. Mereka dapat RM2 juta sahaja tetapi mengikut maklumat, RM10 juta untuk tahun ini. Jadi, mengapa baki tidak dibelanjakan kerana sekarang sudah sampai akhir tahun?

Saya memang mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan kerana selalu ada bagi, cuma tidak cukup. Saya tanya, sama ada kerana tidak dapat maklumat daripada peringkat akar umbi yang mana Jabatan Pendidikan Daerah, pegawai tidak ambil maklumat terperinci tentang keperluan sekolah Cina bantuan modal, sebab itu, hingga hanya dapat peruntukan yang kecil sekali. Ini saya minta penjelasan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Bagus, terima kasih. Kita bagi bukan? Kita bagi walaupun kecil tetapi wang itu belum dibelanjakan. Maknanya, masih dalam projek. Itu

yang tidak sampai RM10 juta dan mungkin lebih daripada RM10 juta, kata saya. Jadi, Yang Berhormat jangan bimbang dalam soal ini. Tidak ada diskriminasi dan duit itu pun kita tidak ambil. Kalau yang sudah diperuntukkan, kita peruntukan, malah ditambah macam saya sebut tadi. Wang pengurusan, kita tidak masuk dalam peruntukan itu. Wang membaik pulih tadi pun kita tidak masukkan. Jadi, jangan bimbang.

Saya katakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jangan bimbang [Disampuk]. Jangan bimbang. Di sini ingin saya tegaskan bahawa wang ini kita kata, kalau dalam projek itu ia masih dan tetap akan dibelanjakan. Kalau peruntukan untuk tahun 2003 itu, kita akan peruntukan. Malah saya rasa, ini saya rasa, kita tambah wang itu, mungkin lebih daripada apa yang telah kita cadangkan.

Jadi, dalam soal ini, tidak perlulah...., DAP *don't score your mileage here*. You *don't have your mileage here*. *Chinese education*, dengan izin, DAP tidak berperanan, tidak usah cakaplah. Dia cakap pasal soal lain. Ya, saya bagi Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah melampau bagi komuniti Cina atau India untuk meminta supaya *allocation* pembangunan ini diberikan kepada semua jenis sekolah mengikut keperluan dan *enrolment* murid-murid? Tadi, Yang Berhormat ada kata angkanya berapa, saya tidak ingat, RM44 juta, boleh berikan RM44 juta itu, berapa peratusan dalam keseluruhan? Tadi saya ucapkan bahawa kalau mengikut Rancangan Malaysia Ketujuh, jumlah *enrolment* sekolah Cina ialah 71% tetapi *allocation* yang ia dapat hanya 2.44% sahaja. Jadi, boleh berikan angka tadi itu dalam peratusan pada keseluruhan?

Satu lagi saya kata, saya tidak cocok, saya bantai sahaja. Yang kedua, kita bukan "hantu politik". Kita bercakap, dahulu pun kita cakap, bukan macam pihak Barisan Nasional, sesi terakhir baru mahu cakap, *Chinese education*.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat bagi Kota Melaka, bersabarlah. Soalan Yang Berhormat akan saya jawab kemudian. Jadi, jangan tanyalah. Dok *repeat* soalan buat apa? Ini ulang tayang punya kes.

Barisan Nasional, kerap kali kita bangkitkan perkara ini sama ada ada *election* atau tidak ada *election*, kita mesti cakap mengenai dengan pendidikan. Jadi, DAP bila menjelang pilihan raya, baru dia hendak cakap pasal *Chinese education*.... [Disampuk] Ini biasalah. Kita sudah fahamlah. Ini fiil DAP, selalu macam itu. Itu dia punya *behavior*.

Saya juga ingin tambah maklumat kepada Yang Berhormat bagi Gelang Patah tadi, sehingga 30 September 2003, sebanyak RM9,328,921.71 telah dibelanjakan daripada peruntukan RM10 juta di bawah bantuan modal tahun 2003.

Jadi, saya ingin membetulkan balik. Saya tidak tahulah dari mana Yang Berhormat dapat maklumat itu tetapi Yang Berhormat jangan bimbang. Peruntukan yang kita sediakan, kita sudah lakukan tetapi kalau yang tidak cukup, kita tambah. Tidak timbul soal ketidakadilan. Soalnya cukup dengan tidak cukup sahaja.

Jadi, jangan dok timbulkan. DAP ini akan main cerita ini, kata kita mendiskriminasikan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil). Ini selalu biasalah kes dia....

**Tuan Lim Hock Seng:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Berkenaan dengan ini juga?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, kita sedang meneliti peruntukan-peruntukan satu Kepala demi satu Kepala....

**Beberapa Ahli:** Ya!

**Tuan Lim Hock Seng:** ....berkenaan butiran-butiran yang termaktub dalam buku ini. Sekiranya diberi hanya RM10 sebagai *token*, di mana Yang Berhormat akan 'curi' wang untuk Kepala ini? *Let say RM15 million*. RM15 juta, mana mahu 'curi' daripada peruntukan ini? Kalau 'curi' daripada mana-mana kepala pun, buku ini jadi tidak guna....

**Puan Chong Eng:** Ya lah!

**Tuan Lim Hock Seng:** ....kita luluskan dengan belanja tidak ikut kelulusan. Belanja tanpa kelulusan Parlimen ini. Yang Berhormat, inilah masalahnya. Bukan kata, kita tanya, mengapa tidak ada peruntukan. Ada! Memang ada! Duit ada, jangan takut! Itu bukan satu jawapan yang baik. Kita kena meneliti, adakah terbitan buku ini salah? Mengaku sahajalah.... *[Disampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih. Ini tengok DAP ini, dia pandai paksa kita. Dia kata sudah paksa. Saya cakap tadi, ini jenis peruntukan. Tadi saya katakan RM10 *token* itu ialah sebagai kelulusan untuk bantuan sekolah jenis kebangsaan.

Jadi, wang, kita tidak curi. Tidak curi! Mana ada curi wang? Tetapi, kita ada peruntukan-peruntukan, sumber-sumber yang lain di dalam kementerian itu yang kita akan peruntukkan kepada ini. Kita akan. Ini telah kita lulus, kita lulus.

Keduanya, mengenai dengan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil), kita *case by case*. Kadangkala tidak ada pun, kita cari juga sumber-sumber yang lain untuk dilakukan ke atas ini. Kepada Yang Berhormat bagi Bagan, saya kata, kita tidak curi wang ini, wang ini memang wang kerajaan yang diperuntukkan untuk beberapa kegunaan, kita salurkan kepada sekolah bantuan kerajaan.

Baiklah, saya teruskan, tadi saya rasa selesailah kes itu.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat!

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat bagi Kluang telah membangkitkan mengenai dengan peruntukan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak, tidak perlu lagi sudah. Saya akan terus, ya. Sekejap lagi kita bangkit. Biar saya teruskan.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Puan Chong Eng:** *[Masih berdiri]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tadi saya sudah beri. Sudah beri laluan mengenai dengan kes ini. Saya rasa selesai sudah kes itu. Tidak perlu lagi.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak perlu. Satu pun tidak boleh. Baik, Yang Berhormat bagi Kluang....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila duduk. Dia tidak beri.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ....memohon peruntukan bantuan modal SJK(C) ditambah dari RM10 juta tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Oktober 2003, Kementerian Pendidikan telah membelanjakan sebanyak RM44.5 juta untuk bantuan Sekolah-sekolah Bantuan Modal, dan jumlah sebanyak RM24 juta tersebut telah dibelanjakan untuk SJK(C) sahaja. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk menambah peruntukan dari masa ke semasa bergantung kepada keperluan dan keutamaan.

Yang Berhormat bagi Kluang juga telah membangkitkan mengenai dengan program KDC yang dilaksanakan bagi SJK(C). Ambilan KDC untuk SJK(C) bagi 2003 pada November 2003, pengambilannya berdasarkan kepada keperluan unjuran KDC untuk SJK(C) 2003 adalah RM2,449. *Enrolment* bagi KDC untuk Bahasa Cina pada 2003 adalah 1,598 orang, yang sedang mengikuti pengajaran di peringkat satu hingga tiga.

Yang Berhormat bagi Kluang juga membangkitkan mengenai dengan kemudahan di kawasan. Di Johor, sehingga tahun 2003 sudah terdapat empat buah Kolej Komuniti yang sedang beroperasi, iaitu di Segamat, Ledang, Kota Tinggi dan Segamat 2. Jumlah semua kolej pada seluruh negara ialah 34 buah dalam tempoh yang singkat sejak tahun 2000.

Oleh kerana peruntukan pembangunan begitu terhad sekali, maka kita rancang supaya kita pilih kawasan-kawasan yang mana tidak ada pusat-pusat latihan. Ini sedang kita kaji semula. Walau bagaimanapun, seperti cadangan Yang Berhormat, kita lakukan, iaitu kita juga sedang menjalankan....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya tahu Kolej Komuniti

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, dia ada kebolehan *mind reading*. Dia boleh baca pemikiran saya. *[Ketawa]* Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, mengenai Kolej Komuniti ini, saya persoalkan mengapa ia seolah-olah menggambarkan satu perancangan yang buruk, satu perancangan yang tidak teliti. Sehingga sekarang ini diumumkan bahawa Kolej Komuniti di bawah Kementerian Pendidikan hendak diubah, hendak diserahkan kepada kementerian lain.

Mengapa jadi sekerat jalan? Dan saya memang sentiasa menekankan di sini, bahawa sebagai salah seorang Ahli Parlimen luar bandar, saya adalah salah seorang Ahli Parlimen, di antara kawan-kawan saya semua di sini, yang menyuarakan Kolej Komuniti sebelum Yang Berhormat masuk dalam Dewan Rakyat.

Jadi, mengapa Parit Sulong ditinggalkan? *[Tepuk]* Parit Sulong juga tidak mempunyai institusi pendidikan. Mengapa Segamat lebih awal daripada Parit Sulong? Adakah kerana Segamat diwakili oleh Menteri? Kalau kita kaji daripada Kolej-kolej Komuniti yang ada sekarang, semuanya banyak yang diwakili oleh Menteri-menteri Kabinet. Ahli Parlimen *Backbenchers* Barisan Nasional, apa harganya? *[Tepuk]* Apa nilai perjuangan kami? *[Tepuk]* *[Disampuk]* Apabila kita berdialog dengan Yang Berhormat Menteri, jawapannya sungguh mengecewakan. Adakah kekecewaan ini kita hendak bawa ke bawah? Adakah mahu kekecewaan ini dibuktikan menerusi peti undi?

Saya harap kerajaan jangan sambil lewa dalam menangani soal Kolej Komuniti yang terbengkalai ini. Berilah jawapan yang boleh menyenangkan hati kami, boleh menyejukkan hati kami di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Saya terima dengan hati yang terbuka. *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kalau hendak cerita di luar, tidak perlu cerita di sini.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Pengerusi, 'nyonya' daripada Bukit Mertajam ganggu saya.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya, ya, ya. Yang Berhormat bagi Parit Sulong, saya terima saranan Yang Berhormat dengan hati yang terbuka. Sebenarnya kita tidak pilih bulu mengatakan bahawa hanya kawasan-kawasan Menteri sahaja kita bina. Kalau kita lihat ini, *[Merujuk kepada laporan yang diterima]* adanya kawasan-kawasan ini. Memang itu

kita akui, tetapi kita sedang mengkaji semula, misalnya dari segi peruntukan. Tetapi untuk mengatakan bahawa kerana kita sudah gagal maka kita akan serah Kolej Komuniti ini kepada Kementerian lain, itu tidak benar, Yang Berhormat.

Sebenarnya, pihak yang saya tahu, apa yang dimaksudkan oleh pihak....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Boleh saya habiskan dahulu? Oleh kerana saya katakan baru-baru ini memang timbulnya cerita MARA akan bina juga kolej-kolej yang seakan Kolej Komuniti. Pihak kementerian itu memang sudah ada infrastrukturnya seperti Giat MARA dan sebagainya ataupun beberapa institusi latihan.

Jadi, dalam kes kita, kita tetap kembangkan juga kita punya Kolej Komuniti hanya – saya sebutkan tadi – ada kolej-kolej komuniti seperti yang dicadangkan, kita ada, mula di sekolah pun ada, sebelum kita tunggu bangunan. Saya berharap, kita akan cari jalan sekali lagi untuk bagaimana hendak menyelesaikan kes-kes yang tertunggak ini.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tidak mengatakan Kementerian Pendidikan gagal. Saya kata, seolah-olah kementerian telah gagal. Itu adalah persepsi yang didengar oleh masyarakat di bawah. Jadi, kalau seolah-olah gagal, mungkin dia gagal. Jadi, saya mahu dibetulkan rekod dalam Dewan Rakyat ini. Saya tidak mengatakan Kementerian Pendidikan gagal. Apa yang berlaku sekarang seolah-olah projek ini gagal.

Saya tanya, apa puncanya. Adakah ini oleh kerana perancangan yang tidak elok ataupun sebagainya? Saya juga hendak bertanya kepada Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat beri pecahan berapa banyak Kolej Komuniti yang beroperasi hari ini terdiri di kawasan-kawasan Menteri Kabinet dan berapa banyak pula yang terdiri di kawasan-kawasan *Backbenchers* Barisan Nasional, yang mengusulkan perkara ini?

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya minta maaf kerana hendak membuat perbezaan sedikit. Saya tidak mengatakan Kementerian Pendidikan pilih kasih, tetapi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan, kita tidak memilih bulu. Itu bukan persoalan yang kami bangkitkan. Persoalannya adalah, kalau Yang Berhormat menuduh kami mengatakan kementerian ini pilih kasih, maka terbukti kami tidak memilih kasih.

Kita tidak mengatakan tidak pilih kasih, tetapi saya minta tidak payahlah jawab secara umum kerana pihak pembangkang akan mengeksploitasikan perkara ini. Jawab secara bertulis kepada kami pun cukup. Berapa banyak statistik daripada kolej yang ada sekarang ini di kawasan orang-orang besar dan berapa banyak yang terdiri daripada kawasan *Backbenchers*.

Saya hendak tahu kerana saya emosional sedikit mengenai hal ini, seolah-olahnya Kementerian Pendidikan ini buat satu projek, selepas itu kita boleh tangguh bila kita suka, sedangkan kita diberi suara oleh pihak kementerian, satu harapan yang tinggi dan harapan itu telah kita sampaikan kepada pihak masyarakat - masyarakat yang ingin *subscribe* kepada satu prinsip pendidikan sepanjang hayat. Jadi di mana letaknya? Kita di dalam memanjangkan satu prinsip penghayatan sepanjang hayat kalau Kolej Komuniti yang menjadi wadah kepada prinsip penghayatan pendidikan sepanjang hayat itu juga seolah-olah ditangani secara remeh dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa kita tidak ada jurang perbezaan di sini, tidak ada sama sekali jurang perbezaan. Jadi saya berharaplah bahawa segala apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu memang kita ambil catatan dan saya senantiasa bawa perkara in kepada pihak kementerian dan memang kita akui dalam pelaksanaan dan tetap perkara ini dengan izin *on going process*, kita harap berlaku begitu, cuma apa yang berlaku ada yang dahulu, ada yang kemudian. Tetapi kita kata tadi untuk semakan semula. Itu satu, kita kata dan....

**Tuan Chang See Ten:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Gelang Patah.



**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sekejap, saya habiskan dahulu ini yang dibangkitkan dan saya katakan kalau Yang Berhormat perlukan juga senarai ini, saya tetap akan bagi senarai ini kepada Yang Berhormat secara bertulis. Saya berharap, saya faham sangat Yang Berhormat telah bangkitkan perkara ini berkali-kali dalam Dewan dan saya bagi penghormatan kepada Yang Berhormat yang julung-julung kali untuk membawa perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kinabatangan bangun. Yang Berhormat!

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Jadi saya akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat dan sekiranya ada kelemahan daripada pihak kami, saya tetap mengatakan bahawa saya pohon maaf dalam perkara itu. Saya bagi Gelang Patah.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Pengerusi, ini tentang Kolej Komuniti. Setakat ini mengikut maklumat yang kita dapat iaitu cuma sepuluh buah Kolej Komuniti yang telah disiapkan dan pada asalnya pihak Kementerian Pendidikan hendak menubuhkan Kolej Komuniti sekurang-kurangnya sebuah di tiap-tiap kawasan Parlimen. Saya ingin tahu, adakah projek-projek ini dilambatkan akibat Kementerian Pendidikan kemungkinan daripada sumber peruntukan tidak cukup atau kemungkinan dari tinjauan ada usaha bertindih kerana seperti Kementerian Sumber Manusia, ada diwujudkan Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kementerian Belia dan Sukan ada Pusat Latihan Belia.

Kerajaan negeri seperti negeri Johor melalui YPJ, ada menubuhkan Kolej Komuniti. Adakah kemungkinan kelambatan ini kerana ada usaha pihak berkuasa yang lain untuk wujudkan latihan kepada pelajar-pelajar yang perlu lanjutkan pelajaran mereka selepas mereka tamat pengajian di sekolah menengah. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya macam Yang Berhormat katakan tadi, macam kita kata kita *review* balik mengenai dengan penubuhan kolej-kolej tadi. Tetapi mengenai dengan Kolej Komuniti, tetap dijalankan program itu, itu satu. Keduanya, macam kita katakan berkali-kali iaitu sedang kita kaji apakah perlu atau tidak lagi kolej-kolej yang serupa ataupun semacam Kolej Komuniti, pusat latihan tadi, perlu atau tidak kita tubuh lagi satu? Itu yang menjadi kaedah yang kami sedang *review*. Tapi walau bagaimanapun, macam saya katakan tadi - peruntukan dan kita sedang memikirkan juga tentang kakitangan, pengajar dan sebagainya. Itu sedang kita lakukan, di latih sekarang. Tapi soalnya, ia akan tetap ditubuhkan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Tuan Chang See Ten:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** *[Bangun]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Walau bagaimanapun, macam saya katakan tadi, sedang dikaji semula tentang keadaan itu. Tentang kelewatan, macam saya sudah kata kepada Yang Berhormat bagi Parit Sulung, saya pohon maaf kalau ini terlewat dalam soal itu. Ya, Kinabatangan dahulu tadi bangun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita sering mendengar penjelasan bahawa sedang dikaji. Okay, *it's fair*, adil. Bila kajian itu siap agaknya? Apakah kajian itu pada tahun 2004 pun, masih dalam status kajian?

**Beberapa Ahli:** *[Bersorak]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Kalau sudah dikaji, tahun hadapan berapa Kolej Komuniti yang dibina selepas dikaji. Mana yang sesuai, mana yang relevan, mana yang tidak. Kita perlu penjelasan sebab kita juga perjelaskan kepada masyarakat kita di kawasan. Kalau kita pun bercakap di kawasan - terus dikaji, dalam pilihan raya pengundi kita akan kaji kita.

**Beberapa Ahli:** [Bersorak]

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Pembangkang boleh tepuklah. Jadi saya harap kena ada jawapan yang konsisten. Kalau dibuat kajian, bila tempoh dia, enam bulankah, satu tahunkah, sepuluh tahunkah Kementerian Pendidikan mengkaji, tidak apa. Yang penting ada *time frame* nya. Ini yang kita mahu. Jadi tahun 2004, okey Kinabatangan akan dibina. Ini kita mahu. Jangan terus kaji, harus diambil kira. Saya tidak fikir pegawai-pegawai di kementerian ini tidak pandai kerja. Kalau tidak pandai kerja, suruh mereka berhenti sahajalah.

**Beberapa Ahli:** [Bersorak]

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Jangan merugikan rakyat. Ini yang kita mahu. Terima kasih

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya hendak sebut, kalau saya sebut sudah banyak Kolej Komuniti yang dibina. Ini yang dibangkitkan tadi oleh Parit Sulung ialah Kolej-kolej Komuniti yang belum dibina. Jadi untuk menyatakan *time frame* kajian itu, saya rasa saya tidak boleh menyatakan hari ini kita boleh siap esok. Jadi dalam persoalan ini kita akan lakukan secepat mungkin. Itu yang saya katakan dan saya sendiri selalu berkali-kali nyatakan tetapi saya berharaplah untuk menyatakan bahawa pegawai-pegawai kami di kementerian tidak bekerja, itu saya rasa adalah agak tidak.... kita kata, tidak betullah.

Mereka kerja. Kalau kita beri arahan, kita bagi *time frame*, saya akan gunakan itu seperti saranan Yang Berhormat. Kita lakukan itu. Tetapi untuk mengatakan mereka tidak buat kerja, saya tidak dapat terima itu. Jadi....

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya tidak cakap begitu. Saya cakap saya tidak fikir mereka tidak buat kerja.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** [Bangun]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Okey terima kasih. Kalau begitu terima kasih. Itu boleh jadi dengan izin, *slick of the time*. Ya, Yang Berhormat bagi Parit Sulung.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya pun seperti Kinabatangan. Kalau ada kajian, mesti ada sebab mengapa dikaji. Kalau ada kajian, mesti sekarang ini ada jawatankuasa apa yang mengendalikan. Beritahulah kami. Kalau ada kajian, mesti ada tempoh kajian itu diakhiri. Kalau ada kajian, mesti mengatakan apa yang hendak diperbaiki. Saya bangkitkan perkara ini kerana pengundi kita sekarang bukannya pengundi zaman dahulu. Pengundi kita sekarang ada *access information* dan mereka tidak boleh menerima perkara yang hendak dibawa tanpa rasional-rasional yang boleh ditimbangkan.

Saya secara peribadi menerima hakikat hal ini perlu dikaji tetapi dengan dengan takzimnya saya merayu, beritahulah kami bila tarikh akhir kajian itu dan apa yang akan dilakukan selepas ini. Saya sudah sebut tadi, memang banyak duplikasi di dalam pendidikan selepas sekolah. Umpamanya, banyak kementerian yang mewujudkan Institusi Latihan Vokasional, Kementerian Belia dan Sukan ada, Kementerian Sumber Manusia ada, Kementerian Luar Bandar pun ada. Sebab itu saya minta supaya Kementerian Pendidikan ini dipecahkan agar soal-soal pendidikan tinggi dan juga vokasional di bawah satu pentadbiran. Jadi boleh tertumpu. Jangan ada di bawa kepada rakyat, beri harapan kepada rakyat, lepas itu tertangguh harapan itu. Saya minta benar-benar, tolong jangan diperdolak-dalikkan soal Kolej Komuniti. Perkara ini serius dan perkara ini perlu diberikan jawapan yang sebenar-sebenarnya. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa dalam soal ini saya dapat faham Yang Berhormat yang mewakili kawasan. Saya juga mewakili kawasan. Saya kalau boleh saya mahu secepat mungkin. Tapi untuk makluman Yang Berhormat bahawa kita buat setakat ini, kolej yang sudah kita ada premis kekal ialah sebanyak sepuluh buah yang mana yang masih kita bina iaitu yang menumpang tapi dia

akan dapat bangunan dia secepat mungkin iaitu sebanyak 24 yang sedang menunggu. Jadi mungkin salah satu sebab ialah dari segi guru-gurunya, infrastruktur dan sebagainya.

Walau bagaimanapun daripada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulung, saya akan kemukakan perkara ini dan saya akan buat pengumuman secepat mungkin mengenai apa yang telah dibangkitkan.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sipitang.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Ya, mengenai dengan apa ini? Ya? Kolej Komuniti juga?

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Setiausaha Parlimen, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya setuju dengan rakan-rakan tadi kalau boleh bagi *priority* kepada tempat-tempat yang telah tersedia misalnya di kawasan saya, tapak sudah tersedia, nama kontraktor telah dinamakan, tetapi belum boleh dimulakan, rakyat sudah tengok. Kalau kosnya terlampau mahal dan cara lama melalui PMC – Project Management Consultant mahal, kita buat cara lain, kalau duit tidak cukup, kita buat cara yang lain, yang murah untuk membuat projek ini. Saya ingat kementerian tahu buat kerja, pegawai-pegawai dia pun pandai, Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen pandai, yang kita hendak ialah benda ini dilaksanakan, itu sahaja, kita sudah tidak tahan tunggu pasal masih banyak masalah. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Baik, terima kasih. Saya ambil catatan itu, kita semua memang gelisah mengenai itu. Jadi Yang Berhormat bagi Kluang juga membangkitkan mengenai Dasar Pinjaman Buku Teks. Pada masa ini kementerian sedang mengkaji tentang perkara-perkara itu. Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai guru kontrak. Kita masih melakukan pengambilannya.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka juga telah membangkitkan mengenai dengan SJK(C) ditambah. Seperti yang dimaklumkan di dalam Dewan yang mulia bahawa kerajaan memberi perhatian yang adil dan saksama kepada semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan seperti SJK(C) melalui segala macam skim termasuk Skim Latihan Guru, Bantuan Modal serta Geran Per kapita. Dari dasar ini, kita akan teruskan sebagai contoh pada masa-masa yang akan datang malah pada 2002 sendiri kerajaan telah membayar sebanyak RM731 juta sebagai gaji guru di SRJK(C), ini yang saya sebutkan tadi. Dari tahun 1996 sehingga 2002, geran per kapita kepada SRJK(C) sebanyak RM172.1 juta. Pemberian per kapita geran adalah berdasarkan kepada bilangan pelajar, itu saya rasa menjawab soalan Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat juga.... yang itu sahaja yang kita jawab.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Sebenarnya banyak yang saya bawa tetapi nampaknya cuba jawab satu. Tadi saya minta Yang Berhormat untuk menyatakan angka jumlah peruntukan pembangunan sebanyak RM44 juta dalam empat tahun, bagilah peratusan dari segi keseluruhan, berapa peratus kalau dibandingkan dengan jumlah peruntukan yang kerajaan telah berikan untuk semua sekolah? Yang Berhormat tidak jawab yang pertama.

Yang kedua, adakah Kerajaan Barisan Nasional menganggap bahawa empat tahun memberikan perbelanjaan sebanyak RM4 juta itu, dalam empat tahun mencukupi. Adakah Yang Berhormat dengar ucapan saya tadi yang telah saya ungkitkan? Mengikut satu anggaran yang telah dibuat oleh Dong Jiao Zong, pemilik Cina membelanjakan satu tahun RM200 juta untuk membantu SRJK(C) dan sekolah menengah persendirian. Bagaimana Yang Berhormat boleh datang ke sini dan bercakap dengan begitu bangganya bahawa kerajaan telah membelanjakan sampai RM44 juta dalam empat tahun sedangkan komuniti Cina sendiri yang telah mengeluarkan sebanyak RM800 juta dalam empat tahun untuk membantu SRJK(C) dan sekolah menengah Cina persendirian, ini terang-terang satu ketidakadilan dan diskriminasi yang telah dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan saya nampak *mood* Yang Berhormat hari ini ganjil sedikit. Bantai kita dengan kata-kata

politik tetapi apabila pihak sana tanya pula, tukar *mood*. *I think you've got on the wrong side of the debate today.*

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Saya rasa *figure* yang telah saya beri tadi mencukupi dan telah jelas. Telah saya katakan tadi saya *stress* sekali lagi, tidak ada diskriminasi. Mungkin Yang Berhormat bangkitkan mengenai dengan soal ketidakcukupan bantuan, itu saya terima sebab yang saya sebutkan tadi - perbelanjaan, walaupun kita tulis RM10 juta, kita sudah belanja lebih daripada itu, itu tidak termasuk macam saya katakan wang pengurusan – gaji-gaji guru yang mengajar di SRJK(C) dan SJK(T), itu dibayar oleh pihak kerajaan. Apakah itu tidak diambil kira? Itu tidak diambil kira? Yang Berhormat jangan timbulkan di sini soal diskriminasi antara sekolah kebangsaan dan bukan SJK(C) dan SJK(T). Jangan mengapi-apikan dengan soal ini. Yang Berhormat sekarang ini bangkitkan mengenai dengan persatuan-persatuan Cina yang lain, tidak apa dia bangkitkan tetapi Yang Berhormat kenalah terima penjelasan kita bahawa apa yang kita lakukan di sini tidak ada diskriminasi, saya kata itu jawapan saya dan *final*. Saya tidak akan layan lagi soalan-soalan lain.

**Tuan Kerk Kim Hock:** [*Bangun dan bercakap tanpa pembesar suara*]

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Apa dia?

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ini *no manners*, apa macam ini? Cakaplah dengan cara baik.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Itu sudah baik, *that is the best*.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Okey, okey, tidak apa, jangan gaduh, hendak masuk tajuk sekarang. Tadi saya kata bahawa pendidikan adalah satu isu yang penting dan kerajaan berilah berapa banyak peruntukan yang harus diberikan kepada sekolah kebangsaan, DAP sokong tetapi jangan adakan pelbagai sekatan untuk menyekat pembangunan dan juga perkembangan sekolah lain. Saya bagi kepada angka, satu contoh. Bagaimana dari tahun 1970 sampai tahun 2000, jumlah murid sekolah Cina, SRJK(C) tambah RM180,000 tetapi jumlah sekolah pula turun atau kurang daripada 62 buah. Bagaimana boleh perkara yang ganjil ini berlaku? Orang Cina hendak pergi sekolah dekat, tidak ada sekolah terpaksa masuk sekolah kebangsaan, kalau tidak ada mungkin jauh. Anak kena bangun pukul lima, tanya Petaling Jaya dan tengok. Itu yang hendak *understand their problem*. Orang sabar, orang *tolerate* bukan oleh kerana hendak memberontak oleh kerana isu ini sahaja, tetapi ini memang satu masalah besar.

*You try to do a survey and find out why must children get up at 4 a.m, 5 a.m because rumah jauh.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dengan izin.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Dengan izin, bagilah sekolah kalau tidak ada sekolah biarlah berhampiran dengan rumah mereka. *That is why people feel it's unfair*. Saya cakap bukan oleh kerana saya tidak kata jangan bagi sekolah kebangsaan, saya kata bagi sahaja tetapi bertindak adil. Jangan kita datang sini hendak jawab bagi tujuan politik sahaja. Saya tidak kata politik, *this is the real fact*, kalau saya salah, buat *survey* sama ada betul atau tidak apa yang saya katakan tadi.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** *You have changed your tone also, dengan izin. You've got on the wrong side of your bag, that's why.... [Disampuk oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka] No, I've got on the right side that is why I'm the right party, dengan izin [Ketawa]*

Tuan Pengerusi, saya ingin jelaskan dengan sejelas-jelasnya kepada Yang Berhormat tadi. Ini bukan soal bila orang minta sekolah, letak hadapan rumah dia. Ini soalnya mereka memilih sekolah yang mereka mahu sebab itu ada yang sanggup pergi berbatu-batu. Padahal sekolah hadapan rumah pun ada, saya tahu beberapa sekolah yang ada dekat-dekat dengan rumah, mereka tidak hendak. Mereka hendakkan sekolah-sekolah sekian-sekian sebab ibu, bapa dan kakak dia pergi ke sekolah itu, padahal bila sekolah dibuat di hadapan rumah mereka, mereka tidak hendak pergi, ini persoalannya.

Yang Berhormat tidak tahu, kita dalam kementerian kita tahu. Apa Yang Berhormat tahu? Yang Berhormat hendak politikkan isu sahaja padahal sudah saya katakan tadi soal diskriminasi terhadap sekolah SJK(C) dan SJK(T) tidak timbul dalam soal ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Mungkin kita bincang tadi ialah soal peruntukan yang tidak cukup, itu saya terima sebab itu saya katakan kita akan cukupkan beberapa peruntukan tetapi Yang Berhormat jangan timbulkan di sini orang hendak sekolah, kenapa tidak bina sekolah? Kalau begitu kita buat di tiap-tiap *corner*. Kita mesti ada sebab-sebab yang kita bangunkan sekolah di kawasan-kawasan tertentu.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Buat satu *survey!*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tetapi ada juga orang yang sanggup mengorbankan masa, sanggup mengorbankan wang kerana dia mahu sekolah yang dia mahu. Saya boleh tunjuk! Banyak ada! Yang setengah itu mahu juga-juga! Misalnya macam hendak masuk ke Sekolah Convent Bukit Nanas, semua hendak masuk ke sekolah itu....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, jawapan banyak lagikah?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sudah beri!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jawapan banyak lagikah? Banyak lagikah tajuk?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Memang panjang!

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Jadi, Tuan Pengerusi, saya beri kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ala, Bukit Mertajam duduklah!

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Sila duduk! I nak bercakap! Yang Berhormat, saya hendak bertanya, sekolah kebangsaan ini untuk orang Melayu sahajakah ataupun untuk semua suku kaum? Kalau untuk semua suku kaum, adakah kementerian memberi galakan sepenuhnya agar kaum-kaum yang lain yang sekolah jenis kebangsaan tidak boleh menampung pelajar, pergi ke sekolah kebangsaan? Adakah kementerian melaksanakan tugas di sini? Sebab saya lihat DAP terus memainkan isu ini, dia hendak *mileage* politik, jadi Yang Berhormat tolong memaklumkan kepada mereka – tolong maklumkan - bahawa sekolah kebangsaan juga boleh ditampung oleh suku-suku yang lain dalam pendidikan. Terima kasih.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sebenarnya itulah yang saya hendak cakapkan. Sekolah kebangsaan rendah, sekolah kebangsaan menengah terbuka untuk semua warganegara Malaysia. Kita tidak terhad. Begitu juga macam saya katakan tadi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) tadi pilihan masing-masing. Jadi, kita juga menyediakan peruntukan seperti mana yang diperuntukkan dalam akta pendidikan kita yang semua bersetuju. Malah Yang Berhormat semua di sini yang meluluskan akta ini, bukan orang di luar.

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Bangun]

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** [Bangun]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Jadi, saya tidak memberi lagi kepada Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Setiu.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat pun duduklah! Beri saya teruskan, banyak lagi hendak jawab!

Yang Berhormat bagi Parit Sulung tadi juga membangkitkan mengenai dengan token RM10, telah pun saya jawab tadi. Dan Yang Berhormat bagi Sri Aman juga telah membangkitkan mengenai dengan jawatan warden tadi. Buat masa ini kementerian berpendapat amatlah wajar sebagai seorang guru meneruskan tanggungjawab dan tugas sebagai warden di sekolah-sekolah asrama. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat kita akan terus mengambil itu sebagai cadangan dan kita akan mengkaji, terima kasih.

Yang Berhormat bagi Parit Sulung tadi juga telah membangkitkan mengenai dengan promosi IPTS di luar negara diberikan kepada pihak swasta. Setakat ini KPM berkemampuan lagi untuk melaksanakan aktiviti promosi pendidikan di luar negara. Walau bagaimanapun, *input* penyertaan dan sumbangan yang diperlukan daripada pihak institusi pendidikan swasta untuk merealisasikan usaha tersebut kita juga akan mengambil cadangan-cadangan itu. Cadangan Yang Berhormat akan kita ambil dan kita akan bincangkan .

Yang Berhormat bagi Parit Sulung juga telah membangkitkan mengenai dengan kementerian ini dibahagikan kepada dua kementerian. Itu juga cadangan yang baik tetapi ingin saya nyatakan di sini pihak negara Thailand dan Indonesia telah melakukan perpecahan dua kementerian itu tetapi akhirnya mereka gabungkan semula kedua-dua kementerian itu di dalam satu kementerian. Mereka cuba satu, kemudian pecah dua, kemudian mereka sambung semula menjadi satu juga. Walau bagaimanapun, cadangan itu cadangan yang baik daripada Yang Berhormat Parit Sulung.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan juga telah membangkitkan bahawa pencapaian pelajar di Sabah, saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas perkara ini. Sebenarnya prestasi pelajar di negeri Sabah adalah tepat seperti mana yang digambarkan oleh Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun, jika dilihat daripada sudut gred mata pelajaran atau peratus pencapaian pelajar negeri Sabah ada kala menunjukkan pencapaian yang lebih tinggi daripada pencapaian kebangsaan. Contohnya Bahasa Melayu bagi peperiksaan PMR 2001 dan 2002, peratus pencapaian di atas tahap minimum bagi pelajar Sabah lebih tinggi. Ini sebagai contoh. Jadi walau bagaimanapun, saya percaya banyak lagi perkara yang kita boleh lakukan kepada Sabah untuk mempertingkatkan prestasi peperiksaan mereka.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kita memang berkeyakinan bahawa pelajar-pelajar di Sabah juga mungkin mendapat kecemerlangan dalam peperiksaan dan sebagainya. Contoh dalam bahasa Malaysia itu satu subjek Bahasa Malaysia, mungkin secara kebetulan yang cemerlang ini pun orang Melayu, tetapi dari segi pendidikan lain seperti Matematik, Sains, ini satu subjek yang amat perlu. Apabila seseorang itu gagal ataupun tidak mencapai tahap kecemerlangan yang lebih tinggi dalam dua subjek ini akhirnya mereka di kategori sebagai pelajar gagal.

Jadi, apakah usaha kementerian untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar Sabah khususnya dari luar bandar juga boleh mencapai tahap pencapaian yang dicapai oleh pelajar-pelajar di bandar di Semenanjung - mendapat 'A' dan sebagainya dalam dua subjek ini? Sebab saya melihat mungkin guru-guru yang diberikan untuk luar bandar ini adalah mereka yang tidak begitu, .... bukan kita berbicara mereka tidak berkelayakan, tetapi mungkin mereka kurang mendalami ilmu matematik dan juga sains ini.

Saya minta supaya guru-guru yang dihantar ke luar bandar ini juga mereka yang berkebolehan dan berkelayakan. Macam di satu sekolah yang mengajar Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik di Kinabatangan. Dia berasal dari sana, dia pun saya lihat *background* pendidikan tidak begitu mantap. Jadi, bagaimana dia hendak *convince* pelajar-pelajar ini mempertingkatkan ilmu pendidikan mereka? Dia sendiri tidak cukup mahir dalam memberikan pendidikan seumpama ini.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ada apa yang kita katakan kebenarannya. Saya terima itu, sebab itu kita adakan bermacam-macam-kursus. Jadi, bila kita perbanyakkan kursus pula, Tuan Pengerusi, orang kompelin pula sekolah tidak ada guru. Jadi, yang inilah menimbulkan banyak masalah. Walau bagaimanapun, apa-apa saranan Yang Berhormat itu akan kita teruskan.

Begitu juga mengenai mereka yang menjadi *candidate* untuk menjadi guru bila kita bertanya termasuk orang daripada Semenanjung untuk kita hantar ke Sabah dan Sarawak, semuanya bersetuju, tetapi apabila mereka tamat latihan, semuanya tidak bersetuju untuk pergi ke Sabah dan Sarawak. Sebab itu kita akan mengambil perhatian ini sekurang-kurangnya kita dapat menghantarkan guru-guru yang terlatih ke sana.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Yang Berhormat, terima kasih kerana jawapan itu tadi. Saya pada hari Sabtu berjumpa sebahagian daripada murid-murid di kawasan saya tetapi apa yang saya sedih ialah semasa saya berjumpa - ada enam ke tujuh sekolah yang terlibat - hanya 31 orang sahaja yang mendapat 'A', 31 orang daripada beratus-ratus murid. Jadi, ini menampakkan kecemerlangan yang masih jauh ke bawah dan selepas itu saya bertanya dengan Guru Besar di sekolah yang saya pergi. Dia kata masalahnya ialah lapan orang guru di sekolah yang kecil, hanya empat orang yang terlatih, yang empat orang itu guru sandaran.

Jadi, saya bertanya tentang guru sandaran, adakah guru sandaran ini boleh *diabsorbed*, masuk menjadi guru tetap? Dia kata ini terpulang kepada kementerian dan sekarang pengambilan berlandaskan *qualifications* yang lebih tinggi daripada apa yang dipegang oleh guru sandaran. Tetapi rata-rata di kawasan luar bandar banyak guru sandaran. Jadi, maknanya anak-anak di luar bandar itu semuanya sebagai eksperimen kepada guru sandaran dan Kementerian Pendidikan.

Apabila guru dilatih masuk ke bandar, tiga tahun selepas itu mempunyai pengalaman dan baik, selepas itu dia naik pangkat keluar daripada tempat itu, masuk lagi guru sandaran, masuk lagi *novice* daripada *teachers' college*, bila naik pangkat keluar cari tempat yang cemerlang. Jadi, di mana letaknya orang Melayu? Di mana letaknya bumiputera di luar bandar?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya akan ambil perhatian saranan Yang Berhormat tadi tetapi walau bagaimanapun, pihak kami cuba sedaya upaya menghantar guru yang berkelayakan. Begitu juga guru-guru daripada GSTT, kami juga ada memberi kursus-kursus kalau bagi mereka yang mempunyai kelayakan. Jadi, beberapa kelemahan ini tetap kami pantau dan kami akan beri perhatian....

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Puan Sukinam Domo:** [Bangun]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ....Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Yang Berhormat bagi Kinabatangan juga membangkitkan mengenai dengan....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Batang Sadong.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Bagi saya habis ini dahululah. Iaitu mengenai dengan infrastruktur yang telah Yang Berhormat bangkitkan. Ini ada berita baik. Malah kita beri perhatian kepada pihak negeri Sabah di mana kita juga memasukkan mengenai bekalan air yang mana kita telah masukkan kepada 425 buah sekolah. Bekalan elektrik kepada 393 buah sekolah, kepada rumah guru, sebanyak 348 buah yang mana kita masuk

sebanyak 697 unit rumah. Bilik darjah juga kita akan masukkan bekalan elektrik kepada sebanyak 360 buah sekolah yang mana ini akan melibatkan 1,592 bilik darjah.

Keseluruhan peruntukan yang kita sediakan untuk negeri Sabah ialah sebanyak RM412 juta. Ini infrastruktur sahaja tidak masuk benda-benda lain. Jangan kata kita masuk benda-benda lain. Sila.

**Puan Sukinam Domo:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Hem.

**Puan Sukinam Domo:** Saya berbalik kepada guru tadi iaitu Guru Matematik dan Sains. Di Sabah dan Sarawak mungkin masalahnya tidak banyak beza. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, seperti yang kita maklum, kebanyakan Guru Sains dan Matematik berada di bandar dan kekurangan guru di Sarawak mengikut *figure* yang ada pada saya ini, sekolah rendah, kekurangan Guru Sains bagi Sarawak seramai 670 orang. Matematik, 683 orang dan saya tahu juga bahawa kebanyakan guru-guru ini berada di bandar. Tidak ramai yang mahu pergi ke luar bandar.

Jadi, persoalan saya, apakah usaha kerajaan atau kementerian untuk memastikan guru-guru ini apabila dipindahkan ke luar bandar mereka tidak menolak supaya masyarakat luar bandar juga boleh menerima pendidikan yang setimpal ataupun sebaik mungkin seperti di bandar kerana *shortage* ini begitu ketara sekali bagi sekolah rendah dan sekolah menengah lagi teruk Yang Berhormat.

Sekarang menengah, kita kekurangan guru siswazah - di Sarawak seramai 2,754 orang. Ini *figure* daripada Jabatan Pendidikan Negeri. Guru Sains dan Matematik memang juga banyak. Tiap-tiap tahun macam ini. Jadi kita ingin mendapat penjelasan, bagaimana hendak mengatasi masalah ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya bukan itu yang kita katakan sebab pertukaran guru daripada bandar ke luar bandar itu. Malah Guru Matematik dan Sains juga '*sik adak*' sebab itu walau bagaimanapun Yang Berhormat boleh tulis kepada kita dan saya akan jawab itu secara bertulis. Terima kasih.

Jadi, Yang Berhormat bagi Serdang telah membangkitkan mengenai dengan peruntukan bagi SRJK(C) dan SRJK(T) ditambah dalam persiapan pelaksanaan sekolah satu sesi. Ini pun sedang kita lakukan dan keutamaan kita beri berdasarkan kes kepada kes. Ini bukan bermakna yang hari ini Yang Berhormat pohon, besok Yang Berhormat dapat. Tidak!

Walau bagaimanapun, dasar ini kita lakukan malah bangunan-bangunan tambahan juga kita lakukan agar sekolah ini dijadikan sekolah satu sesi. Walaupun ia SRJK(T) atau SRJK(C).

Ini saya jawab pula Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi yang membangkitkan mengenai dasar menggunakan dua bahasa iaitu bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris tidak kepada sekolah kebangsaan. Keputusan untuk membenarkan SRJK(C) menggunakan dwi bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik ialah keputusan Kabinet yang telah dibuat baru-baru ini iaitu kita hanya membenarkan ini daripada tahun 2003 hingga 2007. Semua peperiksaan awam seperti UPSR, PMR, SPM dan STPM adalah dalam dwi bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Itu dalam kertas soalan, maksud saya.

Mulai tahun 2008, semua peperiksaan ini akan dijalankan dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, bahasa untuk UPSR bagi SRJK(C) masih belum dapat dibuat keputusan. Ini yang kita beritahu.

**Tuan Chow Kon Yeow:** [Bangun]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga membangkitkan berkenaan dengan....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Tanjong bangun.



**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ....Premis sekolah digunakan sebagai tempat politik....

**Tuan Pengerusi:** Tanjong bangun.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Penjelasan. Tadi Yang Berhormat kata bahawa untuk SRJK(C), UPSR pada tahun 2008 masih belum dipastikan sama ada cuma bahasa Inggeris digunakan. Bilakah kajian ini siap untuk memastikan, apakah bahasa yang akan digunakan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini? Dan apakah sebabnya belum pasti, apakah bahasa yang ingin digunakan?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya rasa itu pun saya telah jawab maka tidak perlu lagi saya jawab. Sebab saya akan teruskan dengan jawapan ini. Sebab itu mengenai dengan .....

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** [Bangun]

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Dua orang lagi bangun Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Mengenai dengan.....

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Mengenai dengan peperiksaan dalam bahasa Cina kah?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Ya. Ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sejak bila PAS hendak mengambil perhatian....

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Sekejap. Sekejap. Saya ingat bahasa, benda yang serius. Tuan Pengerusi, ia mempermainkan soal bahasa. Saya ingat Yang Berhormat selalu macam itu....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Masa kita memperjuangkan bahasa dahulu, di mana Yang Berhormat? Yang Berhormat tidak pernah berjuang pasal bahasa. Saya yang memperjuangkan soal bahasa....

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Dia tuduh peribadi pula Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah. Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Jagalah standard seseorang.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Ya. Bagi jalan atau tidak Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya, bagi kepada Tumpat.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Tumpat, dia bagi jalan.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Tuan Pengerusi:** Hem.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Di awal jawapan tadi, Yang Berhormat menyebut bahawa segala aktiviti dan tindakan oleh kementerian adalah berasaskan kepada Akta Pendidikan dan SAR mengikut Yang Berhormat tidak ada dalam Akta Pendidikan. Oleh itu tidak ada apa-apa keputusan tentangnya dan ianya boleh ditarik gerannya secara begitu. Satu lagi kenyataan Yang Berhormat ialah bahawa semua keputusan berkenaan pendidikan dibuat oleh perbincangan di kalangan Barisan Nasional.

Jadi, saya dapat kesimpulan, pertama iaitu bahawa dari segi Sekolah Agama Rakyat ini ada komponen Barisan Nasional termasuk UMNO yang menuntut hak untuk Sekolah Agama Rakyat mendapat bantuan daripada kementerian.

Keduanya, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, berbalik tentang Akta Pendidikan yang menetapkan tentang SRJK(C) dan SRJK(T) mengajar

melalui bahasa Mandarin dan bahasa Tamil, jelas tetapi sekolah kebangsaan mengikut Akta Pendidikan, mengikut fahaman saya menetapkan bahawa mata pelajaran diajar dalam Bahasa Kebangsaan, bahasa Melayu atau bahasa Malaysia.

Adakah Yang Berhormat yakin bahawa dengan menggunakan bahasa selain daripada bahasa Melayu untuk mengajar bahasa kecuali mata pelajaran bahasa, sama ada mata pelajaran Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab tetapi untuk Matematik dan Sains, adakah ini selari dengan Akta Pendidikan? Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya sebut tadi SAR didaftar, kalau dia didaftar. Didaftar dengan Jabatan Agama dan kedudukan ia ialah tetap sebagai sekolah yang tidak berdaftar dengan pihak kita. Jadi, dia tidak terkandung dalam ini. Ini yang saya sebut. Kalau Yang Berhormat baca betul-betul Akta Pendidikan Kebangsaan, ia ada dua jenis sekolah. Iaitu sekolah jenis kebangsaan. Saya sebut di sini sekolah jenis kebangsaan ertinya, ini terkandung dalam Akta, sekolah rendah kerajaan atau sekolah rendah bantuan kerajaan:

- (i) yang menyediakan pendidikan rendah yang sesuai bagi murid dari umur enam tahun;
- (ii) yang menggunakan bahasa Cina atau bahasa Tamil, itu beza dia sebagai bahasa penghantar utama. Ini telah dimaktubkan; dan
- (iii) yang menjadikan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib. Begitu juga dengan sekolah kebangsaan. Ertinya sekolah rendah kerajaan atau sekolah rendah bantuan kerajaan.

Ini juga disebutkan satu-persatu. Hanya yang membezakannya ialah yang menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa penghantar utama dan *syllabus* dia ialah *syllabus* kebangsaan. Itu Yang Berhormat harus faham. Macam saya hendak dikatakan menghina-hinakan dalam soal bahasa, saya tidak menghina dalam soal bahasa. Yang Berhormat tidak pernah memperjuangkan tentang soal bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, yang saya tahu dalam rekod saya. Jadi, hari ini Yang Berhormat hendak mengatakan saya tidak memperjuangkan soal bahasa. Saya begitu sensitif dalam soal bahasa.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah. Erm, erm. Cukuplah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Jadi, saya rasa saya sudah menjawab dalam ....

**Tuan Pengerusi:** Cukup, cukup, cukuplah itu.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** [Bangun]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ....jangan lagi bangkit-bangkitkan tentang soal itu bahawa seolah-olah kita, Kerajaan Barisan Nasional hendak menghina Bahasa Kebangsaan kita. Namun tidak sama sekali. Jadi PAS....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ada hendak bangkitkan tentang apa?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Peraturan Mesyuarat. [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Tuan Pengerusi:** Peraturan Mesyuarat. Emm. Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Peraturan Mesyuarat 36(4) dan 36(6) yang menyentuh perjuangan saya tentang Bahasa Kebangsaan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya, ya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Itu tidak perlu dan saya fikir bukan taraf Setiausaha Parlimen yang boleh bercakap begitu tentang Ahli yang lain.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah. Baiklah Yang Berhormat. Teruskanlah Yang Berhormat tentang perkara-perkara lain pula.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasihlah Yang Berhormat kerana ingatkan saya. Kalau saya terkasar....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih. Ya, saya beri kepada Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ini berkaitan dengan soal pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Ini bukan dalam konteks dwibahasa tetapi sebelum ini ada disebut oleh Yang Berhormat Menteri dan juga timbul dalam perbahasan kita sebelum ini tentang laporan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan berkaitan prestasi dan pencapaian peningkatan dalam pengajian pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Sehingga sekarang kita lihat bahawa kami tidak dibekalkan lagi dengan laporan kajian tersebut sedangkan kami telah minta dan Yang Berhormat Menteri mengakui bersedia untuk memberi dan saya pun sebut kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam Dewan ini juga bahawa kami sangat mengharapkan laporan tersebut untuk saya hendak *compare* kajian yang kami buat sendiri dengan kajian yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tetapi soalan ini, soalan yang sama Yang Berhormat bangkitkan tadi semasa perbahasan. Saya belum sampai giliran untuk menjawabnya. Jadi jangan dok tanya. Tidak mengapa, nanti saya jawablah. Yang Berhormat janganlah tidak sabar.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga membangkitkan mengenai dengan bangunan sekolah digunakan sebagai tempat politik. Sebenarnya Kementerian Pendidikan tidak membenarkan murid sekolah terlibat dengan mana-mana parti politik seperti yang termaktub dalam Peraturan 7. Ini kita telah pastikan. Saya rasa kalau bangunan-bangunan sekolah itu digunakan, kita tidak mengatakan bahawa kita hendak mempolitikkan bangunan sekolah itu. Kita tidak pernah mempolitikkan bangunan sekolah itu, kecuali pihak Yang Berhormat yang mempolitikkan keadaan, tidak tahulah. Kalau untuk kebaikan bersama, kalau diizinkan oleh Guru Besar atau Pengetua Sekolah, kita teruskan, kalau itu untuk kebaikan masyarakat di sekelilingnya. Itu dia, kita tidak pernah politikkan pun mana-mana bangunan. PAS dia memang suka sangat politik-politik ini.

Yang Berhormat bagi Tambun juga membangkitkan beberapa perkara di sini, iaitu mengenai dengan R&D yang tahapnya masih rendah di IPTA. Tugasan pensyarah bukan sahaja tertumpu kepada aktiviti pembelajaran dan pengajaran sahaja. Memang ini benar seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Sebenarnya, pensyarah juga diperlukan untuk menghasilkan *research work* ataupun kerja-kerja penyelidikan yang berkualiti, dan saya berharap Yang Berhormat juga boleh membuat rujukan. Beberapa rujukan di pusat-pusat pengajian tinggi memang mereka ada lakukan.

Sebab itu bagi tujuan kenaikan pangkat, terutama sekali sebagai seorang profesor, dia diperlukan membuat beberapa *research work*. Walau bagaimana pun, mungkin dalam beberapa bidang, kita tidak kedapatan. Jadi, teguran Yang Berhormat itu kita tetap akan sampaikan kepada pusat-pusat pengajian tinggi kita. Yang Berhormat bagi Tambun juga telah membangkitkan mengenai dengan pencapaian pelajar IPTA. Dengan pelaksanaan sistem meritokrasi, kementerian kita berharap untuk dapat meningkatkan pelajar-pelajar di IPTA. Walau bagaimanapun, saranan Yang Berhormat itu tadi kita akan sampaikan juga kepada pihak-pihak universiti sebagai teguran yang positif.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai dengan IPTS, sama ada pelajar yang mereka ambil ada syarat yang mencukupi ataupun tidak. Syarat kelayakan masuk pelajar ke IPTS adalah selaras dengan syarat-syarat yang ditentukan oleh Majlis Pendidikan Tinggi Negara, iaitu IPTS yang didapati mengambil pelajar tanpa kelayakan minimum, tanpa kelayakan minimum, saya ulangi, akan diambil tindakan dalam soal ini. Kita hanya mengambil kelayakan minimum. Jadi, saya tidak tahulah kalau ini benar, sila lapor kepada pihak kami dan kami akan beri *reminder* kepada IPTS yang berkenaan.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai dengan mata pelajaran Sains dan Matematik menjadi *simple*. Sebenarnya, kita telah mengadakan pelbagai strategi bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik lebih menarik, menyeronokkan dan berkesan supaya ia akan jadi satu gambaran bahawa Sains dan Matematik adalah *simple*, iaitu pertama, kita telah lakukan satu penyemakan semula kurikulum; kedua, kita melatih juga guru-guru dengan kaedah-kaedah yang baru dan ketiga, menyediakan perisian pengajaran. Sekarang ini kita gunakan komputer, kita cuba gunakan. Jadi, apa-apa benda, kaedah yang baru, yang menarik, ini yang kita gunakan. Insya-Allah, saya percaya Matematik dan Sains akan diterima dengan baik.

Yang Berhormat bagi Serdang juga telah membangkitkan mengenai Kolej Komuniti dan ini pun telah saya jawab. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga membangkitkan mengenai menaik taraf kolej universiti. Institut Teknologi Kreatif Lim Kok Wing dinaik taraf daripada IPTS ke kolej universiti berdasarkan beberapa kriteria. Antaranya, kemampuan kewangan, prestasi yang baik dan sebagainya. Tentang soal nama itu kalau Yang Berhormat bangkitkan, kita akan bincangkan kemudian.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga telah membangkitkan tentang penggunaan nama, saya rasa ini juga kita akan bincangkan kemudian. Mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, dan saya rasakan semuanya banyak menjurus kepada Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan sebagainya, yang itu juga kita telah jawab.

**Puan Chong Eng:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Mertajam bangun, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Saya hendak tanya....

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap, nanti sekejap, nanti, dia tidak bagi jalan lagi. Bagi jalan ya? Ya, sila. Sila, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Ya, yang saya ingin tanya sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawab soalan yang saya timbulkan mengenai SRJK(C) Boon Bing, SRJK(C) Chung Hwa, Butterworth dan juga lain-lain sekolah lagi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya sudah menjawab semuanya tadi. Perbahasan itu mencakupi semua, kalau tidak kita kena ada lagi satu sesi untuk membincangkan kesemuanya. Walau bagaimana pun, saya akan berbincang lagi kalau Yang Berhormat hendak bincang. Biar saya habiskan jawapan-jawapan saya ini dahulu.

Yang Berhormat bagi Sipitang telah membangkitkan berkenaan dengan pakaian, ini juga kita sudah ada peraturan mengenai pakaian, dan sudah tentu mereka terus melakukannya. Yang Berhormat bagi Sipitang juga telah membangkitkan mengenai dengan kedudukan projek Sekolah Menengah Teknik. Kementerian Pendidikan sememangnya berhasrat untuk membina Sekolah Menengah Teknik baru di kawasan Parlimen Sipitang, sama ada dalam Rancangan Malaysia Kelapan ataupun Rancangan Malaysia Kesembilan, tertakluk kepada Kajian Separuh Penggal Malaysia Yang Kelapan. Itu kita akan lakukan.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai dengan bilangan prasekolah pada tahun 2003. Bagi sekolah kebangsaan kita ada 2,248 buah, SRJK(C) ada 68 buah, SRJK(T) ada 44 buah, menjadikan kesemuanya dalam tahun 2003 berjumlah 2,360 buah, dan kita akan tambah lagi keperluan ini dari semasa ke semasa. Tetapi kita harus ingat

juga latihan perguruan juga akan diambil kira dan guru-guru yang kita sediakan untuk prasekolah adalah guru-guru yang terlatih. Kita bukan ambil sembarangan guru. Ini yang harus kita sediakan.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai dengan tahap disiplin. Memang keadaan disiplin di sekolah masih di tahap yang baik, yang ini harus kita terima. Walaupun terdapat beberapa kes yang dihebahkan baru-baru ini, semua pihak bagi saya tetap terlibat, iaitu ibu bapa guru dan komuniti hendaklah kita bekerjasama. Tetapi kalau lihat kes-kes ini harus kita lihat *case by case*. Kita tidak mengatakan bahawa satu kes pembunuhan dalam sekolah itu berlaku maka seluruh sekolah di Malaysia sudah pun dijangkiti dengan pembunuhan tadi, tidak sama sekali, jadi kes demi kes.

Soal disiplin memang kita tidak akan bertolak ansur dan kementerian tetap bertanggungjawab dalam soal ini tentang soal disiplin anak-anak. Tetapi jangan kita bangkitkan bahawa ini adalah kerana tadi ada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu telah mengatakan bahawa kita terlalu mengatakan Sekolah Agama Rakyat, maka ini kita ditimpa bala. Ini bukan soal bala, soal musibah, tidak sama sekali. Ini kepercayaan PAS. Kepercayaan kita soal disiplin sekolah sama-sama kita tangani sama ada ibu bapa, guru, kementerian, jabatan, PPD, komuniti itu sendiri kita ambil sama-sama tangani perkara itu. Tetapi walau bagaimanapun, tanggungjawab itu kami tidak akan lari. *[Menggerak-gerakkan tangan]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila teruskan. Jangan tunjuk dan tengok kepada merekalah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak. Tangan saya pusing begitu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Jangan bercakap kepada mereka ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Pengerusi, saya sengaja pusing sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Sila lekas.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Kadangkala tertunjuk sebelah sana. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sila Pokok Sena.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tangan dia merewang, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Hmm.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Yang Berhormat tadi sebut bila berlaku kes pembunuhan, kes-kes moral di kalangan pelajar di sekolah kebangsaan berasrama penuh ini, ini Yang Berhormat kata jawab dengan hujah bahawa ini *case by case*. Tetapi bila Sekolah Agama Rakyat tidak ada *proof*, tidak ada bukti pun tuduh kata ini sarang penganas, sedangkan ini sekolah berasrama penuh MCKK umpamanya ada berlaku. Saya pun tidak bersetuju kalau kita hendak tuduh dia sarang samseng, sarang gengster dan sebagainya tetapi biarlah hujah kita itu adil, Tuan Pengerusi. Jangan bila berlaku kepada sekolah kebangsaan yang diletakkan di bawah tanggungjawab kementerian kata oh, ini *case by case*. Tetapi kalau Sekolah Agama Rakyat tidak ada *proof*, tidak ada bukti pun, mari seluruh dunia, seantero dunia kata sarang penganas. Bukan kata Yang Berhormat sahaja, Perdana Menteri pun macam itu.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Biar bagi adillah hujah kita.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Kita adil juga, Yang Berhormat. Kalau hendak sebut Sekolah Agama Rakyat pun ada kes. Kita boleh bagi kes kalau Yang Berhormat hendak tanya. Pasal soal khalwat sebagai soal itu, soal ini, Sekolah Agama Rakyat pun ada, tak usah dok lindung ini, Yang Berhormat. Kita cakap pada keseluruhan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Pokok Sena, dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Minta jalan dahulu. Yang Berhormat sila teruskan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Pengerusi, bagi saya habis bolehkah Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Teruskan ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Dia ini duduk tak duduk belum kita habis dah melompat. Hai, Pokok Sena ini semasa dekat pilihan raya ini lagi kuat melompatlah. Dia akan lompat, insya-Allah, dia akan masuk Barisan Nasional. Saya tahu sedikit masa lagi. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Takkanlah cakap macam itu.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Mengenai dengan disiplin di sekolah, ini adalah hak kita semua. Saya tidak satu persatu mengklasifikasikan antara Sekolah Agama Rakyat dan sekolah kebangsaan. Saya ambil di sini anak-anak muda kita yang umurnya masih bersekolah. Jadi, saya hendak cakap tadi kes satu-satu itu adalah kes-kes yang kita harus lihat secara berasingan. Tidaklah kerana satu budak pukul budak maka kita ambil keseluruhan. Tetapi ingat di sini kami pihak Kementerian Pendidikan tetap bertanggungjawab dalam apa soal sekalipun dan kami tetap mengambil kes ini secara serius walaupun ini kecil kalau dibandingkan pada keseluruhan daripada segi *population*.

**Tuan Pengerusi:** Batu Gajah bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Apa itu? Biarlah saya habis dahulu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ulang itu sudah banyak kali, cukuplah, cukuplah. Pergi kepada perkara lainlah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Okey, saya teruskan – yang ini juga?

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih Setiausaha Parlimen. Memang benar kita kena lihat *case by case*, tetapi kita nampak semuanya pelajar ini cenderung menggunakan keganasan untuk menyelesaikan perselisihan dengan rakan sekolah mereka. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian, apakah ada kajian walaupun mereka generasi muda, pelajar ini cenderung gunakan keganasan. Ini persoalannya. Apakah masalah telah timbul dalam soal pendidikan, tidak mengajar mereka bersabar, berbincang, bertoleransi. Apakah masalah telah timbul dalam sistem pendidikan?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Inilah yang kita hendak cakap tadi, Yang Berhormat. Kita sudah kata, macam saya katakan kita ada satu, dua, tiga kes, jadi kita ambil secara serius. Saya akui kita tidak lari daripada tanggungjawab kita. Jadi, soalnya sekarang jangan kita kata pula: *“Oh bila ada kes baru buat jawatankuasa.”* Kita sudah tubuh satu jawatankuasa untuk lihat jangka panjang dan jangka pendek di manakah punca-punca dia ini. Kalau ini dapat kita selidiki kita akan terus baiki kelemahan-kelemahan kita. Macam tadi Yang Berhormat dari sebelah Barisan Nasional telah bangkitkan.

Apakah hari ini antara kita ibu bapa yang begitu menekankan soal-soal mahukan sekolah, dapat hasilkan anak yang 10A, 20A dan meninggalkan soal-soal mengenai dengan akhlak. Itu kita tidak, sebab itu berkali-kali saya katakan tadi, akhlak dan sebagainya ini kita panggil *human development*, harus kita tekankan.

Saya akui daripada Yang Berhormat bagi Tumpat tadi pun telah bangkitkan dari segi pembentukan kemanusiaan itu, kita kena seimbangkan. Memang kita lakukan. Objektif kita pun ada, tetapi kalau ia hendak berlaku, macam Yang Berhormat pun, kalau

Yang Berhormat ada anak sekali pun, kalau ada sepuluh orang, seorang dua orang kalau nakal. Tidaklah mengatakan Yang Berhormat bersalah. Dia hendak jadi, dia jadi juga.

Jadi, saya terimalah itu. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat bagi Pokok Sena juga telah membangkitkan mengenai dengan pilihan raya pelajar di UPM tadi. Pilihan raya bagi Majlis Perwakilan Pelajar IPTA yang telah diadakan di kampus IPTA pada 4 September 2003 berjalan dengan lancar dan sempurna tanpa penglibatan mana-mana pihak yang berkepentingan dan saya rasa itu adalah tuduhan Yang Berhormat dan saya berharaplah itu sebagai cerita-cerita Yang Berhormat.

Begitu juga Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai dengan Sekolah Agama Rakyat, laporan Tan Sri Murad. Laporan yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Murad, ....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Hendak beri jalan atau tidak, Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sekejap, bagi saya habis dahulu. Dah bagi habislah ni.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bukan membuat tuduhan. Saya katakan bahawa saya ada bukti, saya ada bukti senarai yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Saya ada nama, Azrin Abdul Rashid, Pemuda UMNO daripada Serdang, yang membuat pemantauan kepada pilihan raya kampus di UPM khususnya. Ini saya ada senarai nama, Pengarah Pilihan raya bagi Putera Gemilang. Di dalam kampus tidak dibenarkan pilihan raya secara berparti, tetapi diwujudkan secara *underground*, huruf Putera Gemilang ialah *group* yang ditaja oleh UMNO dan Pengarah pilihan raya ini ialah Pengerusi SPK sendiri iaitu Timbalan Naib Chanselor yang berjawatan Profesor Dr. Abdullah Al Hadi bin Haji Mohamad.

Timbalan Pengarahnya Profesor Dr. Fauzi Ramlan, Jawatankuasa Peraturan Pilihan Rayanya ialah Mohd. Arif Fadzilah bin Abdullah. Inilah jentera pilihan raya bagi *group* Putera Gemilang. *Group* Putera Gemilang ini satu kelompok kumpulan pilihan raya pelajar-pelajar yang ditaja oleh UMNO. Di USM Pemuda UMNO Bayan Baru yang membuat pemantauan terhadap jentera pilihan raya di USM.

Jadi, macam mana Yang Berhormat kata saya buat fitnah? Tidak! Senarai calon, macam mana sebagai seorang Pengerusi SPK kemudian jadi pengarah pilihan raya, dia terlibat dalam hendak menentukan calon: Calon bagi Fakulti Ekologi Manusia - Norazlina binti Abdul Delani, Bachelor of Science (Pembangunan Manusia); kemudian yang keduanya, Saha bin Jaladin - Bachelor of Science (Pembangunan Manusia); Fakulti Ekonomi dan Pengurusan - Azzuliya binti Zulkifli; Teoh Bee Cheoh, nombor kad metriknya 98371. Semua ada!

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah! Biarlah, biarlah!

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Macam mana Yang Berhormat kata ini satu pembohongan, satu dakwaan kosong yang dibuat oleh saya? Ini tidak betul!

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, Yang Berhormat, cukuplah! Kita sudah memakan masa satu jam setengah dalam jawapan ini.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Macam mana bawa maklumat yang tidak betul?

**Tuan Pengerusi:** Sudahlah! Ya!

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Baiklah, saya fikir itu cerita-cerita yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya rasa biarlah itu sebagai cerita sahaja, saya rasa saya tidak perlu menjawablah. Cerita-cerita itu sahaja.

Cerita banyak, kalau saya hendak buat rekaan cerita-cerita PAS pula pun banyak, saya tidak mahu ceritalah, tetapi untuk menuduh....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya ada dokumen!

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat!

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Dak, dak! Untuk menuduh....

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada peraturan itu, ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ....UMNO, saya tidak terima! Kalau kata UMNO yang *monitor* ini, UMNO yang buat, yang ini UMNO, saya tidak terima!

Baiklah, saya sambung lagi. Yang Berhormat tanya juga mengenai dengan laporan Tan Sri Murad tadi, mengenai dengan laporan belum lagi diserahkan kepada kami. Itu terus saya jawab.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai dengan penyelewengan pemberian kontrak tadi, mengenai dengan DA Travel & Services dan Daniel Wrights Sendirian Berhad. Tuduhan Yang Berhormat tidak benar. Kedua, peraturan tender memang membenarkan pindaan sebelum syarikat masukkan tawaran ke dalam peti tender. Ini kita buat, kita ikut peraturan.

Kemudian peti tender dibuka oleh Jawatankuasa pembuka tender dan bukti dokumen menunjukkan pindaan dibuat oleh syarikat sebelum tender ditutup. Kemudian peraturan 12.1 tidak wujud. Kemudian nilai kontrak bergantung pada tawaran yang memenuhi spesifikasi.

TH dan TSB ada pengalaman membekalkan peralatan sains. Ini ada pengalaman dia. Kementerian Pendidikan juga telah membuat laporan polis atas tuduhan palsu dan kebocoran maklumat. Ini kita sudah buat laporan.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai dengan makmal komputer, masalah projek pengkomputeran di zon timur, fasa satu. Pihak JKR masih menyiasat perkara tersebut dan laporan serta anggaran kos pembaikan akan dikemukakan tidak lama lagi. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kos yang terlibat akan diambil dan ditanggung oleh jumlah bayaran yang masih belum dibayar kepada kontraktor iaitu Belgrand Sdn Bhd dan juga dikenakan denda LAD kemudiannya.

Yang Berhormat....

**Tuan Pengerusi:** Rasah, Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya, banyak sangat, Tuan Pengerusi. Depa ini bubuh nombor pun tidak berapa betul dah!

Mengenai dengan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara telah membangkitkan mengenai isu GSTT tadi. GSTT yang tidak layak menerima bonus iaitu kita kata hanya GSTT pegawai sementara sangkut dan kontrak sahaja yang diberi bonus atau layak menerima bonus. Itu adalah menurut kelayakan. Sekiranya tidak berpuas hati, Yang Berhormat boleh tulis kepada saya dan kita akan terus periksa perkara itu.

Ini Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, mengenai dengan isu ataupun dasar SPBT antara murid sekolah kebangsaan dan SJK(C) dan SJK(T). Kerajaan....

**Tuan Pengerusi:** Ya, Petaling Jaya Utara bangun.

**Puan Chew Mei Fun:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hanya jawab mengenai bonus tetapi mereka tidak dapat lagi gaji dari bulan Januari hingga ke September. Macam mana ini akan diselesaikan? Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Okey, saya akan siasat perkara ini dan saya akan hubungi Yang Berhormat mengenai perkara ini.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah membangkitkan isu sekolah kurang *enrolment* SJK(C) yang memohon berpindah tetapi tidak dibenarkan. Kementerian Pendidikan memberi pertimbangan kepada permohonan yang kurang *enrolment* untuk



berpindah berdasarkan kes demi kes. Ini kita ikut kes. KPM juga perlu mengambil kira beberapa perkara sebelum sebarang perpindahan boleh dipertimbangkan.

Antara perkara ini termasuklah:-

- (i) sama ada cadangan perpindahan dipersetujui oleh semua ibu bapa murid yang terlibat.
- (ii) sama ada wujud keperluan yang mendesak di tempat baru yang dicadangkan;
- (iii) sama ada pihak yang memohon benar-benar mempunyai kemampuan untuk membiayai penyediaan keperluan sekolah yang baik; dan
- (iv) sama ada masih wujud keperluan sekolah di tempat yang sedia ada.

Yang Berhormat Sri Aman juga membangkitkan mengenai bahasa Iban. Buat masa ini....

**Tuan Pengerusi:** Ya, Bukit Mertajam bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Benda yang sama?

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Pengerusi, dan juga Setiausaha Parlimen. Khususnya untuk SRJK(C) Boon Beng, keempat-empat syarat, syarat pertama, syarat kedua telah pun dipenuhi dan ini pun saya rasa kementerian telah dapat makluman kerana mereka juga melalui Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang untuk menyampaikan kehendak mereka.

Jadi, hanya ada syarat ketiga, bahawa sama ada mereka mampu untuk mengutip wang yang cukup, tetapi kementerian tidak memberi kebenaran kepada mereka, jadi mereka tidak dapat mula mengutip derma. *On the other hand*, kementerian hendak mereka menunjukkan mereka sudah kutip secukup wangnya, barulah hendak memberi kebenaran. Jadi, ini dalam *page 21*, kalau mereka tidak memberi kebenaran, mereka tidak boleh mula mengutip wang.

Saya rasa, saya haraplah kementerian akan memberi kebenaran kerana sekolah ini benar-benar diperlukan dan mereka perlu dipindahkan, kalau tidak tanah sudah tidak cukup dan setiap kali hujan lebat, ia dilanda banjir, yang pertama.

Yang kedua ialah, SRJK(C) di Chong Hwa di Butterworth, memang tanah sudah diperolehi, duit pun telah cukup tetapi hanya menunggu kebenaran sahaja daripada kementerian. Apakah sebabnya tidak boleh beri kebenaran?

Dan saya ada satu penjelasan yang saya hendak perolehi. Kita mempunyai pelan untuk sepuluh tahun, rancangan pendidikan untuk sepuluh tahun. Kita ada Rancangan Malaysia lima tahun, kita membuat rancangan proaktif, berapa sekolah kita perlu, tapi saya rasa hairan, mengapa SRJK(C) ia ditimbang *case by case*. Mengapa kita tidak ada satu rancangan di bawah pelan atau rancangan lima tahun? Tahun Malaysia Kelapan ini, berapa buah sekolah hendak SRJK(C) kita hendak bina? Dan dalam sepuluh tahun yang akan datang, berapa buah SRJK(C) kita hendak bina? Mengapa untuk SRJK(C) ia adalah *case by case*? Saya rasa ini adalah tidak selaras dengan pengurusan untuk masa sekarang. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat, membangkitkan perkara-perkara itu, dan saya kata tadi *case by case*, kalau seperti mana syarat-syarat yang saya telah sebutkan tadi dipenuhi, maka sama ada kita akan beri laluan ataupun tidak. Itu berdasarkan kepada *investigations* yang kita buat, tetapi kalau Yang Berhormat bangkitkan mengenai dengan ia telah cukup syarat dua atau tiga, satu lagi syarat ia tidak cukup, mungkin itu saya katakan tadi.

Walau bagaimanapun, tidak apa, Yang Berhormat boleh buat lagi permohonan, kalau Yang Berhormat betul-betul kata sekolah itu benar-benar ia memerlukan, ia buat permohonan, kita akan timbang. Jadi, tidak adalah Yang Berhormat kata mendesak kita

tidak buat itu, tidak buat ini, tidak. Yang Berhormat boleh buat lagi permohonan, insya-Allah kita akan pertimbangkan. Itu kita akan lihat.

Jadi, mengenai dengan duit dia sudah kutipkan, dia hendak buktikan kutipan, apa itu semua, saya rasa boleh Yang Berhormat tunjukkan bukti yang kutipan itu telah dilakukan.

Saya pergi kepada Yang Berhormat bagi Sri Aman, beliau telah membangkitkan mengenai bahasa Iban. Sebenarnya, setakat ini kita sudah ada sampai Tingkatan 3. Walau bagaimanapun, kita sedang melakukan persediaan untuk Tingkatan 4 dan 5. Persediaan ini sedang dilakukan. Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai dengan sastera di Sabah. Kementerian Pendidikan akan membawa cadangan ini kepada pihak yang menyediakan buku-buku sastera tadi. Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai dengan pembinaan asrama.

Bagi makluman, kita telah pun mengadakan garis panduan pelaksanaan projek iaitu projek pembangunan di bawah Jawatankuasa Piawaian dan Kos Kerajaan. Kemudahan bilik dan pejabat dibuat, hanya diberikan kepada pelajar di IPTA sahaja. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat ini juga diambil kira, malah telah disebutkan oleh Menteri Pendidikan sendiri beberapa kali supaya peruntukan khas serta juga projek yang akan dilakukan di Sabah dan Sarawak untuk menaik taraf dan membaiki infrastruktur. Ini pun dalam perancangan kita bagi tahun-tahun yang akan datang. Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai dengan pendidikan prasekolah. Ini pun telah saya jawabkan. Kita akan melakukan perkara ini secepat mungkin. Tetapi, bergantung kepada peruntukan dan guru-guru yang kita ada, yang terlatih.

**Puan Sukinam Domo:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun Yang Berhormat, ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Benda yang sama?

**Puan Sukinam Domo:** Benda yang sama. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi, Yang Berhormat menyebut tentang asrama yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman, bahawa kementerian akan mengambil perhatian. Saya cuma ingin bertanya, mengikut data yang ada kepada saya ini, untuk Rancangan Malaysia Kelapan, banyak sangat projek yang sudah diluluskan, tetapi saya difahamkan peruntukan belum diagihkan kepada Jabatan Pendidikan Sarawak. Program asrama sahaja, 63 buah projek. Satu pun belum bermula dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Kita sekarang ini tengah hendak masuk *review* Rancangan Malaysia Kelapan. Jadi, saya ingin bertanya, mengapa boleh berlaku begini sehinggakan satu pun belum lagi dilaksanakan. Ini program baru, belum lagi termasuk program-program sambungan Rancangan Malaysia Ketujuh. Selain daripada itu juga, banyak lagilah selain daripada asrama. Pendidikan menengah baru – 8 buah. Kemudian rumah guru – 71 buah projek belum juga dimulakan - Rancangan Malaysia Kelapan. Saya difahamkan peruntukan tidak ada. Harap dapat perhatian. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Peruntukan itu ada Yang Berhormat. Sebenarnya, ini cepat atau lambat. Sebab itu saya jawab tadi, saya katakan kita akan khusus kepada Sabah dan Sarawak bagi projek-projek yang belum kita habiskan, itu yang pertama.

Yang keduanya, apakah infrastruktur ataupun kaedah-kaedah yang lebih baik untuk kita mewujudkan projek-projek tadi. Macam saya katakan, walaupun kita ada kesanggupan untuk buat projek, tetapi pihak yang hendak melaksanakan itu juga memohon peruntukan yang besar. Yang ini tidak dapat kita adakan dan ia mengambil masa. Saya amat faham keadaan di negeri Sarawak Yang Berhormat.

Jadi, sebab itu saya katakan ada projek-projek yang tergendala khususnya di Sarawak, iaitu kawasan-kawasan pedalaman. Walau bagaimanapun, kita di kementerian tetap akan beri *priority* kepada Sabah dan Sarawak dalam melaksanakan projek-projek tadi, khususnya dari segi infrastruktur dan guru-guru yang terlatih.

Yang Berhormat bagi Batu telah membangkitkan mengenai dengan Seri Perak. Seri Perak adalah kurang kondusif pada masa kini. Kementerian telah mengenal pasti tapak yang sesuai bagi pembinaan sekolah baru, itu dia. Yang Berhormat juga telah....

**Tuan Jimmy Lim Donald:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Sri Aman bangun. Ya, Sri Aman.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tadi pun, ada bertanya tentang usaha Dewan Bahasa dan Pustaka pada suatu ketika dahulu, yang hendak bekerjasama dengan rakan mereka dari Indonesia untuk mewujudkan satu bahasa yang boleh digunakan oleh dua-dua negara ini, bahasa Melayu. Apakah cerita pada masa sekarang? Itu pun ada dibuat soalan atau tidak?

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Saya akan bagi jawapan itu kemudian kepada Yang Berhormat sebab saya tidak ada maklumat mengenai dengan itu. Yang Berhormat bagi Batu juga telah membangkitkan mengenai dengan Perpustakaan Negara. Sebenarnya Yang Berhormat, Perpustakaan Negara pada hari Ahad, kita buka jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang. Hanya cuti hari Sabtu minggu pertama dan ketiga ditutup, iaitu mengikut pekelilingan cuti. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat tadi, saya akan sampaikan kepada pihak Perpustakaan Negara.

**Tuan Ng Lip Yong:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Batu bangun. Semua orang akan bangun tiap-tiap pertanyaan dan perbincangan, maka tiap-tiap ahli akan bangun dan minta penjelasan, ya. Sila, sila Batu, ya.

**Tuan Ng Lip Yong:** Tuan Pengerusi, apa yang saya bangkitkan adalah hari cuti am yang selalunya Perpustakaan Negara ditutup. Saya minta buka pada hari Ahad.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Tidak, tidak, sebab itu saya katakan dalam cadangan Yang Berhormat, saya tahu itu cadangan dan saya akan bawa kepada pihak perpustakaan, dah saya jawab sudah. Saya pastikan kalau itu yang dituntut, saya akan cadangkan kepada pihak Ketua Pustakawan.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah membangkitkan mengenai dengan pencetak bumiputera. Perjanjian konsesi penswastan berkenaan menetapkan penggunaan perkhidmatan pencetak bumiputera sekurang-kurangnya 30%. Pada masa ini, kita sedang menggunakan hampir 90% bumiputera, hampir saya katakan tadi. Itu yang saya bangkitkan mengenai dengan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Tidak, sudah saya jelaskan.

**Tuan Pengerusi:** Kubang Kerian.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Tidak, sudah saya jelaskan, boleh mengenai dengan itu. Tidak, tidak, saya sudah bagi penjelasan sudah.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sudah bangun, hendak beri jalankah tidak? Ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Penjelasan itu tidak tepat sama sekali itu, tidak berlaku demikian. Pencetakan ini diberi kepada syarikat bukan bumiputera, bahkan daripada negara asing.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Tidak, saya katakan tadi hampir 90% kita berikan kepada bumiputera, tetapi Yang Berhormat bangkitkan soal lain. Tidak apalah, saya sudah jawab dan saya rasa itu jawapan saya. Yang Berhormat bagi Gelang Patah tadi bangkitkan jumlah itu, yang sebenarnya tidak tepat Yang Berhormat dan tadi pun saya telah menjawab berkaitan itu. Saya harap saya sudah jawab, di mana sejumlah RM90.3 juta ataupun 93% telah dibelanjakan, itu yang saya dapat. Jadi, mungkin ada perbezaan yang itu, kita boleh bincangkan kemudian.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga membangkitkan mengenai dengan Dewan Bahasa, syarikat asing dan bukannya kepada syarikat pencetak. Ini sekali lagi saya bangkitkan juga fungsi ini, ia telah diswastakan kepada Syarikat Dawana. Setiap kontrak yang berkaitan dengan fungsi tersebut akan diuruskan oleh Syarikat Dawana. Ini juga kita lakukan, syarikat ini bumiputera.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah....

**Tuan Chang See Ten:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Gelang Patah bangun, hendak beri jalan?

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Pengerusi, saya tadi semasa perbahasan ada bangkitkan tentang kekurangan guru, yang mana maklumat yang dari Kementerian Pendidikan dengan daripada Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Besar Malaysia tidak sama. Saya ingin dapat penjelasan, mengapa ini berlaku. Ini kerana Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Besar Malaysia, mereka tumpu kepada Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) gred A, yang mana masalah kekurangan guru yang serius, tetapi Kementerian Pendidikan dia ambil sekali gus. Ini yang mendatangkan perbezaan antara kedua-dua itu.

Tinjauan mereka ada kurang guru seramai 9,322 orang tetapi Kementerian Pendidikan, datanya berlainan iaitu saya ada kira data keseluruhan dari Kementerian Pendidikan, kekurangan guru adalah seramai 4,522 orang akibat pewujudan jawatan baru di SKJ(C) iaitu 3,451 orang. Tambahan guru akibat tambahan murid sejak tahun 1999 ialah 1,591 iaitu 5042 orang tetapi daripada latihan yang diberi kepada guru untuk latihan KDPM dan KDC telah dapat melatih 7,220 orang. Ini terima kasih kepada usaha Kementerian Pendidikan.

Kekurangan guru sejak tahun 1999 adalah 6,649 orang iaitu ada baki guru seramai 517 orang tetapi oleh kerana tadi saya kata ada jawatan baru dan tambahan baru akibat tambahan....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Gelang Patah, panjang sangat itu.

**Tuan Chang See Ten:** ....sebab itu....

**Tuan Pengerusi:** Minta penjelasan.

**Tuan Chang See Ten:** ....ini yang saya hendak tahu, mengapa ada perbezaan ini? Guru besar yang telah mentadbirkan sekolah, mereka lebih tahu. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat serahkan *figure* itu kepada saya dan saya akan jawab secara bertulis tentang perbezaan ini. Kalau kita hendak cakap, kita tidak boleh habis.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Jadi, untuk menjimatkan masa, Yang Berhormat bagi angka-angka itu kepada saya dan saya akan cuba diusahakan, dapatkan jawapan itu secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah membangkitkan mengenai dengan SJRK(C) Huan Hwa 2, Menglembu, Perak. Sebenarnya kita telah diluluskan perpindahan sejak tahun 1999 lagi dengan syarat pihak Lembaga Pengurus Sekolah berkenaan mengusahakan sendiri tapak baru dan keperluan kewangan bagi menyediakan bangunan sekolah baru. Itu telah kita luluskan dan saya rasa Yang Berhormat jangan bangkitkan lagi....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ini pasal sekolah di Menglembu ini, bukan Kubang Kerian.... [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Em....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tuan Pengerusi, tadi saya bangkitkan masalah kontrak UiTM tadi, tidak langsung dijawab oleh Setiausaha Parlimen. Dia sudah masuk Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Selepas Yang Berhormat bagi Batu Gajah, habislah. Jadi, ada tidak jawapan atau kertas atas meja itu, mungkin tertinggal. Cuba *check* tengok.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya akan jawab itu kemudian, secara bertulis kalau Yang Berhormat perlukan pasal itu....

**Puan Fong Po Kuan:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Batu Gajah bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah juga telah membangkitkan mengenai dengan jawatan penyelia sekolah Cina. Kita sedang membuat urusan penempatan yang melibatkan semua jawatan Penyelia seluruh negara. Urusan-urusan pengisian jawatan tadi di sekolah-sekolah seluruh negara ialah selaras dengan pengisian jawatan-jawatan. Jadi, saya berharap Yang Berhormat bersabar mengenai dengan perkara ini. Memang saya faham dan saya harap perkara ini akan dilakukan secara secepat mungkin.

Akhir kata, saya telah pun menjawab semua soalan. Bagi mereka yang membuat cadangan, saya harap....

**Puan Fong Po Kuan:** [*Bangun*]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ....Yang Berhormat, ada apa lagi hendak bangkit?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Gajah bangun, hendak bagi jalan kepada dia?

**Tuan Pengerusi:** Em....!

**Puan Fong Po Kuan:** Saya hendak tanya sama ada kementerian akan memberi satu *directive* kepada pihak universiti sebelum mengambil tindakan, pastikan hak-hak pelajar dihormati selalu. Saya ingin tanya itu satu perkara.

Yang kedua berkenaan peruntukan sama ada kementerian akan beri peruntukan kepada sekolah yang saya bangkitkan tadi, pembinaan ke tapak yang baru, SRJK(C) Huan Hwa 2, Menglembu.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Mengenai dengan bantuan kepada sekolah-sekolah SJRK(C) tertakluk kepada jawapan saya tadi.

Mengenai dengan AUKU dan sebagainya, Yang Berhormat dok bangkitkan kononnya penindasan terhadap pelajar dan sebagainya, itu semua retorik DAP, sudah lama. Perkara itu sepatutnya dibawa dan dibincangkan di peringkat awal lagi. Ini kita masa bajet. Adakah kita hendak pakai bajet AUKU lagi? Kita hendak tambahkah dan sebagainya. Jadi, tidak ketepatan Yang Berhormat bertanya itu, saya biarkanlah itu sebagai retorik DAP untuk membela pelajar kononnya. Mereka bukan membela pelajar, mereka hendak menekan lagi pelajar.

Jadi, sebenarnya Tuan Pengerusi, saya telah pun menjawab semua dan saya berharap segala cadangan itu kita mengambil itu sebagai cadangan dan kita akan perbaiki. Pada keseluruhannya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat daripada *Backbenchers* dan juga pembangkang yang telah membangkitkan perkara-perkara ini dan bagi yang baik, kita akan jadikan segala cadangan itu dan kita akan membincangkan secara serius.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM20,214,844,100 untuk Maksud B.41 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20,214,844,100 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,722,759,960 untuk Maksud P.41 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,722,759,960 untuk Maksud P.41 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2004.

#### **Maksud B.42 [Jadual] -**

#### **Maksud P.42 [Anggaran Pembangunan 2004] –**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.42 dan Kepala Pembangunan P.42 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Subang.

#### **5.26 ptg.**

**Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin menyentuh B.42, Kementerian Kesihatan, Butiran 00400.

Di sini saya ingin membangkitkan isu perlunya Klinik Kesihatan Kerajaan untuk penduduk di kawasan Bandar Sunway, Subang Jaya dan USJ, khasnya penduduk warga tua.

Kawasan Bandar Sunway, Subang Jaya dan USJ adalah dianggarkan sekitar 450,000 orang penduduk yang tinggal di sini. Jumlah penduduk di kawasan ini semakin hari semakin bertambah kerana projek-projek perumahan baru masih dilaksanakan di sini. Di kawasan perbandaran ini, terdapat beberapa buah klinik persendirian tetapi tidak ada sebarang Klinik Kesihatan Kerajaan di sini. Klinik kerajaan yang terdekat terletak lebih kurang 10 kilometer daripada Subang Jaya. Malah, tidak ada perkhidmatan bas secara langsung ke situ dari Subang.

Isu perlunya sebuah Klinik Kesihatan Kerajaan telah dibangkitkan kepada saya oleh penduduk-penduduk di kawasan ini beberapa kali. Lebih-lebih lagi, ia telah dibangkitkan oleh penduduk warga tua di sini di dalam beberapa dialog semasa saya berada di sana. Warga tua dalam kawasan tersebut atas atau lebih kurang 8% daripada jumlah penduduk di sini. Ini adalah kira-kira lebih kurang 40,000 orang di bandar Sunway, Subang Jaya dan USJ.

Kebanyakan warga tua yang membeli rumah di kawasan ini adalah pesara-pesara daripada institusi-institusi kerajaan. Mereka terpaksa mengeluarkan hampir keseluruhan wang simpanan mereka untuk membeli rumah tersebut. Maka, apabila rawatan kesihatan timbul, mereka mula merasakan kesempitan dari segi kewangan. Warga tua dalam kawasan ini tidak mempunyai punca pendapatan yang tinggi kerana mereka tidak bekerja lagi. Mereka hanya bergantung kepada wang simpanan atau faedah yang didapati daripada simpanan tetap.

Walau bagaimanapun, kadar faedah pada masa ini pun sangat rendah. Ini telah mengakibatkan jumlah pendapatan warga tua berkurang. Maka, mereka terpaksa bergantung kepada perkhidmatan awam seperti klinik kesihatan untuk mendapatkan rawatan perubatan mereka tetapi malangnya perkhidmatan yang mereka inginkan tiada di sini. Ini telah memberikan banyak kesulitan kepada warga tua di sini. Saya percaya kesulitan ini dapat diatasi sekiranya sebuah klinik kesihatan dapat didirikan di kawasan ini.

Dengan kata-kata ini, Tuan Pengerusi, saya meminta kerajaan dan Kementerian Kesihatan mendirikan sebuah klinik kesihatan di sebuah tempat yang sesuai di kawasan Bandar Sunway, Subang Jaya dan USJ. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Tampin.

**5.29 ptg.**

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah P.42, Butiran 01000 – Pengurusan, 010200 – Sumber Manusia, 010400 – Rancangan Tenaga Manusia dan Latihan, 03000 – Rawatan Perubatan dan 030200 – Pengurusan Hospital.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi kesempatan membincangkan kedua-dua tajuk di bawah Kementerian Kesihatan. Tuan Pengerusi, di sini saya ingin menyentuh dari segi berlakunya kekurangan doktor yang amat sangat di Hospital Daerah Tampin.

Tuan Pengerusi, selain daripada doktor yang menguruskan pesakit luar, kalau diikutkan dari segi jawatan doktor yang diperlukan di Hospital Daerah Tampin, jumlahnya adalah 10 orang, tetapi malangnya pada hari ini jumlah yang ada hanyalah 3 orang. Tidak sampai pun separuh daripada jumlah yang sepatutnya.

Tuan Pengerusi, bagaimanakah doktor-doktor ini hendak memberi perkhidmatan yang baik kepada pesakit-pesakit kalau mereka sentiasa kerja lebih masa sepanjang minggu ataupun bulan. Mereka ini sentiasa *on-call*, 24-7, dengan izin, seperti kedai 7-*Eleven* yang ada. Kasihan mereka. Hati mereka ikhlas untuk berkhidmat tetapi nampaknya seolah-olah dianiayakan.

Kadang kala bila doktor ini terpaksa dipanggil berkursus, kelam kabut dibuatnya Hospital Daerah Tampin. Jadi, kerana daripada jumlah tiga orang sudah jadi dua ataupun tinggal satu, terpaksa meminjam doktor-doktor daripada hospital-hospital di daerah yang berdekatan seperti di Daerah Kuala Pilah ataupun Seremban yang kebetulan ada doktor-doktor yang di dalam latihan (*houseman*), dengan izin.

Yang menyedihkan, kadang kala, satu hari doktor yang datang adalah doktor, katakanlah doktor 'A', besok datang doktor 'B', lusa datang doktor 'C' dan seterusnya doktor 'D'. Bukan doktor yang sama. Lebih menyulitkan, kadang-kadang doktor yang kepakarannya di bidang lain ditugaskan untuk melihat atau memeriksa pesakit-pesakit yang berada di dalam bukan bidangnya.

Ada masanya doktor-doktor dari Jabatan Pesakit Luar juga diminta menjaga Jabatan Kecemasan, tentu sekali ini menyulitkan. Bilakah pihak kementerian dapat membantu setidak-tidaknya menyelesaikan separuh daripada masalah ini? Saya mengharapkan pihak kementerian dapat mengambil tindakan segera untuk membantu doktor-doktor yang sudah lama tidak dapat bercuti ini dan hidup amat tertekan. Cuti pun tidak boleh diambil.

Saya meminta dan mencadangkan agar pihak kementerian membenarkan doktor-doktor yang ikhlas bekerja, dan tidak dapat cuti ini supaya cuti mereka dibenarkan di bawa ke tahun-tahun berikutnya, kerana saya difahamkan, kalau tidak silap saya, hanya 15 hari daripada cuti setiap tahun itu dibenarkan di bawa ke tahun yang berikutnya. Padahal mereka bukan tidak mahu mengambil cuti tetapi tidak dibenarkan mengambil cuti kerana kekurangan doktor. Bantulah mereka ini.

Di masa yang sama saya mengharapkan kalau boleh pihak kementerian juga janganlah mengambil langkah yang tergopoh-gapah dengan menghantar doktor-doktor dari India ataupun Sri Langka tanpa memahami bahasa Malaysia secara baik. Saya bimbang nanti ada orang-orang di kawasan Tampin yang tidak pandai berbahasa Inggeris, nanti yang sakit lain, dapat ubat yang lain. Sebab orang Tampin ada juga, daripada orang kampung ini sakit lain dapat ubat lain.

Tuan Pengerusi, di samping itu Hospital Daerah Tampin ini juga kehilangan Pengarah Hospital hampir 6 bulan yang lalu, apabila beliau berpindah ataupun ditukarkan. Bilakah pihak Kementerian Kesihatan dapat menyelesaikan perkara ini? Takkanlah hendak tunggu sampai tahun 2008, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. Kalau boleh setidak-tidaknya, saya mencadangkan doktor-doktor yang baru tamat

pengajian mereka yang sedang membuat *houseman* biarlah di peringkat akhir 2 tahun *houseman* mereka, mereka dibenarkan atau diminta ke hospital-hospital di daerah-daerah untuk membantu menampung kekurangan yang keterlaluan ini.

Seterusnya pernah juga berlaku di Hospital Daerah Tampin ini, yang mana alat x-ray yang rosak mengambil masa yang terlalu lama, lebih daripada tiga bulan untuk memperbaikinya. Akibatnya – sebab daripada Gemas ke Tampin mengambil masa sejam setengah – pesakit-pesakit yang ingin datang untuk membuat x-ray, apabila sampai ke Tampin mengambil masa sejam setengah, bila hendak buat x-ray tidak juga dapat membuat x-ray kerana alat x-ray rosak. Kenalah pergi ke Melaka, dan ini amat menyukarkan mereka. Kalau boleh, saya mengharapkan apabila sesuatu alat yang biasa digunakan di hospital rosak, kalau tidak dapat diperbaiki dalam masa yang terdekat, adalah lebih baik kalau Kementerian Kesihatan mengambil usaha-usaha yang lain seperti menghantar alat sementara, sementara menantikan alat yang ada di hospital itu siap, dibaik pulih.

Tuan Pengerusi, itu sahaja pandangan yang saya ada berhubung dengan isu Kementerian Kesihatan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Tumpat.

**5.34 ptg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya akan bercakap ringkas sahaja tentang beberapa perkara di bawah Kementerian Kesihatan hari ini. Pertamanya, saya merujuk kepada 010400 – Perancangan Tenaga Manusia dan Latihan.

Sebagaimana kita dengar Ahli-ahli Yang Berhormat lain bercakap soal kekurangan doktor-doktor, khususnya doktor-doktor yang berkhidmat dalam kerajaan adalah amat ketara. Kita dengar bahawa kerajaan cuba untuk berusaha melatih para bakal doktor kita ini di pelbagai jenis pusat pengajian tinggi yang terhad di dalam negara dan juga yang terhad di luar negara. Soal kekurangan tempat ini melibatkan semua kaum, khususnya yang ada di dalam negara ini dan tidak ketinggalan juga, yang agak ketara baru-baru ini ialah daripada kaum masyarakat India, di tanah air kita sendiri.

Jadi, masalah ini memang masalah kritikal. Saya ingin bertanya kementerian bahawa adakah kementerian merancang lebih teliti lagi tentang latihan untuk tenaga manusia bagi menjadi doktor dan pakar-pakar dan kakitangan lain di dalam bidang perubatan ini? Misalnya, adakah kementerian bercadang untuk mencadangkan kepada kerajaan untuk menubuhkan sebuah universiti khusus untuk perubatan - Universiti Perubatan Malaysia.

Misalnya, kalau kita ada universiti-universiti lain yang kadang kala khusus untuk bidang-bidang yang lain, adakah mungkin untuk kita sebagai memenuhi keperluan tenaga di bidang perubatan yang amat teruk dalam negara kita ini, kita mewujudkan sebuah universiti yang khusus bernama Universiti Perubatan.

Keduanya, di bawah Kepala ini, saya ingin juga menyentuh tentang cadangan untuk mengadakan Insurans Kesihatan Negara (*National Health Insurance Scheme*), dengan izin. Adakah kerajaan mencapai apa-apa keputusan yang agak muktamad untuk membantu sejumlah besar masyarakat dalam negara kita ini yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan insurans kesihatan melalui syarikat-syarikat yang mereka kerja, yang kebanyakannya rakyat kita tidak terlindung di bawah skim insurans cara tempat mereka bekerja ataupun oleh kerana mereka berkeupayaan membeli insurans kesihatan mereka sendiri.

Adakah kerajaan melalui kementerian ini, akhirnya sekarang ini telah mempunyai satu cadangan yang konkrit untuk dicadangkan kepada masyarakat tentang bagaimana hendak menjamin hal-hal kesihatan rakyat dijaga dengan sebaik-baiknya melalui suatu skim insurans negara.



Ketiganya, saya hendak bertanya kepada kementerian melalui kepala ini tentang keadaan penswastaan di Kementerian Kesihatan yang berlaku setakat ini. Penswastaan khususnya hospital-hospital dan penswastaan beberapa bidang kesihatan seperti yang dilakukan oleh sebuah *Syarikat Ready Care*, yang mengambil bahagian di dalam satu skim penswastaan di bawah kementerian ini.

Soalan saya ialah setakat manakah mengikut kajian kementerian ini, skim-skim penswastaan ini berjaya untuk:

- (i) meningkatkan mutu khidmat kesihatan yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat;
- (ii) perbandingan dengan kos yang sedia ditanggung sebelum ini berbanding dengan kos yang terpaksa ditanggung melalui penswastaan setakat ini; dan
- (iii) apakah kesan kepada rakyat, pengguna Khidmat Kesihatan Negara ini dari segi penswastaan yang sedia ada sekarang ini.

Seterusnya saya beralih kepada 031900 – Radioterapi yang peruntukannya RM19 juta. Ahli-ahli Yang Berhormat, sama ada kita sendiri atau keluarga kita, ada yang terlibat dengan penyakit yang memerlukan radioterapi iaitu penyakit kanser. Saya baca di muka surat 452, tentang radioterapi iaitu ia bermatlamat untuk tahun 2004, memberi khidmat radioterapi kepada 28,100 orang pesakit luar, 6,000 orang pesakit dalam.

Saya hendak tanya kementerian, adakah kementerian membuat suatu perkiraan tentang khidmat radioterapi ini berbanding dengan jumlah sebenar rakyat negara kita yang mengalami penyakit kanser dan yang memerlukan perubatan radioterapi ini. Adakah jumlah yang dijangkakan, yang dirancangkan 28,100 campur 6,000 iaitu 34,100 orang, berapa peratus daripada jumlah sepenuhnya pesakit-pesakit barah supaya kita dapat tahu matlamat kementerian untuk memberi khidmat setakat mana.

Kalau tidak, adakah kementerian bercadang untuk meningkatkan lagi peruntukan dalam bidang radioterapi ini untuk memberikan khidmat kepada peratusan yang lebih tinggi di kalangan pesakit-pesakit, khususnya pesakit-pesakit barah.

Saya juga ingin bertanya berkaitan dengan radioterapi ini, khidmat-khidmat yang mutakhir dalam bidang radioterapi seperti sebagaimana saya tahu sudah pun ada di Australia, ada di Hong Kong, sekarang ini ada di Singapura iaitu khidmat *PET scanning* untuk pesakit-pesakit kanser. Negara kita belum ada, khidmat itu perlu dan oleh itu adakah kementerian bercadang untuk menempah peralatan untuk mengambil kira penyakit ini.

Harus diingat bahawa bakal Perdana Menteri kita ada mempunyai keluarganya pesakit barah. Maka saya harap kementerian mengambil kira hal ini untuk bukan sahaja pembesar-pembesar negara kita tetapi seluruh masyarakat kita yang mana barah diakui sebagai salah satu penyakit yang terbesar yang meragut nyawa rakyat kita di Malaysia ini.

Ketiganya bawah Kepala Butiran 032200, Farmasi dan Bekalan yang mana peruntukan yang besar saya akui RM564 juta lebih, Tuan Pengerusi. Saya ingin tahu mengikut perkiraan di kementerian daripada RM564 juta lebih ini, berapa peratus kalikah jumlah yang dibelanjakan oleh seluruh negara dalam bidang membeli ubat atau membayar untuk ubat dan farmasi.

Saya ingin mengetahui dan ingin membawa perhatian kita bahawa kos ubat adalah tinggi dan oleh itu saya menyeru kepada pihak kementerian untuk mencari jalan untuk merendahkan kos ubat kepada masyarakat kita. Kita tahu misalnya di Afrika ramai rakyatnya berjuta-juta mati kerana kos perubatan untuk HIV/AIDS yang begitu tinggi yang tidak mampu dibayar oleh rakyat di Benua Afrika. Kita bersyukur di negara kita pesakit HIV/AIDS saya rasa tidaklah sebesar itu tetapi umumnya kos ubat, kos farmasi meningkat. Oleh itu saya ingin tahu apakah peratusan yang kementerian belanjakan berbanding dengan keseluruhan perbelanjaan yang ditanggung oleh rakyat dalam negara ini dalam perbelanjaan untuk farmasi.

Keduanya, daripada yang kita belanja RM564 juta ini, adakah ini meliputi ubatan tradisional, herba, akar-akar kayu ataupun yang ada dan kalau ada, berapakah jumlahnya? Kalau tidak ada, apakah perancangan kerajaan dalam bidang ini?

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya bagi Kepong.

**5.42 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, Butiran 030200 - Pengurusan Hospital. Pertamanya saya hendak bangkitkan bahawa di dalam objektif untuk menguruskan hospital ini, pihak kerajaan ataupun kementerian hendak memastikan semua jenis perkhidmatan yang disediakan di hospital mencukupi, bersesuaian dan cekap di samping membantu program-program lain agar dapat mencapai objektif-objektif yang ditentukan. Ini memang satu objektif. Kita mesti berikhtiar untuk mencapainya.

Walau bagaimanapun, saya di sini hendak membangkitkan masalah kadangkala kecuali Hospital Kuala Lumpur kita mempunyai banyak kepakaran dan sebagainya termasuk oftalmologi dan sebagainya. Memang kadangkala di hospital-hospital sekitar di seluruh Malaysia memang tidak cukup kepakaran. Misalnya dengan oftalmologi. Ada satu jenis *operation* yang menggunakan laser atau menggunakan teknik yang lain untuk menukar lensa dan sebagainya. Itu tidak ada di semua hospital bahkan di Hospital Kuala Lumpur pun kurang. Ini bermakna pesakit-pesakit tidak dapat rawatan yang diperlukan, maka mereka terpaksa pergi, mungkin pergi ke Hospital Tun Hussein Onn dan sebagainya untuk pembedahan dan ini bagi setengah-setengah itu memerlukan bayaran yang banyak.

Sebab itulah saya berharap Yang Berhormat dapat meninjau, mengkaji apakah kepakaran-kepakaran yang kurang di hospital-hospital yang besar. Termasuklah Hospital Selayang walaupun begitu canggih ada kepakaran yang tidak cukup termasuk apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tumpat tadi radioterapi tidak cukup dan sebagainya. Inilah seruan saya supaya pihak kementerian mengambil perhatian, melengkapkan kepakaran yang cukup sekurang-kurangnya di hospital-hospital utama di seluruh negara.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, mengenai halaman 459, 020500 Kawalan Mutu Makanan. Kawalan Mutu Makanan saya nampak jumlah sampel makanan yang diambil itu puratanya 40,000 untuk tahun ini dan untuk tahun depan 70,000 dan pemeriksaan ke atas premis makanan pun purata 60,000. Walau bagaimanapun, kita mesti teruskan kawalan ini.

Saya pun tidak begitu puas hati dengan kawalan ke atas air. Bukan sahaja air paip kita yang mutunya kurang di sekitar Lembah Klang bahkan juga *mineral water* di dalam botol, air di dalam botol. Saya tidak nampak kawalan yang ketat oleh pihak kementerian walaupun ada dari semasa ke semasa dibuat oleh pihak kementerian tetapi bagi saya tidak mencukupi. Kalau kita nampak jenis air di dalam botol yang dijual di seluruh negara, begitu banyak syarikat yang membekalkan, menjual air di dalam botol. Tetapi pihak kementeriannya, pemeriksaan ke atas kawalan saya nampak dengan cukup.

Saya percaya kebanyakan air yang dijual di dalam botol, mutu tidak begitu memuaskan dan kalau pihak kementerian boleh mengambil tindakan, ambil sampel yang cukup, contoh yang cukup untuk memeriksa dari segi misalnya bilangan kuman di dalamnya. Ada besar kemungkinan bahawa kebanyakannya mengandungi kuman yang terlalu banyak untuk diminum termasuklah di dalam *conference*, mesyuarat misalnya OIC. Saya nampak ada minuman botol.

Saya mencadangkan lain kali di dalam mesyuarat-mesyuarat mana pun, kita ambil sampelnya untuk di analisis sama ada bilangan kuman itu lebih banyak daripada air paip kita. Saya akan mengulangi seruan ini supaya pihak kementerian mengambil tindakan yang cukup untuk kawalan makanan kita.

Seterusnya, ini kena mengena dengan masalah kawalan penyakit. Di sini kita sering kali membuat cadangan supaya kita ada *Center of Disease Control* (CDC), Pusat Untuk Kawalan Penyakit Berjangkit. Pada dua tiga tahun yang lepas, pihak kementerian sudah kata tidak payahlah kita ada CDC, sudah cukup kawalan sekarang ini untuk penyakit

berjangkit. Kalau kita nampak daripada *Hansard* kita banyak kali kata termasuk Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sendiri kata kita tidak payahlah. Semua pandai, semua cekap untuk kawal penyakit berjangkit. Tetapi dengan ada SARS, fikiran sudah tukar. Itu masalah fikiran tidak begitu betul. Ada SARS dia sudah tukar, diumumkan ada CDC.

Di sini saya hendak pihak Yang Berhormat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini setakat manakah kita berjaya untuk mengadakan CDC di negara ini.

Dari segi jumlah perbelanjaan, saya bangkitkan hal ini kerana sering kali kita nampak walaupun pada dasarnya diumumkan hendak mengadakan satu CDC tetapi pada praktisnya kadang kala tidak begitu baik pelaksanaannya. Saya berharap pihak kementerian dapat menerangkan kepada umum setakat mana kita berjaya untuk mengadakan CDC supaya tahap kawalan penyakit berjangkit dapat dipertingkatkan dan sama-samalah kita dapat mengawal daripada timbulnya masalah wabak SARS ataupun jenis penyakit yang lain. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya bagi Yang Berhormat bagi Mambong.

#### 5.51 ptg.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada dua perkara sahaja yang ingin saya sentuh di bawah Kementerian Kesihatan. Yang pertama saya ingin menyentuh Butiran B.020300 iaitu Kawalan Penyakit.

Di kawasan Mambong ada 19 buah kampung berhampiran dengan sempadan Sarawak Kalimantan. Setiap hari ramai warga Indonesia berulang alik melalui sempadan ini untuk mengurus niaga dengan rakyat kita di sebelah Sarawak dan juga bekerja di kampung-kampung yang berhampiran. Ramai daripada warga Indonesia ini adalah pembawa penyakit yang berjangkit seperti malaria dan lain-lain. Oleh itu sudah banyak insiden di mana rakyat di kawasan saya dijangkiti dengan penyakit malaria. Saya memohon agar pihak kementerian melawat ke kampung-kampung tersebut bagi memberi *inoculation* kepada penduduk-penduduk di kampung yang berhampiran dengan sempadan. Lapan daripada 19 buah kampung tersebut tidak dihubungi oleh jalan raya. Oleh itu amat sukar bagi mereka untuk pergi ke klinik jika mereka dijangkiti oleh penyakit malaria ataupun penyakit-penyakit yang lain. Pada tahun 2000 saya sudah menyentuh tentang klinik yang harus dibina di kawasan-kawasan saya, namun hingga sekarang saya nampak belum ada lagi klinik di situ.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah Butiran 040100 yang berkaitan dengan Pengurusan Khidmat Sokongan Teknikal. Pengeluaran sisa-sisa klinikal di negara kita kian bertambah. Bagi klinik-klinik dan hospital kerajaan, pemungutan dan pelupusan dilakukan oleh kontraktor. Klinik-klinik swasta juga kian bertambah dan sisa-sisa klinikal juga bertambah, tetapi pemungutan dan pelupusan sisa-sisa klinikal tidak dilakukan oleh kontraktor-kontraktor kerajaan. Bagaimanakah sisa-sisa klinikal daripada klinik-klinik swasta diuruskan? Saya mohon jawapan daripada pihak kementerian. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya bagi Teluk Intan.

#### 5.54 ptg.

**Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan dua perkara sahaja. Di bawah Butiran 031500, saya ucapkan syabas kepada Kementerian Kesihatan yang telah memulakan subsidi kepada semua pesakit pinggang yang mendapat rawatan dialysis dan ini telah mengurangkan beban kewangan. Di Teluk Intan juga kita telah mulakan *Haemodialysis Center* oleh NGO tetapi *waiting list* masih begitu panjang. Seperti Hospital Teluk Intan, lima tahun dahulu ada lima atau enam mesin haemodialysis tetapi sampai hari ini masih sama. Saya tidak tahu apa sebabnya kerana tempatnya ada, *facility* ada, doktornya ada, tetapi begitu sukar untuk meningkatkan mesin haemodialysis itu sebab walaupun ada pusat NGO dan ada subsidi tetapi di pusat NGO, seorang pesakit masih perlu membayar sekurang-kurangnya RM60 atau RM70 sekali, tiga kali seminggu. Jadi banyak yang masih tidak dapat membayar. Oleh itu saya

harap di hospital kerajaan, boleh memberi pertimbangan yang serius untuk mempertingkatkan mesin haemodialysis ini.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 020100 – Pengurusan Kesihatan Awam. Di setiap hospital besar ada Lembaga Pelawat dan saya hendak tanya sebab ramai rakyat bila ada masalah berkaitan dengan hospital, dia akan jumpa wakil rakyat. Dahulu saya seorang Ahli Dewan Undangan Negeri dan sekarang adalah Ahli Parlimen. Dalam lapan tahun ini saya telah banyak kali *recommend* dua atau tiga ahli pelawat supaya dapat menolong kerja saya dan mereka adalah profesional tetapi sudah lapan tahun, tiap-tiap kali sebagai Ahli Parlimen bagi Teluk Intan di Hospital Teluk Intan, satu *recommendation* pun tidak pernah diberi pertimbangan.

So saya hendak tahu apakah.... [Disampuk]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, jangan bercakap begitu.

**Tuan Mah Siew Keong:** Saya hendak tahu apakah kriteria untuk memilih Lembaga Pelawat ini? Apa sebabnya sebagai wakil rakyat pun apabila kita *recommend* tidak pernah dilayan? Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan memberi pertimbangan kepada beberapa perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Bagan dahulu, ya. Kalau pendek-pendek, nanti semua dapat, tidak perlu bimbang.

**5.57 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh 010000 – Pengurusan. Saya ingin membangkitkan satu perkara di mana kakitangan Hospital Besar Kuala Lumpur sedang hadapi iaitu kerajaan bercadang untuk melaksanakan *parking system* iaitu *parking system* secara kutipan di kawasan Hospital Besar Kuala Lumpur dan *booths* kutipan sedang dibina dan akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Tuan Pengerusi, saya pernah membangkitkan soalan ini di Dewan yang mulia ini dan diberitahu bahawa langkah ini adalah untuk mencegah orang luar untuk meletakkan kereta mereka di kawasan hospital dan pergi ke tempat-tempat atau pejabat-pejabat berdekatan bekerja. Memang ini adalah satu langkah yang boleh mencegah salah guna tempat letak kereta di kawasan hospital besar ini, tetapi bagaimana pula dengan kakitangan-kakitangan Hospital Besar Kuala Lumpur? Mereka perlu pergi ke hospital untuk bekerja dari pagi hingga petang atau dari petang hingga larut malam dan mereka kena membayar *parking fees* dan *parking fees* di Kuala Lumpur ini bukannya murah.

Bolehkah Yang Berhormat memberitahu bagaimana kerajaan bercadang untuk meringankan tanggungan kakitangan-kakitangan hospital supaya mereka tidak perlu dibayar atau mereka diberi kupon percuma untuk kemudahan ini? Tuan Pengerusi, sekiranya mereka perlu membayar, berapa kadar bayaran yang dikenakan? Di sini saya merayu kerana kakitangan-kakitangan Hospital Besar Kuala Lumpur ini bukan semuanya dapat gaji yang tinggi. Sekiranya mereka perlu membayar RM2 atau RM3, itu pun mahal sangat atau berat sangat untuk mereka. Di sini saya merayu supaya semua kakitangan di Hospital Besar Kuala Lumpur ini boleh dikecualikan untuk membayar *parking fees* di dalam taman ini.

Tuan Pengerusi, penswastan bidang pekerjaan di hospital-hospital kerajaan di seluruh negara. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu apakah bidang pekerjaan yang telah diswastakan kepada pihak-pihak swasta dan menamakan pihak swasta yang menjalani tugas-tugas yang berasingan ini, dan sama ada prestasi mereka selama beberapa tahun kebelakangan ini adalah memuaskan atau tidak. Sekiranya tidak, apakah kerajaan akan buat kepada mereka yang tidak menjalankan kerja-kerja dengan memuaskan itu.

Tuan Pengerusi Butiran 030000 - Rawatan Perubatan. Saya bersependapat dengan ahli-ahli yang lain di mana *radiotherapy*, *radiologi* dan juga nefrologi di hospital-

hospital kerajaan sangat kekurangan dan bukan sahaja kekurangan, ada di tempat-tempat seperti Pulau Pinang, walaupun satu negeri yang besar dan satu hospital yang besar, tetapi tiada kemudahan *radiotherapy* dan pesakit-pesakit kanser ini perlu dihantar ke Mount Miriam Hospital untuk dijalan *radiotherapy* dan ini menyebabkan kesulitan kepada pesakit-pesakit dan juga membebankan hospital kerajaan, kerana perlu membayar kepada hospital swasta seperti Mount Miriam Hospital ini.

Tuan Pengerusi, saya juga berpendapat seperti Yang Berhormat bagi Teluk Intan, di mana nefrologi iaitu haemodialysis adalah kekurangan di hospital-hospital kerajaan dan juga di banyak hospital kerajaan langsung tidak ada perkhidmatan ini. Tahun 2002 ada sebanyak 384,726 kes seperti yang dilaporkan dalam buku bajet ini. Tahun 2003 - 462,000 kes dan tahun depan dia akan meningkat kepada 554,000 kes. Kita nampak trend ini meningkat setiap tahun dan pesakit-pesakit buah pinggang ini mereka sangat menderita dan perlu menanggung pembayaran yang sangat tinggi setiap bulan.

Saya berharap kerajaan boleh memberi perkhidmatan haemodialysis di semua peringkat negeri-negeri supaya boleh meringankan tanggungan pesakit-pesakit ini, dan kepada organisasi-organisasi sukarela ataupun NGO-NGO yang rela memberi perkhidmatan haemodialysis ini. Kerajaan perlulah menghargai perkhidmatan mereka ataupun sumbangan mereka ini dengan memberikan insentif-insentif atau anugerah-anugerah kepada mereka.

Tuan Pengerusi, temu janji oleh hospital-hospital dengan pakar-pakar. Tuan Pengerusi, selalunya apabila hospital-hospital memberi temu janji atau *appointment* kepada pesakit-pesakit, mereka semua ditetapkan pada pukul 9.00 pagi dan pada pukul 9.00 pagi semua pesakit akan pergi menunggu, dan kadang-kadang mereka ini perlu menunggu sampai pukul 12.00 dan kalau tidak dapat lagi kena menunggu sehingga lewat petang baru dapat giliran mereka. Saya nampak cara untuk temu janji ini bukan sangat profesional kerana sekiranya seorang pakar doktor boleh merawat 20 pesakit sehari, maka pesakit-pesakit perlu diberi pada masa yang agak terdekat iaitu mungkin ada dalam pukul 9.00 atau 9.30, pukul 10.00, 10.30 dan seterusnya dan bukan memanggil semua pesakit datang pada pukul 9.00 dan terus menunggu sampai petang.

Tuan Pengerusi, juga kebanyakan hospital sekarang tidak menyimpan fail-fail *patient*, kita tidak menyimpan fail-fail pesakit, ini dikatakan pentadbiran *paperless* dan apabila pesakit-pesakit mendapat rawatan doktor, mereka menceritakan kepada doktor berkenaan dengan latar belakang sakitnya, tetapi doktor pun tidak ada rekod untuk menyemak latar belakang pesakit. Jadi dengan ini kena memulakan semula atau *start everything new*, dengan izin Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah habis.

**Tuan Lim Hock Seng:** Satu lagi di Hospital Seberang Jaya iaitu satu pusat di mana seluruh Seberang Perai yang begitu besar perlu bergantung kepada perkhidmatan *emergency ward* di Seberang Jaya ini. Pada waktu malam cuma seorang doktor sahaja yang berkhidmat di wad ini, dan kemalangan bukan hanya terhad kepada jalan raya kerana Seberang Perai adalah satu kawasan perindustrian..

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah habis.

**Tuan Lim Hock Seng:** ....saya pernah nampak banyak kes perindustrian juga dihantar ke hospital ini, tetapi doktor itu tidak sempat melayani kerana ada ramai juga pesakit-pesakit kecemasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Minta tambah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, keluarga dan juga kadang-kadang kena menyiasat banyak..

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, masa sudah habis. Yang Berhormat hendak minta tambah masa?

**Tuan Lim Hock Seng:** Kena menyiasat banyak. Jadi saya berharap pada waktu malam seorang lagi doktor boleh dihantar atau ditugaskan untuk membantu kerja-kerjanya. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terima kasih. Saya beri Yang Berhormat bagi Serdang.

**6.07 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tambah semakin ramai ya?

**Dato' Yap Pian Hon:** Butiran 00200 - Kesihatan Awam. Tuan Pengerusi, aduan bekalan air yang kotor, berbau dan berwarna di sekitar kawasan Lembah Klang termasuk kawasan Serdang dan Puchong, di rumah-rumah kediaman sering diterima dan masyarakat umum sentiasa menyuarakan kualiti bekalan air ini, sama ada memenuhi gred atau peraturan kualiti dan kebersihan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) atau tidak.

Masalah ini telah menarik perhatian orang ramai dan timbul perasaan risau serta bimbang terhadap tahap kebersihan air, ini akan menjejaskan kesihatan manusia. Saya difahamkan bahawa kualiti bekalan air di negara ini dipantau oleh Kementerian Kesihatan dengan berasaskan Garis Panduan Kebangsaan melalui kualiti air minuman yang diwujudkan pada tahun 1983. Kualiti bekalan air dirawat yang dihasilkan oleh loji-loji rawatan air adalah mematuhi tahap piawaian garis panduan berkenaan iaitu air yang dibekalkan mestilah tidak mempunyai rasa dan bebas daripada sebarang warna, bau atau kuman berbahaya.

Tuan Pengerusi, dalam usaha pengurusan kesihatan awam, pihak Kementerian Kesihatan berkelayakan untuk menentukan kebersihan bekalan air, maka saya bertanya apakah prosedur atau bagaimana untuk menentukan dan memastikan bekalan air adalah memenuhi syarat dan peraturan selepas kejadian-kejadian yang berlaku seperti berikut:-

- (a) air sungai tercemar menyebabkan loji rawatan air dihentikan tugas. Selepas pemulihan operasinya bekalan air disalurkan kepada pengguna, bagaimanakah caranya untuk memastikan air itu bersih mengikut peraturan WHO;
- (b) paip air telah menjadi usang dan berkarat. Apakah bekalan air yang disalurkan kepada pengguna itu adalah bersih?; dan
- (c) paip air yang pecah dan selepas kerja-kerja baik pulih selesai, bagaimana kah caranya untuk memastikan air yang disalurkan kepada pengguna itu adalah bersih.

Tuan Pengerusi, cara penyelesaian dan penerangan oleh pihak kementerian terhadap soal-soal bekalan air tersebut di atas akan membantu masyarakat umum untuk memahami cara pengenalpastian kebersihan air yang dirasakan oleh pihak kementerian.

Saya menganggap bahawa kualiti bekalan air di negara ini dipantau oleh pihak Kementerian Kesihatan berasaskan Garis Panduan Kebangsaan mengenai kualiti air minuman dan bergantung kepada piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia adalah tidak mencukupi dan tidak memadai.

Jadi, saya mencadangkan bahawa agar pihak kementerian perlu membentangkan Akta Kebersihan Bekalan Air dengan izin, *Clear Water Act* dengan segera bagi mengatasi kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam peraturan atau garis panduan yang sedia ada supaya menentukan kualiti bekalan air bersih dengan berkesan untuk kegunaan rakyat jelata.

Tuan Pengerusi, cadangan pembinaan klinik di Bandar Kinrara di atas tapak seluas tujuh ekar telah mendapat sokongan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah Petaling, malah Pejabat Kesihatan Daerah Petaling, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian

Kesihatan juga menganggap bahawa kawasan itu amat memerlukan perkhidmatan kesihatan berasaskan alasan-alasan berikut:-

- (i) lebih 30,000 buah rumah kediaman telah dibina dan bilangan penduduk yang begitu ramai di sekitar kawasan Batu 8, Puchong;
- (ii) Hospital Kinrara, Puchong yang berdekatnya diurus dan ditadbirkan oleh Kementerian Pertahanan akan dipindahkan; dan
- (iii) masyarakat umum tidak lagi dapat menikmati kemudahan dan perkhidmatan perubatan dari Hospital Kinrara, Puchong selepas perpindahan hospital ini, jadi klinik baru perlu dibina sebagai ganti.

Tuan Pengerusi, pihak kementerian pernah berjanji dan komited di Dewan ini untuk melaksanakan cadangan pembinaan klinik di Bandar Kinrara, Puchong di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Saya ingin bertanya, bilakah pihak kementerian akan menunaikan komitmen untuk pembinaan klinik ini akan memberi kemudahan perkhidmatan kepada lapisan masyarakat khususnya kaum wanita dan kanak-kanak di sekitar kawasan Batu 8, Puchong ini.

Pihak kementerian juga mengesahkan cadangan menaikkan klinik di Batu 14, Puchong akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dengan menambahkan bilik rawatan pergigian untuk memenuhi keperluan masyarakat tempatan maka saya ingin bertanya, bilakah projek menaikkan taraf klinik ini akan dapat dilaksanakan?

Tuan Pengerusi, pihak kementerian pernah juga berjanji akan membina klinik kesihatan di atas tapak seluas tiga ekar di Bandar Tun Hussin Onn, Cheras bagi menggantikan klinik di Batu 11, Cheras yang telah terbakar. Tapak klinik yang telah dikenal pasti itu ialah terletak dalam lokasi yang strategik agar dapat memberi kemudahan perkhidmatan kepada penduduk di sebanyak 20 taman perumahan yang ada di kawasan persekitaran.

Tuan Pengerusi, jaminan dan komitmen pihak kementerian dalam Dewan ini dan juga yang disiarkan melalui media massa adalah dianggap sebagai jawapan rasmi dan perlu ditunaikan. Saya mendesak pihak kementerian agar mempercepat pelaksanaan projek-projek yang telah dijanjikan supaya lapisan masyarakat akan dapat menikmati perkhidmatan kesihatan yang sempurna. Saya mencadangkan agar Klinik Desa di Kampung Baru Balakong dipertimbangkan untuk diperluas lagi dengan menaikkan taraf kemudahan dan kelengkapan klinik itu supaya dapat memberi perkhidmatan kesihatan yang lebih berkesan di sekitar kawasan tersebut.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih atas pembinaan Hospital Serdang yang sedang dilaksanakan dan akan siap dibina tidak lama lagi. Dengan adanya Hospital Serdang, dijangka akan dapat memberi perkhidmatan perubatan yang lebih sempurna kepada masyarakat Serdang. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Kota Melaka dahulu. Dapat. Dapat semua nanti, insya-Allah.

**6.15 ptg.**

**Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]:** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 030200 – Pengurusan Hospital. Hospital Besar Melaka juga menghadapi masalah kekurangan *car park* yang ketara dan saya telah baca baru-baru ini bahawa kerajaan negeri telah membuat satu cadangan kepada kementerian supaya mengenakan sistem mengutip bayaran.

Saya akan sokong cadangan ini kalau ia benar-benar boleh menyelesaikan masalah tetapi saya begitu pasti ia tidak akan menyelesaikan masalah oleh kerana tiada orang luar yang menggunakan *car park* di Hospital Besar Melaka oleh kerana kita lihat

kawasan itu, yang di sebelahnya ialah Masjid Negeri. Di kawasan berhampiran tiada taman perumahan ataupun kedai-kedai.

Jadi, walaupun kita melaksanakan kutipan atau bayaran, orang yang perlu pergi akan pergi. Kalau macam saya pergi ke hospital, saya kena jumpa doktor selama dua jam, saya akan bayar juga tetapi ini tidak akan menyelesaikan masalah. Masalah ini boleh diselesaikan dengan senang sahaja tetapi nampaknya EXCO yang bertanggungjawab ke atas perihal kesihatan tidak ada inisiatif dan proaktif.

Saya telah mencadangkan supaya *car park* Masjid Negeri itu digunakan. Satu pintu *gate* yang memisahkan Hospital Besar Melaka dengan masjid kita dirikan satu *gate* sahaja tetapi nampaknya tidak ada tindakan. Jawapan yang diberikan ialah bahawa mereka akan larang sesiapa menggunakan tempat itu tetapi kalau tidak buat satu pintu yang boleh memudahkan orang awam pergi ke Hospital Besar Melaka itu, maka susahlah orang hendak menggunakan tempat letak kereta di situ. Jadi janganlah kita hendak selesai masalah dengan senang tetapi sebenarnya tidak akan menyelesaikan masalah itu.

Yang kedua, saya pernah membangkitkan juga berkenaan dengan *facility* radioterapi yang saya kata saya tahu cuma di Kuala Lumpur GH dan di Kuching dan juga di USM Kubang Kerian yang mempunyai *facility* radioterapi. Kita telah membuat banyak kali cadangan tetapi saya tahu bahawa kerajaan boleh memberikan perkhidmatan ini dengan senang dengan menambahkan mesin-mesin atau *facility* tetapi masalah yang utama saya difahamkan ialah masalah kekurangan pakar onkologi.

Saya faham bahawa itulah sebabnya juga kerajaan tidak ada perkhidmatan urologi dan sebagainya di begitu banyak hospital besar di bandar-bandar utama. Saya harap kerajaan akan berani memperkenalkan skim gaji yang boleh mendapatkan doktor-doktor berkhidmat untuk pihak kerajaan di *Oncology Unit*. Kita boleh bagi syarat bahawa biasiswa akan diberikan kepada mereka yang cuma mengambil bidang Onkologi sebagai *first choice*.

Kalau tidak, saya rasa ini akan sentiasa menjadi satu masalah yang tidak boleh diselesaikan dan saya rasa bahawa dasar-dasar kerajaan, *is not keeping up with the time*. Kalau kita tidak ada keinginan politik untuk menyelesaikan skim gaji ini, sampai bila pun banyak masalah akan berlarutan. Ini macam masalah yang dihadapi oleh ATM, Angkatan Polis, sama juga. Bila kita cadangkan kenaikan gaji, dia kata macam-macam masalah.

Namun rakyat dapat lihatlah pembangunan pesat, bangunan yang tinggi, pusat konvensyen yang mahal, semua dibina. Saya dapat dengar daripada rakyat, kadang-kadang kerajaan nampaknya banyak duit. Kadang-kadang nampaknya tidak ada duit. Subsidi petrol tidak ada lagi kerana diesel tidak cukup dia kata tetapi bila hendak buat projek yang besar, wang banyak boleh dibelanjakan.

Satu perkara lagi, satu sahaja Tuan Pengerusi. Butiran 020300 – Kawalan Penyakit. Wabak Nipah virus telah berlaku pada tahun 1999 dan sampai hari ini pun tidak ada satu laporan yang memberitahu rakyat, apakah sebenarnya punca wabak ini berlaku dan wabak ini telah menyebabkan lebih daripada 100 orang mati dan industri penternakan khinzir di Negeri Sembilan semuanya runtuh tetapi sampai hari ini tidak ada. Walaupun pakar telah mengesahkan bahawa ini memanglah wabak Nipah virus tetapi kerajaan masih menggunakan istilah JE.

Umum mengetahui bahawa kalau JE itu, orang yang mati itu bukan semuanya lelaki. Oleh kerana *carrier* JE adalah nyamuk, bila nyamuk menggigit, dia menggigit wanita yang ada di rumah. Itulah sebab mengapa semua yang mati adalah terdiri daripada lelaki oleh kerana lelaki bekerja di ladang dekat dengan tempat ternak khinzir. Nafas khinzir yang menyebabkan semua orang itu mati. Jadi, pakar sudah mengesahkan ini bukan JE tetapi mengapa masih menggunakan istilah JE dan sekarang kita namakan "Nipah virus"? Kalau kerajaan tidak mahu mengeluarkan satu laporan rasmi mengenai apakah sebab dan puncanya, ini menyebabkan ekstremis-ekstremis dalam negara ini yang mempunyai prejudis terhadap aktiviti penternakan khinzir tidak berhasrat untuk membawa satu penyelesaian kepada masalah yang telah begitu lama dihadapi oleh penternak khinzir di Bukit Pelanduk.



Dari Bukit Pelanduk sampai ke hari ini saya dengar ucapan daripada pihak Barisan Nasional tentang tidak ada Kolej Komuniti, bising sangat akan kalah, sedangkan orang di Bukit Pelanduk sudah lima tahun tidak ada kerja. Daripada tahun 1995 mereka yang beli *Centralised Pig Farming Area* di Jimah, sudah lapan tahun, bayar faedah pinjaman tetapi sampai hari ini tidak ada jawapan. Kerajaan janji hendak buka kawasan khas tetapi tidak juga dibuka. Tetapi kalau ditanya, "Apa hal tidak buka?", dia kata: "Kita hendak jaga supaya jangan Nipah virus berulang lagi". Jadi kalau kita tidak tahu pun sebab macam mana kita kata hendak mencegah? Sebenarnya, ia tidak berkaitan langsung dengan kekotoran. Saya harap kerajaan bertanggungjawab. Kementerian Kesihatan hendaklah mengeluarkan satu laporan rasmi.

Yang akhirnya, saya difahamkan apabila Nipah virus berlaku di Bukit Pelanduk, Kementerian Kesihatan ada membuat ujian. Saya telah difahamkan seramai 200 penduduk diberitahu bahawa hasil ujian menunjukkan mereka adalah Nipah virus *positive - pork carrier*. Adakah ini benar? Kalau benar, apakah tindakan susulan? Inilah sebabnya ada orang kata bahawa pada masa itu apabila kerajaan begitu tergesa-gesa memusnahkan khinzir, kemungkinan itu adalah satu tindakan yang salah, oleh kerana apabila perkara itu berlaku, orang yang terkenanya akan ada antibodi dalam tubuhnya yang wujud secara automatik. Itulah sebabnya, kalau apa yang dikatakan oleh kerajaan itu betul bahawa 200 orang yang diuji telah *tested positive* sebagai Nipah virus *carrier*, walaupun tiada tindakan susulan diambil sampai hari ini, semua mereka begitu sihat sekali oleh sebab adanya antibodi yang wujud dalam tubuh mereka.

Itulah sebabnya ada orang telah mempersoalkan sama ada tindakan kerajaan pada masa itu memusnahkan lebih daripada satu juta khinzir adakah betul ataupun tidak? Tetapi apa yang mustahak yang saya hendak seru ialah supaya kerajaan keluaran satu laporan rasmi oleh kerana saya rasa kalau tidak ada apa-apa yang hendak disembunyikan, beritahu secara rasmi apakah sebenarnya punca yang menyebabkan berlakunya wabak Nipah virus ini. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

**6.23 ptg.**

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada tiga perkara yang ingin saya membahaskan, iaitu di bawah Butiran 040300 – Penyelidikan.

Saya membawa perkara ini yang nampak berlainan sedikit. Pada tahun 2002, ada empat juta manusia yang mati oleh kerana *respiratory infection*, walaupun ada dua juta yang mati oleh sebab *typhus, cholera* dan *dysentery*; 1.7 juta kerana *tuberculosis*, satu juta kerana malaria dan tiga juta kerana AIDS. Tetapi dalam masa yang sama, penyelidikan perubatan pada tahun 1975 sampai 1996 mendapati ada 1,223 *new medicines* yang ditemui tetapi hanya 13 daripada penemuan ini boleh diguna (*designed*) to cure tropical diseases.

Jadi, dalam masa yang sama, ubat *designed medicines*, yang kebanyakannya daripada Amerika kerana negara maju membuat industri farmaseutikal yang terbanyak sekali yang sekarang bernilai USD300 bilion, semua ubat-ubatan yang ditemui ini *dipatented* dan *patent* ini boleh hidup sampai 20 tahun. Ubat yang *dipatent* ini semuanya mahal. Apabila ubat ini mahal, kita hanya menjadi sebagai pembeli. Pembelian kita itu daripada negara-negara yang mempunyai penyelidik, pengusaha dalam bidang farmaseutikal dan perubatan yang begitu besar dan industri yang begitu besar, dan kita membeli ubat yang begitu mahal. Maknanya, bila sampai ke sini, masyarakat yang miskin, masyarakat yang tidak berkemampuan, tidak dapat membeli ubat-ubat ini.

Nampaknya, hanya orang yang kaya sahaja yang layak hidup manakala yang tidak berapa kaya, yang tidak mencukupi, tidak akan layak untuk hidup. Ini merupakan senario dunia. Jadi, di negara kita ini, apakah tindakan kerajaan? Itulah saya membincangkan di bawah butiran berkaitan Penyelidikan ini, apakah tindakan kerajaan supaya kita tidak

memikul beban industri farmaseutikal yang begitu tinggi sekali dan *patented medicines* yang panjang umurnya (*life span*) selama 20 tahun, yang akhirnya kita sebagai pengguna akan membebaskan masyarakat kita?

Apakah tindakan kerajaan supaya kita boleh terlibat sama sebagai pengeluar ubat dan pengeluar farmaseutikal kerana mengikut yang saya sebutkan tadi, sebanyak 1223 penemuan baru sedangkan hanya 13 yang boleh digunakan untuk perubatan *tropical diseases – disadvantage of tropical diseases?* Jadi, demikianlah mengapa kita perlu melihat dan apakah tindakan kementerian? Itu yang pertama.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah di bawah Butiran 020100 – Pengurusan Kesihatan Awam Ibu Pejabat dan Negeri. Ini perkara yang lama. Saya masih sebut perkara yang lama kerana lima enam tahun yang lepas masih dianggap perkara yang baru pada orang di luar bandar. Orang di luar bandar masih belum mendapat perkhidmatan perubatan yang memuaskan. Masih banyak, bahkan kawasan saya dikatakan telah begitu maju semenjak saya menjadi Ahli Parlimen 10 tahun dahulu.

Apa yang saya lihat 10 tahun dahulu adalah satu gambaran yang jauh berlainan dengan apa yang saya lihat sekarang – beratus juta nilai projek yang dijalankan tetapi persoalan berkaitan kesihatan masih belum dapat lagi diatasi dan masyarakat di luar bandar belum lagi dapat menikmati kemudahan kesihatan yang sempurna kerana keadaan masyarakat kami di Sarawak umpamanya, khususnya di kawasan rumah-rumah panjang terpencil, ada yang mengandungi hanya 800 orang, ada yang 500 orang, ada yang 300 orang bagi satu rumah panjang, terletak berselerak di luar bandar.

Jadi, kalau kita hendak menggunakan garis panduan yang ada, saya tidak tahu sama ada dengan penduduk seramai 800 orangkah ataupun 1,500 ataupun 2,500 orang boleh diadakan satu klinik. Ada di antara kampung-kampung ini yang mengambil masa satu hari baru boleh sampai ke pekan besar yang berdekatan sekali kerana belum ada jalan raya yang sempurna. Dalam keadaan yang sedemikian, maka banyakkah masyarakat di luar bandar, di pedalaman, termasuk di kawasan saya sendiri, yang belum mendapat kemudahan perubatan.

Saya berharap pihak kementerian supaya melihat, di samping saya tidak melarang kementerian membina hospital yang besar-besar di bandar-bandar – di Kuala Lumpur, di Johor, di Kuching, di Bintulu dan di Miri ataupun di Ipoh ataupun di Penang, saya tidak membantah malah menggalakkan tetapi orang yang di luar bandar mesti juga berkehendakkan kepada klinik yang mungkin *a small fraction* sahaja dari kos yang diperlukan. Saya menerima hakikat bahawa doktor belum mencukupi, pegawai hospital belum mencukupi, *nurses* (jururawat) belum mencukupi, saya menerima hakikat ini.

Tetapi dalam masa yang sama, semasa kita hendak mengisi hospital yang besar-besar, yang bernilai *multi-billion dollar*, hospital di persekitaran bandar-bandar yang besar, pekan-pekan yang besar ini, kita mesti juga melihat keperluan Klinik Desa, *district* hospital, klinik di luar bandar dan jangan gunakan garis panduan yang dipakai di Kuala Lumpur untuk di *apply* di Batang Lupar, di *apply* di Baram, di *apply* di Selangau ataupun di mana-mana kawasan pedalaman, tidak boleh. Ini berlainan sedikit, Tuan Pengerusi, kerana kita kena menerima hakikat bahawa *human density*nya berlainan.

Saya berharap pihak kementerian bekerjasama dengan wakil-wakil rakyat di kawasan luar bandar. Bukan kita hendak mengambil *political mileage*, tidak. Ini bukan untuk *political mileage*. Ini sengaja oleh sebab kita yang lebih tahu, kita yang pergi. Mana ada pegawai? Tanya dengan pegawai sama ada doktor dia pernahkah pergi ke hulu kawasan saya? Tidak pernah pun.

Saya sudah 15 tahun di kawasan itu, saya tidak pernah jumpa doktor sampai ke pedalaman. Ada yang datang naik helikopter sebulan sekali. Ular hendak patuk, kala hendak sepi hendak tunggu helikopter datang. Tunggu helikopter! Ular jangan gigit saya hari ini, jangan luka hari ini, jangan mengandung hari ini, jangan beranak hari ini, tunggu doktor datang bulan hadapan. Tak boleh! Jadi, *flying doctors services extremely good* tetapi sebulan sekali. Orang sakit, orang pening kepala, orang hendak beranak tidak tunggu sebulan sekali, ia bila-bila masa akan berlaku. Luka berlaku pagi, malam dan siang.

Tuan Pengerusi, walaupun dikatakan sedikit emosional, saya memang mengatakan bahawa di luar bandar itu perlu tumpuan dan strateginya mestilah memang strategi khusus untuk luar bandar. Buatlah satu penyelidikan. Bawalah Ahli-ahli Parlimen berbincang macam mana hendak mencapai, di mana *cluster of* kampung, di mana *cluster of* rumah panjang yang sesuai untuk dibina satu klinik luar bandar. Jangan tanya soal tanah, kalau tanya dengan saya sepuluh klinik hendak dibuat di kawasan saya, saya akan bagi *free* tanah itu. Betul, kalau di luar bandar saya akan bagi *free, guarantee. You just give me the name of clinic, I'll give you free land.* Jadi, di sini jaminan saya ini. Kalau saya tidak tunai janji saya, selepas ini saya tidak hendak bertanding lagilah, kalau saya tidak dapat bagi tanah *free*.

Jadi, soal orang sakit, soal kesihatan ini tidak boleh dimain-mainkan. Saya berharap Kementerian Kesihatan melihat, jangan hanya bangga dengan *achievement* kita di bandar tetapi yang di luar bandar itu *survival of the fittest*. Orang di bandar dari segi perubatan semua hidup panjang sampai 70, 80 lebih tahun, tetapi yang di luar bandar tak apalah, hendak mati, matilah!. Lepas itu kita yang panjang umur ini sahaja yang boleh hidup. Yang di luar bandar tidak payah hidup sebab dia *survival of the fittest or the process of selection*. Jadi, ini tidak boleh dilaksanakan. Kita kena melihat dan menekan, kalau hendak pilihan raya nanti, Wan Junaidi kena ke luar bandar, kena menang tetapi bila hendak minta kemudahan – sekolah kah, klinik kah, hospital kah, jururawat kah, doktor kah susah betul hendak pergi kepada luar bandar.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya tidak perlulah hendak cerita panjang lagi. Dua perkara itu yang amat penting sekali. Pertama, soal penyelidikan perubatan yang mahal, orang luar bandar tidak boleh pakai lagilah, tidak ada duit. Orang-orang luar bandar semua matilah. Cari cara supaya ubat-ubat yang *patented medicine* ini dapat murah dan semua orang boleh menggunakannya kerana banyak hospital sekarang terutama yang swasta, bila orang tidak ada duit, tidak boleh masuk walaupun hampir mati, biar dia mati di luar. Sebab dia mati di luar tidak ada rekod hospital, tidak boleh mati dalam hospital. Kalau mati dalam hospital, akan ada rekod orang mati dalam hospital dia. Jadi, dia tolaklah tetapi kalau ada duit, yang hampir hendak mati pun boleh masuk, sebab ada duit. Jadi, ini kita tidak hendak. Soal ubat pun macam itu juga.

Jadi, soal hospital di luar bandar, klinik di luar bandar. Satu biji hospital dibuat di Kuala Lumpur boleh membina 50 biji di luar bandar, dengan hospital, dengan jururawat dengan apa sekali pun. Jadi, janganlah suruh orang kawasan saya daripada, Kasinduk, orang kawasan saya daripada Belimbing Besi melahirkan anak dalam sungai, dalam bot. Saya tidak mahulah, saya tidak tahan, sedih saya. Bila saya sedih, saya akan bercakap di sini. Ini adalah perasaan orang daripada kawasan saya, perasaan orang daripada luar bandar.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih. Tambah pun boleh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tanjong.

**6.35 ptg.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Butiran 010200 – Sumber Manusia. Isu kekurangan doktor di Malaysia terutamanya di hospital-hospital kerajaan sering diperdebatkan dan ramai Ahli Yang Berhormat sudah menyentuh tentang perkara ini. Tindakan Kementerian Kesihatan untuk mengambil doktor asing juga menjadi satu isu kerana ramai yang yakin akan tahap profesionalisme mereka dan juga tindakan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau SPA yang didakwa lambat dalam menyelesaikan masalah ini.

Adalah difahamkan bahawa SPA mengambil masa sehingga setahun untuk meluluskan permohonan doktor asing ini, dan apabila SPA bersedia untuk mengambil mereka, kemungkinan mereka sudah pun mendapat pekerjaan yang lain. Jadi, saya ingin tahu, apakah Kementerian Kesihatan sudah lakukan untuk mengatasi masalah ini? Apakah kepakaran yang masih perlu diisi jawatannya dan sejauh mana kekosongan ini menjejaskan perkhidmatan hospital kita ini

Pada 6 Oktober 2003, Menteri Kesihatan ada menyatakan bahawa beliau yakin kekosongan untuk 1,500 jawatan doktor yang ditawarkan kepada doktor asing akan dipenuhi. Beliau juga berkata bahawa temuduga telah dijalankan di India dan Indonesia serta satu laporan mengenainya akan dikemukakan. Saya ingin tahu bahawa, adakah laporan ini telah siap dan bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi butir-butirnya.

Selain daripada kedua negara ini, adakah temuduga juga dijalankan di negara-negara asing yang lain dan apakah hubungan gaji yang akan dibayar kepada mereka dan adakah ia sama ataupun lebih kurang ataupun lebih tinggi jika dibandingkan dengan doktor tempatan yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang sama. Berapa lamakah kontrak untuk mereka berkhidmat di sini dan apakah keistimewaan yang lain yang akan diberikan kepada mereka. Di samping itu, seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Tampin tadi, apakah mereka yang layak itu akan perlu menjalani satu latihan terutama dalam latihan bahasa supaya tidak menimbulkan kekeliruan.

Di Malaysia kini mempunyai universiti-universiti tempatan seperti Universiti Malaya, USM, UKM dan juga universiti dan kolej swasta yang menawarkan Jurusan Kedokteran kepada para pelajar kita tetapi masalah kekurangan doktor masih menjadi-jadi. Bolehkah kementerian menyatakan, berapa graduan dalam Jurusan Kedokteran ini yang dapat dihasilkan oleh universiti tempatan, dan daripada jumlah ini berapa ramai mereka yang melanjutkan lagi pelajaran mereka ke peringkat pakar menyertai hospital kerajaan, hospital swasta ataupun terus ke luar negara seperti Singapura, untuk bekerja? Apakah peranan Kementerian Kesihatan dalam bekerjasama dengan universiti-universiti tempatan untuk menghasilkan lebih ramai bakal doktor dan doktor tempatan?

Saya juga ingin menyentuh tentang Butiran 030200 – Pengurusan Hospital. Saya ingin menyuarakan perasaan kesal atas pengumuman Menteri Kesihatan yang menyatakan kekurangan katil di ICU hospital-hospital di seluruh negara, telah menyebabkan 5,000 pesakit tidak dapat dilayani oleh hospital untuk mendapat perkhidmatan pembedahan dan rawatan rapi bagi tempoh satu tahun dari bulan Julai tahun lepas hingga Jun tahun ini dan ada sebilangan dari pesakit itu pun sudah meninggal dunia.

Saya anggap kementerian cuai dalam tanggungjawab untuk memastikan hospital-hospital kita menyediakan kemudahan asas untuk menyelamatkan nyawa para pesakit. Mengapa keadaan ini boleh dibiarkan berlaku dengan begitu serius? Para pesakit atau keluarga mereka berhak menuntut keadilan daripada pihak hospital dan kementerian kerana didapati tidak menunaikan tanggungjawab. Apakah yang kementerian sudah lakukan untuk menangani masalah ini yang sudah pun mencemarkan imej kementerian.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini tentang masalah kekurangan tempat letak kenderaan yang berlaku di hospital-hospital di seluruh negara, saya rasa tidak perlulah saya ulangi perkara ini kerana ia begitu jelas diujahkan oleh ahli-ahli yang lain.

Butiran 030500 – Perubatan Am. Tuan Pengerusi, syarikat-syarikat yang menawarkan insurans perubatan tumbuh dengan cepatnya selaras dengan perkembangan keprihatinan orang ramai terhadap aspek kesihatan. Orang ramai yang membeli insurans kesihatan ini juga bertambah dengan hanya membayar beberapa ratus ringgit sebulan ataupun setahun, orang ramai boleh menikmati perkhidmatan kesihatan percuma, pembedahan percuma dan sebagainya seperti yang terkandung dalam polisi insurans.

Dengan pertambahan jualan insurans perubatan, orang ramai telah mampu ke hospital-hospital swasta yang menawarkan perkhidmatan yang lebih baik dan masalah lain mula timbul. Misalnya pihak hospital mula mengenakan bayaran yang lebih mahal kepada mereka yang menggunakan kad insurans, serta terdapat aduan bahawa ada setengah doktor juga akan membuat pelbagai jenis pembedahan yang kadangkala tidak mendesak.

Apabila ditanya doktor akan menyatakan bahawa ia tidak perlu dibayar oleh pesakit, dan dibayar oleh syarikat insurans, jadi lebih banyak pembedahan adalah lebih cepat untuk sembuh.

Adakah perbuatan seumpama ini telah melanggar etika doktor dan oleh sebab mereka inginkan keuntungan yang lebih banyak, para doktor juga sanggup buat lebih

banyak pembedahan. Dan saya ingin tahu apakah kementerian ada satu mekanisme untuk mengawal perkara ini.

Akhirnya, Butiran 040200 – Farmasi. Minggu lepas Yang Berhormat bagi Seputeh ada memberitahu Dewan ini tentang pil-pil merangsang tenaga batin yang dijual secara terbuka oleh orang asing.

Saya rasa apabila orang ramai pergi ke pasar pagi atau pasar malam, mereka akan merasakan bahawa farmasi bergerak telah bertapak di lokasi-lokasi seperti ini. Fenomena ini bukanlah sesuatu yang baru, tetapi telah berleluasa lebih daripada dua tahun. Adakah pihak kementerian sedar akan perkara ini dan adakah ubat-ubatan ini telah mendapat kelulusan dari pihak kementerian.

Sekiranya tidak, apakah tindakan yang akan diambil supaya ianya tidak memudaratkan orang ramai yang mengambilnya. Baru-baru ini kita sudah pun mendapati ada kes kematian akibat makan ubat seumpama ini dan juga ada sesetengah farmasi etika mereka juga boleh dipersoalkan kerana terdapat aduan bahawa farmasi berkenaan ada beberapa cawangan di sesuatu bandar, tetapi cuma ada seorang ahli *pharmacist* sahaja dan dia akan menggaji beberapa pembantu untuk menguruskan kedainya.

Jadi, apabila orang hendak membeli ubat, ianya bukan disediakan oleh *pharmacist* tersebut, tetapi oleh orang gaji ataupun pembantunya, di sini juga berlaku penyelewengan seperti ubat-ubat yang sepatutnya hanya boleh dijual dengan kelulusan doktor, dijual dengan tambahan harga. Jadi, saya ingin tahu apakah kementerian akan lakukan untuk membasmi kegiatan ini dari menjadi berleluasa. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat dari kawasan Pulau.

**6.43 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar [Pulai]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya hanya membawa dua perkara sahaja berhubung dengan masalah kesihatan ini, iaitu Maksud B.42 Butiran 020300 – Kawalan Penyakit. Dan yang keduanya, Maksud P.42 Butiran 00301 – Ubahsuai dan Naiktaraf Hospital.

Tuan Pengerusi, dengan keadaan semasa pada hari ini, bermacam-macam penyakit timbul dan sebahagian daripadanya penyakit-penyakit yang membawa maut atau penyakit yang merbahaya.

Maksud saya pada hari ini, walaupun penyakit yang akan saya sebutkan nanti ialah perkara biasa atau selalu berhubung dengan masalah kehidupan manusia iaitu berhubung dengan masalah sakit buah pinggang atau *dialysis*. Kita telah maklum penyakit *dialysis* ini semakin hari nampaknya semakin bertambah, dari satu masa ke satu masa.

Tuan Pengerusi, saya salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Zakat Negeri Johor, kalau dahulu tidak timbul masalah, minta bantuan berhubung dengan masalah penyakit *dialysis* ini, tetapi semakin hari nampaknya semakin bertambah, kalau dahulu seorang, dua, tetapi sekarang setiap bulan mesyuarat meningkat dari satu masa ke satu masa. Dan kita telah maklum bahawa setiap orang yang menghidapi penyakit buah pinggang ini akan pergi berjumpa dengan doktor-doktor yang tertentu, terutama sekali akan pergi membuat laporan kepada doktor di hospital kerajaan. Kalau di Johor Bahru di Hospital Sultanah Aminah.

Saya beberapa kali telah pun melawat di unit rawatan pesakit buah pinggang kerana Hospital Sultanah Aminah ia di dalam kawasan saya sendiri, nampaknya walaupun mesin ada, tetapi pada hemat saya, tidak mencukupi dan banyak lagi di antara orang-orang yang sakit buah pinggang ini tidak dapat diterima oleh Hospital Sultanah Aminah dan akan pergi ke klinik-klinik yang berhampiran.

Kita pun berterima kasih kepada Perbadanan Negeri Johor dan juga Majlis Agama Islam kerana telah bekerjasama untuk mengadakan unit sakit buah pinggang dengan bayaran yang agak tidak begitu tinggi sangat, tetapi kalau di klinik-klinik yang lain, akan memakan belanja sekurang-kurangnya RM200 atau RM180 sekali mencuci buah pinggang. Satu minggu tiga kali, kalau RM200 hitung panjang RM600 kali dengan empat bermaksud

sudah bertambah. Kadang-kadang pendapatan tidak sampai begitu, dengan sebab itulah mereka merayu kepada pihak kerajaan ataupun kepada Majlis Agama Islam ataupun mana-mana pihak yang boleh membantu.

Dari itu diharapkan di dalam Majlis ini, atau dalam Dewan ini, saya mengharap dan merayu supaya mesin-mesin pencuci buah pinggang yang ada di Hospital Sultanah Aminah itu ditambah supaya seimbang dengan pesakit-pesakit yang datang merayu untuk berubat ataupun mencuci buah pinggangnya mengikut waktu-waktu yang tertentu.

Yang kedua, berhubung dengan masalah P.42 – Butiran 00301 – Ubahsuaikan Naiktaraf Hospital ada kaitan dengan masalah Unit Mencuci Buah Pinggang. Pada hemat saya, tempat yang ada sekarang ini agak sudah tidak sesuai lagi, pesakit-pesakit itu dicuci buah pinggangnya sekurang-kurangnya empat jam atau tiga jam setengah atau tiga jam, tetapi dengan keadaan ruang yang ada, unit yang ada itu, agaknya sempit, maka tidak sesuai dengan keadaan pesakit yang menghidap penyakit itu.

Dari itu diharapkan kepada pihak kerajaan melalui Kementerian Kesihatan ini akan dapat memikirkan supaya unit ataupun ruang yang disediakan untuk mencuci buah pinggang itu agak selesa bagi pesakit-pesakit yang ada itu.

Kita mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan, khususnya di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, walaupun banyak perubahan yang telah berlaku dalam tempoh lima tahun ini, tetapi ditumpukan sedikit dalam bahagian pesakit buah pinggang ini. Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Permatang Pauh.

**6.49 ptg.**

**Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan tentang Butiran 050000 – Dasar Baru, Kementerian Kesihatan.

Sejak merdeka, rakyat kita telah menikmati sistem yang baik, *indicator-indicator* kesihatan kita telah mencapai ke tahap yang hampir sama dengan negara-negara maju, khidmat klinik kita dan hospital kerajaan yang mudah dan murah untuk didapati. Ini dapat dicapai kerana khidmat kesihatan dianggap sebagai hak asasi asas dan tabungannya digunakan untuk membayar khidmat kesihatan di atas prinsip kesamaan dan keadilan sosial.

Walau bagaimanapun, kini kita sedar langkah-langkah yang diambil kerajaan untuk menswastakan Sistem Khidmat Kesihatan Negara. Walaupun lima kajian utama sejak 1984 dan janji ketetapan telah dibuat di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, tahun 1996 sampai 2000, bahawa kerajaan akan melaksanakan Skim Pinjaman Kesihatan Nasional tetapi tidak ada cadangan lanjut untuk skim pinjaman kesihatan tersebut. Sebaliknya, pihak individu berkepentingan yang telah menanggung peluang untuk membentuk organisasi berasaskan keuntungan ke tahap yang membebankan bagi perkhidmatan kesihatan yang saksama buat rakyat seluruhnya.

Skim ini yang bermula di Amerika telah memintas peranan yang merupakan hak istimewa doktor dan kini telah membuat keuntungan berlipat ganda di USA sendiri serta dikritik hebat di sana. Manakala, polisi insurans kesihatan adalah amat berisiko tinggi kerana ia dibentuk untuk menjana keuntungan yang berlipat ganda bagi syarikat insurans. Oleh yang demikian, kita mesti mempertimbangkan suatu sistem khidmat kesihatan yang mesra dan adil buat rakyat semua.

Kita faham bahawa kerajaan di dalam proses untuk memformulasikan dan melaksanakan suatu skim pinjaman kesihatan, namun tidak ramai orang yang membicarakannya. Ia dianggap sebagai rahsia kerajaan dan mungkin juga dimasukkan di bawah OSA. Mengapa ia dirahsiakan? Kita memohon pihak Kementerian Kesihatan untuk lebih telus dan terbuka mengenai skim ini.

Adalah amat wajar untuk diadakan siri-siri pertemuan sebelum skim ini dimaklumkan kepada orang ramai. Penglibatan orang ramai dan sektor *private* mestilah

diberikan keutamaan. Perlu wujud kesungguhan dan keterbukaan pihak kementerian untuk membahaskan skim ini secara terbuka.

Justeru itu, kita juga menyarankan agar:

- (a) perbelanjaan negara dalam aspek kesihatan untuk bajet nasional ditambahkan kepada 13% yang kini hanya 9.5% sahaja;
- (b) menambah 30% gaji kepada kakitangan yang terlibat di dalam khidmat kesihatan;
- (c) menubuhkan pihak berkuasa kesihatan nasional sebagai pembayar tunggal yang dibiayai oleh sistem percukaian, insurans sosial yang wajib disumbangkan oleh majikan dan dari pendapatan pekerja berdasarkan gaji mereka;
- (d) memastikan kalangan yang tidak bekerja, berumur dan miskin mendapat manfaat dari sistem percukaian kerajaan;
- (e) menambah cukai bagi syarikat dan individu yang pendapatannya melebihi sejumlah tertentu; dan
- (f) menubuhkan institusi *statutory* yang tidak berasaskan keuntungan dengan penglibatan berkesan dari rakyat.

Seterusnya, adalah amat wajar Tabung Insurans Kesihatan Sosial ditubuhkan di luar Kementerian Kesihatan. Tabungan ini akan bertanggungjawab untuk mengutip, mengurus dan membayar kepada orang ramai dan sektor swasta. Dengan skim pinjaman kesihatan diletakkan di bawah agensi lain selain Kementerian Kesihatan, ini memungkinkan Kementerian Kesihatan memberikan penumpuan terhadap hala tuju strategik dalam khidmat kesihatan. Ini termasuklah:

- (a) memformulasi, menyemak dan melaksanakan Polisi Kesihatan Nasional;
- (b) memberikan fokus terhadap kualiti khidmat kesihatan yang diberikan;
- (c) akreditasi dan pemantauan pembekal dan institusi khidmat kesihatan; dan
- (d) meregulasikan sektor swasta, penilaian sektor kesihatan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia.

Jadi, tugas utama Kementerian Kesihatan juga adalah untuk mengelakkan sistem khidmat kesihatan menjadi *fragmented*, dengan izin, antara sektor awam dan sektor swasta serta di dalam sektor berkenaan itu sendiri. Sistem kesihatan yang berasingan atau *fragmented* ini akan menyebabkan keberkesanan sistem itu terjejas dan kos kesihatan melambung tinggi disebabkan peruntukan atau pengagihan tidak efisien.

Adalah jelas juga bahawa perkembangan pusat sektor swasta dalam kesihatan ini yang ada di Malaysia tidak dikawal selia secukupnya. Sebagai contohnya, sejak tahun 1996 Kuala Lumpur mempunyai empat unit *Magnetic Resonance Imaging* (MRI) untuk sektor swasta dan dua di sektor awam. Apabila pihak swasta mempunyai lebih banyak peralatan canggih ini, mereka lazimnya memaksa pesakit melalui prosedur diagnosis yang mahal walaupun tidak diperlukan untuk menampung kos. Jadi, dalam perkara ini, bagaimanakah Kementerian Kesihatan mengawal selia supaya amalan ini tidak berlaku untuk menjaga kepentingan pesakit?

Satu lagi di bawah Butiran 020300 – Kawalan Penyakit Bawaan Vektor. Dalam belanjawan ini dikatakan bahawa dalam anggaran 2003, dianggarkan 6,000 kes tetapi yang sebenarnya berlaku dalam tahun 2002 adalah 32,346 kes. Jadi, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menanganinya? Ini adalah satu wabak walaupun saya teringat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa ini *endemic*, bukan *epidemic* sebab denggi ini. Tetapi, dalam jumlah yang begitu banyak, ini adalah satu *epidemic* dalam

tempat yang *endemic*. Jadi, ini kita mesti mengambil langkah-langkah untuk mengawal dan mengontrol penyakit denggi yang boleh menyebabkan kematian dalam erti kata denggi berdarah.

Jadi, saya ingin mengetahui apakah langkah-langkah dan tindakan-tindakan Kementerian Kesihatan dan patutlah diberi lebih daripada *fogging* sebab *fogging* itu adalah untuk *mosquito* ataupun nyamuk yang dewasa yang hanya mempunyai *period of living* atau jangkaan hayatnya tidak panjang dan yang pentingnya adalah untuk membunuh jentik-jentik yang akan membiak menjadi nyamuk dewasa. Itulah sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Selangau.

**6.57 ptg.**

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud Pembangunan 42 Kementerian Kesihatan di bawah Butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar, Butiran 040400 – Perancangan dan Pembangunan dan akhir sekali di bawah Butiran 00100 – Latihan, dengan secara ringkasnya.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada kerajaan, terutamanya Kementerian Kesihatan oleh kerana telah menaikkan taraf sebuah Klinik Desa di kawasan saya Selangau kepada pusat perubatan dan sekarang hampir siap pusat perubatan itu.

Walau bagaimanapun, banyak tempat lagi di kawasan saya Selangau yang memerlukan kemudahan kesihatan seperti kawasan Badang yang saya selalu bangkitkan di Dewan yang mulia ini. Kawasan Badang itu ialah sebuah kawasan Ulu Kakus yang mempunyai lebih 2,000 penduduk yang memang jauh di pedalaman. Kalau kita menggunakan helikopter, lebih kurang 40 minit dari Selangau ke kawasan itu, Tuan Pengerusi. Kalau menggunakan bot, saya fikir dua, tiga hari baru dapat datang di kawasan itu.

Jadi, saya inginlah minta kerajaan untuk mempertimbangkan supaya dapat melatih penduduk-penduduk di kawasan Badang itu sebagai Pegawai Perubatan atau jururawat masyarakat, kerana saya telah difahamkan bahawa klinik itu atau mini klinik di kawasan Badang itu telah dibuat oleh mereka sendiri secara gotong-royong. Apa yang mereka perlu ialah untuk melatih orang tempatan itu sebagai Pegawai Perubatan, jururawat masyarakat atau bidan kampung di kawasan itu, itu sahaja. Jadi, permohonan telah dibuat beberapa kali kepada Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak tetapi setakat ini pun belum ada jawapan. Jadi, saya minta perkara ini diambil perhatian dengan seriusnya.

Yang kedua, saya memang setuju dengan rakan-rakan saya bahawa negara kita Malaysia, patutlah sudah tiba masanya untuk menubuhkan Universiti Perubatan Antarabangsa Malaysia (UPAM) kita sendiri, supaya kita tidak bergantung untuk mengambil Pegawai Perubatan atau doktor perubatan dari luar negara, terutamanya doktor pakar, oleh kerana di mana-mana hospital di Malaysia, terutama di negeri Sarawak dan Sabah, memang tidak cukup doktor pakar. Misalnya di kawasan saya, di Sibul terpaksa pergi ke Kuching. Jadi, kepada para pesakit, memang mereka mengambil masa yang lama untuk pergi ke Kuching dan menunggu, apakah keputusan sesuatu penyakit itu.

Yang kedua juga, di kawasan saya, misalnya di Klinik Desa di Penyarai itu juga jauh. Jadi, klinik itu telah dibuat dan siap lebih kurang dua tahun dahulu. Masalahnya ialah tidak cukup staf, hanya seorang Pegawai Perubatan dan seorang jururawat masyarakat. Bila mereka cuti, tidak ada orang di tempat itu.

Jadi, saya minta supaya ditambahkan staf, sekurang-kurangnya dua Pegawai Perubatan dan dua jururawat masyarakat atau dua orang jadi bidan di sana. Kalau seorang cuti, ada seorang lagi untuk menggantikannya. Itu masalah dengan sebuah klinik di kawasan saya di Penyarai.

Selain daripada itu juga, saya ingin membawa kepada cadangan kepada beberapa kawasan yang patut dibina klinik atau *mini clinic*. Jadi, saya ingin bertanya kepada



Kementerian Kesihatan, apakah kriteria, berapa jumlah penduduk baru kita dapat membina sebuah klinik atau *mini clinic* kerana di kawasan saya yang sebut di sini kawasan yang terjauh sekali, selain daripada kawasan Badang ialah kawasan Nanga Takan di Ulu Anap, Daerah Tatau....

Kalau kita menggunakan bot, lebih kurang dua hari. Kalau menggunakan helikopter, tidak kurang daripada 25 minit untuk ke kawasan itu dari kawasan saya. Kawasan Nanga Arau Lumukah serupa. Nanga Paka Hulu dan kawasan-kawasan yang saya sebut itu memang jauh di pedalaman dan penduduknya pukol rata lebih kurang antara 1,500 dan 2,000 orang dalam kawasan tersebut.

Selain daripada itu juga, saya ingin mengemukakan sebuah Klinik Nanga Tepus yang telah dijanjikan oleh kerajaan pada tahun 1995. Klinik Desa itu patut dibina dalam tahun 1995 atau 1996, jadi tapak tanah telah disediakan, telah diukur dan setakat ini belum ada berita tentangnya.

Jadi, minggu lepas saya telah melawat kawasan itu dan penduduk bertanya kepada saya: "*Yang Berhormat, bagaimana klinik ini?*" Kerajaan telah berjanji pun sudah lama, *election is coming*, pilihan raya bagi Parlimen akan tiba, jadi mereka menyoal perkara ini. Saya harap sekurang-kurangnya pecah tanahlah kalau belum dapat dibina rumahnya. Sekurang-kurangnya pecah tanah sebelum pilihan raya akan datang.

Sebuah Klinik Desa di Nanga Tamin. Dahulu ada klinik tetapi telah ditutup beberapa bulan yang lalu. Alasan mereka untuk menutupnya sebab ada sebatang jalan raya dari Pekan Setapang melalui tempat itu tetapi jalan raya itu sekarang sedang diperbaiki. Saya fikir dalam satu atau dua tahun, jalan raya itu belum siap, Tuan Pengerusi.

Saya harap pihak kerajaan, kalau boleh jangan menutup klinik tersebut oleh kerana Ada lebih kurang 3,000 penduduk di kawasan Nanga Tamin itu. Satu kawasan tanah telah diluluskan untuk sebuah klinik lagi di kawasan Setapang dan Nanga Tamin tetapi seperti Nanga Tepus juga, pembinaannya belum ada berita untuk dibina.

Saya harap apa-apa perkara yang saya sebut itu dapat diberi perhatian dengan serius oleh kerajaan kita supaya rakyat atau penduduk-penduduk kawasan luar bandar dapat kemudahan kesihatan seperti di bandar. Itu sahaja, sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sipitang.

**7.05 mlm.**

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah B.42, Butiran 030000 – Rawatan Perubatan.

Tuan Pengerusi, kita memang sedar bahawa Malaysia merupakan salah sebuah negara yang begitu ke hadapan dalam sistem rawatan perubatan dan juga sistem kawalan penyakit. Namun demikian, kita masih dihantui dengan beberapa masalah. Walaupun infrastruktur kita bagus, mempunyai bangunan hospital yang baru, mempunyai peralatan yang canggih tetapi kita tidak dapat menyelesaikan masalah kekurangan doktor perubatan dalam semua bidang rawatan.

Kita telah mempunyai beberapa institusi pengajian tinggi yang mengeluarkan beberapa orang doktor dan juga pelbagai cara untuk menyelesaikan masalah kekurangan doktor ini dan yang terakhir ialah pengambilan doktor-doktor dari luar negara.

Saya minta penjelasan daripada kementerian, apa sebenarnya masalah yang dihadapi oleh kerajaan? Walaupun kita tahu masalah doktor-doktor tempatan yang berkurang dan yang ada dalam kerajaan akan keluar, memasuki ataupun membuka klinik sendiri dan juga hospital swasta tetapi bagi pengambilan doktor-doktor luar ini, kita tahu ini perlu dan rakyat memerlukan, khususnya di luar bandar.

Saya ingin minta penjelasan sekali lagi, apa masalah sebenarnya? Apakah masalah tidak ada sambutan daripada doktor-doktor luar negara, khususnya negara-negara yang banyak doktor seperti Bangladesh, Pakistan, India ataupun Indonesia? Adakah doktor ini tidak mempunyai kelayakan yang sesuai dengan keperluan negara kita ataupun apakah

proses kita ataupun prosedur atau cara-cara pengambilan doktor-doktor dari negara luar ini tidak kemas.

Saya difahamkan, banyak doktor yang memohon tetapi proses kita lambat. Adakah Jabatan Perkhidmatan Awam tidak mempunyai prosedur ataupun cara yang boleh mempercepat proses ini? Saya minta penjelasan. Jikalau perkara-perkara ini dapat dikesan, kerajaan ataupun kementerian mesti mencari satu jalan bagaimana untuk menyelesaikan masalah kekurangan doktor ini.

Saya merasa simpati kepada negeri-negeri yang memerlukan banyak kemudahan kesihatan di luar bandar seperti di Sabah dan Sarawak. Saya difahamkan di Sabah sahaja memerlukan lebih daripada 400 orang doktor yang perlu diadakan tetapi setakat ini kita begitu lambat mengisi jawatan-jawatan ini.

Tuan Pengerusi, lagi satu kekurangan dalam bidang-bidang tertentu di negara kita iaitu pakar-pakar dalam bidang-bidang tertentu yang mana begitu penting untuk mengekalkan tahap rawatan yang baik, kita mesti mempunyai bilangan doktor pakar dalam semua bidang, khususnya dalam bidang yang tertentu yang begitu penting.

Terutama sekali saya ingin minta penjelasan iaitu Butiran 032100 – Makmal. Setakat ini, saya difahamkan bahawa Kerajaan Malaysia, doktor-doktor pakar dalam bidang kajian makmal, misalnya ahli kaji penyakit ataupun *pathologist* dalam bidang-bidang tertentu begitu kurang. Saya minta penjelasan, berapa orang sekarang ini bilangan doktor pakar dalam bidang kaji penyakit ini yang ada dan berapa lagi yang kita perlu untuk memenuhi keperluan.

Saya difahamkan di Sabah misalnya, kita mempunyai seorang sahaja pakar atau ahli kaji penyakit, menyebabkan ujian-ujian ataupun spesimen *history pathology* yang diambil daripada pesakit lambat untuk mendapat keputusan kerana spesimen ini terpaksa dihantar ke hospital lain yang ada pakar ahli kaji penyakit, misalnya di Hospital Selayang dan apabila ia dihantar, keputusannya juga lambat kerana Hospital Selayang juga mempunyai senarai spesimen yang begitu banyak untuk diperiksa dan kebanyakan spesimen ini ada yang mencapai sehingga satu bulan, baru keputusan dapat diperolehi.

Saya difahamkan doktor-doktor pakar dari hospital-hospital besar di negeri Sabah tidak begitu senang hati dengan keadaan ini kerana keputusan yang lambat dan keputusan mereka untuk merawat pesakit itu juga menjadi lambat. Jikalau penyakit itu penyakit yang tidak berbahaya, tidak mengapa tetapi kalau penyakit itu berbahaya dan perlu tindakan awal, bagaimana dengan keadaan pesakit itu sehingga menunggu satu bulan ataupun lebih daripada yang sepatutnya.

Saya minta penjelasan daripada kementerian, apakah cadangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. Apakah kita perlu menambah ahli-ahli kaji penyakit, ataupun oleh kerana ada makmal-makmal swasta yang beroperasi di Malaysia ini, apakah kerajaan bercadang untuk *out sourcing* makmal-makmal ataupun spesimen ini supaya tahap kualiti perkhidmatan perubatan kita di Malaysia ini, rawatan kita di Malaysia ini dapat pada satu tahap yang baik.

Tuan Pengerusi, yang terakhir. Kita juga merasa terkilan, walaupun kita mempunyai kewangan yang cukup, mempunyai sistem infrastruktur perubatan yang cukup, namun demikian, terdapat masih banyak juga kampung ataupun kawasan yang sepatutnya ada pusat kesihatan ataupun Klinik Desa, tetapi tidak dapat diadakan. Saya telah pun merayu kepada Jabatan Perubatan di Sabah supaya beberapa tempat yang terpencil perlu diadakan klinik-klinik kesihatan ataupun pusat kesihatan.

Misalnya, satu kampung iaitu Kampung Gadung di kawasan Parlimen saya, ia mempunyai penduduk yang lebih kurang 10,000 di situ, dan kawasan ini jauh lebih kurang 20 kilometer daripada hospital dan jalannya tidak begitu baik, tetapi tidak ada kemudahan. Saya merayu supaya perkara ini dapat dilihat dan dapat ditempatkan satu pusat kesihatan. Ini keadaan yang spesifik.

Jikalau kesemua kawasan di seluruh luar bandar ini dapat dibekalkan dengan perkhidmatan yang baik, tentu sekali keadaan kita semakin bertambah baik dan negara kita sudah tentu lebih senang mencapai tahap kemajuan yang cepat.

Dengan itu Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

#### 7.13 mlm.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030200 – Pengurusan Hospital. Saya juga ingin bangkitkan berkenaan kekurangan tempat meletak kereta di Hospital Besar Ipoh. Tuan Pengerusi, keadaan di sana semakin teruk, lebih-lebih lagi apabila wakil rakyat menemani seseorang pesakit untuk ke hospital, mereka begitu susah untuk mencari tempat letak kereta. Kalau letak di tempat larangan, mereka menerima saman.

Situasi ini telah berlaku minggu lepas – saya dihubungi bahawa saman-saman telah dikeluarkan oleh pihak penguat kuasa. Saya harap perhatian boleh diambil, oleh kerana saya tidak bersetuju dengan mengenakan bayaran kerana meletak kereta di sana, sebab keadaannya sama seperti di Hospital Melaka. Tempat letak kereta itu telah diambil oleh orang luar sebab persekitarannya tidak ada pejabat. Jadi, saya harap satu tindakan boleh diambil untuk mengatasi masalah meletak kereta di sana.

Saya juga ingin membangkitkan berkenaan hospital di Batu Gajah. Saya dimaklumkan bahawa hanya satu hospital di persekitaran kawasan tersebut, di mana ia terpaksa menerima pesakit-pesakit dari Tronoh, Pusing, Tanjong Tualang. Mereka mendapati bahawa kemudahan di sana tidak dapat menampung begitu ramai pesakit yang terpaksa menerima rawatan daripada satu sahaja hospital iaitu di Hospital Batu Gajah, dan juga kekurangan doktor.

Saya dimaklumkan bahawa pada waktu malam hanya ada seorang doktor untuk merawat. Jadi, kalau berlaku apa-apa kecemasan berlaku doktor itu perlu merawat dan menerima pesakit daripada semua jabatan. Jadi, saya harap boleh diambil perhatian. Doktor gigi - kalau doktor gigi tersebut perlu mengambil cuti selama tiga bulan, cuti bersalin atau cuti berkursus, temu janji semua pesakit dibatalkan, ditunda, ditangguhkan ke tarikh sehingga doktor pulang. Hanya seorang doktor gigi sahaja, saya dimaklumkan. Saya harap perkara ini dapat diambil perhatian.

Saya juga ingin membangkitkan perkara berkenaan masalah merokok, gejala merokok ini. Saya telah mendapat maklumat bahawa setiap 8 saat, seorang akan meninggal kerana menggunakan tembakau. Setiap hari, lebih kurang 13,500 orang mati kerana menggunakan tembakau dan 4.9 juta orang mati setiap tahun kerana penyakit yang dibawa oleh tembakau, penggunaan tembakau.

Walaupun begitu serius akibat penggunaan tembakau, kita nampak lebih kurang 15 bilion rokok dijual setiap hari, dan lebih kurang 10 juta orang mati setiap minit. Begitu serius sekali penggunaan tembakau. Sebatang rokok boleh mengurangkan nyawa 5 minit seseorang. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat yang merokok, saya harap boleh ambil perhatian akan akibat-akibatnya.

Jadi, saya terima maklumat ini dari WHO, Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan apa yang merisaukan saya adalah maklumat WHO menyatakan bahawa setiap hari daripada 80 ribu hingga 100 ribu orang kanak-kanak mula merokok. Jadi, saya hendak tanya kementerian, apakah tindakan yang akan diambil? Menurut laporan WHO, kanak-kanak ini kebanyakannya berasal dari Asia. Apa tindakan diambil?

Walaupun telah ada larangan dari segi undang-undang, mereka di bawah umur 18 tahun dilarang merokok, tetapi kita boleh nampak iklan-iklan masih kurang berkesan. "Merokok Membahayakan Kesihatan", walaupun telah dicetak atas kotak rokok masih tidak berkesan. Nampaknya pelajar tidak segan silu merokok di khalayak ramai, berpakaian seragam di Cyber café, di tempat membeli belah, malahan di universiti. Saya dimaklumkan bahawa merokok sangat serius di Universiti Tenaga Nasional. Pelajar sendiri yang *e-mail*

kepada saya, minta saya bangkitkan perkara ini. Pihak pensyarah juga merokok bersama pelajar. Jadi, hingga ke tahap ini.

Jadi, saya ingin tahu, apakah tindakan yang diambil oleh kementerian, walaupun telah ada undang-undang, peniaga hanya mementingkan keuntungan, tidak menguatkuasakan, tidak risau tindakan terhadap mereka yang menjual rokok kepada mereka yang di bawah umur.

Saya menyokong baik di mana kementerian akan membentangkan Akta Kawalan, *Tobacco Control Act*, saya ingin tahu, bilakah ia akan dibentangkan? Saya juga nampak walaupun setiap kali bajet, kerajaan akan meningkatkan cukai ke atas rokok ini, tetapi ia masih gagal mencegah mereka daripada merokok. Oleh yang demikian, saya nampak, walaupun harga rokok meningkat, mereka yang telah begitu serius, sudah berpuluh-puluh tahun merokok, mereka tidak akan endahkan kenaikan harga rokok, sebab mereka juga boleh dapat rokok yang telah diseludup, lepas cukai.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Saya tengok Yang Berhormat ini amat prihatin tentang masalah rokok ini. Kalau Yang Berhormat cadangkan supaya kerajaan mengharamkan rokok, saya ingat Shah Alam pun akan sokong akan cadangan Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Berkenaan merokok ini, saya rasa hal-hal setiap orang, kalau mereka hendak merokok, itu hak dia, sebab, "*to work condition of health you want*", dengan izin. Saya tidak akan begitu menggunakan *approach*, dengan izin, sedemikian. Tetapi, saya prihatin kepada mereka yang merokok dan mereka yang tidak merokok. Kita boleh nampak *second hand smoke*. Itu juga sangat berbahaya. *Equally dangerous*, dengan izin. Saya menyokong tindakan kerajaan, tetapi saya nampak kurang penguatkuasaan.

Tadi, saya bangkitkan berkenaan penyeludupan rokok. Ini telah menyatakan, kerajaan telah hilang pendapatan dari segi cukai rokok sebanyak RM1.2 bilion saya membaca dari akhbar.

Jadi, saya juga risau ke atas pelajar. Mereka tidak perlu membeli satu kotak rokok walaupun harga dinaikkan. Mereka beli sebatang rokok. Kita boleh tengok gerai-gerai mamak, mereka jual sebatang demi sebatang. Walaupun naik harga yang tinggi, mereka tidak risau sebab mereka beli sebatang demi sebatang. Laporan menyatakan bahawa di negara Barat, trend merokok menurun tetapi sebaliknya di negara membangun kini naik. Jadi, apakah ada kajian dijalankan oleh kementerian berkenaan perkara ini?

Saya nyatakan syabas kepada kementerian kerana telah menandatangani *Framework Convention on Tobacco Control*, dengan izin, baru-baru ini dan menjadi negara ke-63 menandatangani. Saya hendak tahu apa rancangan yang sedia ada untuk memastikan langkah-langkah kerajaan selaras dengan konvensyen ini?

Saya hendak ambil kesempatan cadangkan bermula dari Dewan ini, bermula dari Bangunan Parlimen ini. Kita adakan kawasan '*Smoking*' and '*No Smoking*' area. Kalau kita tengok *café*, dengan izin, tidak panggil kantin lagilah - *café* di bangunan ini berasap, Tuan Pengerusi. Ini bukan sahaja membahayakan kesihatan ahli-ahli yang merokok tetapi juga kepada yang tidak merokok.

Saya haraplah kalau boleh bermula dari Dewan ini, bangunan ini, sebab walaupun kementerian telah beri surat kepada Ahli-ahli Parlimen nampaknya tidak berfungsi dan tidak berjaya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bila Yang Berhormat tengok mereka hisap rokok, boleh nasihat mereka.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya rasa mereka ini telah tahu akibat-akibatnya tetapi susah untuk lepaskan atau berhenti merokok.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh, Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh nasihat.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya rasa isteri-isteri sudah menasihatkan mereka. Tidak payah saya pergi jaga sikap merokok mereka tetapi saya ingin nyatakan rasa tidak puas hati saya. Kita hidup dalam *second-hand smoke*, dengan izin, dan juga *equally* membahayakan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini memang saya sokong, Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih, Tuan Pengerusi juga tidak merokok ya. Jadi, saya harap Kementerian boleh mengambil perhatian. Walaupun iklan-iklan telah dilarang, iklan-iklan tembakau tempatan ini dilarang disiarkan di dalam surat khabar, menaja apa-apa aktiviti tetapi sekarang saya rasa syarikat-syarikat tempatan ini memang pandai. Dia gunakan gadis-gadis muda. Mereka turun padang, *go on the ground*. Mereka pergi ke tempat-tempat pusat makanan, mereka menjual rokok ini, *go on the ground* dengan memakai pakaian menjolok mata untuk menarik perhatian mereka yang merokok. Jadi, saya rasa Kementerian harus mengambil....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukuplah. Masa cukup.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya akan berhenti. Saya rasa Kementerian harus mengambil perhatian berkenaan perkara ini walaupun penajaan ke atas televisyen telah dilarang tetapi mereka *go to the ground* di mana lebih serius saya rasa. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Batu. Saya fikir hanya dua orang sahaja, tiba-tiba tiga orang. Memang saya nampak Gelang Patah. Tidak apa.

**7.23 mlm.**

**Tuan Ng Lip Yong [Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan 42 di bawah Kepala 020400, Pendidikan Kesihatan.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan selama ini yang telah menjalankan banyak pendidikan kepada orang ramai. Tetapi pandangan saya, pendidikan kesihatan sahaja tidak mencukupi. Kita mesti ada kawalan juga. Di sini saya cuma hendak ambil satu contoh berkenaan dengan perlindungan *radiation* atau *radiation protection*. Saya tidak tahu sama ada Kementerian ini ada rancangan untuk mengadakan satu undang-undang untuk *radiation protection*, dengan izin.

Saya membangkitkan perkara ini sebab sekarang kita boleh nampak banyak tempat *entertainment*, ada *entertainment laser*. Ini kalau tidak dikawal atau digunakan dengan cara yang betul boleh membahayakan. Selain daripada itu juga banyak pusat solekan sekarang, *beauty center* menggunakan *laser* atau *Intense Pulsed Light (IPL) treatment* untuk kulit dan sebagainya. Saya dapati bahawa mesin-mesin *laser* itu boleh diimport tanpa lesen yang spesifik atau tanpa kebenaran spesifik. Saya ingin tahu apakah pendirian Kementerian Kesihatan sebab kita semua tahu *laser* adalah satu benda yang sangat berbahaya kalau tidak digunakan dengan cara yang betul.

Saya diberitahu bahawa *laser* yang dijual dan digunakan secara komersial di Amerika Syarikat, mesti ikut undang-undang yang sangat *stringent*, a very strict set of laws, dengan izin, dan ada satu *Center for Devices and Radiological Health* yang mengawal. *Laser* telah dibahagikan kepada enam kumpulan dan tiap-tiap kumpulan ada *specification* kumpulan itu, oleh sebab kalau *laser* kena mata kita, kita boleh jadi buta. Saya berharaplah Kementerian Kesihatan ambil berat tentang perkara ini dan jika boleh mengawal *importation* mesin-mesin seperti itu.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Gelang Patah. Selepas Gelang Patah, Seputeh. Lepas Seputeh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh menjawab.

**7.26 mlm.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin sentuh Maksud Bekalan 42, Kementerian Kesihatan. Yang pertama Butiran 020000 - Kesihatan Awam.

Tuan Pengerusi, dalam Program Cara Hidup Sihat yang sentiasa diadakan oleh Kementerian Kesihatan memang adalah untuk mewujudkan kesedaran kepada orang ramai untuk menjaga kesihatan mereka dan dalam kaedah Cara Hidup Sihat itu selain daripada harap jangan merokok, ada satu nasihat orang, mesti tahu pilih makanan. Ini satu nasihat yang bagus tetapi masalah yang kadang-kadang kita pilih makanan yang mana kita susah hendak kawal. Kita makan makanan yang mana telah diracuni seperti daging khinzir yang mana khinzir itu telah diberikan ubat *additive beta-agonist* dan itu *cancer causing*. Dan kita pun kadang-kadang beli *food supplement*, dengan izin, yang mana kemungkinan ada mengandungi steroid yang boleh merosakkan buah pinggang kita.

Masalah ini saya harap pihak Kementerian Kesihatan dapat beritahu bilakah kita dapat meminda Akta Farmasi supaya kita dapat melindungi para pengguna dan supaya dengan pindaan itu kita dapat melarang penjualan ubat-ubat dan *food supplement* secara langsung (*direct selling*), untuk mendapatkan kawalan yang ketat kepada jualan ubat dan *food supplement* dan cuma boleh dijual di kedai-kedai statik sahaja untuk menyenangkan pegawai penguat kuasa daripada Jabatan Farmasi memeriksa ubat-ubat dan *food supplement* yang dijual.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin sentuh Butiran 020500. Saya ingin tahu daripada Kementerian Kesihatan tentang Kawalan Mutu Makanan. Baru-baru ini saya dapat satu surat daripada Pengerusi Persatuan Penternak Babi Negeri Johor yang menulis surat kepada Pegawai Kesihatan Daerah Johor Bahru yang mana berkata: "*Dukacita dimaklumkan bahawa didapati operasi untuk maksud penguatkuasaan penyalahgunaan ubat additive beta-agonist di Rumah Sembelih Kempas, Johor Bahru telah diberhentikan selama setahun dan dengan kelonggaran ini maka kegunaan terus berleluasa terutamanya babi-babi yang dibawa masuk dari negeri Perak, Selangor dan Pulau Pinang.*"

Pihak persatuan menggesa pihak Jabatan Kesihatan Daerah Johor Bahru, harap operasi tersebut dapat diteruskan supaya dapat mengelakkan Johor Bahru sebagai tempat *dumping* untuk babi-babi yang memakan ubat tersebut dan baru-baru ini saya baca dari surat khabar Cina yang mana penternak babi di negeri Melaka mengatakan kepada pengguna di Melaka, daging khinzir yang dijual di Melaka tidak mengandungi *beta agonist*. Yang ada *beta agonist* kita jual di negeri Johor.

Ini saya baca dari surat khabar dan ini masalah. Sebab itu saya harap pihak Kementerian Kesihatan peka dan prihatin tentang aduan yang dimajukan oleh Persatuan Penternak Khinzir Johor dan tambahan pula Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor mengatakan penyalahgunaan *beta agonist* di dalam khinzir sudah sampai ke satu tahap yang membimbangkan dan ini surat rasmi yang ada dengan saya di sini mengatakan membimbangkan dan pihak Jabatan Perkhidmatan Haiwan pernah tulis surat kepada Persatuan Penternak Khinzir, tiada undang-undang pada masa ini untuk mengawalinya. Mereka bergantung kepada Kementerian Kesihatan untuk menguatkuasakan Food Act dan Food Regulation terhadap penyalahgunaan dadah, *beta agonist*.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini ada satu syarikat yang cuba mempengaruhi Kementerian Kesihatan supaya boleh membenarkan satu jenis *beta agonist* yang baru, namanya '*Paylean*' atau dengan nama *chemical* nya, *Ractopamine hydrochloride*. Saya harap pihak Kementerian Kesihatan jangan memberikan kelonggaran kepada mereka. Mereka kata ubat ini untuk membesarkan khinzir dalam masa yang lebih cepat, digunakan di 14 negara dalam dunia ini dan mereka harap ini boleh dipasarkan di Malaysia, saya harap jangan benarkan mereka.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Butiran 020300 - Kawalan Penyakit. Saya ingin mengambil peluang ini untuk bertanya kepada pihak Kementerian Kesihatan strategi-strategi yang lebih berkesan untuk menangani masalah yang serius iaitu HIV AIDS. Saya ingin tahu, setakat ini sama ada jumlah pesakit HIV AIDS meningkat? Daripada maklumat yang terdahulu, dari tahun 1986 hingga tahun 2001, di Malaysia terdapat 50,303 orang yang menghidap HIV AIDS dan saya ingin tahu, apa datanya pada masa sekarang. Sama ada meningkat ke tahap mana? Saya ingin tahu PROSTAR yang mana 854 kelab yang telah ditubuhkan untuk menangani masalah HIV AIDS ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang saya ingin sentuh tentang Butiran 020600 – Pergigian. Saya dapat tahu bahawa 7.1% *cancer death* adalah disebabkan oleh *oral cancer* dan saya ingin tahu apa strategi pencegahan yang dilakukan oleh perkhidmatan pergigian supaya kita dapat merendahkan peratus ini. Ini yang amat penting, saya harap dapat penjelasan.

Satu lagi tentang Butiran 030000 – Rawatan Perubatan. Saya ingin tahu daripada Kementerian Kesihatan, bilakah poliklinik di Taman Universiti dalam kawasan Parlimen Gelang Patah akan dibina? Ia telah dijanjikan dalam Parlimen ini melalui Soalan Bertulis iaitu pada tahun 2000 dan hingga sekarang belum dimulakan kerana bila saya dapat maklumat melalui Jawapan Bertulis, dalam ceramah-ceramah dan ucapan di majlis yang diadakan di Taman Universiti, saya sudah beritahu dan penduduk di sana sentiasa bertanya, bila akan dibina? Saya harap pihak Kementerian Kesihatan akan ambil tindakan yang secepat mungkin kerana sebenarnya ini adalah Projek Rancangan Malaysia Ketujuh, sekarang sudah Rancangan Malaysia Kelapan, saya harap dapat dilaksanakan projek poliklinik ini secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, saya ingin....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

**Tuan Chang See Ten:** Cukup? Saya ingin bertanya satu lagi, saya hendak tanya kepada pihak Kementerian Kesihatan tentang langkah-langkah....

**Tuan Pengerusi:** Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat, sudah banyak Yang Berhormat bertanya.

**Tuan Chang See Ten:** ....untuk menangani penyakit yang disebabkan oleh vektor.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sudah cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah.

**Tuan Chang See Ten:** ....Tindakan yang lebih berkesan untuk....

**Tuan Pengerusi:** Sudah banyak pertanyaan Yang Berhormat, cukup ya. Yang Berhormat bagi Seputeh selepas itu kementerian menjawab.

### 7.36 mlm.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya ingin merujuk kepada Butiran 00300 – Kemudahan Hospital. Saya berpendapat bahawa Hospital Besar Kuala Lumpur ini, bagi pesakit di Kuala Lumpur, kami selalu menghadapi masalah tentang meletakkan kereta kerana tidak cukup tempat letak kereta sehingga banyak kereta kami disaman. Jadi saya ingin tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah pihak Hospital Besar Kuala Lumpur mengambil apa-apa langkah untuk menyelesaikan masalah ini?

Yang kedua ialah, saya juga berpendapat bahawa ambulans hospital kita ini tidak mempunyai peralatan yang diperlukan, tidak seperti apa yang kita lihat dalam wayang gambar atau program di televisyen di mana ada *oxygen tank*, ada peralatan yang diperlukan tetapi ambulans hospital kita ini macam satu van sahaja yang boleh meletakkan pesakit atau mayat masuk ke dalam ambulans. Jadi saya berharap pihak kementerian akan mengambil perhatian terhadap *ambulance facility* kita yang teruk ini.

Ketiga, mengenai kemudahan hospital adalah tentang cadangan klinik swasta di hospital kerajaan seperti pa yang diadakan di Hospital Universiti sekarang. Saya memang faham tujuan kerajaan untuk mengadakan bahagian swasta ataupun klinik swasta di hospital kerajaan kerana supaya doktor kita tidak akan meletakkan jawatan dan membuka klinik sendiri tetapi ini bukan satu langkah yang paling baik sekali kerana saya menerima aduan khususnya di Hospital Universiti di mana sesetengah doktor sebenarnya menggalakkan pesakitnya untuk datang berjumpa dengannya selepas waktu kerja di bahagian klinik swastanya supaya dia boleh memberikan perkhidmatan ataupun pemeriksaan yang lebih lengkap ataupun mengambil masa yang lebih panjang untuk dia.

Ini adalah aduan yang saya terima. Jadi dengan adanya klinik swasta di hospital kerajaan ini secara tidak langsung telah menjadikan hospital kerajaan kita menjadi hospital swasta. Saya rasa apa yang paling perlu dibuat sebenarnya adalah kerajaan perlu menaikkan gaji ke tahap yang lebih tinggi untuk doktor-doktor kita khususnya doktor yang mempunyai kepakaran yang khas dalam bidang-bidang tertentu. Walaupun dalam bajet ini, kerajaan telah pun memberi elaun yang lebih banyak kepada doktor dan juga jururawat kita tetapi saya rasa elaun ini memang tidak mencukupi jika dibandingkan dengan gaji yang lebih lumayan yang boleh diterima oleh doktor di bahagian swasta.

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 00200 – Kesihatan Awam. Saya menerima aduan daripada pengilang ataupun pembuat ubat tradisional yang mana mereka membuat aduan kepada saya, proses permohonan perubatan mereka dari kementerian selalu mengambil masa setahun hingga 14 bulan.

Ini menyebabkan ramai pelabur terpaksa menunggu tempoh waktu yang panjang sehingga mereka pun terpaksa *give-up*, terpaksa melepaskan pelaburan mereka kerana mereka tidak sanggup menunggu begitu lama daripada MAL dan selain itu mereka juga berkata, walaupun ubat tradisi boleh mengubati setengah penyakit tetapi mereka tidak dibenarkan untuk meletakkan *claim* "Perubatan" itu dalam *label* nya. Jadi, sehingga mereka terpaksa hanya meletakkan *claim* yang lebih *general* seperti ia akan memperbaiki kesihatan ataupun peredaran darah dan sebagainya, iaitu yang umum sahaja.

Jadi, mereka rasa ini adalah tidak adil dan menyusahkan mereka. Mereka juga berkata kalau ubat yang seperti itu dipohon di Kementerian Kesihatan di Singapura ia selalu mengambil masa dua bulan sahaja. Saya rasa sekiranya kementerian ingin memupuk industri IKS, jadi proses permohonan kepada MAL untuk para pelabur perubatan tradisional ini haruslah dipendekkan. Sehubungan dengan itu, saya difahamkan pihak Kementerian Kesihatan telah mengadakan satu seminar tentang *new Pharmacy Act* ataupun Akta Farmasi Baru pada 13 Julai tahun ini. Saya ingin tahu apakah keputusan atau apakah *outcome* hasil daripada seminar ini tentang *new Pharmacy Act* ini.

Saya juga difahamkan bahawa terdapat 'Cotes' Conference di Bonn pada 4 hingga 7 November tahun ini yang mana akan meluluskan resolusi untuk menghentikan kebebasan dari segi penjualan *dietary supplementary* dan saya juga difahamkan bahawa Kementerian Kesihatan juga mempunyai keinginan ini yang mana kenyataan telah pun dikeluarkan dalam surat khabar bahawa kerajaan mungkin akan mengharamkan penjualan langsung ubat *dietary supplement* tradisional. Jadi, pengumuman seperti ini sebenarnya membangkitkan kebimbangan di antara para penjual ubat *dietary supplement* yang tradisional.

Mereka mengatakan bahawa dalam tempoh epidemik SARS dalam bulan Mac hingga Julai tahun ini, sebenarnya *dietary supplement* khususnya vitamin 'C' telah membantu kerajaan menyelamatkan banyak nyawa kerana ramai rakyat memilih untuk makan *dietary supplement* untuk menguatkan tubuh badan mereka. Jadi, mereka berpendapat sekiranya pendekatan yang akan diluluskan di 'Cotes' Conference di Bonn sejajar dengan WTO ini diambil oleh Kementerian Kesihatan kita, maka ini tentu akan menjejaskan syarikat dan kilang kecil dan sederhana tempatan. Jadi, akhirnya syarikat perubatan multinasional akan mengambil alih pengeluaran suplemen vitamin dan ini adalah amat tidak adil kepada mereka kerana ini juga akan menghapuskan peluang pekerjaan beribu-ribu orang muda termasuk suri rumah tangga yang menjual *dietary supplement* melalui jualan langsung.



Jadi, pihak berkenaan mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan mengadakan satu rang undang-undang baru iaitu Prescription Drug Safety Act yang mana menghendaki syarikat perubatan kita memberi bukti bahawa ubat mereka tidak mempunyai kesan buruk terhadap kesihatan mereka yang memakannya dalam tempoh jangka panjang dan juga jangka pendek. Mereka rasa ini adalah lebih praktikal sekiranya kerajaan ingin mengawal undang-undang kita dan menjamin kesihatan rakyat. Jadi mereka mengatakan kepada saya bahawa di Malaysia saiz pasaran perubatan adalah dalam lingkungan RM1.4 bilion dan manakala saiz pasaran ubat semula jadi dan suplemen adalah lebih kurang RM2 bilion.

Jadi, dalam tahun 1994, Kongres Amerika Syarikat telah meluluskan Dietary Supplement and Health Education Act yang mana memberi kebebasan kepada penjualan vitamin dan juga *dietary supplement*. Jadi mereka mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan kita ini juga akan mengambil pendekatan yang sama dan meluluskan akta seperti ini untuk menjamin syarikat dan kilang perubatan IKS ini dapat terus wujud di negara kita, di samping menjamin kesihatan orang ramai.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kementerian menjawab.

#### 7.45 mlm.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya bagi pihak kementerian mengucapkan terima kasih kepada 19 orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan cadangan dan juga pandangan mereka di Peringkat Jawatankuasa berkaitan dengan perbelanjaan Bajet 2004.

Jadi, kami akan mengambil masa untuk menyebut satu persatu nama, jadi untuk meningkatkan masa saya akan terus kepada isu-isu yang dibangkitkan. Juga sekiranya sesuatu isu itu telah disentuh lebih daripada seorang Ahli Yang Berhormat, saya akan menjawabnya sekali sahaja waktu isu itu mula-mula dikemukakan, demi untuk menjimatkan masa Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Subang telah pun membangkitkan tentang keperluan klinik kesihatan di Bandar Sunway, Subang Jaya dan juga di USJ. Sebenarnya masalah ketiadaan tapak projek ini tergendala kerana tidak ada tapak yang sesuai tetapi kini satu tapak sesuai telah dikenal pasti dan akan dibina sebuah klinik di kawasan berkenaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita tidak boleh melaksanakannya dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Pengerusi Yang Berhormat bagi Tampin membangkitkan masalah kekurangan doktor di Hospital Tampin tetapi ini bukan sahaja masalah kekurangan doktor di Hospital Tampin sahaja tetapi ini adalah satu masalah yang kita hadapi di kebanyakan klinik kesihatan ataupun hospital-hospital kerajaan. Jadi, untuk menangani masalah ini yang mana pada masa ini kita ada nisbah seorang doktor untuk lebih kurang 1,350 orang penduduk, nisbah doktor kepada penduduk tetapi kita telah membuat rancangan jangka panjang di mana pada tahun 2020 dengan anggaran penduduk sebanyak 35 juta orang, kita telah pun mengambil beberapa strategi untuk memastikan bahawa pada masa itu kita mempunyai seorang doktor untuk 600 orang penduduk iaitu setaraf dengan negara-negara yang telah maju.

Jadi, untuk menangani masalah pada masa ini, kerajaan telah pun meluluskan pengambilan seramai 1,149 orang doktor kontrak. Memang kita tahu bahawa terdapat beberapa masalah yang kita hadapi sebelum ini di dalam urusan pengambilan doktor tetapi sekarang proses pengambilan telah dikemas kini dan kita berharap kita akan dapat menyegerakan lagi pengambilan doktor-doktor kontrak khususnya daripada India, Pakistan, Bangladesh, Indonesia dan juga Egypt dan beberapa negara lain di mana mereka berminat untuk berkhidmat di negara ini, kita akan cuba mempercepat dan Yang Berhormat juga telah membangkitkan bahawa masalah bahasa.

Memang kita sedar bahawa masalah bahasa ini wujud. Itulah sebabnya kita cuba, kalau boleh kita mengambil doktor yang boleh berbahasa dalam bahasa Inggeris ataupun yang boleh memahami bahasa Malaysia, khususnya doktor daripada Indonesia. Jadi, sekiranya

ada masalah bahasa, kita juga ada kakitangan-kakitangan sokongan yang akan bersama-sama untuk memastikan bahawa pesakit itu dapat memaklumkan tentang masalah yang mereka hadapi kepada doktor dan doktor dapat memberi preskripsi dan membuat diagnosis yang baik dan juga memberi preskripsi yang betul kepada pesakit. Jadi, kita telah pun mengambil tahu dan maklum tentang masalah ini dan tidak perlu bimbang.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan bahawa ada kekurangan doktor di Hospital Tampin, jadi kita berharap kita boleh mengisinya....

**Tuan Pengerusi:** Ya, Tampin.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya amat faham tentang masalah kementerian berhubung dengan masalah kekurangan doktor. Yang saya minta bukanlah penyelesaian menyeluruh. Yang saya minta hanya sebahagian daripada masalah kekurangan doktor di Tampin tadi.

Sebagaimana yang saya maklumkan, kalau kita ikut carta jumlah jawatan doktor yang perlu ada di Hospital Daerah Tampin ini 10 orang. Tetapi hari ini ada hanya tiga orang. Saya minta setidak-tidaknya adalah setengah daripada jumlah itu. Bayangkan tiga. Seorang itu saya dapat tahu dia mengandung. Kadang-kadang kalau Ketua Jabatan panggil, Pengarah panggil, hari ini kita panggil, besok pagi daripada Kuala Pilah, lusa dipanggil daripada Seremban, tulat dipanggil daripada daerah lain, doktor-doktor yang berlainan hadir ke kawasan. Sudah tentu tidak ada kesinambungan.

Yang lebih menyukarkan lagi situasi adalah apabila doktor-doktor ini daripada bidang yang berlainan yang sepatutnya menjaga jabatan yang berlainan diminta dari bidang yang berlainan. Ini akan menyulitkan. Kalau boleh saya minta kementerian faham apa yang saya maksudkan. Bukan saya minta yang tidak-tidak, penyelesaian yang menyeluruh, saya minta sebahagian daripada masalah ini diselesaikan supaya mengambil kira kerana perkara ini penting dan saya juga tidak hendak kalau boleh penyelesaian itu tergopoh-gapah dengan mengambil doktor daripada India ataupun Sri Lanka seperti mana yang saya katakan tadi. Nanti sakitnya lain, ubatnya lain. Ini yang saya minta lagi. Saya mintalah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen faham masalah serta sensitiviti masyarakat dekat luar bandar ini.

Yang Berhormat pun jiran saya daripada Telok Kemang. Jadi sama-sama kita lihat masalah ini. Terima kasih.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, kita tidak boleh memandang rendah terhadap doktor-doktor yang datang dari luar negara kerana semuanya yang kita ambil ialah golongan profesional yang mereka ini setaraf dengan doktor-doktor di negara kita. Jadi, kita harus menghormati mereka, tidak kira mereka dari India, Egypt atau daripada Europe, mereka sama juga. Bukan bergantung kepada warna kulit dia. Kerana mereka kalau kita ambil daripada India, mereka fasih dalam bahasa Inggeris.

Kalau kita ambil dari Indonesia, mereka memahami bahasa Melayu. Katakan kita hendak ambil daripada negara-negara di mana macam katakan dari Turki atau negara lain di mana mereka tidak tahu bahasa Inggeris tetapi mereka hanya tahu France sahaja macam mana kita hendak buat. Jadi oleh kerana kita mementingkan bahasa Inggeris di negara kita dan juga bahasa Malaysia, perkara ini diambil kira.

Jadi, kita pastikan bahawa saya rasa setelah kita menghantar mereka kepada hospital yang memerlukan, kita memantau dari semasa ke semasa masalah yang dihadapi dan juga aduan-aduan yang kita terima yang diambil kira untuk menentukan sama ada mereka harus terus berkhidmat atau tidak tetapi masalah Yang Berhormat itu kita sedar, kita akan mengambil kira dan mungkin kita dapat selesaikan dengan segera. Jangan bimbang Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Tampin.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sekali lagi, saya tidak ada keberatan sama ada

orang itu cerahkah, gelapkah warna kulit dia atau putihkah. Kalau daripada cerah kalau daripada negara-negara yang lebih cantik, lagi saya suka. Sekurang-kurangnya orang-orang yang datang itu tengok mukanya cantik, lembut lagi cepat sembuh. Itu tidak ada masalah dari segi warna kulit ini asalkan dia dapat faham bahasa sebab orang Tampin tidak ramai yang pandai cakap Inggeris macam Yang Berhormat. Saya takut nanti dia silap.

Bukan saya kata ada masalah dari segi warna kulit. Ini yang saya harap ada pembetulan. Cuma yang saya bimbang apabila doktor-doktor yang ada sekarang ini mereka tidak ada peluang untuk berehat. Kasihan mereka. Sebab itu tadi antara cadangan yang saya beri kalau boleh pelajar-pelajar yang tamat pengajian yang masa ini buat *houseman* selama setahun. Tetapi baru-baru kita sudah tukar menjadikan dua tahun. Tetapi kita tempatkan pelajar-pelajar yang telah tamat pengajian ini di hospital-hospital yang ada hospital pakar selama dua tahun, boleh tak pihak kementerian sementara hendak tunggu doktor yang pandai yang boleh cakap bahasa Melayu atau bahasa Inggeris ini, pelajar-pelajar yang sudah satu tahun setengah buat *houseman* ini pindahkan, dipinjamkan ke hospital-hospital di peringkat daerah-daerah untuk menampung kekurangan doktor di peringkat daerah ini, kalau boleh. Ini yang saya minta.

**Tuan Pengerusi:** Ya, cukuplah. Kalau boleh, ya. Kalau boleh.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Memanglah dalam dua tahun itu kita perlu memastikan mereka mendapat latihan yang secukupnya.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Ya.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Jadi, kita tidak boleh berbuat demikian. Jadi, Yang Berhormat juga memperkatakan bahawa berbangkit dengan cuti untuk doktor. Sebenarnya cuti boleh dibawa ke hadapan dua tahun kelayakan cuti dan tidak 15 hari sahaja.

Yang Berhormat bagi Tumpat.... [*Mencari-cari maklumat*]

**Tuan Pengerusi:** Hem. Ya.

**Tuan S.G. Sothinathan:** .... juga membangkitkan masalah yang sama dan juga satu lagi perkara ialah berkaitan dengan radiotherapy. Jadi, sebenarnya pada tahun 2004 sebanyak RM3 juta diperuntukkan bagi pembelian perkhidmatan Radio radiotherapy dari hospital swasta. Kementerian sendiri meningkatkan kemudahan ini di samping perkhidmatan di Hospital Universiti. Jadi, dicadangkan untuk menyejajarkan pembelian *PET scanning*. Kerajaan sedang memperolehi alat *PET scanning* berharga kira-kira RM32 juta dan akan beroperasi tahun hadapan.

Satu lagi isu ialah berkaitan dengan kos ubat. Sebenarnya semua ubat diberi percuma kepada pesakit yang dirawat di institusi-institusi kementerian. Kementerian juga sedang berusaha untuk mengimport ubat-ubat *anti-retroviral* untuk AIDS yang murah daripada India. Jadi, usaha-usaha kementerian untuk mengurangkan kos rawatan dengan menggalakkan penggunaan ubat-ubat generik. Ini adalah di antara langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan kos dan untuk makluman Yang Berhormat, kementerian juga tidak membekalkan ubat-ubat tradisional.

Yang Berhormat bagi Kepong telah pun membangkitkan tentang perkhidmatan sokongan di hospital. Secara umumnya perkhidmatan sokongan swasta memuaskan. Kementerian akan membuat kajian terperinci tentang keberkesanan perkhidmatan yang diberi.

Tentang isu berkaitan dengan *Center For Disease Control*, sebenarnya ianya akan ditubuhkan dan memberi fokus kepada penyelidikan rawatan dan pencegahan. Bagi pengguna pembangunan infrastruktur sebanyak RM20 juta telah disediakan untuk tahun 2004. Jadi, projek ini akan dilaksanakan seperti yang dijadualkan. *Center For Disease Control* ini akan menangani penyakit-penyakit baru seperti SARS dan Virus Nipah.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Mambong, telah pun membangkitkan tentang klinik baru di kawasan Yang Berhormat. Sebenarnya kita dapati bahawa klinik yang sedia ada mencukupi. Sekira ianya perlu, cadangan klinik tambahan ini akan dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bagan telah pun menyentuh tentang tempat letak kereta Hospital Kuala Lumpur tentang aspek penswastaannya, begitu juga yang disentuh oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Sebenarnya, kementerian sedang mengkaji semula projek ini. Kita akan mengambil kira tentang keperluan-keperluan tempat letak kereta untuk pegawai-pegawai kementerian yang bertugas di hospital dan kita pastikan bahawa ruang yang cukup disediakan untuk mereka.

Jadi, tidak perlulah kita menjadikannya sebagai satu isu. Kita akan memberi perhatian yang serius tentang semua aduan ataupun semua saranan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga orang awam tentang perkara ini dan setelah kita berpuas hati, barulah projek ini dilaksanakan. Tetapi, perlu dilaksanakan untuk memastikan bahawa penggunaan tempat letak kereta ini secara optimum supaya tidak disalahgunakan dan juga cuma kerana ianya tidak perlu dibayar. Begitu juga untuk hospital-hospital lain.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Serdang membangkitkan tentang pembinaan klinik kesihatan di Kinrara, Puchong, sebenarnya projek ini ada dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Tetapi siling peruntukan Yang Berhormat, kerana kita tahu ini adalah masalah kita yang paling utama. Bukan kita tidak mahu buat tetapi tidak ada duit yang mencukupi. Jadi, kita akan memberikan keutamaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

**Dato' Yap Pian Hon:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Hem. Serdang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, selepas mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat tadi itu, kalau tidak cukup wang untuk mendirikan sesuatu klinik itu, jangan komited. Jangan jadikan isu, sebab ini komitmen daripada Dewan yang mulia ini, ertinya projek akan dijalankan. Oleh yang demikian, mass media sudah mengeluarkan. Rakyat tanya apa sebab Kementerian Kesihatan telah berjanji dan komited dan perkara ini tidak dilaksanakan.

Inilah soalnya. Kalau tidak cukup wang itu, jangan janji. Jangan katakan tidak cukup wang untuk masa yang akan datang. Jangan komited pada ketika itu tetapi perkara ini dalam tahun 1999 lagi. Jadi, mintalah Yang Berhormat supaya masalah ini tidak timbul semula. Jadinya Wakil Rakyat akan jadi masalah pada masa yang akan datang.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, saya rasa apa yang kita buat janji seperti Yang Berhormat katakan bahawa projek ini telah pun dirancang di bawah Rancangan Malaysia Ketujuhkah, Kelapankah, Kesembilan. Kita tidak kata projek ini akan dilaksanakan esokkah, lusakah tidak dijanjikan. Jadi, kita kena faham setelah kita buat rancangan kalau duit itu perlu disediakan, dan bila duit itu sampai barulah kita buat pecah tanah. Itulah sebabnya bila Ahli-ahli Yang Berhormat kata buat pecah tanah dahulu tidak mengapa. *At least* puas hati kita tidak buat begitu kerana kita tahu bahawa sehingga wang itu diturunkan kepada kementerian, kita tidak boleh berbuat demikian. Jadi, kita tidak berjanji Yang Berhormat. Mungkin salah tafsir sahajalah.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, apa yang dikatakan pada 29 April 1999, yang dijawab dalam Dewan ini, komited. Dia kata Hospital Kinrara iaitu Hospital Angkatan Tentera digantikan dengan membina klinik kesihatan di Batu 8, Puchong dan akan dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Kelapan. *Commitment* secara rasmi dalam *Hansard*. Ertinya, kalau jawapan demikian itu jangan sebab tidak ada cukup duit, jangan disebutkan. Mungkin katakan akan dilaksanakan, jangan disebutkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Seperti apa yang dikatakan: "*Begitu juga projek pembinaan klinik baru di Cheras, Bandar Tun Hussein Onn akan dilaksanakan pada tahun 1999.*" Tetapi kini tidak dibuat.

Sebab itu ini bukan apa, ini penting untuk *commitment*. Kalau *commitment* daripada pihak kementerian itu dalam Dewan yang mulia ini, saya anggapkan bahawa ia secara rasmi. Tetapi ini dikeluarkan dalam surat khabar sebab pemberita akan catatkan demikian apa yang dicakapkan itu. Jadi, itu pentingnya.

Itu sebab Tuan Pengerusi, saya minta maaf kerana ini mungkin bukan salah tafsir tetapi ini sebenarnya berlaku, maka itu sebab saya bangkitkan perkara ini, walaupun sudah empat tahun dahulu tetapi ini saya catatkan. Itu sebab jawapan daripada pihak kementerian penting.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah. Saya pun faham juga ya.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Kita fahamlah Yang Berhormat, tetapi kita juga sedar rakan-rakan kita dari luar bandar pun keadaan mereka begitu mendesak. Jadi, semua ini harus diambil kira dalam menjalankan sesuatu projek. Jadi, kita pun harus bertimbang rasa terhadap mereka. Jadi, di Kuala Lumpur, di Klang Valley banyak kemudahan. Janganlah kita katakan kita mesti berpegang kepada ini dan mesti dilaksanakan. Kita mesti mengorbankan demi kepentingan rakyat luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak juga kita harus memberi pertimbangan yang khas. Jadi, saya telah katakan janji itu, janji dalam rancangan, ada dalam rancangan. Janganlah Yang Berhormat cuba bangkitkan isu ini. Saya ingat Yang Berhormat bagi Serdang itu faham apa yang saya maksudkan. Okey.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Soalan, soalan, soalan.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, begitu juga tentang kawalan mutu air minuman. Kawalan keselamatan ke atas mutu air minuman adalah di bawah Kementerian Kerja Raya. Namun begitu, Bahagian Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan menjalankan ujian untuk menentukan air yang dibekalkan selamat untuk diminum. Kalau airnya macam-macam lagi, kalau paip yang kita tahu bahawa paip-paip yang ada itu kebanyakannya paip yang lama dan juga kalau paip pecah bila ianya dipasang balik buat sementara waktu memang airnya kotor. Itu kita semua harus tahu, jangan kita buat tidak tahu dan bangkitkan masalah itu khususnya pembangkanglah. Jangan buat macam itulah. Kita tahu bahawa mutu air di negara kita walaupun kita ada masalah, tetapi adalah yang terbaik di dunia.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka telah pun bangkitkan tentang wabak Nipah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Yap Pian Hon:** *[Bangun]*

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tak apalah kerana tidak ada masa Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah.

**Dato' Yap Pian Hon:** Saya minta penjelasan satu sahaja. Tuan Pengerusi,....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Serdang, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tidak. Air.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah, cukuplah, cukuplah. Yang Berhormat bagi Serdang, cukuplah, hmm cukuplah Serdang. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kota Melaka telah pun bangkitkan tentang wabak Nipah pada tahun 1999, saya tidak mengatakan tiada laporan rasmi. Sebenarnya laporan teknikal wabak Nipah telah pun dikeluarkan di pejabat kementerian dan telah dibincangkan di seminar pakar-pakar perubatan dan kita akan meneliti laporan ini dan kita akan maklumkan pada orang ramai sekiranya ianya diperlukan.

Yang Berhormat juga mengatakan bahawa kita tidak tahu antara JE dan Nipah. Bukan kita tidak tahu, kadang-kadang kalau kita turun ke padang kita kata JE, kita tahu apa beza JE, kita tahu apa beza JE dengan Nipah. Juga Bukit Pelandok adalah kawasan saya. Dan saya tahu bahawa kita juga memberi perhatian yang khusus kepada mana-mana pesakit yang telah pun diuji positif untuk Nipah virus, di mana doktor-doktor dan khususnya pakar-pakar memberi perhatian yang serius kepada mereka. Kita tahu tentang kes-kes seperti ini. Saya tahu.

**Tuan Pengerusi:** Seputeh bangun.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Seputeh tidak ada kena-mengena dengan Nipah ini. *[Disampuk]* Tak payah, duduklah.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat bagi Seputeh, dia tidak bagi jalan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Pengerusi, satu cadangan sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak bagi jalan, Seputeh. Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Seputeh, sila duduk ya. Ya, dia tak faham, kita tidak faham kita tidak tahu. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Kota Melaka.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tuan Pengerusi, sebenarnya apa yang Seputeh hendak cakap, saya dengar. Dia kata: "*Perlahan sedikit, tidak boleh faham.*" Itu sahaja. Tadi saya tidak dengar juga dengan jelas, laporan rasmi tidak akan dikeluarkan. Lagi satu saya tanya, kalau benar 200 orang di Bukit Pelandok telah diuji positif sebagai *Nipah virus carrier*, mengapakah sampai hari ini tiada tindakan susulan diambil? Saya tahu ada ramai kawan saya di sana, di mana mereka tidak pun diberitahu bahawa mereka harus menjalani apa-apa peperiksaan selepas berlakunya wabak Nipah virus itu. Apa akan berlaku kepada mereka, mereka pun tidak tahu sama ada mereka sudah sihat atau kemungkinan terkena penyakit Nipah virus itu. Nampaknya macam tidak ada tindakan sahaja.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, saya telah katakan kita telah meneliti laporan rasmi itu. Jadi, sekiranya diperlukan kita akan bawakannya kepada pengumuman orang ramai, beritahu orang ramai. Juga bukanlah angka 200. *I think* angka yang diberi oleh Yang Berhormat itu tidaklah tepat. Saya sendiri pun tahu ada 100 orang lebih kurang. Tetapi kita telah pun beritahu kepada mereka bahawa mereka harus datang ke hospital secara berkala untuk menentukan tahap kesihatan mereka, tetapi ada yang datang, ada yang tidak datang. Jadi, kalau orang tidak datang kita tidak boleh buat apa-apalah. Tetapi bila kita berjumpa dengan mereka, kita menasihati mereka supaya mereka terus pergi pemeriksaan secara berkala.

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pembukaan PFA, tetapi masalah ini sekarang berada di tangan kerajaan negeri yang akan memberi pertimbangan khas tentang masalah tanah dan sebagainya sebelum menentukan bilakah ianya harus dibuka semula. Jadi, kita telah berbincang dengan Kementerian Pertanian dan juga untuk memastikan bahawa perkara ini dapat disegerakan, sebenarnya Kerajaan Persekutuan telah pun menyelesaikan perkara ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Teluk Intan telah membangkitkan tentang masalah *haemodialysis*, begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. *Haemodialysis* ini kita sudah ada pada tahun 2002. Kalau Yang Berhormat masih lagi ingat kita telah pun mengumumkan bahawa sebelum akhir tahun 2003 kerana kita bercadang untuk mengadakan Hospital *Haemodialysis*, Unit *Haemodialysis* di setiap hospital di peringkat daerah. Tetapi ianya tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya pada akhir tahun ini tetapi kita berjanji bahawa kita akan melaksanakan sebelum akhir tahun 2004, kita akan memastikan bahawa setiap hospital daerah mempunyai Unit *Haemodialysis*. Ini adalah dasar kementerian dan kita akan melaksanakannya. Tetapi bagi mana-mana pusat yang tidak mencukupi, maka kita juga harus meneliti semula tentang keperluan Unit *Haemodialysis* di hospital-hospital, di mana Unit *Haemodialysis* sedia ada, kalau tidak cukup kita akan menimbang semula untuk melaksanakannya secara berperingkat-peringkat. Tetapi di sini Tuan Pengerusi, kementerian mengucapkan berbanyak terima kasih kepada NGOs yang telah pun memberi sumbangan yang begitu positif dalam perkhidmatan rawatan *haemodialysis* di negara kita.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bagan telah menyentuh tentang perkhidmatan yang diswastakan. Sebenarnya perkhidmatan sokongan hospital yang diswastakan adalah seperti pencucian dobi dan linen, kebersihan hospital, sisa klinikal dan penyelenggaraan alat perubatan, dan baru-baru ini adalah tempat letak kereta. Jadi ini adalah di antara perkhidmatan-perkhidmatan yang diswastakan.

Berkaitan dengan Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar yang menyatakan tentang kemudahan kesihatan luar bandar masih belum memuaskan, memang kita sedar bahawa ini adalah masalah yang harus diberi tumpuan dan kementerian sedang memberi tumpuan yang khusus kepada perkhidmatan kesihatan di luar bandar di Sarawak.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM61.5 juta disediakan untuk pembinaan 57 Klinik Desa dan 14 klinik kesihatan. Peruntukan bagi Sarawak bagi perkhidmatan kesihatan, tambahan dalam keperluan-keperluan lain akan ditentukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Begitu juga Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar telah membangkitkan tentang ubat-ubat paten yang tidak mampu dibeli oleh rakyat. Sebenarnya, senarai ubat-ubatan KKM mengandungi.... sebenarnya Kementerian Kesihatan mempunyai ubat-ubatan yang cukup pada aplikasi untuk merawat semua penyakit tropika yang wujud di Malaysia. Sekiranya ada ubat paten yang didapati diperlukan, ianya boleh dimasukkan ke dalam senarai ubat-ubatan Kementerian Kesihatan dan diberi secara percuma kepada pesakit.

Ahli Yang Berhormat juga telah pun membangkitkan sama ada kita boleh - rancangan kita untuk membuat ataupun mengeluarkan ubat-ubatan dalam negara, seperti Yang Berhormat sendiri telah pun maklum kepada Dewan tadi kerana kos penyelidikan adalah amat tinggi dan buat pada masa ini kita tidak mampu untuk menceburkan diri dalam penyelidikan dan pengeluaran ubat-ubatan kerana kosnya yang begitu tinggi dan juga begitu juga risikonya terlalu tinggi, tetapi kita mengambil bahagian dalam *clinical trial* dalam penemuan ubat-ubat baru yang mempunyai potensi yang baik.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong telah membangkitkan tentang kekurangan katil di hospital kerajaan. Sebenarnya kementerian merancang untuk membina 35 buah hospital lagi dalam Rancangan Malaysia Kelapan, telah pun merancang, di mana 19 sedang dalam pembinaan, empat telah siap dan 12 masih dalam perancangan.

Bilangan katil termasuk katil penyakit kronik akan bertambah daripada 34,822 katil buat masa ini kepada 45,000 katil apabila semua projek ini siap dibina.

Dan juga Yang Berhormat bagi Tanjong telah pun bertanya tentang bilangan graduan perubatan setahun dari universiti tempatan. Buat masa ini kita ada bilangan graduan yang keluar daripada universiti tempatan termasuk juga IPTA dan IPTS ada lebih kurang 1,000 orang, tetapi kita anggarkan angka ini akan bertambah dalam kadar lebih kurang 10% hingga 20% setiap tahun kerana program-program untuk meningkatkan bilangan siswazah yang telah pun dilaksanakan di IPTA dan juga IPTS.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Pulai telah pun membangkitkan tentang isu ubahsuai dan naik taraf Hospital Sultanah Aminah Johor Baru.

Sebenarnya kerajaan telah mengambil maklum tentang naik taraf Hospital Sultanah Aminah dan pembesaran Unit Haemodialysis Hospital Sultanah Aminah akan dirancang dan akan dilaksanakan setelah kita mengenal pasti keperluan peruntukan yang diperlukan dan juga kekurangan yang sedia ada di hospital tersebut.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Seputeh bangun Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Satu komen adalah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kita ada masa lagi boleh bercakap perlahan sedikit, supaya kita boleh dengar lebih jelas jawapan, ini satu cadangan ya. Okey, tidak perlu bimbang.

Yang kedua, adalah yang saya dengar Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong, dia telah membangkitkan ubat perangsang seks yang mana kementerian sedang mengambil

tindakan, jadi saya tidak dengar jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, boleh memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, apakah langkah kerajaan untuk mencegah ubat-ubat seperti ini yang halal dan membahayakan kesihatan ini, daripada negara China ini masuk ke Malaysia dan adakah Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, minta pandangan.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, sebenarnya saya hendak jawab itu, tetapi dia sudah bangun dia tanya soalan itu balik, buang masa saya lagi.

Yang Berhormat bagi Tanjong seperti Yang Berhormat bangkitkan tadi, sebenarnya pil-pil perangsang yang dijual di pasar-pasar malam tidak didaftarkan dengan pihak berkuasa kawalan dadah dan tidak diluluskan oleh kementerian. Pihak penguat kuasa farmasi sedang giat membuat pemeriksaan dan semua ubat yang didapati tidak berdaftar akan dirampas, kita tahu bahawa perkara ini agak berleluasa sekarang.

Jadi, kita telah pun meningkatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan, itulah sebabnya kita juga bercadang untuk menggubal Akta Farmasi yang sedia ada supaya kita boleh juga dapat sokongan dan juga khidmat pakar daripada ahli-ahli farmasi-farmasi yang diwajibkan berkhidmat dengan kerajaan selama tiga tahun, di mana kita juga boleh juga menggunakan khidmat mereka untuk meningkatkan lagi aktiviti kita di masa akan datang.

Tetapi buat masa ini kita telah pun mula menggiatkan aktiviti kita, jadi jangan bimbanglah, saya sudah maklum tentang perkara ini.

Dan berkaitan dengan farmasi yang....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan lagi boleh?

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tidak apalah, Yang Berhormat bagi Tanjong sudah keluar, tidak apalah Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Bolehlah, ada masa lagi.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh. Hmm dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Tidak bagikah, masih ada masa lagi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Seputeh, dia tidak beri jalan Yang Berhormat ya.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, farmasi, satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong ialah farmasi dengan seorang ahli farmasi tetapi dua atau tiga cawangan, biasanya seorang ahli farmasi tidak dibenarkan membuka lebih daripada satu cawangan, walau bagaimanapun, ianya boleh ditimbang jika waktu farmasi cawangan-cawangan ini berbeza. Pembukaan farmasi di sesuatu cawangan tidak dibenarkan menjual ubat-ubat berjadual tanpa kehadiran ahli farmasi. Ubat yang bukan racun berjadual boleh dijual oleh pembantu farmasi.

Pihak penguat kuasa farmasi akan memeriksa rekod-rekod jualan ubat racun berjadual sebelum membaharui lesen ahli farmasi berkenaan. Sekarang sudah perlahan-lahan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, tidak apalah, tidak apalah, perkara lain boleh jumpa di luar dan tanyalah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yalah, ada masa lagi.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tidak ada masa.



**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, dia tidak beri jalan Yang Berhormat ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [*Masih bercakap tanpa pembesar suara*]

**Tuan S. G. Sothinathan:** Kita tidak cukup masa.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Kita ada banyak lagi.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan!

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh tentang skim pinjam, bukan skim pembiayaan kesihatan yang bakal dilaksanakan, sebenarnya ianya dipanggil *National Health Financing Scheme* - Skim Pembiayaan Kesihatan Nasional di mana kita mengambil kira tentang segala masalah yang telah dan sedang dihadapi oleh negara-negara yang telah melaksanakan skim seumpama ini mengikut cara mereka sendiri di beberapa buah negara termasuk juga negara-negara membangun dan negara-negara maju.

Jadi, kerajaan sedar tentang sensitiviti perkara ini, tetapi di bawah skim ini yang penting yang kita beri, satu perkara yang penting ialah ianya bukan *profit oriented*. Ianya bertujuan untuk memberi kemudahan kesihatan yang saksama dan secara yang mana mudah diperolehi oleh rakyat kita, khususnya rakyat-rakyat daripada golongan yang berpendapatan rendah, orang-orang yang telah bersara, orang-orang miskin ....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [*Menyampuk*]

**Tuan S. G. Sothinathan:** Lagi tidak boleh dengar apa saya katakan Yang Berhormat?

Jadi, Tuan Pengerusi, saya cadanglah mungkin Yang Berhormat datanglah untuk buat satu pemeriksaan, ya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bercakap kepada Dewan Yang Berhormat ya, jangan bercakap terhadap kepada sesiapa ya.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi, kita akan meneliti perkara ini secara terperinci dan tidak ada sebarang keputusan dibuat berkaitan dengan perkara ini. Jadi, bila kerajaan telah bersetuju dengan sesuatu konsep yang difikirkan sesuai untuk negara kita, maka pada masa itu ianya akan diumumkan dan mungkin pandangan-pandangan akan diterima juga daripada orang ramai tentang perkara ini, tetapi buat masa ini kita juga masih meneliti dan mengkaji perkara ini dengan cadangan-cadangan daripada golongan-golongan profesional dalam bidang ini.

Tuan Pengerusi, ....

**Tuan Pengerusi:** Ada yang bangun.

**Puan Fong Po Kuan:** Minta penjelasan ringkas. Terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi Yang Berhormat bagi Tanjong ada bangkitkan berkenaan *medical insurance*, saya juga ingin bangkitkan tetapi tidak ada masa. Yang Berhormat bagi Tanjong bangkitkan berkenaan di mana doktor-doktor melakukan beberapa pembedahan pada sesuatu masa kerana mereka boleh mendapat bayaran daripada pihak insurans.

Tetapi, yang saya ingin bangkitkan sekarang adalah di mana pihak insurans tidak mengakui sesetengah ujian yang telah dijalankan oleh pihak doktor dan enggan membayar. Ini meletakkan pihak *consumer* yang telah membeli *medical insurance* ini terpaksa menanggung bayaran tersebut. Jadi, apakah kementerian ada mengkaji kelemahan dari aspek ini?

Berkenaan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh tadi, itu adalah rancangan-rancangan jangka panjang yang masih tidak ada keputusan. Masa jangka pendek. Sebab saya sendiri pernah dengar di hospital di mana pembeli

insurans ini bergaduh dengan ejen-ejen insurans kerana bila masuk hospital dia kata, “*Everything cover*”. Bila mereka hendak keluar, dia kata: “*Oh! Tunggu kelulusan daripada headquarters*”, dengan izin, dan tidak mengakui sesetengah ujian yang telah dijalankan oleh pihak doktor.

Jadi, masalah ini begitu serius sekali. Jadi, saya minta, apakah Kementerian akan lakukan terhadap masalah ini, *loopholes* ini, dengan syarat-syarat pembelian yang insuransnya tidak menerangkan berkenaan dengan penyakit apa yang akan dilindungi ujiannya. Jadi, pohon penjelasan dalam perkara ini.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, sebenarnya insurans ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan, tetapi untuk mengawal dan membuat kawalan ke atas caj ataupun jenis prosedur di hospital-hospital swasta, seperti juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh tadi, sebenarnya ia akan diambil kira semasa *Private Health Care Facilities Act 1998* dikuatkuasakan kerana *fees schedule* dan juga beberapa peraturan di bawahnya masih belum selesai.

Sebenarnya itulah yang *holding back*, dengan izin, penguatkuasaan *Private Health Care Facilities Act 1998* ini. Jadi, di bawah akta tersebut, dengan adanya peraturan-peraturan, maka kita boleh buat pengawalan tentang perkara-perkara ini, khususnya tentang prosedur-prosedur yang diamalkan dan juga caj-caj yang dikenakan. Tetapi, berkaitan dengan insurans itu, saya rasa Kementerian yang bertanggungjawab itu ialah Kementerian Kewangan dan mereka akan mengambil maklum tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Selangau telah pun membangkitkan berkenaan dengan kekurangan klinik-klinik kesihatan baru seperti di Kampung Gadung yang perlu dibina dengan segera. Sebenarnya kerajaan mengambil maklum cadangan ini dan akan meneliti keperluan klinik di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak berdasarkan keperluan dan juga peruntukan kewangan yang kita ada pada masa-masa yang akan datang.

Begitu juga Yang Berhormat bagi Selangau telah pun bertanya tentang berapakah Klinik Desa di kawasan pedalaman seperti di kawasan beliau. Sebenarnya cadangan Yang Berhormat itu diambil maklum dan untuk makluman Yang Berhormat, untuk setiap lima Klinik Desa, sebenarnya dibina untuk setiap 5,000 orang penduduk. Bagi kawasan-kawasan pedalaman, kawasan-kawasan luar bandar seperti di Sarawak dan Sabah, kita telah pun memaklumkan bahawa nisbah ini harus dikurangkan, ubahsuai dengan keperluan setempat, di mana ia telah pun dikurangkan sehingga 2,000 hingga 3,000 orang. Ini akan diambil kira di dalam perancangan masa depan di mana nisbah ini akan digunakan bagi menentukan keperluan di kawasan-kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah pun membangkitkan tentang klinik Taman Universiti, bila ia akan dibina. Projek ini sebenarnya mula dicadangkan untuk dibina dengan menggunakan *Project Management Consultant*, dengan izin, tetapi kerana tawaran kontraktor tidak sesuai, projek ini akan dibina pada awal Rancangan Malaysia Kesembilan, di bawah penyeliaan Kementerian Kerja Raya.

Yang Berhormat bagi Seputeh telah pun membangkitkan tentang pendaftaran ubat tradisional yang mengambil masa yang lama. Saya rasa memang kita tahu bahawa buat masa ini kita sedang *up-grade*, dengan izin, sistem pendaftaran ubat-ubat tradisional. Jadi, memang buat masa ini, pendaftaran ini mengambil masa yang lama, tetapi dengan wujudnya satu sistem pendaftaran secara *on-line*, kita harap masalah ini akan dapat diatasi.

Kita percaya ini akan hanya dapat dilaksanakan pada awal tahun hadapan. Kita tahu bahawa sistem ini harus diperbaiki dan dipertingkatkan lagi di masa akan datang.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Mengikut pengadu, mereka yang mengadu kepada saya, mereka kata masalah di Kementerian Kesihatan adalah kerana tidak cukup kakitangan yang berkelayakan untuk memeriksa perubatan tradisional itu. Itulah sebabnya ia memakan masa setahun hingga 14 bulan. Jadi, saya

hendak tahu adakah ini masalah sistem ataupun kekurangan pegawai yang layak memeriksa ubat-ubat ini?

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, satu ialah kita hendak memperkemas lagi sistem yang kita ada, dan yang satu lagi ialah kerana kekurangan ahli farmasi. Jadi, kita harap dengan lulusnya Rang Undang-undang Farmasi (Pindaan), dan juga dengan *up-grade* sistem yang kita ada sekarang, maka kita boleh menyelesaikan masalah ini dengan memendekkan lagi masa untuk pendaftaran.

Berkaitan dengan isu memendekkan proses pendaftaran vitamin dan *food supplement*, sebenarnya Biro Pengawalan Farmasi Kebangsaan sedang menimbang langkah-langkah yang boleh memendekkan proses pendaftaran bagi produk-produk yang tidak memberi masalah.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah telah pun membangkitkan tentang Kempen Anti Merokok yang dilaksanakan di Dewan ini, mengapa tidak dilaksanakan dengan tegas. Saya ingat yang ini Tuan Pengerusi yang lebih arif tentang perkara ini kerana kita telah pun memberi, mengeluarkan nasihat kepada semua Ahli Yang Berhormat juga bahawa kita harus pastikan bahawa Dewan ini adalah bebas daripada asap rokok. Jadi, memang Tuan Pengerusi lebih arif dan saya lepaskan perkara ini kepada Tuan Pengerusi untuk menangani masalah ini.

Berkaitan dan Kempen Anti-Merokok, ia meliputi semua kempen berhenti dan jauhi rokok, perkhidmatan klinikal berhenti merokok dan penguatkuasaan larangan merokok di premis-premis tertentu yang diwartakan. Sebenarnya merokok adalah di larang di semua institusi kerajaan termasuk di dalam dan di persekitaran Dewan yang mulia ini.

Berkenaan dengan kawalan penjualan *direct selling* ubat-ubatan, *food supplement* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong, sebenarnya dalam Akta Farmasi baru yang bakal dibentangkan di Dewan ini, semua *direct selling* ubatan dan *food supplement* akan diharamkan. Jadi, perkara ini telah pun kita ambil maklum dan kita akan melaksanakan. Kita harap dapat persetujuan daripada semua Ahli Yang Berhormat bila rang undang-undang ini dibentangkan nanti.

Tentang penggunaan *beta-agonist* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong dan Yang Berhormat bagi Gelang Patah....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak, Yang Berhormat bagi Seputeh?

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tidak payahlah.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat. [Disampuk] Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Seputeh, dia tidak beri jalan.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, berkaitan dengan isu ini, pemborong-pemborong farmasi tidak dibenarkan menjual *beta-agonist* kepada ladang-ladang ternakan. Aktiviti-aktiviti haram penggunaan *beta-agonist* di ladang-ladang ternakan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian.

Jadi, itulah sebabnya kita menghadapi masalah untuk menguatkuasakannya di pusat-pusat sembelih. Tetapi kita telah pun mengadakan satu kerjasama yang rapi dengan Kementerian Pertanian untuk menangani masalah ini yang sebenarnya *loophole*, dengan izin, digunakan oleh beberapa penternak ataupun pengedar untuk tujuan mereka sendiri.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Tuan S. G. Sothinathan:** Saya akan cuba habiskan. ...

**Tuan Pengerusi:** Kalau boleh siap dalam masa sepuluh, lima belas minit.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Saya akan cuba habiskan dalam masa lima atau 10 minit sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya? Boleh siap kah?

**Tuan S. G. Sothinathan:** Saya harap dalam lima atau 10 minit saya akan cuba siapkan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya akan mengikut Peraturan Mesyuarat 12(3). Saya membenarkan Yang Berhormat menyambung selama 15 minit lagi untuk Yang Berhormat berucap bagi menghabiskan jawapan.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Okeylah.

**Tuan Pengerusi:** Hem.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Seputeh juga membangkitkan mengenai dengan ambulans-ambulans yang tidak dilengkapi. Saya ingat Yang Berhormat itu mungkin nampak kenderaan-kenderaan Kementerian Kesihatan dan dapati ianya tidak dilengkapi tetapi ambulans-ambulans memang dilengkapi dengan alat-alat keperluan asas dan juga alat-alat spesifik yang diperlukan untuk membawa pesakit-pesakit memang akan digunakan dari hospital kalau dipindahkan dari hospital ke hospital yang lain, maka pada masa itu memang alat yang diperlukan memang ada.

Rasanya di negara kita, kita tidak ada menghadapi masalah ini di mana ambulans tidak ada. Kalau kecuali kita hantarkan kenderaan-kenderaan lain di masa kecemasan kerana kekurangan ambulans, ya, kita setuju tetapi ambulans dikatakan tidak ada alat kelengkapan itu memang saya ingat tidak betul, Yang Berhormat...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Hem. Dia bangun pula.... [Dewan riuh]

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan juga rakan-rakan Dewan yang mulia ini, cubalah anda pergi tengok ambulans yang singgah di luar Parlimen itu, buka tengok apa ada dalam, lepas itu baru *argue* dengan saya sama ada, ada atau tidak ambulans kita ini mempunyai peralatan yang cukup?

**Tuan Pengerusi:** Hem.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Hem.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Dan Yang Berhormat bagi Sipitang telah pun .....

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Sipitang ada Yang Berhormat. Ya.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Ada.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Ya.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Yang Berhormat bagi Sipitang telah pun membangkitkan tentang isu kekurangan *pathologist* dan sama ada pihak kementerian bercadang untuk *out source* perkhidmatan ini. Buat masa ini kita tidak ada sebarang cadangan seumpama itu tetapi sebenarnya kalau kes-kes yang kritikal di mana kalau satu biopsi ataupun sesuatu dilakukan, maka kita kalau ada doktor-doktor yang membuat pembedahan itu, kalau dia tahu bahawa ianya memerlukan keputusan segera maka mereka boleh mengambil tindakan untuk memastikan bahawa kes ini adalah kes yang segera dan keputusan itu boleh disegerakan.

Kalau untuk yang lain-lain itu, memang kita tahu bahawa macam ujian biasa itu memang mengambil masa sedikit dan agak lama. Jadi, kita mengambil maklum tentang cadangan Yang Berhormat dan akan cuba memperbaiki perkara ini.

Jadi saya percaya saya telah pun menjawab kebanyakan daripada teguran-teguran dan pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat. Sekiranya kalau tidak, mana-mana yang tidak disentuh pun jangan bimbang kerana pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kesihatan ada di sini dan mereka telah pun mengambil maklum tentang perkara ini.

Kita akan cuba meningkatkan taraf kesihatan di negara kita ini sejajar ataupun setaraf dengan negara-negara maju. Itulah dasar kementerian dan hasrat Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM6,354,128,200 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM6,354,128,200 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,642,883,000 untuk Maksud P.42 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2004 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,642,883,000 untuk Maksud P.42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2004.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi besok.

***Dewan ditangguhkan pada jam 8.34 malam.***

